

**MUKJIZAT BILANGAN DALAM AL-QURAN:
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
BASSAM NIHAD JARRAR DAN
'ABD AL-DA'IM AL-KAHIL**

ABU ZAKI BIN ISMAIL

**AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2017

MUKJIZAT BILANGAN DALAM AL-QURAN:
KAJIAN PERBANDINGAN ANTARA
BASSĀM NIHĀD JARRĀR DAN
‘ABD AL-DĀ’IM AL-KAHĪL

ABU ZAKI BIN ISMAIL

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2017

ABSTRAK

Mukjizat bilangan merupakan lanjutan kepada gagasan teori *i'jāz* al-Quran yang telah diamati oleh para pengkaji dari pelbagai aspek. Ia merupakan hasil tadabbur terhadap al-Quran yang dijamin terpelihara daripada segala kepalsuan. Objektif kajian ini adalah untuk mengenalpasti asal-usul kajian bilangan dan konsep mukjizat bilangan, mengkaji biografi penyelidik utama, karya dan metodologi yang digunakan serta membangunkan piawai yang objektif bagi kajian mukjizat bilangan. Ia difokuskan kepada sejarah kemunculan teori ini dan pada dua penyelidik yang paling banyak menulis tentang mukjizat bilangan iaitu Bassām Nihād Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahil. Karya-karya mereka terkait dengan isu hisab jummal, ramalan dan penggunaan matrik. Kajian tentang asal-usul diperlukan bagi menyemak semula tuduhan bahawa konsep mukjizat bilangan adalah hasil pengaruh dari ajaran sesat atau agama lain berkaitan isu pemujaan nombor dan penggunaan *hisāb jummal*. Penyelidikan kualitatif ini melibatkan metode-metode induktif, deduktif, pensejarahan dan perbandingan. Metode induktif digunakan dalam menganalisis faktor-faktor penolakan teori mukjizat bilangan, menentukan piawai yang objektif untuk mukjizat bilangan dan membina kesimpulan. Metode deduktif pula digunakan untuk menentukan karya mana yang termasuk dalam kategori mukjizat bilangan dalam sorotan kajian dan senarai karya serta menentukan karya mana yang sesuai sebagai bacaan awam. Metode perbandingan antara Bassām dan ‘Abd al-Dā’im melibatkan latar belakang pendidikan, analisis karya-karya, topik-topik yang dibincangkan, kaedah pengiraan dan sumber kajian mereka. Kajian ini mendapati bahawa teori mukjizat al-Quran telah berkembang kepada aspek bilangan hasil perkembangan mashaf al-Quran yang dinomborkan. Kajian-kajian bilangan berkembang pada abad ke 19 ketika manusia telah banyak menggunakan nombor dan menggunakan komputer untuk mengira. Bassām dan ‘Abd al-Dā’im telah menyumbang banyak karya dalam kajian mukjizat bilangan. Penggunaan *hisāb jummal* oleh Bassam tidak menjadi isu kerana ia adalah sistem nombor yang neutral, tetapi menggunakan untuk membuat ramalan perlu dielakkan. Penggunaan matrik oleh ‘Abd al-Dā’im pula menghasilkan banyak penemuan, namun asas kiraan beliau tidak menepati piawai kerana mengira *wāw al-'ayf* sebagai kalimah tersendiri. Justeru itu, penulisan lanjut dalam kajian mukjizat bilangan perlu mematuhi piawai dan persembahannya perlu dipermudahkan agar gagasan mukjizat bilangan ini benar-benar menepati konsep “keajaiban al-Quran yang tidak akan berakhir.” Piawai yang objektif dan lebih ringkas untuk menilai dan menerima kajian mukjizat

bilangan dikemukakan pada akhir kajian. Hakikatnya, proses pematangan dan saringan masih diperlukan dalam kajian-kajian mukjizat bilangan sebagaimana lumrahnya perkara baru dan merupakan sunnah yang digambarkan dalam al-Quran sendiri. Benarlah bahawa kemukjizatan al-Quran akan dapat difahami sepenuhnya oleh orang yang mengamati dan mahir dalam bidang yang berkaitan dengan sudut-sudut kemukjizatannya.

University of Malaya

ABSTRACT

Numerical inimitability is an extension of *I'jāz al-Qur'ān* theory which has been observed by researchers from various aspects. It is the result of *tadabbur* of Quran since it has been guaranteed that Quran is protected from all falsehood. The objective of this study is to identify the origin of the numerical study and the concept of numerical inimitability, to study biography of the main researchers, their works and methodology used and also to develop objective standards for numerical inimitability researches. It focused on the history of theory emergence and two researchers who wrote most on numerical inimitability of Quran who were Bassām Nihād Jarrār and 'Abd al-Dā'im al-Kahīl. Their works involved with the issues of *gematria*, soothsaying and use of matrix. The study of the origin was indispensable to review allegations and the concept of numerical miracle was influenced by deviant sects or other religions doctrine on worshiping sacred numbers and the use of *gematria*. This qualitative research used several methods including inductive, deductive, comparative and historiography. Inductive method used in analyzing factors on the rejection of the numerical miracles theory, defining objective standards and making conclusions. Deductive method was used to determine which works were included in the category of numerical inimitability in the literature review and the work lists, and determine which works suit public reading. Methods of comparison between Bassām and 'Abd al-Dā'im involved with their educational background, analysis of their works, topics discussed, calculation methods and sources of their studies. The study found that the theory of Quran numerical inimitability extended to the numerical aspects as the result of the *mushaf* development and numbering. The numerical studies thrive in the 19th century when human started the use of numbers in life and computers in calculation. Bassām and 'Abd al-Dā'im had contributed a lot of literary works in the study of Quran numerical inimitability. The use of *gematria* by Bassam was not an issue as it was actually a neutral number system, but using it for soothsaying should be avoided. The use of matrix by 'Abd al-Dā'im generated many discoveries, but he did not meet the basic standards since he counted the *wāw al-'aff* as a single word that stands on its own. Thus, further studies on numerical inimitability must comply with the standards and its presentation should be simplified so that the idea of Quran numerical inimitability will meet the concept of "the everlasting miracle of the Quran." The objective and more concise standards to analyse and acknowledge numerical inimitability works was highlighted at the end of the study. In fact,

improvement was still needed in this study as it is natural for all new things. It is the *sunnah* described in the Quran itself. Truly, the inimitability of the Quran will be fully understood by those who observe and specialise in areas related to the Quran miracles aspects.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Bismillāh al-rahman al-rahīm.

Segala puji bagi Allah, dengan-Nya sempurnalah segala kebaikan. Dengan izin dan *inayah*-Nya juga, sempurnalah kajian ini. Saya ucapkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada Prof Dato Dr Mohd Yakub @ Zulkifli bin Mohd Yusoff atas kesediaannya sekali lagi menerima saya sebagai pelajar dan anak seliaan beliau. Minat dan kesungguhan beliau terhadap al-Quran dan kajian berkaitannya telah mendorong saya berkecimpung dalam kajian *Ijāz* al-Quran, khususnya mukjizat bilangan.

Setinggi terima kasih juga kepada pihak Jabatan al-Quran dan al-Hadith yang menerima permohonan saya untuk melanjutkan pengajian di jabatan tersebut, khususnya Ketua Jabatan, Dr Monika @ Munirah binti Abdul Razzak dan mantan ketua jabatan, Dr Faisal Ahmad Shah yang membuka jalan serta menentukan penyelia yang pakar dalam bidang berkaitan. Penghargaan buat para pemeriksa, Dr Monika @ Munirah binti Abdul Razzak, Prof Dr Yunahar Ilyas dan Prof Dr Asyraf Ab Rahman kerana telah menambah baik kandungan dan susun atur penulisan ini.

Ucapan penghargaan dan *jazakum Allāh khayran kathiran* juga ditujukan kepada al-Ustaz Bassām Nihād Jarrār dan Ir. ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl yang sudi memberikan maklum balas terhadap kajian ini, terutama membekalkan buku-buku kajian secara percuma melalui laman web masing-masing iaitu Markaz Nūn dan Kaheel 7.

Penghargaan dan terima kasih juga buat rakan-rakan sekerja dan sepengajian yang sering berkongsi pengalaman, suka-duka, *tips* dan bahan rujukan sepanjang tempoh pengajian. Mereka adalah Ustaz Shaharuddin Pangilun, Ustaz Ikmal Zaidi Hasyim, Ustazah Nora’inan Bahari, Ustazah Azizah Rapini, Ustaz Zaidul Amin, Ustaz Mahfuz Jaafar, Ustaz Nushi Mahfodz, Dr. Saifulah Samsuddin, Dr. Sayrul Azman, Ustazah Sahlawati (para pensyarah KUIS), Dr. Zainora Daud (KUIS-USIM), Dr Mohd Hisyam Bin Abdul Rahim (UTHM) dan lain-lain.

Tidak lupa buat isteri dan anak-anak yang terpaksa ditinggalkan dalam waktu tertentu untuk mendapatkan persekitaran lebih kondusif serta membenihkan idea dan kesimpulan.

Semoga kalian berkongsi ganjaran daripada kajian dan penulisan yang diharapkan turut menyumbang mengayakan khazanah ilmu umat, khusus berkait dengan kalam *ilahi*.

al-‘abd al-faqīr al-haqīr Abū Muḥammad.

JADUAL KANDUNGAN

PERAKUAN	ii
ABSTRAK	iii
PENGHARGAAN	vii
JADUAL KANDUNGAN	ix
SENARAI GAMBAR	xvi
SENARAI JADUAL	xvii
PANDUAN TRANSLITERASI	xix
SENARAI SINGKATAN	xx
SENARAI LAMPIRAN	xxi
GLOSARI	xxii

BAB 1: PENGENALAN	1
Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang	1
1.2 Pengertian Istilah Dalam Tajuk	3
1.2.1 Mukjizat	3
1.2.2 Mukjizat Bilangan	4
1.2.3 Kajian Perbandingan	4
1.2.4 Bassām Nihād Jarrār	4
1.2.5 ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl	5
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Persoalan Kajian	10
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kepentingan Kajian	11
1.7 Skop Kajian	11
1.8 Sorotan Kajian Lepas	12
1.9 Metodologi Penyelidikan	18
1.9.1 Sumber Data	18
1.9.1.1 Buku	18
1.9.1.2 Jurnal	18

1.9.1.3 Tesis dan Disertasi.....	19
1.9.1.4 Kertas Persidangan	19
1.9.1.5 Carta.....	19
1.9.1.6 Laman Sesawang	19
1.9.2 Analisis Data.....	20
1.9.2.1 Metode Induktif.....	20
1.9.2.2 Metode Deduktif.....	20
1.9.2.3 Metode Perbandingan	21
1.9.2.4 Metode Pensejarahan	21
1.10 Kesimpulan	21
 BAB 2: ASPEK-ASPEK MUKJIZAT DALAM AL-QURAN	22
Pendahuluan	22
2.1 Mukjizat dan <i>I'jāz</i>	22
2.2 Kepentingan dan Tujuan Mukjizat.....	26
2.3 Ciri dan Syarat Mukjizat	27
2.4 Konsep Al-Quran Sebagai Mukjizat	32
2.4.1 Al-Qur'an Mukjizat Dari Aspek Bahasa	33
2.4.2 Al-Qur'an Sebagai Mukjizat <i>Ma'nawi</i>	33
2.5 Konsep <i>I'jāz al-Qur'an</i>	38
2.5.1 Cabaran Al-Qur'an.....	39
2.5.2 Respon Terhadap Cabaran	42
2.5.3 Asal-Usul Istilah <i>I'jāz Al-Qur'an</i>	45
2.5.4 Konsep <i>al-Sarfah</i> Sebagai Asas <i>I'jāz</i>	46
2.5.5 Karya Awal Tentang <i>I'jāz al-Qur'an</i>	48
2.6 Kepelbagai Aspek Mukjizat Al-Quran	49
2.6.1 <i>I'jāz Bayāni</i>	49
2.6.2 <i>I'jāz Ghaybi</i>	52
2.6.3 <i>I'jāz Ta'thīri</i>	54
2.6.4 <i>I'jāz 'Ilmi</i> (<i>Tajribi</i>)	56
2.6.5 <i>I'jāz Tashrī'i</i>	57
2.6.6 <i>I'jāz 'Adadi</i>	58
2.6.7 <i>I'jāz Rasm</i>	59

2.6.8 <i>I'jāz Tilāwah</i>	62
2.7 Kesimpulan.....	65
BAB 3: KAJIAN BILANGAN SEBAGAI SALAH SATU MUKJIZAT AL-QURAN	66
Pendahuluan	66
3.1 Bilangan dan Al-Quran	66
3.2 Asal-Usul Kajian Bilangan.....	69
3.2.1 Asal-Usul Kiraan Dalam Al-Quran.....	69
3.2.2 Asal-Usul Tafsir Berdasarkan Bilangan Dan Kiraan	72
3.2.2.1 Tafsiran Sembilan Belas (Pada Zaman Sahabat)	72
3.2.2.2 Signifikan Bilangan Menurut Hadis	73
3.2.2.3 Tafsiran dan Penentuan <i>Laylah al-Qadr</i> (Zaman Sahabat).	76
3.2.2.4 Tafsiran Seribu Bulan (Zaman Tabi‘in) – 167H	77
3.2.3 Asal-Usul Konsep Mukjizat Bilangan.....	79
3.2.3.1 Idea Terawal.....	79
3.2.3.2 Penomboran Al-Quran.....	80
3.2.3.2.1 Pengamatan Sejarah.....	80
3.2.3.2.2 Penomboran dan Mesin Cetak.....	86
3.2.3.2.3 Percetakan Mashaf dan Penomboran Ayat	89
3.2.3.3 Kamus Indeks Lafaz Al-Quran	95
3.2.3.4 Penciptaan Komputer.....	98
3.2.3.5 Gagasan Teori Mukjizat Bilangan.....	99
3.2.3.6 Kronologi Perkembangan Mashaf dan Gagasan Mukjizat Bilangan	104
3.2.4 Asas Dalam Syariat	111
3.3 Terminologi Berkaitan Mukjizat Bilangan.....	113
3.3.1 Istilah-istilah	113
3.3.2 Pertikaian Tentang Istilah	115
3.3.2.1 Istilah Mukjizat	115
3.3.2.2 Istilah Bilangan	117
3.4 Keprihatinan Umat Terhadap Mukjizat Bilangan.....	118
3.5 <i>Rasm ‘Uthmāni</i> , Susunan Ayat dan Surah serta Hubungannya Dengan Mukjizat Bilangan	120
3.6 Bentuk-bentuk Kajian Bilangan.....	121

3.6.1 Bilangan Surah, Ayat, Kalimah dan Huruf.....	122
i. Bilangan Surah.....	122
ii. Bilangan Ayat	122
iii. Bilangan Kalimah	123
iv. Bilangan Huruf.....	123
3.6.2 Susunan Surah dan Ayat.....	123
3.6.3 Kalimah-kalimah Yang Berulang	124
3.6.4 Nilai Angka Abjad	125
3.6.5 Bilangan Tertentu Dalam Al-Qur'an.....	126
3.6.6 Huruf-huruf Pembukaan Surah(<i>Fawātiḥ Suwar</i>).....	128
3.7 Piawai Dalam Kajian Mukjizat Bilangan.....	128
3.8 Kritik Terhadap Teori Mukjizat Bilangan.....	130
3.8.1 Kritik Terhadap Istilah <i>I'jāz</i>	130
3.8.2 Kritik Terhadap Kaedah Pengiraan	130
3.8.3 Kurang Dukungan Pakar Bidang	134
3.8.4 Terpalit dengan Ajaran Sesat dan Agama Lain	137
3.8.5 Eksloitasi dan Penyelewengan Dalaman	142
3.9 Karya dan Kajian Tentang Mukjizat Bilangan	143
3.10 Kesimpulan	146

BAB 4: BIOGRAFI BASSĀM NIHĀD JARRĀR DAN ‘ABD AL-DĀ’IM AL-KAHĪL	149
Pendahuluan	149
4.1 Bassām Jarrār	149
4.1.1 Kelahiran.....	149
4.1.2 Keluarga Jarrār	150
4.1.3 Pendidikan	150
4.1.4 Guru-guru	151
4.1.5 Kerjaya.....	151
4.1.6 Kesarjanaan dan Aktiviti Akademik	151
4.1.7 Markaz Nūn dan Laman Webnya	152
4.1.8 Perjuangan Palestin	154
4.1.9 Karya	154

4.1.10 Karya Dalam Mukjizat Bilangan.....	156
4.2 ‘Abd al-Dā’im al-Al-Kahīl	162
4.2.1 Kelahiran.....	162
4.2.2 Pendidikan	163
4.2.3 Kesarjanaan dan Aktiviti Akademik	163
4.2.4 Karya Dalam Mukjizat Bilangan	164
4.2.5 Karya Lain	170
4.2.6 Laman Web www.kaheel7.com	176
4.3 Hubungan Antara Bassām Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl.....	177
4.4 Perbezaan Persekutaran dan Latar Belakang Pendidikan	178
4.4.1 Persekutaran.....	178
4.4.2 Pendidikan	179
4.5 Sumber-sumber Kajian.....	180
4.5.1 Sumber Kajian Bassām Jarrār	180
i. Sumber ‘Ulūm al-Qur’ān dan Tafsir	181
ii. Sumber Rujukan Lain.....	181
4.5.2 Sumber Kajian ‘Abd al-Dā’im	184
i. Sumber Ulum al-Qur’ān dan Tafsir	184
ii. Sumber Rujukan Lain.....	185
4.6 Kesimpulan	186

BAB 5: ANALISIS PERBANDINGAN METODOLOGI BASSĀM DAN ‘ABD AL-DĀ’IM DALAM MUKJIZAT BILANGAN	187
Pendahuluan	187
5.1 Metodologi Bassām Jarrār	187
5.1.1 <i>Hisāb Jummāl</i>	191
5.1.1.1 Asal-Usul <i>Hisāb Jummāl</i>	192
5.1.1.2 Beberapa Versi <i>Hisāb Jummāl</i>	196
5.1.1.3 Penggunaan <i>Hisāb Jummāl</i>	198
5.1.1.4 Penggunaan Bassām	203
5.1.1.5 Pandangan Ulama Tentang <i>Hisāb Jummāl</i>	205
5.1.1.6 Penilaian Berdasarkan Nas.....	206
5.1.1.7 Hubungan <i>Hisāb Jummāl</i> Dengan Bahasa Al-Qur’ān.....	210

5.1.2 Kaedah Penyampaian Bassām	211
5.2 Metodologi ‘Abd al-Dā’im.....	212
5.2.1 Matrik Dalam Al-Qur’ān	217
5.1.5.1 Matrik Dibahagi Tujuh	218
5.1.5.2 Matrik Dengan <i>Binary</i>	220
5.1.5.3 Gabungan Sistem Kanan dan Kiri	221
5.1.5.4 Sebab Memilih Kaedah Matrik	221
5.2.2 Kaedah Penyampaian ‘Abd al-Dā’im.....	222
5.3 Topik-topik Yang Dibincangkan	223
5.3.1 Konsep <i>I’jāz ‘Adadī</i>	223
5.3.2 Kepentingan Mukjizat Bilangan	224
5.3.3 Piawai Mukjizat Bilangan.....	226
5.3.4 Bilangan Tujuh.....	228
5.3.4.1 Bassām dan Bilangan Tujuh.....	229
5.3.4.2 ‘Abd al-Dā’im dan Bilangan Tujuh.....	230
5.3.5 Bilangan 19	232
5.3.6 Komentar Terhadap Rashād Khalīfah	233
5.3.7 Huruf-huruf Awal Surah.....	234
5.3.8 Susunan Surah dan Ayat	237
5.3.8.1 Analisis Bassām	237
5.3.8.2 Analisis ‘Abd al-Dā’im.....	240
5.3.9 Ramalan Berdasarkan Bilangan	243
5.3.10 Jadual Perbandingan Topik-topik.....	246
5.4 Perkara Yang Disepakati	248
5.5 Perkara Yang Berbeza	249
5.6 Kesimpulan	250
 BAB 6: PENUTUP	 252
6.1 Kesimpulan	252
6.1.1 Konsep Mukjizat dan Teori Mukjizat Bilangan	252
6.1.2 Peranan Dua Penyelidik Bassām Nihād Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl	255
6.1.3 Kategori Kajian Mukjizat Bilangan.....	257
6.2 Saranan	258

6.2.1 Piawai Mukjizat Bilangan Yang Disarankan	259
6.2.2 Karya Yang Disarankan Untuk Bacaan	260
6.2.2.1 33 <i>Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’ānī</i>	261
6.2.2.2 <i>al-Muqtāṣaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadi</i>	265
RUJUKAN	269
LAMPIRAN	286

SENARAI GAMBAR

Gambar 1: Pelbagai mashaf dari abad dari ke 12 - 19 M dan dari pelbagai negara.	83
Gambar 2: Mashaf lama dari Perpustakaan Masjid Nabawi.	84
Gambar 3 : al-Quran Diraja, Terengganu 1871 M / 1288 H.	85
Gambar 4: Petikan skrin pada Tafsīr Murāḥ Labīd, 1305.....	87
Gambar 5: Petikan <i>Tafsīr al-Alūsī, Rūh al-Ma‘ānī</i> , 1353 Hijrah / 1934 Masihi.	88
Gambar 6: <i>Muṣṭafā al-Mukhallalātī</i> , 1308 H / 1891 M.....	91
Gambar 7: <i>Muṣṭafā al-Malik Fu’ād</i> , 1342 H bersamaan 1923 M.	93
Gambar 8: <i>Muṣṭafā al-Malik Fu’ād, halaman surah al-Baqarah.</i>	94
Gambar 9: <i>Nujūm al-Furqān fī Aṭrāf Al-Qur’ān</i> oleh Gustav Flügel, 1842 M.....	95
Gambar 10: <i>al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān</i> , M. Fu’ād ‘Abd al-Bāqī 1939 M. 97	97
Gambar 11: Bassām Nihād Jarrār dalam ceramahnya.	150
Gambar 12: Laman sesawang <i>Markaz Nūn</i>	153
Gambar 13: ‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl dalam rancangan televisyen.	163
Gambar 14: Laman sesawang Kaheel, versi Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.....	177
Gambar 15: Manuskrip al-Quran Kurun Ke 2 H di Tashkent, Uzbekistan.....	215
Gambar 16: Teks Arab dan nombornya.	240
Gambar 17: Teks Arab dan nombornya.	242
Gambar 18: Contoh 1 kandungan buku 33 <i>Iktishafan, waṣaṭiyah</i> ayat 143, al-Baqarah. .262	.262
Gambar 19: Contoh 2 kandungan buku 33 <i>Iktishafan</i> , umur Rasulullah SAW.	263
Gambar 20: Petikan buku <i>al-Muqtataf</i> ; nama Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS	267

SENARAI JADUAL

Jadual 1: Kiraan dalam tasbih iktidal solat.....	75
Jadual 2: Kiraan kalimah dalam tasbih iktidal	76
Jadual 3: Catatan taip semula sebuah mashaf di Masjid Nabawi.	84
Jadual 4: Catatan taip semula mashaf al-Quran Diraja, Terengganu.....	86
Jadual 5: Petikan <i>Tafsīr Murāh Labīd</i> karya Muḥammad Nawawī Banten 1305.	87
Jadual 6: Kronologi Sejarah Mashaf dan Kajian Bilangan.	104
Jadual 7: Bilangan yang ada dalam teks al-Quran.....	126
Jadual 8: Pengarang dan karya dalam mukjizat bilangan	144
Jadual 9: Nilai angka abjad	192
Jadual 10: Susunan perbandingan abjad	193
Jadual 11: Nilai angka Syriani (Eṣṭrangelā)	193
Jadual 12: Nilai angka Syriani (Serṭa)	194
Jadual 13: Nilai angka Syriani (Madnhāyā)	194
Jadual 14: Sebahagian huruf Hebrew yang diberi nilai angka	195
Jadual 15: Sistem huruf Greek dengan nilai angkanya.	196
Jadual 16: Nilai kalimah Muḥammad (محمد) mengikut <i>hisāb jummal kabīr</i> (besar).....	197
Jadual 17: Nilai <i>sullam</i> (tangga) sama dengan nilai <i>sinai</i>	199
Jadual 18: Nilai angka <i>fī al-mishmish</i>	201
Jadual 19: Nilai angka dua masjid.	203
Jadual 20: Kiraan <i>hisāb jummal</i> oleh pemimpin Yahudi terhadap <i>fawātiḥ</i> al-Quran.....	206
Jadual 21: Analisis teks manuskrip al-Quran Tashkent.	216
Jadual 22: Matrik Basmalah	218
Jadual 23: Matrik <i>innā</i> dan <i>laḥāfiẓūn</i>	219
Jadual 24: Matrik ayat 9, surah al-Hijr.	219
Jadual 25: Matrik dan <i>binary</i> huruf <i>alif</i> dalam ayat 9, surah al-Hijr.	220
Jadual 26: Matrik dan <i>binary</i> huruf <i>nūn</i> dalam ayat 9, surah al-Hijr.....	221
Jadual 27: Nilai <i>jummal</i> kalimah haji.	229
Jadual 28: Kalimah dan huruf dalam ayat haji.	229
Jadual 29: Jumlah huruf <i>fawātiḥ</i>	236
Jadual 30: Keseimbangan surah Maryam dan Śād berdasarkan <i>hisāb jummal</i>	236

Jadual 31: Keseimbangan 114 surah.....	238
Jadual 32: Kedudukan surah tanpa <i>fawātiḥ</i> dalam susunan.	240
Jadual 33: Ayat hampir serupa.	241
Jadual 34: Matrik ayat serupa.....	241
Jadual 35: Kalimah <i>bi ḥamdiḥ</i> dalam al-Quran.	242
Jadual 36: Ringkasan analisis perbandingan antara kedua penyelidik.	248
Jadual 37: Hujah penolakan dan penemuan.	254

PANDUAN TRANSLITERASI

Di dalam mengeja perkataan-perkataan bahasa Arab dalam ejaan rumi, transliterasi berikut digunakan:

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ز	z	ق	q
ب	b	س	s	ك	k
ت	t	ش	sh	ل	l
ث	th	ص	ṣ	م	m
ج	j	ض	ḍ	ن	n
ح	ḥ	ط	ṭ	و	w
خ	kh	ظ	ẓ	ه	h
د	d	ع	‘	ء	,
ذ	dh	غ	gh	ي	y
ر	r	ف	f	ة	t

2. Vokal:

Pendek		Panjang		Diftong	
ـ	a	ـ	ā	ـ	ay
ـ	i	ـ	ī	ـ	aw
ـ	u	ـ	ū		

SENARAI SINGKATAN

AS	<i>'Alayh al-salām</i>
cet	cetakan
dkk	dan kawan-kawan (penulis-penulis lain)
et. al	dan penulis-penulis lain
H	Hijrah
SH	Sebelum Hijrah
Juz	juzuk
l.	Lahir pada tahun
m.	Mati pada tahun
M	Masihi
No	Nombor
RA	<i>raḍiya Allāh 'anh</i>
RAH	<i>raḍiya Allāh 'anhum</i>
SAW	<i>ṣallā Allāh 'alayh wa sallam</i>
SWT	<i>subḥānah wa ta'ālā</i>
t.pt.	tanpa penerbit
t.t.	tanpa tarikh
t.tp.	tanpa tempat
terj.	Terjemahan
vol	volume
+	atau tahun-tahun selepasnya
-	atau tahun-tahun sebelumnya

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A: Mukasurat terakhir <i>Mushaf al-Mukhallalātī</i> , 1891 M.....	286
LAMPIRAN B: <i>Mushaf al-Malik Fu'ād</i> 1923 M.	287
LAMPIRAN C: Catatan pada <i>Muṣṭafā al-Malik Fu'ād</i>	288
LAMPIRAN D: Penubuhan Lajnah Mukjizat Bilangan & Seminar, Morocco 2008.....	289
LAMPIRAN E: Seminar Antarabangsa Mukjizat Bilangan Ke 3, 2012, Kuala Lumpur ..	290
LAMPIRAN F: Senarai perwakilan Lajnah Antarabangsa Mukjizat Bilangan.	291
LAMPIRAN G: <i>Mu'jam Alfāz al-Qur'ān</i> , Muḥammad Fu'ād 'Abd Al-Bāqī	292
LAMPIRAN H: <i>Nujūm al-Furqān fī Aṭrāf Al-Qur'ān</i> , Gustavus Flügel	293
LAMPIRAN I: <i>al-Mu'jam al-Shāmil</i> , 'Abdullāh Jalghūm	294
LAMPIRAN J: Kandungan <i>Mu'jam 'Abdullāh Jalghūm</i>	295
LAMPIRAN K: Perisian komputer <i>hisāb jummāl</i>	296
LAMPIRAN L: 33 <i>Iktishāfan fī Ijāz al-'Adad</i> ..., 'Ubayd Sulaymān al-Ja'iḍī.....	297
LAMPIRAN M: <i>al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-Ijāz al-'Ādādī</i> , Bassām Jarrār	298
LAMPIRAN N: Karya Caner Taslamān tentang mukjizat al-Quran.....	299
LAMPIRAN O: <i>Allāh wa al-'Ilm al-Hadīth</i> , 'Abd al-Razzāq Nawfal.....	300
LAMPIRAN P: Surat kepada perpustakaan Universiti Umm al-Qurā	301
LAMPIRAN Q: Emel-emel Bassām Nihād Jarrār.....	302
LAMPIRAN R: Emel-emel 'Abd al-Dā'im al-Kahīl	309

GLOSARI

<i>Binary</i>	Sistem perduaan dalam bilangan, sama ada wujud atau tidak sahaja. Jika wujud, ia dicatat sebagai 1 dan jika tiada dicatat sebagai 0.
<i>Fāsilah</i> (dan <i>fawāṣil</i>)	Kalimah terakhir dalam setiap ayat al-Quran. Asalnya ia adalah tempat berhenti bacaan oleh malaikat Jibril yang kemudian dijadikan asas penentuan ayat dan bilangan ayat.
<i>Fawātiḥ</i>	Huruf <i>fawātiḥ</i> ; huruf-huruf yang tidak membentuk kalimah dan dibaca secara terpisah dengan menyebut nama huruf, terletak di awal 29 surah dalam al-Quran. Juga dikenali sebagai huruf <i>muqatṭa ‘ah</i> dan huruf <i>nurāni</i> .
<i>Hisāb jummal</i>	Sistem angka atau bilangan diwakili oleh huruf, atau huruf mewakili bilangan atau nombor.
<i>I‘jāz</i>	Keajaiban, keluar-biasaan, ketidak-boleh-tandingan, mukjizat.
<i>Ijtihādī</i>	Sesuatu yang ditentukan oleh manusia (para ulama) berdasarkan ijтиhad mereka
Matrik	Susunan nombor yang diatur tanpa terikat dengan jumlah, tidak dijumlahkan.
Mashaf dan <i>mushaf</i>	Lembaran kertas yang ditulis padanya ayat-ayat al-Quran dan dijilidkan.
Qiraat	Cara bacaan al-Quran berdasarkan riwayat. Ada beberapa cara bacaan yang berbeza.
<i>Sarrafah</i>	Pemalingan; Allah memalingkan perhatian manusia untuk meniru dan menandingi al-Quran, akal mereka dipalingkan dari melakukannya.
<i>Tawfiqī</i>	Sesuatu yang ditentukan oleh manusia tetapi kelihatan sesuai lalu dianggap berlaku dengan hidayah atau hasil ilham dari Allah SWT.
<i>Tawqīfī</i>	Sesuatu yang dihukumkan tetap dan tiada perbahasan atau perbezaan pendapat tentangnya kerana telah ditentukan oleh Allah atau dijelaskan oleh Rasulullah SAW.

BAB 1: PENGENALAN

Pendahuluan

Al-Quran sebagai wahyu dan kitab terakhir yang diturunkan sebagai panduan untuk manusia seluruhnya telah dijadikan sebagai mukjizat secara langsung walaupun selepas kewafatan Rasulullah SAW, pembawa risalah kitab ini. Tidak seperti kitab-kitab sebelumnya, al-Quran memiliki keistimewaan kerana ia terus terjamin dari aspek keaslian, kebenaran, kesempurnaan dan tidak ada kelemahan padanya. Oleh itu, ia mengagumkan pembacanya dan melemahkan (*a'jaza*) mereka untuk meniru kehebatannya walaupun selepas al-Quran sendiri mencabar manusia melakukannya. Sifat “melemahkan yang lain” yang dinamakan mukjizat al-Quran (*I'jāz al-Qur'ān*) ini menjadi salah satu hujah utama kebenarannya. Ia melemahkan seluruh makhluk untuk menandinginya atau mencipta karya seumpamanya, justeru ia adalah kalam Allah SWT, Pencipta seluruh alam ini sendiri.

Para ulamak sepanjang zaman telah mengemukakan pelbagai aspek kemukjizatan al-Quran termasuk *al-i'jāz al-bayāni*, *al-i'jāz al-ghaybi*, *al-i'jāz al-tashrī'i* dan *al-i'jāz al-'ilmī*. Abad ke 20 dan 21 Masihi yang menyaksikan ledakan penemuan saintifik menjadikan sudut utama yang menjadi kekuatan al-Quran mendepani manusia semasa adalah mukjizat saintifik (*i'jāz 'ilmī*). Manakala dengan teknologi pengiraan, komputer, multimedia dan dunia digital pula, mukjizat bilangan (*i'jāz 'adadi* atau *i'jāz raqamī*) muncul sebagai salah satu cabang mukjizat saintifik.

Bab ini akan menghuraikan tentang pengertian tajuk, huraian persoalan kajian, objektif serta metode-metode yang digunakan. Sorotan kajian lepas juga dihuraikan bagi menentukan jurang kajian yang diperlukan.

1.1 Latar Belakang

Mukjizat bilangan mula menjadi topik kajian berkaitan al-Quran sejak separuh masa kedua kurun ke 20. Secara spesifik, *Badi'* al-Zamān Sa'īd Nursī dipercayai adalah tokoh terawal

mencetuskan idea ini melalui Risalah Nur (*Rasā'il al-Nūr*) walaupun beliau tidak mencipta isitilahnya.

Selepas itu, dengan bantuan teknologi moden, pelbagai penemuan bilangan dalam al-Quran mula timbul dan pelbagai karya diterbitkan bermula dengan ‘Abd al-Razzāq Nawfal yang mencetuskan istilah mukjizat bilangan (*i'jāz 'adadī*) melalui buku *al-I'jāz al-'Adadī li al-Qur'ān al-Karīm* (terbit pada tahun 1976 M) dan *Mu'jizah al-Arqām wa al-Tarqīm fī al-Qur'ān al-Karīm* (terbit pada tahun 1982 M). Kemudian penulisan mengenai mukjizat bilangan semakin berkembang dan melibatkan ramai penulis dan pelbagai karya.

Namun, konsep mukjizat bilangan menghadapi konflik antara para penyelidik yang mendukungnya dan para pengkritik yang menolaknya. Kemuncak penolakan ini adalah kesan dari karya oleh Rashād Khalīfah (seorang doktor falsafah dalam bidang kimia sintetik) dalam karyanya *Mu'jizah al-Qur'ān al-Karīm* (1983). Ia mengandungi pelbagai kesilapan kiraan dan kaedah mengira. Lebih memburukkan lagi, penemuan beliau ini dijadikan sandaran untuk mendakwa dirinya seorang rasul Tuhan⁵ dan mengakibatkan munculnya aliran yang menentang keras konsep mukjizat bilangan secara umum.⁶ Selain dari itu, isu pemujaan angka dan kaitan dengan ajaran sesat turut mewarnai kritikan terhadap konsep mukjizat baru ini.

Walaubagaimanapun, kajian dalam topik ini terus berkembang dengan pelbagai karya yang ditulis dari masa ke semasa sehingga kemunculan dua tokoh mutakhir yang banyak mengkaji dan menerbitkan karya tentang mukjizat bilangan iaitu Bassām Nihād Jarrār seorang pendakwah dan sarjana dalam bidang syariah warga Palestin dan ‘Abd al-Dā'im al-Kahīl, seorang jurutera warga Syria dan penyelidik dalam kajian mukjizat bilangan.

Kajian ini membandingkan antara dua tokoh ini dari aspek sumbangan dan metodologi mereka ke arah menentukan kaedah dan asas-asas penting dalam kajian mukjizat bilangan al-Quran.

⁵ Bassām Nihād Jarrār, *I'jāz al-Raqam 19 fī al-Qur'ān al-Karīm, Muqaddimāt Tantażir al-Natā'iż*, (al-Mu'assasah al-Islāmiyyah 2004), 21.

⁶ Dhū al-Kifl & Ahmad Qāsim Kassār, *Manhajiyah al-Buhūth al-'Ilmiyyah fī al-I'jāz al-'Adadī li al-Qur'ān al-Karīm. Dirāsah Wasfiyyah*, (Markaz Buhūth al-Qur'ān, Jāmi‘ah Malāyah, 2010): 6.

1.2 Pengertian Istilah Dalam Tajuk

Berikut adalah huraian terminologi yang digunakan dalam tajuk penyelidikan ini:

1.2.1 Mukjizat

Mukjizat adalah kata pinjaman yang berasal dari kalimah bahasa Arab *mu'jizah* (مُعْجِزَةٌ) dalam bentuk *fā'il* (pelaku). Ia berasal dari kata kerja *a'jaza* (أَعْجَزَ) yang bererti melemahkan. Kata terbitannya pula adalah *i'jāz* (إِعْجَازٌ) iaitu perihal melemahkan. Ibn Manzūr memberi erti *i'jāz* sebagai menghilangkan atau mendahului.⁷ Oleh itu, *mu'jizah* dengan kedudukan sebagai kata pembuat bererti sesuatu yang melemahkan, menghilangkan atau mendahului.

Mukjizat dalam kamus Melayu adalah kejadian (dan perkara - penulis) luar biasa kurniaan Allah kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran mereka.⁸ Ia sama dengan pengertian istilah bagi kalimah *mu'jizah* dalam bahasa Arab dan pengajian Islam. Antaranya adalah definisi berikut:

“perkara luar biasa atau ganjil yang dikurniakan Allah kepada para nabi dan rasul ... melemahkan orang lain untuk menandinginya ... untuk menjelaskan kepada manusia tentang kebenaran dakwaannya sebagai nabi dan rasul.”⁹

Ia didefinisikan pula oleh kamus Arab yang tidak terikat dengan pengajian Islam sebagai perkara mencarik adat (luar biasa – penulis) yang melemahkan manusia untuk menandingi atau menirunya.¹⁰

Dalam konteks kajian ini, makna mukjizat yang digunakan adalah merujuk kepada kata terbitan *i'jāz*. Jika diterjemahkan secara literal, ia bererti kemukjizatan. Justeru itu,

⁷ Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram, *Lisān al-'Arab*, (Beirut: Dār Ṣādir), 5, 369.

⁸ Noresah Baharom dkk, *Kamus Dewan Edisi Ketiga*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002), 905.

⁹ Dusuki Ahmad, *Kamus Pengetahuan Islam*, (Kuala Lumpur: Utusan Publication, 2012), 583.

¹⁰ Luwīs Ma'īuf, *al-Munjid fi al-Lughah wa al-Adab wa al-'Ulūm*, (Maktabah Kathūlīkiyyah, cetakan ke 18), 488.

makna mukjizat yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah kehebatan dan keajaiban yang meleahkan orang lain untuk menirunya.

1.2.2 Mukjizat Bilangan

Bilangan berasal dari kata bilang yang bererti hitung atau kira. Ia dikaitkan dengan jumlah banyak barang. Bilangan pula adalah jumlah benda yang terkumpul atau hitungan.¹¹ Bilangan adalah terjemahan paling tepat kepada perkataan ‘*adad*’ yang digunakan dalam terminologi *i’jaz ‘adadi*, konsep asal topik ini dalam bahasa Arab.

Pilihan lain adalah kata ‘angka’. Namun angka bererti tanda atau lambang yang menunjukkan bilangan atau jumlah sesuatu. Ia sinonim dengan nombor (Bahasa Inggeris: *number*)¹². Dalam bahasa Arab, ia menepati terjemahan bagi perkataan *raqam* (رَقْمٌ). Oleh itu, mukjizat bilangan bermaksud keajaiban, kehebatan dan ketidak-boleh-tandingan al-Quran yang berkait dengan aspek bilangan, hitungan dan susunan.

1.2.3 Kajian Perbandingan

Kajian bermaksud kegiatan, usaha dan proses menyelidik dan meneliti dengan mendalam atau terperinci.¹³ Perbandingan pula adalah perimbangan dan persamaan. Ia berasal dari kata kerja banding dan membanding yang bererti melihat atau menunjukkan perbezaan dan persamaan antara dua benda (atau orang).¹⁴ Frasa dua kalimah ini bermaksud kegiatan menyelidik dengan mendalam untuk melihat perbezaan dan persamaan antara dua tokoh.

1.2.4 Bassām Nihād Jarrār

Beliau adalah seorang pendakwah dan sarjana dalam bidang syari’ah berbangsa Palestin dan berasal dari keluarga Jarrār, sebuah keluarga besar dan berperanan dalam sejarah

¹¹ *Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM)*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2017), akses 31 Mei 2017, <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=bilangan>.

¹² Noresah, *Kamus Dewan*, 48.

¹³ Noresah, *Kamus Dewan*, 560.

¹⁴ Noresah, *Kamus Dewan*, 100.

Palestin. Beliau juga merupakan ahli Ikatan Ulama Palestin dan pengarah Markaz Nūn (Pusat Penyelidikan dan Pengajian al-Quran bernama Nūn, sempena surah Nūn yakni surah al-Qalam). Maklumat tentang pusat ini dapat diakses di alamat www.islamnoon.com. Selain itu, beliau juga merupakan pensyarah di Kolej Komuniti Ramallah.

1.2.5 ‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl

Beliau merupakan seorang jurutera berbangsa Syria, melakukan banyak penyelidikan dalam kajian mukjizat bilangan dan telah menulis sebuah ensiklopedia dengan judul *Mawsū ‘ah al-l’jāz al-Raqamī* (Ensiklopedia Mukjizat Bilangan). Beliau juga adalah pemilik laman sesawang “Secrets of Quran Miracles” yang boleh diakses di alamat www.kaheel7.com.

Berdasarkan huraian-huraian di atas, tajuk kajian ini bermaksud satu penyelidikan yang membandingkan antara dua tokoh mengenai keajaiban dan kehebatan al-Quran yang berkait dengan aspek bilangan, hitungan dan susunannya.

1.3 Pernyataan Masalah

Mukjizat al-Quran bermaksud perkara luar biasa yang ada pada al-Quran, kehebatan dan keajaiban yang melemahkan orang lain untuk menirunya serta membuktikan kebenarannya. Apabila mukjizat al-Quran dinisbahkan kepada angka, ia bererti perkara luar biasa, kehebatan dan keajaiban yang terdapat pada tanda atau lambang yang menunjukkan bilangan atau jumlah sesuatu yang ada pada al-Quran; dengan sifatnya melemahkan orang lain untuk menirunya serta membuktikan kebenaran al-Quran.

Al-Quran dengan segala kekuatan dan kehebatannya telah dibentangkan oleh Allah SWT, Penciptanya sendiri kepada seluruh manusia dan jin. Allah SWT menjamin bahawa kitab ini tidak punya sebarang kecacatan mahupun kepalsuan, seperti dinyatakan dalam firman-Nya:

لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ حَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ

Fuṣṣilat 41: 42

Maksudnya: “Ia (al-Quran) tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari hadapan mahupun belakangnya; Ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.”

Bahkan, Allah SWT menegaskan kekuatan, keistimewaan dan kehebatan kitab ini dengan mencabar manusia dan jin untuk mendatangkan suatu kitab seumpamanya, atau satu surah seumpamanya; sehingga nyatalah kelemahan manusia dan jin untuk melakukannya. Justeru, ia telah mendorong para ulama untuk melihat kehebatan al-Quran dari pelbagai sudut termasuk aspek bilangan dan kiraan di dalamnya.

Apabila menyentuh tentang pengiraan dan bilangan, al-Quran sendiri mengungkap tentang pentingnya kiraan, bilangan dan angka. Ini termasuklah soal kiraan pusingan matahari dan bulan، عَدَدُ السَّيْنِينَ وَالْجَسَابِ (Yūnus 10: 5 dan al-Isrā’ 17: 12), kiraan ‘iddah لا يُغَادِرُ صَغِيرَةً (al-Ṭalāq 65: 1), hitungan setiap amalan dalam buku catatan amal، وَأَحْصُوا الْعَدَةَ (al-Kahf 18: 49), kiraan tempoh، وَلَا كَبِيرَةً إِلَّا أَحْصَاهَا (18: 12) dan lain-lain.

Maka salah satu aspek yang dilihat oleh umat manusia di dalam kitab Allah ini adalah aspek tersebut. Justeru, para ulama telah membuat hitungan terhadap bilangan surah, ayat, huruf dan titik dalam al-Quran, sebelum menyentuh tentang rahsia di sebaliknya. Antara yang awal membicarakan tentang bilangan-bilangan ini adalah karya-karya seperti ‘Adad Āy al-Qur’ān¹⁵, Tanzīl al-Qur’ān wa ‘Adad Āyātih wa Ikhtilāf al-Nās Fīh¹⁶ dan lain-lain.

Namun, aspek pengiraan dalam al-Quran juga telah dimanipulasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu, khususnya gerakan al-Bābiyyah dan lanjutannya al-Bahā’iyyah (kemudian menjadi agama Bahai) untuk menyesatkan manusia. Gerakan ini yang bermula dengan seorang ketua dan 18 orang pengikut memuja nombor 19, lantaran jumlah mereka adalah 19. Mereka mengadunkan bilangan 19 dengan kaedah kiraan nilai huruf Yahudi (*hisāb jummal*). Kemudian bilangan ini dihubungkaitkan dengan segala perkara yang berkait tentang Mirza Ali Muhammad, pengasas kumpulan ini. Contohnya seperti tarikh

¹⁵ Ibn Manzūr al-Daylāmī (m.207). Lihat Dhū al-Kifl, *Manhajīyyah*, 4.

¹⁶ Ibn Zanjalah (m.382). Lihat Dhū al-Kifl, *Manhajīyyah*, 4.

lahir Mirza iaitu tahun 1819 M).¹⁷ Nombor 19 telah dijadikan asas untuk mendakwa kebenaran dan keistimewaan ajaran baru mereka yang dipesongkan dari ajaran Islam yang asal sehingga ke tahap mengubah kalendar setahun dari 12 bulan kepada 19 bulan.¹⁸ Kumpulan ini juga ditaja oleh penjajah Rusia dan British yang berdepan dengan umat Islam di Iran untuk menyesatkan dan melemahkan mereka. Antara pendekatan kumpulan ini adalah menghubungkaitkan kiraan bilangan-bilangan ini dengan al-Quran.

Di pihak yang lain pula, para orientalis seperti Ricoldo de Monte Croce dan Vincent de Beauvais menggunakan isu susunan surah al-Quran sebagai alasan untuk menolak kebenarannya.¹⁹ Isu ini yang melibatkan kronologi penurunan ayat dan surah serta bilangan ayat dalam surah melibatkan topik kiraan dan bilangan dalam al-Quran juga. Justeru, terdapat beberapa kajian kiraan menggunakan hujah kiraan surah - ayat dan keseimbangannya bagi menolak pertikaian tentang susunan surah-surah al-Quran.

Melihat kepada kajian-kajian lepas, mukjizat bilangan telah dibahaskan sebagai salah satu aspek kehebatan al-Quran yang baru. Ia diketengahkan sekitar setengah abad yang lalu dan lebih rancak dibincangkan dalam dekad mutakhir (sekitar tahun 2000-2010 M). Dalam tempoh ini, perdebatan tentang penerimaan aspek angka sebagai mukjizat al-Quran telah berlaku. Para penyelidik pula mengemukakan pelbagai bentuk kajian bilangan; termasuk jenis yang jelas dan mudah diterima serta jenis yang sukar dikenalpasti, sukar disemak dan sukar diberi pengiktirafan. Bahkan, terdapat juga kajian kiraan yang boleh dipertikaikan dan melibatkan kesilapan kiraan. Dengan kata lain, terdapat perbezaan yang jauh antara kajian yang terlalu luas (sehingga memaparkan apa-apa sahaja berkenaan angka di dalam al-Quran) dan pemikiran yang menolak langsung aspek angka sebagai mukjizat.²⁰

Antara isu yang timbul adalah soal sandaran dalil bahawa kajian bilangan adalah salah satu aspek *i'jaz* al-Quran. Ia diikuti dengan soal garis panduan dalam menentukan kajian bilangan yang diterima dan ditolak. Penentuan garis panduan ini sangat bergantung

¹⁷ Husayn Nājī Muḥammad Muḥyi al-Dīn, *Tis'ah 'Ashar Malakan 'Ard li al-Tawā'if al-Khārijah 'Alā al-Islām Qadīman wa Ḥadīthan wa li al-Bahā'iyyah al-Latī Tuqaddis al-Raqam 19*, (Qāhirah: al-Zahrā' li al-Īlām al-'Arabi, 1984) 34-36.

¹⁸ Maḥmūd Thābit al-Syādhili, *al-Bahā'iyyah Ṣalībiyyah al-Ghary Isrā'īliyyah al-Tawjīh*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990), 58.

¹⁹ Norman Daniel, *Islam And The West*, (Edinburgh: the University Press, 1980), 60.

²⁰ Dhū al-Kifl, *Manhajiyah*, 6-10.

kepada metode kiraan yang digunakan oleh pengkaji dan kesahihan sesuatu hitungan yang dilakukan. Ini kerana soal bilangan ayat al-Quran tidak bersifat mutlak atau *qat'i* dan berada dalam lingkungan perbezaan pendapat dalam kalangan ulama.²¹ Bahkan, suatu persoalan lain pula timbul iaitu sikap setengah penyelidik yang mengenepikan perbezaan pendapat ulama ini dan menjadikan kajian bilangan pula sebagai dalil untuk mentarjihkan sesuatu pandangan.

Persoalan yang lebih besar seterusnya adalah batasan mukjizat bilangan. Adakah segala perkara berkaitan angka diterima sebagai *i'jaz* atau mukjizat? Justeru keghairahan untuk mengetengahkan mukjizat bilangan sering menjadikan penyelidik memaparkan apa-apa sahaja aspek bilangan dan angka yang ditemui tanpa mengambil kira sifat *i'jaz* yang dapat ditanggapi darinya. Ia seumpama sikap setengah Muslim yang suka memaparkan apa-apa sahaja objek atau fenomena alam yang kelihatan menunjukkan tulisan nama Allah, nama Muhammad (SAW), gambaran orang sujud atau binatang menyebut nama Allah; sama ada secara jelas atau samar-samar. Natijah kepada sikap ini adalah orang-orang bukan Islam melihat sifat taksub dan tidak objektifnya kaum Muslimin. Bahkan sebahagian mereka mempermainkan pula agama Islam berdasarkan paparan-paparan seperti ini.²²

Selain itu, kajian bilangan juga perlu mengambil kira perbezaan antara keistimewaan angka atau bilangan dengan keajaiban bilangan dalam al-Quran. Justeru mungkin apa yang dipaparkan itu hanya tentang keistimewaan nombor yang terpisah dari kemukjizatan al-Quran. Apa yang mungkin menarik adalah soal pemilihan al-Quran terhadap angka berkenaan.

Terdapat beberapa bentuk penemuan mukjizat bilangan dan bilangan yang dipaparkan oleh para penyelidik seperti Bassām, ‘Abd al-Dā’im, ‘Abdullāh Jalghūm dan lain-lain. Antaranya adalah:

- i. Bilangan huruf, bilangan dan susunan surah dan ayat al-Quran.
- ii. Kalimah-kalimah yang berulang dalam al-Quran.

²¹ Rīdwān al-Mukhallalātī, *al-Qawl al-Wajīz fī Fawāṣil al-Kitāb al-‘Azīz*, (al-Madīnah al-Munawwarah: Maṭābi‘ al-Rashīd, 1992), 100-104.

²² Muḥammad Ṣāliḥ al-Munajjid, al-Islām Su’al wa Jawāb, akses 1 Jun 2017, <https://islamqa.info/ar/102056>.

- iii. Nombor-nombor pilihan dalam al-Quran.
- iv. Huruf-huruf pembukaan (*fawātiḥ*) surah.
- v. Bilangan dan nombor dalam al-Quran dan hubungannya dengan perkara luar.

Justeru, tumpuan kajian yang diperlukan adalah soal *i'jāz* atau kemukjizatan al-Quran itu sendiri. Hasil kajian bilangan dalam al-Quran sepatutnya menekankan soal bilangan yang menyerahkan sifat *i'jāz*, kehebatan dan sifat yang tidak dapat ditandingi. Dengan kata lain, fokusnya adalah kehebatan al-Quran dari aspek bilangan (*i'jāz al-Qur'an al-'adadi*), bukan '*ajā'ib al-'adad* (keajaiban bilangan secara umum); dan bukan juga sekadar *al-'adad* dalam al-Quran.

Ini adalah kerana apa yang wajar diketengahkan adalah perkara yang menjadi hujah bahawa al-Quran benar itu dari Allah; ia tidak mungkin ditulis oleh seorang manusia bernama Muhammad SAW; dan kehebatannya tidak dapat ditiru oleh manusia dan jin. Dari situ juga, ia dapat menolak tanggapan bahawa kajian-kajian ini hanya sekadar menemui hasil secara kebetulan. Lebih dari itu, kajian yang jitu tentang mukjizat bilangan ini diharap akan menjelaskan kedudukan mukjizat al-Quran dari aspek bilangan. Ia juga dapat mengalihkan fungsi bilangan dan angka dari manipulasi sebagai objek pemujaan seperti dalam ajaran Bahai. Bahkan, apa yang diharapkan adalah mukjizat bilangan boleh menjadi sebab untuk kumpulan yang mempercayai keistimewaan angka untuk menerima kebenaran al-Quran.

Dua tokoh yang dipilih sebagai subjek kajian ini, Bassām dan 'Abd al-Dā'im pula merupakan penyelidik yang paling banyak menulis tentang mukjizat bilangan. Sehingga kajian ini ditulis, mereka masing telah menghasilkan 13 buah buku berkaitan mukjizat bilangan. Mereka juga memaparkan karya dan penemuan mereka melalui laman web khusus berbanding penyelidik lain yang tidak banyak karya dan dipaparkan melalui laman web umum. Karya Bassām melibatkan penggunaan *hisāb jummal* (angka abjad atau *gematria*) yang ditolak oleh sebahagian ulama Islam. Bassām juga terkenal dalam kalangan pembaca kerana meramalkan kejatuhan regim Israel pada tahun 2022. Ramalan yang dibuat berdasarkan kiraan dalam al-Quran itu telah menimbulkan perdebatan kerana ia menyentuh perkara ghaib tentang masa depan.

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula, selain dari menghasilkan sebuah ensiklopedia setebal 573 halaman, beliau telah dianugerahkan Hadiah Antarabangsa Dubai²³ oleh kerajaan Emiriah Arab Bersatu (UAE) kerana karya dan sumbangannya. Penemuan beliau tentang mukjizat bilangan banyak berasaskan kepada bilangan tujuh, menggunakan kaedah matrik dan sistem nomnor *binary*. Ini menjadikan karyanya lebih istimewa dan menarik dikaji.

1.4 Persoalan Kajian

Berikut adalah persoalan-persoalan yang dapat dirumuskan berkaitan dengan tajuk kajian ini:

- i. Apakah asas utama penerimaan kajian bilangan sebagai mukjizat al-Quran?
- ii. Sejauh manakah persamaan dan perbezaan metodologi yang digunakan oleh Bassām dan ‘Abd al-Dā’im sebagai penyelidik mukjizat bilangan?
- iii. Bagaimanakah cara untuk menyemak bahawa sesuatu penemuan bilangan adalah mukjizat al-Quran?

1.5 Objektif Kajian

- i. Mengenal pasti asal-usul kajian bilangan dan mukjizat bilangan dalam sejarah Islam.
- ii. Mengkaji biografi, karya dan metode Bassām dan ‘Abd al-Dā’im dalam kajian mukjizat bilangan mereka.
- iii. Membangunkan piawai yang objektif bagi kajian mukjizat bilangan.

²³ *Jā’izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur’ān al-Karīm.*

1.6 Kepentingan Kajian

Hakikatnya, masih ramai dalam kalangan sarjana Muslim, apatah lagi masyarakat awam yang belum didedahkan dan belum menerima sebagai salah satu aspek mukjizat al-Quran. Oleh itu, penulis melihat kajian ini penting kerana:

- i. Kedudukan kajian bilangan sebagai aspek penting kehebatan al-Quran dan hujah kebenarannya masakini perlu dinilai dari aspek syariah dengan melihat dalil-dalil berkaitan dan dari aspek sejarah dengan menganalisis perkembangan kajian mukjizat al-Quran sepanjang zaman.
- ii. Banyaknya karya dan ramainya penulis tentang mukjizat bilangan khususnya oleh Bassām dan ‘Abd al-Dā’im menjadikan kita perlu menjalankan analisis dari pelbagai aspek.
- iii. Perkara yang lebih utama adalah untuk memastikan bahawa kajian-kajian mengenai bilangan dalam al-Quran benar-benar mendukung konsep kemukjizatan al-Quran dan tidak mendedahkan al-Quran kepada kritikan dan komentar yang lebih ketara dari musuh-musuhnya. Ini justeru tidak semua hasil kajian (yang kebanyakannya dijalankan oleh pengkaji yang bukan dari bidang pengajian Islam) mendapat pengiktirafan oleh para ulama dalam bidang al-Quran dan tafsirnya.

Justeru, kajian ini diharap dapat menyumbang ke arah pembinaan metodologi dan batasan yang lebih jelas untuk menerima kajian-kajian bilangan dalam al-Quran, selain memberi sumbangan kepada pemantapan dan kejituhan perbahasan *i’jāz ‘adadi*.

1.7 Skop Kajian

Skop penyelidikan ini adalah *i’jāz* al-Quran dengan tumpuan kepada *i’jāz al-‘adad*. Ia merangkumi sorotan sejarah terhadap kajian tentang bilangan dalam al-Quran dan analisis penemuan-penemuan tentang bangka, keindahan susunan al-Quran, pengulangan dalam al-

Quran, bilangan huruf, ayat dan surah dalam al-Quran serta isu-isu di sekitarnya. Ia ditumpukan kepada dua penyelidik utama iaitu Bassām Nihād Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl. Ia juga menyentuh tentang asas-asas kiraan dan kaedah mendapatkan angka di dalam al-Quran.

1.8 Sorotan Kajian Lepas

Beberapa penyelidikan di peringkat sarjana ditemui dan beberapa artikel dari pelbagai jurnal telah ditulis berkaitan tajuk penyelidikan ini. Berikut adalah hasil sorotan kajian lepas yang dapat dicapai:

Mujāhid Bahjat dan Firās Ghanīm Aḥmad, *Nazariyyah al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Quḍāmā wa al-Muḥaddithīn (Dirāsāh wa Taḥlīl)*. Artikel jurnal dalam Majallah Jāmi‘ah al-Shāriqah, Jilid 9, Bil 1, tahun 2012 ini membincangkan pandangan sarjana klasik dan kontemporari tentang *i‘jāz ‘adadī*. Dengan menganalisis satu karya secara khusus, ia mendedahkan beberapa keraguan, kesilapan dan sikap berlebihan. Ia menekankan tentang perlunya kawalan syar‘i serta pentingnya penyelidik mengelakkan sikap keterlaluan yang akan mengundang keraguan manusia terhadap nas al-Quran. Kajian bilangan juga perlu dihubungkaitkan dengan tujuan al-Quran diturunkan sebagai hidayah.²⁴

Naveeda Khan, *Nineteen: A Story*, artikel dalam Jurnal Sage, Anthropological Theory, terbitan Mac 2010. Artikel ini menganalisis dari aspek antropologi terhadap percubaan Rashād Khalīfah untuk menunjukkan kebenaran al-Quran di zaman moden. Ia dianggap sebahagian dari sejarah panjang polemik tentang autoriti teks agama. Rashād cuba menangani keraguan terhadap al-Quran dengan mengetengahkan kod 19 tetapi mendapat tantangan dari kaum Muslimin kerana sebab-sebab tertentu. Penulisnya menyimpulkan bahawa setengah keraguan itu tidak dapat ditangani menggunakan fakta sains.²⁵

²⁴ Mujāhid Muṣṭafā Bahjat & Firās Ghanīm Aḥmad, “Nazariyyah al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Quḍāmā wa al-Muḥaddithīn (Dirāsāh wa Taḥlīl)”, *Majallah Jāmi‘ah al-Syāriqah*, 9, Bil 1, (UAE: University of Sharjah, 2012).

²⁵ Naveeda Khan, *Nineteen: A Story, Jurnal Sage, Anthropological Theory*, Anthropological Theory, March 2010; vol. 10, 112-122.

Pahlevan Mansur dan Shafiei Said, *Evaluation And Theoretical Criticism of Numerical Miracle of The Holy Quran*, tahun 2010. Artikel jurnal dalam *Iranian Journal For The Quranic Sciences* ini menjelaskan bahawa penggunaan komputer dan perisianya secara meluas telah mencetuskan kemajuan besar dalam penyelidikan keagamaan. Artikel ini menyebut contoh Muḥammad Rāshid Riḍā²⁶ dan karyanya yang menimbulkan banyak penolakan terhadap teori mukjizat bilangan ini. Dengan memilih nombor tertentu, sesiapa pun boleh mengkaji tentang bilangan di dalam al-Quran. Namun, ia tidak dapat dikira sebagai mukjizat kerana al-Quran bukan kitab untuk bermain dengan angka. Sebaliknya, ia mensasarkan minda manusia untuk berfikir tentang alam. Mukjizat al-Quran terletak pada keindahan luaran yang mengejutkan seperti *bayān* dan irama yang harmoni serta pada kehebatan ajarannya.²⁷

İmān Muḥammad Kāzim, *al-I'jāz al-'Adadī fī al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah Tahlīl wa Naqd*, tahun 2009. Disertasi sarjana di Universiti Sharjah, UAE ini mendapat bahawa galakan membuat kiraan dalam al-Quran datang dari al-Quran sendiri dan ia telah dilaksanakan oleh generasi awal. Penolakan sebahagian mereka terhadap konsep mukjizat bilangan adalah secara beretika berbanding penentangan generasi sekarang. Pun begitu, beliau menjangkakan gelombang penentangan ini akan reda seperti redanya isu meletakkan baris dan titik pada al-Quran.²⁸

Penulis menolak pendekatan generalisasi sebaliknya membahagikan penulis-penulis tentang mukjizat bilangan dan kajian mereka kepada beberapa kategori; penyokong yang ekstrim, yang banyak atau kurang melakukan kesilapan dalam kajian, juga penentang yang ekstrim dan sederhana yang menerima kajian bilangan tetapi tidak bersetuju dengan istilah mukjizat bilangan. Beliau juga menekankan perlunya piawai yang disepakati selain menolak penggunaan ramalan perkara ghaib dan pemujaan angka. Kajian perlu diteruskan oleh para ulama untuk mengasingkan antara penemuan yang benar dengan yang salah dengan menentukan piawai kajian bilangan.

²⁶ Sepatutnya Rashād Khalīfah.

²⁷ Pahlevan Mansur dan Shafiei Said, Evaluation And Theoretical Criticism of Numerical Miracle of The Holy Quran. *Pajuhesh-Ha-Ye Quran Va Hadis (Iranian Journal For The Quranic Sciences & Tradition) Maqalat wa Barrasiha*, Fall 2009-Winter 2010, Volume 42, Number 1; 57 - 76.

²⁸ İmān Muḥammad Kāzim Ḥabib, *al-I'jāz al-'Adadī fī al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah al-Mu'āṣirah Tahlīl wa Naqd*, (Dubai: Jā'izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur'ān al-Karīm, 2009), 374 – 378.

‘Izz al-Dīn Lazriq, *Bunyah Mi ‘yāriyyah Iliktrūniyyah li al-Qur’ān al-Karīm wa Āliyah al-Tawthīq wa al-Muṣādaqah al-Raqmiyyīn*, tahun 2009. Artikel jurnal di Mujamma‘ al-Malik Fahd li Tibā‘ah al-Muṣṭafā al-Sharīf ini membentangkan kajian komprehensif tentang sistem maklumat untuk memelihara al-Quran dalam *rasm* ‘Uthmānī dan berdasarkan qiraat-qiraat yang sahih. Teks al-Quran diproses secara elektronik menggunakan teknologi penstrukturran XML terkini berserta pengukuran yang berkaitan dan sistem kod piawaian global. Sistem ini membolehkan pencarian teks al-Quran yang mengambil kira kepelbagaiannya kod, baris, qiraat dan lain-lain. Ia juga menyediakan pengesahan ayat al-Quran secara automatik menggunakan perkhidmatan web dan kaedah tandatangan digital.²⁹

Aḥmad Khālid Shukrī, *Maqūlah al-I‘jāz al-‘Adadī Dirāsah Naqdīyyah*, jurnal dalam *al-Majallah al-Urduniyyah fī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* (Mafraq), Jil 3, Bil 3, tahun 2007. Secara umum, artikel ini mengkritik konsep mukjizat bilangan. Ia membincangkan tentang sejarah dan sandarannya dengan mengemukakan kritikan. Selain itu, ia membahagikan penyelidik dalam kajian bilangan kepada dua kategori; pengkaji dari pengkhususan syariah (agama) dan pengkaji dari pengkhususan lain (kejuruteraan, matematik dan lain-lain). Kebanyakan kesilapan dalam kajian bilangan berlaku dalam kalangan penyelidik bukan pengkhususan agama. Seterusnya, ia mengemukakan kritikan terhadap kajian-kajian bilangan berdasarkan isu perbezaan qiraat, *rasm* al-Quran, isu pemilihan lafadz dan bilangan serta penggunaan *hisāb jummal* (angka abjad), ramalan tentang perkara ghaib dan masa depan. Tanpa menegaskan pendirian terhadap konsep mukjizat bilangan, penulis menyatakan hasratnya agar kritikannya mendorong lebih banyak kajian dan diskusi.³⁰

Lindā Turkī Jibrīl, *Nazariyyah al-I‘jāz al-‘Adadī Dirāsah Naqdīyyah*, tahun 2006. Disertasi sarjana dari Universiti al-Quds ini mengkritik mukjizat bilangan berdasarkan karya-karya yang menggunakan metode yang tidak konsisten, ada percanggahan dengan

²⁹ ‘Izz al-Dīn Lazriq, “Bunyah Mi ‘yāriyyah Iliktrūniyyah li al-Quran al-Karīm wa Āliyah al-Tawthīq wa al-Muṣādaqah al-Raqmiyyīn.” *Majallah Mujamma‘ al-Malik Fahd li Tibā‘ah al-Muṣṭafā al-Sharīf*, 2009.

³⁰ Aḥmad Khālid Shukrī, “Maqūlah al-I‘jāz al-‘Adadī Dirāsah Naqdīyyah”, *al-Majallah al-Urduniyyah fī al-Dirāsāt al-Islāmiyyah* (Mafraq, 2007), Jilid 3, Bil. 3. Juga dalam *Multaqā Rābi‘ah al-Wāḥah al-Thaqāfiyyah*, akses 30 Disember 2015, <http://www.rabbitat-alwaha.net/moltaqa/showthread.php?t=20915>.

kaedah tafsir dan ilmu-ilmu lain. Namun, beliau meletakkan kemungkinan wujudnya keharmonian dan keselarasan bilangan sebagai cabang mukjizat *balāghah*.³¹

Zahidan Haji Abd Wahab, *Angka Tujuh Dalam al-Quran*, disertasi sarjana dalam bahasa Melayu di Universiti Malaya pada tahun 2004. Kajian ini memfokuskan kepada semua bilangan tujuh yang disebut dalam al-Quran termasuk bilangan langit yang tujuh, tujuh hari puasa dalam ibadat haji, tujuh gandaan pahala, tujuh tahun subur dan tujuh tahun kemarau dalam mimpi Nabi Yūsuf, tujuh pintu neraka, tujuh yang berulang (surah al-Fātiḥah), tujuh pemuda Aṣḥāb al-Kahf, tujuh lautan dan tujuh malam azab kaum ‘Ād. Penulisnya menyimpulkan bahawa angka tujuh adalah salah satu mukjizat al-Quran. Walau bagaimanapun, kajian ini lebih kepada memetik angka tersebut dalam al-Quran dan kemudian mencatatkan pentafsirannya tanpa penegasan aspek kemukjizatannya.³²

Fātiḥ Ḥusnī Maḥmūd, *al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm*, disertasi sarjana di Universiti Jordan pada tahun 2003. Beliau mengkritik mukjizat bilangan berdasarkan kesilapan-kesilapan yang ditemuiinya pada karya-karyanya. Beliau juga mengkritik penggunaan *hisāb jummal* dalam kajian mukjizat bilangan.³³

Mikdar Rusdi dengan judul Konotasi Angka-angka Dalam al-Quran, Suatu Kajian Tafsir Maudu’i, tahun 2003. Disertasi sarjana dalam bahasa Melayu di Universiti Kebangsaan Malaysia ini membincangkan tentang kalimah-kalimah yang membawa makna bilangan dalam al-Quran seperti *ahad*, *wāhid*, *ithnayn*, *thalāhah*, *thuluth*, *rubu‘* dan sebagainya. Ia bertujuan untuk mengetahui hikmahnya, mengenal kemukjizatan al-Quran serta perletakannya dalam al-Quran. Perbincangannya dibahagikan kepada tiga aspek iaitu angka yang berkaitan dengan Allah, angka yang berkaitan manusia dan angka yang berkaitan alam sekitar. Perbahasan tentang angka berkaitan dengan Allah hanya menghuraikan ayat-ayat tentang tauhid (angka satu) dan menafikan syirik (angka dua dan tiga). Kajian membincang tentang kalimah bererti angka yang disebut dalam al-Quran. Ini termasuk angka yang menyentuh soal-soal ibadah dan hukum syara’ seperti bahagian-

³¹ Lindā Turki Jibrīl, *Nazariyyah al-I‘jāz al-‘Adadī Dirāsāh Naqdīyyah*, (‘Ammān: Dār al-Ma’mūn li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 2011).

³² Zahidan Haji Abd Wahab, *Angka Tujuh Dalam Al-Quran*, (Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, 2004).

³³ Fātiḥ Ḥusnī Maḥmūd, *al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm*, (Dār Juhaynah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2015).

bahagian pusaka. Begitu juga kalimah-kalimah bererti bilangan dalam kisah-kisah para rasul dalam al-Quran.³⁴ Kajian ini menggunakan angka dengan maksud bilangan.

Musā‘id bin Ṣalih al-Ṭayyār, *Kashāfāt Āyāt al-Qur’ān al-Karīm. Dirāsah li al-Ittijāhāt al-Nāḥw‘iyyah wa al-‘Adadiyyah wa Tarā’iq al-Tartīb*, artikel jurnal pada tahun 2002 dan diterbitkan dalam Majallah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah, Riyād, Bilangan 1. Kajian ini mensasarkan kepada trend kualitatif dan kuantitatif dalam penemuan-penemuan berkaitan dengan ayat al-Quran. Hasilnya menyimpulkan bahawa penemuan-penemuan tentang al-Quran adalah pelbagai dan menggunakan kaedah susunan yang berbeza. Penemuan-penemuan ini dapat dibahagikan kepada empat iaitu; penemuan tentang lafadz, penemuan tentang tema, penemuan tentang ayat-ayat pertama dan penemuan lain-lain. Penemuan tentang lafadz mencapai nisbah tertinggi (40.4%).³⁵

Artikel oleh Muhammad Zakiyy Muhammed Khidir pada tahun 1998 dalam International Bediuzzaman Symposium Papers No 4, *A Contemporary Approach of Understanding The Quran The Example of The Risale-i Nur*. Artikel jurnal ini berjudul *General Rules of The Numerical Miraculousness in The Quran*. Ia membincangkan tentang kedudukan mukjizat bilangan sebagai salah satu kajian tentang mukjizat al-Quran yang sesuai dengan perkembangan zaman, sama seperti mukjizat bahasa, mukjizat *bayānī* dan mukjizat saintifik. Perbincangannya turut membuat beberapa kategori kajian bilangan iaitu kalimah berulang dalam al-Quran, kemunculan nombor tertentu, huruf-huruf *muqatṭa‘ah* (*fawātiḥ*) di awal surah dan kategori lain-lain. Turut dibincangkan tentang kaedah pengiraan dan penggunaan kiraan untuk meramal masa depan. Dalam kesimpulan, penulis mengemukakan beberapa asas panduan dalam kajian bilangan iaitu kedudukan *rasm ‘Uthmānī*, asas pada perkara yang disepakati dan melibatkan bilangan-bilangan lain. Menurutnya, secara umum, kajian-kajian bilangan telah menyokong kewujudan mukjizat bilangan dalam al-Quran.³⁶

³⁴ Mikdar Rusdi, *Konotasi Angka-angka Dalam Al-Quran, Suatu Kajian Tafsir Maudu‘i*, (Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003)

³⁵ Musā‘id bin Ṣalih al-Ṭayyār, “Kashāfāt Āyāt al-Quran al-Karīm. Dirāsah li al-Ittijāhāt al-Nāḥw‘iyyah wa al-‘Adadiyyah wa Tarā’iq al-Tartīb.” *Majallah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah*, (Riyād, Bilangan 1, 2002).

³⁶ Muhammad Zakiyy Muhammed Khidir, *General Rules of The Numerical Miraculousness in The Qur'an*, (International Bediuzzaman Symposium Papers No 4, A Contemporary Approach of Understanding The Quran The Example of The Risale-i Nur, 1998).

Muṣṭafā ‘Umar ‘Ali al-Kindī menulis disertasi peringkat sarjana dan siap pada tahun 1989, berjudul *Dirāsāt fī al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Maqādī wa al-Hādir fī Ḏaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah* di Universiti Umm al-Qurā, Mekah. Ini merupakan kajian ilmiah terawal berkenaan mukjizat bilangan. Beliau menyentuh tentang beberapa sistem angka dan kaitannya dengan agama tertentu. Kajian ini menumpukan kepada karya-karya ‘Abd al-Razzāq Nawfal, Ibn Khalīfah ‘Ulaywī dan Rashād Khalīfah. Kemudian analisis dan kritikan utama difokuskan pula kepada Rashād Khalīfah. Kajian ini menyimpulkan kepalsuan konsep mukjizat bilangan berdasarkan kritikan terhadap ‘Abd al-Razzāq Nawfal dan penyelewengan Rashād Khalīfah.³⁷

Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas telah menilai konsep mukjizat bilangan dan menganalisis karya-karya mengenainya secara umum dan rawak. Mereka telah memberi kritikan dan menekankan keperluan kajian lanjut lantaran banyaknya penulisan mengenainya. Ia melibatkan 40 orang penulis yang dapat dikesan seperti disenaraikan dalam subtajuk 3.9 dalam bab tiga.

Walaupun terdapat banyak penulisan yang mendukung dan banyak pula yang menolak teori mukjizat bilangan ini, namun penulis mendapati masih ada kelompongan yang memerlukan kajian lanjut. Ia adalah berkaitan dengan kritikan yang menjadi faktor penolakan teori ini. Belum ada penyelidikan yang menyemak semula tuduhan bahawa konsep *i‘jāz ‘adadī* adalah hasil pengaruh dari ajaran sesat atau agama lain. Kritikan ini banyak tertumpu pada isu pemujaan nombor dan penggunaan *hisāb jummal*. Justeru itu, kajian ini mendalamkan lagi susur galur atau kronologi sejarah yang membawa kepada kemunculan kajian mukjizat bilangan sepanjang zaman. Ia kemudian mengkhususkan secara lebih terperinci kepada karya-karya dan metode dua orang dari kalangan mereka yang paling aktif menulis iaitu Bassām dan ‘Abd al-Dā’im.

Bassām banyak membuat kiraan dalam al-Quran dan mengaitkannya dengan pelbagai peristiwa dan sejarah. Beliau sering menggunakan *hisāb jummal* sebagai kaedah mendapatkan data bilangan. Manakala ‘Abd al-Dā’im pula banyak mengkaji tentang keseimbangan, kiraan kalimah, huruf pada ayat yang serupa dan kemudian dibahagi dengan

³⁷ Muṣṭafā ‘Umar ‘Aliyy al-Kindī, *Dirāsāt fī al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Maqādī wa al-Hādir fī Ḏaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*, (Makkah al-Mukarramah: Universiti Umm al-Qurā, 1989).

bilangan tertentu seperti bilangan 7, 19 dan lain-lain. Analisis secara perbandingan terhadap metode kedua-dua penyelidik akan menyerlahkan pendekatan, menjelaskan persamaan, perbezaan dan menentukan piawai kajian mukjizat bilangan.

1.9 Metodologi Penyelidikan

Penyelidikan yang dijalankan ini adalah bersifat kajian kepustakaan. Ia melibatkan pelbagai sumber data penulisan fizikal dan maya.

1.9.1 Sumber Data

Justeru, keseluruhan data akan diperolehi dari sumber-sumber buku, jurnal, kertas seminar, persidangan dan laman sesawang.

1.9.1.1 Buku

Banyak buku yang telah ditulis berkaitan dengan topik penyelidikan ini. Buku yang akan dirujuk adalah buku-buku yang menyentuh konsep mukjizat bilangan, memaparkan hasil kajian mengenai bilangan dalam al-Quran serta buku-buku yang membincangkan komentar mengenai mukjizat bilangan, sama ada yang bersetuju atau menolaknya. Buku-buku ini diperolehi dari perpustakaan dan dimuat turun dari laman sesawang. Buku utama yang menjadi rujukan adalah karya-karya utama kedua-dua tokoh yang dibandingkan. Kedua-dua tokoh ini memaparkan hasil kajian di laman sesawang masing-masing, iaitu di www.islamnoon.com dan www.kahleel7.com. Bahkan mereka menyediakan pautan (*link*) untuk memuat turun artikel dan hasil kajian mereka.

1.9.1.2 Jurnal

Penulisan tentang mukjizat bilangan juga terdapat dalam jurnal. Jurnal yang dirujuk adalah jurnal-jurnal pengajian Islam, khususnya dalam bidang al-Quran, Tafsir al-Quran atau *i'jaz* al-Quran. Terdapat juga rujukan kepada jurnal sains sosial yang menyentuh tentang sejarah mukjizat bilangan seperti isu kod 19.

1.9.1.3 Tesis dan Disertasi

Penyelidikan peringkat ijazah tinggi sama ada doktor falsafah atau sarjana tidak banyak ditemui. Hanya tiga disertasi peringkat sarjana ditemui di dalam bahasa Arab; iaitu di Arab Saudi, Syria dan Palestin. Kajian-kajian tersebut diulas dalam sorotan kajian untuk melihat kelompongan atau jurang kajian dan kepentingan kajian baru.

1.9.1.4 Kertas Persidangan

Sumber dalam kategori ini paling banyak ditemui. Ia adalah hasil seminar khusus mengenai mukjizat bilangan yang telah diadakan dua siri di Rabat, Morocco, pada tahun 2008 dan 2010, sekali di Dubai, United Arab Emirates (UAE) pada 2007 dan sekali di Kuala Lumpur, Malaysia pada 2012.

1.9.1.5 Carta

Beberapa bentuk hasil penyelidikan kajian bilangan disertakan dengan carta, khususnya apabila ia melibatkan kiraan pada bilangan serta susunan surah dan ayat, bilangan huruf dan lain-lain. Oleh itu, ia menjadi sebahagian dari sumber data penyelidikan ini.

1.9.1.6 Laman Sesawang

Sumber dari laman sesawang merangkumi catatan, artikel, jurnal, catatan diskusi dan forum maya. Ia termasuk juga buku, artikel, kertas persidangan dan carta yang dimuat turun. Buku dan artikel jurnal yang dimuat turun dikira sebagai buku dan jurnal. Ini termasuk buku yang pernah dicetak kemudian dimuat naik dalam format *pdf*. Begitu juga buku yang tidak dicetak langsung, tetapi hanya diterbitkan sebagai e-book (buku maya) sama ada dalam bentuk format *pdf* atau Microsoft Word (fail *doc*). Bahkan kategori ini paling banyak dari Bassām dan ‘Abd al-Dā’im.

Oleh kerana kajian bilangan melibatkan kalangan penyelidik yang celik komputer, kebanyakan sumber kajian ini diperolehi melalui media internet. Sumber ini disenaraikan secara khusus kerana terdapat artikel yang hanya dibaca pada

paparan komputer dari alamat maya tanpa dimuat turun kerana hanya dapat diakses dan dirujuk semula secara *online*. Sumber seperti ini termasuk laman sesawang kedua-dua penyelidik yang dikaji, iaitu Bassām dan ‘Abd al-Dā’im.

1.9.2 Analisis Data

Untuk analisis data, ketiga-tiga kaedah analisis akan digunakan mengikut kesesuaian data dan subtajuk yang dibincangkan.

1.9.2.1 Metode Induktif

Metode ini digunakan dalam menganalisis faktor-faktor penolakan teori mukjizat bilangan dalam bab tiga. Ia juga digunakan dalam menentukan piawai yang standard untuk mukjizat bilangan dan membina kesimpulan serta saranan dalam bab terakhir iaitu bab enam. Ia juga digunakan dalam membina kerangka teori *i’jaz* secara umum sebelum menganalisis teori mukjizat bilangan pula.

1.9.2.2 Metode Deduktif

Metode ini digunakan dalam bab satu untuk menentukan batasan dan skop mukjizat bilangan. Ini termasuk menentukan karya mana yang termasuk dalam kategori karya tentang mukjizat bilangan. Sebahagian karya hanya memaparkan hal-hal berkaitan bilangan dalam al-Quran tanpa mengaitkannya dengan mukjizat seperti dinyatakan dalam sorotan kajian yang lalu.

Ia juga digunakan dalam bab enam dalam menentukan karya mukjizat bilangan yang mana diterima dan sesuai sebagai bacaan awam. Kajian-kajian yang mendapat pengiktirafan, menggunakan metode kiraan yang betul dan konsisten dapat dikategorikan sebagai karya mukjizat bilangan.

1.9.2.3 Metode Perbandingan

Metode ini pula digunakan dalam bab empat ketika membandingkan antara dua tokoh, Bassām dan ‘Abd al-Dā’im. Latar belakang pendidikan mereka dianalisis dengan metode ini. Karya-karya mereka pula dianalisis dalam bab lima menggunakan metode ini untuk melihat topik-topik yang dibincangkan, kaedah pengiraan dan sumber kajian mereka. Tokoh pertama, Bassām Bassām Nihād Jarrār mewakili penyelidik kajian bilangan dari pengkhususan agama dan tokoh kedua, ‘Abd al-Dā’im mewakili penyelidik dari pengkhususan bukan agama. Beliau merupakan seorang jurutera dan memiliki pengalaman sebagai pengamal undang-undang.

1.9.2.4 Metode Pensejarahan

Metode ini pula digunakan dalam bab dua ketika analisis tentang konsep *i’jāz* dan jenis-jenisnya. Ia juga digunakan dalam bab tiga untuk melihat perkembangan kajian bilangan hingga munculnya teori mukjizat bilangan. Ia juga digunakan dalam bab lima ketika menghuraikan tentang asal-usul *hisāb jummāl*.

1.10 Kesimpulan

Huraian-huraian dalam bab ini menunjukkan bahawa penyelidikan lanjut mengenai mukjizat bilangan diperlukan bagi menangani perbezaan sikap antara menerima dan menolak gagasan teori baru ini. Hasilnya akan memperkaya khazanah ilmu berkaitan dengan al-Quran.

Dengan piawai yang objektif dan standard pula, penemuan-penemuan yang benar-benar jelas dan menunjukkan kemukjizatan al-Quran akan membantu manusia memahami hakikat kebenarannya sebagai wahyu dari Allah SWT yang dijamin terpelihara. Ini dilakukan dalam penyelidikan ini dengan menggunakan sampel-sampel karya oleh dua penyelidik iaitu Bassām Nihād Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl.

BAB 2: ASPEK-ASPEK MUKJIZAT DALAM AL-QURAN

Pendahuluan

Al-Quran merupakan mukjizat besar dari Allah yang dianugerahkan kepada Nabi Muhammad SAW. Berbeza dengan kitab-kitab sebelumnya yang tiada jaminan tentang pemeliharaan Allah dari sebarang ubah suai, al-Quran dijamin terpelihara dan dijadikan mukjizat yang berkekalan hingga hari kiamat. Ia adalah kerana perutusan Rasulullah SAW sebagai nabi dan rasul terakhir. Syariat baginda berkekalan hingga kiamat sebagaimana al-Quran sebagai kitab rujukannya juga dijamin berkekalan dan disertai dengan unsur mukjizat.

Bab ini akan menjelaskan tentang teori mukjizat bermula dengan konsep *i'jāz*, konsep *al-ṣarfah* dan sejarah perkembangan *i'jāz* kepada beberapa bentuk *i'jāz* sehingga kemunculan teori mukjizat bilangan.

2.1 Mukjizat dan *I'jāz*

Mukjizat atau kata asalnya *mu'jizah* adalah kalimah bahasa Arab yang berasal dari kata dasar *'ajaza* yang bererti lemah dan tidak mampu. Ia ditambah dengan hamzah di depannya dalam bentuk kata kerja *rubā'i mazīd* (binaan empat huruf dengan tambahan) menjadi *a'jaza* (أَعْجَزَ) yang bererti melemahkan dan membuat tidak mampu. Bila dikaitkan dengan kata-kata (أَعْجَزَ فِي الْكَلَامِ), ia membawa erti ‘bercakap atau menulis suatu gaya yang tidak dapat ditiru (kata-kata indah)’. Dalam bahasa Inggeris bererti ‘*to speak or write in an inimitable manner*’.¹ Kata terbitan baginya adalah *i'jāz* (إِعْجَازٌ) yang boleh diterjemahkan sebagai kemukjizatan, kehebatan dan keajaiban yang melemahkan orang lain untuk menirunya. Bila disandarkan (*idāfah*) kepada al-Quran, ia adalah sandaran kepada pelaku (*fā'il*). Justeru *i'jāz* al-Quran memberi erti al-Quran melemahkan manusia lain untuk menandinginya.²

¹ Mohd Khairi Zainuddin dkk, *Al-Miftah Kamus Moden*, (Al-Azhar Media, 2008), 196 dan 1161.

² Faḍl Ḥasan ‘Abbās, *Muḥādarāt fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Jordan: Dār al-Nafā’is, 2007), 55.

Dalam karya-karya bahasa Arab, terminologi yang digunakan untuk topik ini adalah *i'jāz*. Sedangkan mukjizat atau *mu'jizah* (مُجْزَأ) sendiri adalah kata *fā'il* (pembuat atau pelaku) dengan *wazan 'muf'il'* (مُفْعِل) dan ditambah huruf ta' bagi menggambarkan hal keadaan yang bersangatan (*mubalaghah*).³ Namun, kata ini (*mu'jizah*) telah dipinjam dalam bahasa Melayu menjadi mukjizat dengan memberi makna kejadian, benda atau perkara luarbiasa kurniaan Allah kepada para nabi dan rasul untuk membuktikan kebenaran mereka.⁴ Dalam bahasa Inggeris, terjemahan yang digunakan bagi *mu'jizah* dan *i'jāz* adalah *miracle, marvel, prodigy, wonder* dan *inimitability*.⁶

Kajian ini memilih kata mukjizat sebagai terjemahan bagi kalimah *i'jāz* bagi meringkaskan terjemahan. Kata terbitan ‘kemukjizatan’ atau rangkai kata ‘hal pelemahan’ (dalam bahasa Inggeris: *disablement, incapacitation, weakening*⁷) agak jauh dari penggunaan biasa bahasa Melayu. Terjemahan kepada kehebatan dan keajaiban pula tidak dapat menggambarkan makna asal *mu'jizah* dan *i'jāz* yang turut memberi erti melemahkan dan menghalang.

Istilah *i'jāz* dan *mu'jizah* tidak disebut dalam al-Quran mahupun hadis-hadis Rasulullah SAW. Kalimah yang ada dalam nas-nas dengan maksud berkenaan adalah *āyah* (آيات), *bayyinah*, *burhān* (برهان) dan *sultān* (سلطان). Kalimah *āyah* (آية) dan *ayāt* (آيات) memberi erti tanda atau bukti. *Āyah* (آية) juga memberi maksud setiap satu dari ayat-ayat yang terdapat dalam al-Quran. Ini kerana setiap ayat al-Quran adalah bukti kebenaran Rasulullah SAW. Manakala *bayyinah* (بينة) bererti keterangan dan bukti, *burhān* (برهان) pula bererti hujah dan bukti. Akhir sekali, *sultān* (سلطان) bererti kuasa dan bukti yang menyokong. Kalimah yang paling kerap digunakan merujuk kepada mukjizat para nabi adalah *āyah* (آيات). Ia bermaksud bukti kenabian atau kebenaran risalah yang dibawa oleh nabi-nabi.⁸

³ al-Safārīnī, Syams al-Dīn, *Lawāmi‘ al-Anwār al-Bahiyyah*, (Dimashq: Mu’assasah al-Khāfiqīn wa Maktabatuhā, 1982), 2, 289.

⁴ Noresah, *Kamus Dewan*, 905.

⁶ Rūhī al-Ba‘labakī & Munīr al-Ba‘labakī, *al-Mawrid Muzdawij*, (Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, 2001), Cet. Ke 5, 130 & 1068.

⁷ Khairi, *Al-Miftah*, 1678.

⁸ Muṣṭafā Muslim, *Mabāḥith fī I'jāz al-Qur'ān*, (Dimasyq: Dār al-Qalam, 2008), 17-18.

Antara lokasi penggunaan kalimah-kalimah tersebut dengan makna mukjizat dalam al-Quran adalah seperti berikut:

i. *Āyah* (آية)⁹

Firman Allah SWT:

وَأَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَنِهِمْ لِئَنْ جَاءَهُمْ إِعْلَمٌ لَّيْوْمِنَهَا قُلْ إِنَّمَا الْأَيْتُ عِنْدَ اللَّهِ وَمَا يُشْعِرُكُمْ أَنَّهَا إِذَا جَاءَتْ لَا يُؤْمِنُونَ

al-An‘ām 6: 109

Maksudnya: "Dan mereka pula bersumpah dengan nama Allah, dengan menegaskan sumpah mereka bersungguh-sungguh, bahawa sesungguhnya jika datang kepada mereka sesuatu mukjizat (sebagaimana yang mereka minta itu), tentulah mereka akan beriman kepadanya. Katakanlah (Wahai Muhammad): "soal mendatangkan mukjizat-mukjizat itu hanyalah Allah yang menentukannya, dan kamu tidak menyedari (wahai orang-orang Islam), bahawa apabila mukjizat-mukjizat (yang mereka minta) itu datang, mereka tidak juga akan beriman."¹⁰

ii. *Bayyinah* (بينة)¹¹

Firman Allah SWT:

وَإِلَى شُمُودِ أَخَاهُمْ صَلِحًا قَالَ يَقُولُمْ أَعْبُدُوا اللَّهَ مَا لَكُمْ مِّنْ إِلَهٍ غَيْرُهُ قَدْ حَاءَتْكُمْ بَيْنَهُ مِنْ رَبِّكُمْ هَذِهِ نَاقَةُ اللَّهِ لَكُمْ إِعْلَمٌ فَذَرُوهَا تَأْكُلُ فِي أَرْضِ اللَّهِ

al-A‘rāf 7: 73

⁹ Kalimah *āyah* diulang dalam al-Quran 86 kali dalam bentuk tunggal (*āyatayn* - آياتين - آيات), sekali dalam bentuk dua dan 295 kali dalam bentuk jamak (*āyāt* - آيات). Ia adalah perkataan komprehensif bagi setiap yang menunjukkan sesuatu (tanda – penulis) dan kadang-kadang memberi makna mukjizat.

- ‘Abd al-Ḥamīd al-Farāḥī, *Mufradāt al-Qur’ān Nazārāt Jadīdah fī Tafsīr Alfaż Qur’āniyyah*, (Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002), 199.

Sebahagian *āyah* pula bermaksud ayat-ayat dalam kitab suci yang dibacakan oleh nabi-nabi.

¹⁰ Abdullah Basmeih, *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*, (Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, JPM, 1995), 318.

¹¹ Kalimah *bayyinah* diulang dalam al-Quran 19 kali dalam bentuk tunggal dan 52 kali dalam bentuk jamak. Bayyinah adalah pembuktian yang jelas sama ada secara logik fikiran atau secara fizikal (*hissi*).

-al-Rāghib al-Isfihānī, *al-Mufradāt fī Ghārīb al-Qur’ān*, (Maktabah Nazār Muṣṭafā al-Bāz), 88.

Ada ketikanya, *bayyinah* bermaksud ‘jelas’ yang menjadi kata sifat bagi *āyah* seperti dalam firman Allah:

سَلْ بَنِي إِسْرَائِيلَ كُمْ إِاتَّيْتُهُمْ مِّنْ إِعْلَمٍ بَيْنَهُ

al-Baqarah 2: 211

Maksudnya: "Bertanyalah kepada Bani Israel, berapa banyak keterangan-keterangan yang jelas yang telah Kami berikan kepada mereka?"

Āyah bayyinah bermaksud mukjizat yang jelas.

-Wahbah al-Zuhaylī, *al-Tafsīr al-Munīr*, (Dimashq: Dār al-Fikr, 2007), 1: 602.

Maksudnya: “Dan kepada kaum Thamūd (Kami utuskan) saudara mereka: Nabi Śāliḥ. Ia berkata: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tiada Tuhan bagi kamu selain daripadanya. Sesungguhnya telah datang kepada kamu keterangan yang nyata (mukjizat) dari Tuhan kamu; ini adalah seekor unta betina (dari) Allah sebagai keterangan bagi kamu (membuktikan kebenaranku). Oleh itu, biarkanlah unta itu mencari makan di bumi Allah...”

iii. *Burhān* (برهان)¹²

Firman Allah SWT:

أَسْلُكْ يَدَكَ فِي جَيْبِكَ تَخْرُجْ بِيَضَاءٍ مِنْ غَيْرِ سُوءٍ وَأَضْمُمْ إِلَيْكَ جَنَاحَكَ مِنْ
الرَّهْبِ فَدِينَكَ يُرْهَنَانِ مِنْ رَبِّكَ إِلَى فِرْعَوْنَ وَمَلَائِيكَهُ

al-Qaṣāṣ 28: 32

Maksudnya: “Masukkanlah tanganmu melalui belahan dada bajumu, nescaya keluarlah ia putih bersinar-sinar dengan tiada cacat; dan kepitlah tanganmu di celah ketiakmu ketika merasa takut (nescaya hilanglah takutmu). Yang demikian adalah dua bukti (mukjizat) dari Tuhanmu (untuk engkau tunjukkannya) kepada Firaun dan kaumnya...”

iv. *Sulṭān* (سلطان)¹³

Firman Allah SWT:

وَمَا كَارَ لَنَا أَنْ نَقْتِلُكُمْ بِسُلْطَنٍ إِلَّا بِإِذْنِ اللَّهِ وَعَلَى اللَّهِ فَلِيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١١﴾

Ibrāhīm 14: 11

Maksudnya: “Kami tiadalah berkuasa membawa kepada kamu sebarang bukti (mukjizat) melainkan dengan izin Allah. Dan dengan yang demikian maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman berserah diri.”

¹² *Burhān* diulang dalam al-Quran 7 kali dalam bentuk tunggal dan sekali dalam bentuk dua. Selain makna mukjizat, *burhān* adalah keterangan bagi hujah. Ia adalah sekuat-kuat dalil yang menunjukkan benar selama-lamanya.

-al-Rāghib, *al-Mūfradāt*, 57.

¹³ Kalimah *sulṭān* pula diulang dalam al-Quran 37 kali. Ia berasal dari kata kerja *salāta* yang bermakna ‘mampu memaksa’. Kata ini umumnya digunakan untuk orang yang ‘mampu memaksa’ iaitu penguasa. Pada kebanyakan ayat al-Quran, *sulṭān* digunakan dengan makna hujah. Hujah memberi kesan serangan ke atas hati dan kebanyakan kesannya adalah pada orang yang mempunyai ilmu dan kebijaksanaan dalam kalangan orang-orang beriman.

-al-Rāghib, *al-Mūfradāt*, 238.

Ada ketikanya bererti ‘kekuatan untuk memaksa’ atau hujah seperti dalam surah Ibrāhīm 14: 22.

-Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī, *al-Tafsīr al-Muyassar*, *Mujamma’ al-Malik Fahd*, 258).

Pada beberapa ayat, ia bermakna mukjizat dan hujah juga seperti Ibrāhīm 14: 11 dan al-Mu’mīnūn 23: 45.

-Basmeih, *Pimpinan Ar-Rahman*, 598 & 872.

Terminologi mukjizat (*mu'jizah*) mula digunakan apabila perbahasan akidah semakin hebat dan ilmu-ilmu mula dibukukan di sekitar hujung abad kedua dan awal abad ketiga Hijrah.¹⁴ Istilah mukjizat telah digunakan menggantikan *āyah* (tanda) yang digunakan dalam al-Quran bagi mengelakkan kekeliruan dengan kalimah ‘ayat’ dengan pengertian ‘barisan ayat al-Quran’ atau pengertian-pengertian lain.¹⁵ Dalam konteks ini, ia tidak menggunakan kalimah *i'jāz*.

2.2 Kepentingan dan Tujuan Mukjizat

Tujuan adanya mukjizat adalah untuk membenarkan dakwaan kerasulan seseorang rasul serta kebenaran kitab, wahyu dan risalah yang dibawanya. Dalam konteks umat manusia hari ini, sesuatu yang dianggap mukjizat hendaklah membenarkan kerasulan Nabi Muhammad SAW dan membenarkan al-Quran sebagai kitab dari Tuhan. Topik ini perlu dibincangkan juga kerana ia akan menjadi asas perlunya konsep *i'jāz* al-Quran dikembangkan dari satu zaman ke zaman yang lain.

Mukjizat bukan sekadar kejadian luar biasa atau perkara hebat yang mengagumkan manusia. Ia mempunyai tujuan dan mesti dikaitkan dengan dakwaan kenabian atau suatu kebenaran dari Tuhan. Dalam konteks para nabi dan rasul, mukjizat menjadi bukti yang menyokong benarnya dakwaan oleh para nabi bahawa mereka adalah utusan dari Allah SWT. Dengan mukjizat itulah, manusia boleh membezakan antara nabi yang sebenar dengan nabi palsu. Manusia boleh mengetahui bahawa apa yang diajar oleh para nabi itu adalah perkara benar dari Allah SWT.

Al-Zarqānī menyebut:

“*I'jāz* al-Quran bermaksud al-Quran mensabitkan lemahnya makhluk untuk mengemukakan sesuatu yang memenuhi cabaran al-Quran (membuat karya seumpamanya). Namun, “mensabitkan kelemahan” itu bukanlah matlamat yang hendak dicapai. Matlamatnya adalah kesan dari *i'jāz* itu, iaitu menzahirkan bahawa kitab (al-Quran) ini adalah benar dan

¹⁴ Muṣṭafā, *Mabāḥith*, 17.

¹⁵ Muṣṭafā, *Mabāḥith*, 18.

rasul yang membawanya juga rasul yang sebenar. Halnya sama seperti mukjizat nabi-nabi terdahulu.”¹⁶

Sa‘īd Hawwā pula menyebut:

Mukjizat adalah perkara mencarik adat yang zahir pada seorang rasul atau nabi. Ia adalah tanda kerasulan kerana ia keluar dari hukum sebab-musabab. Manusia sebagai manusia tidak mampu untuk mendatangkannya kerana kudrat manusia terbatas dalam lingkungan sistem alam semesta. Kudrat Tuhan sahaja yang mutlak (tidak terbatas). Oleh itu, hal seorang rasul yang zahir padanya kesan-kesan kudrat yang mutlak menjadi dalil bahawa dia mempunyai hubungan dengan Allah.¹⁷

Justeru, tujuan utama dari berlakunya sesuatu mukjizat dapat dirumuskan seperti berikut:

- i. Menunjukkan bahawa manusia yang mengaku rasul itu memang benar-benar seorang rasul dan mempunyai hubungan dengan Allah, Tuhan semesta alam.
- ii. Menzahirkan bahawa pengakuannya sebagai utusan Allah adalah benar.
- iii. Menzahirkan benarnya wahyu atau kitab yang dibawa oleh rasul itu adalah dari Allah.

2.3 Ciri dan Syarat Mukjizat

Oleh kerana mukjizat adalah bukti kerasulan seseorang utusan Allah, ia mestilah berlaku pada perkara yang tidak mungkin dapat ditiru atau dilakukan oleh manusia biasa. Kerana itulah, para ulama meletakkan beberapa ciri mukjizat, sama ada berdasarkan definisi mereka atau diperincikan dalam huraiān dan senarai. Ibn Ḥamdān dalam *Nihāyah al-Mubtadi ’in* menyebut:

“Mukjizat adalah apa yang mencarik adat kebiasaan termasuk kata-kata atau perbuatan, apabila ia menepati dakwaan kerasulan, diiringi dengannya dan bersesuaian dengannya, sebagai cabaran, sehingga tiada sesiapa yang

¹⁶ al-Zarqānī, Muḥammad bin ‘Abd al-‘Azīz, *Maṇāhil al-‘Irṣān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2010), 459.

¹⁷ Sa‘īd Hawwā, *al-Rasūl*, (Kaherah: Maktabah Wahbah), 9.

mampu mendatangkannya, atau mendatangkan yang seumpama dengannya, atau yang hampir sama dengannya.”¹⁸

Fakhr al-Dīn al-Rāzī pula menyatakan:

“Mukjizat, biasanya adalah perkara yang mencarik adat, disertai dengan cabaran serta tiada tentangan (tidak mampu ditentang).”¹⁹

Definisi ini turut digunakan oleh al-Suyūṭī dalam *al-Itqān*²⁰ dan Mannā‘ al-Qatṭān dalam *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*²¹ tanpa merujuk kepada al-Rāzī. Seolah-olah ia adalah definisi yang diterima umum. Al-Zarqānī pula mendefiniskannya sebagai:

“Perkara yang mencarik adat, di luar dari batas sebab musabbab yang diketahui, ia dicipta oleh Allah SWT pada diri seorang yang mengaku menjadi nabi, setelah pengakuan itu, menjadi saksi atau bukti kebenaran nabi itu (dakwaannya).”²²

Manakala Ḥasan Diyā’ al-Dīn ‘Itr memberi definisi berikut:

Perkara yang dilakukan oleh Allah pada diri seorang nabi, mengatasi kemampuan manusia dan mencarik (berlawanan dengan) sistem alam tabi’i dan sifat-sifat benda, digunakan oleh nabi itu untuk mencabar manusia, lalu tiada seorang pun dapat menentangnya.”²³

Fadl Ḥasan ‘Abbās pula mendefinisikan mukjizat sebagai:

“Perkara mencarik adat, yang menunjukkan bahawa Allah memperakukan kebenaran seorang yang mendakwa menjadi rasul utusan; atau ia adalah

¹⁸ al-Safārīnī, *Lawāmi‘*, 2, 290.

وقال ابن حمدان في نهاية المبتدئين: المعجزة هي ما خرق العادة من قول أو فعل إذا وافق دعوى الرسالة وقارنها وطابقها على جهة التحدي ابتداء بحيث لا يقدر أحد عليها ولا على مثلها ، ولا على ما يقاربها.

¹⁹ al-Safārīnī, *Lawāmi‘*, 2, 290.

وقال الفخر الرازي: المعجزة عرفاً أمر خارق للعادة مفروض بالتحدي مع عدم المعارضة.

²⁰ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Dar al-Fikr, 1974), 2, 116.

²¹ Mannā‘ al-Qatṭān, *Mabāhith fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Riyāḍ: Maktabah al-Mā‘rif li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 1421 H / 2000M), 265.

²² al-Zarqānī, *Manāhil*, 46.

أمر خارق للعادة خارج عن حدود الأسباب المعروفة يخلقه الله تعالى على يد مدعى النبوة عند دعوه إياها شاهدا على صدقه.

²³ Ḥasan Diyā’ al-Dīn ‘Itr, *al-Mu‘jizah al-Khālidah*, (Beirut: Mu’assasah Fu’ād Bā‘aynū li al-Tajlīd), 20.

sokongan dari Allah kepada seorang yang mengaku nabi dengan perkara yang menyokong dakwaannya agar dia diakui benar oleh kaum yang diutuskan rasul itu kepada mereka.”²⁴

Muṣṭafā Muslim menghuraikan definisi mukjizat, selepas memetik definisi al-Rāzī, al-Suyūṭī dan al-Zarqānī, sebagai berikut:

“Perkara yang mencarik sistem biasa (*sunnah Allah*) yang disediakan oleh Allah SWT dalam alam ini, ia tidak tunduk pada hukum sebab dan akibat, tiada sesiapa yang dapat mencapainya dengan kudrat peribadi dan usaha sendiri, sebaliknya ia adalah kurniaan dari Allah SWT, Dia-lah yang menentukan bentuk dan masanya berlaku, demi menjadi bukti benarnya utusan Allah yang telah dimuliakan-Nya dengan pangkat kerasulan.”²⁵

Dalam bentuk senarai pula, tujuh sifat disintesis sebagai syarat mukjizat. Al-Šābūnī menyenaraikan lima syarat:

- i. Ia pada perkara yang hanya mampu dilakukan oleh Allah, Tuhan sekalian alam. (Ia dilakukan oleh Allah sendiri, bukan pilihan manusia yang mengaku sebagai rasul).
- ii. Ia mencarik (bertentangan) dengan *sunnah alam* (sistem semulajadi alam). Ia juga bermaksud kejadian di luar hukum sebab dan akibat.
- iii. Ia digunakan oleh orang yang mengaku sebagai rasul untuk membuktikan kebenaran dakwaannya.
- iv. Ia berlaku menepati dakwaan nabi yang mencabar dengan menggunakan mukjizat itu. (Apa yang didakwa akan berlaku sama seperti apa yang berlaku).

²⁴ Faḍl Ḥasan, *Muḥāḍarāt*, 54.

²⁵ Muṣṭafā, *Mabāhith*, 19.

- v. Tiada seorang pun yang melakukan perkara yang setanding dengan mukjizat itu sebagai tentangan.²⁶ Syarat inilah menjadikan ia digelar mukjizat; iaitu sifat melemahkan. Ia bererti lemahnya seluruh manusia untuk menandingi mukjizat itu dan sifat lemah ini berterusan sepanjang zaman.²⁷

Hasan ‘Itr dan Muṣṭafā Muslim menambah dua syarat. Satu darinya sama, manakala satu berbeza. Syarat yang sama adalah:

- vi. Ia berlaku selepas pengakuan sebagai nabi atau rasul. Bukan sebelum pengakuan atau perlantikan. Perkara sebelum pengakuan diistilahkan oleh setengah ulama sebagai *irhāṣ*.

Syarat ketujuh Hasan ‘Itr adalah:

- vii. Ia berlaku bukan dalam bentuk mendustakan dakwaan orang yang mengaku sebagai rasul. Misalnya, dia mendakwa: “Mukjizat saya adalah biawak pandang pasir ini boleh bercakap.” Tiba-tiba, biawak itu berkata: “Dia adalah pembohong.”²⁸ (Walaupun berbeza sedikit, syarat ini seakan-akan huraian kepada syarat keempat).

Manakala, syarat ketujuh Muṣṭafā Muslim pula (menjadi syarat kelapan dalam senarai ini) adalah:

- viii. Digunakan sebagai cabaran atau disertakan dengan cabaran. Beliau menganggap ia sebagai syarat asasi kerana ia menzahirkan lemahnya para penentang yang menolak kebenaran rasul itu.²⁹

²⁶ Muḥammad ‘Ali al-Šābūnī, *al-Tibyān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Dimasyq: Dār al-Qalam, 1408H), 147.

²⁷ Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi‘ī, *I‘jāz al-Qur’ān wa al-Balāghah al-Nabawiyyah*, (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1990), 139.

²⁸ ‘Itr, *al-Mu‘jizah*, 22.

²⁹ Muṣṭafā, *Mabāhith*, 20.

Syarat ini disebut juga oleh Şâbir Hasan Muhammâd Abû Sulaymân dalam Rawnaq al-Bayân, walaupun beliau hanya menyebut tiga syarat mukjizat; iaitu mencarik adat, disertai cabaran dan tidak mampu ditentang.³⁰

Walaupun unsur cabaran (*tahaddî*) tidak disenaraikan oleh sarjana lain, namun ia disebut dalam definisi Ibn Ḥamdañ, al-Râzî dan Ḥasan ‘Itr. Ini menjadikannya syarat yang penting juga. Apatah lagi, ayat-ayat al-Quran yang menjadi sandaran topik *i’jâz* adalah ayat-ayat yang mencabar manusia dan jin supaya meniru atau mendatangkan sesuatu surah seperti al-Quran. Antaranya firman Allah SWT:³¹

وَإِن كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ وَآذُعُوا شُهَدَاءَكُمْ

مِنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٢٣﴾

al-Baqarah 2:23

Maksudnya: “Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.”

Bahkan ayat-ayat tersebutlah yang mencetuskan topik *i’jâz* al-Quran sama ada pada peringkat awal dalam kalangan ulama muktazilah mahu pun pada peringkat seterusnya dalam kalangan ahli sunnah.

Berdasarkan syarat ini (syarat kelapan) juga, terdapat ulama membahagikan tanda-tanda (*‘alâmah*) kenabian kepada dua; iaitu mukjizat dan *dalâ’il* (tanda-tanda). Apabila tanda itu disertai dengan cabaran, ia dikelaskan sebagai mukjizat. Jika tidak, ia adalah *dalâ’il*.³² Ibn Ḥajar mengkelaskan mukjizat sebagai lebih khusus dalam kategori tanda-tanda kenabian (*‘alâmah*). Beliau meletakkan unsur cabaran (*tahaddî*) sebagai sifat mukjizat.³³ Tanpa unsur cabaran, perkara itu hanyalah tanda-tanda kenabian dan bukan mukjizat. Pengelasan ini turut digunakan oleh ‘Umar Sulaymân al-Ashqar. Beliau

³⁰ Şâbir Hasan Muhammâd Abû Sulaymân, *Rawnaq al-Bayân fî I’jâz al-Qur’ân*, (Riyâd: Dâr al-Syarîf, 1997), 15.

³¹ Ayat-ayat lain adalah: Surah al-Tûr ayat 34, Hûd, ayat 13, Yûnus ayat 38 dan al-Isrâ’ ayat 88.

³² Muṣṭafâ, *Mabâhiḥ*, 21.

³³ al-‘Asqalâni, Ibn Ḥajar, *Fâth al-Bârî bi Sharh Saḥîḥ al-Bukhârî*, (Beirut: Dâr al-Mâ’rifah, 1379H), 6, 581.

mengeluarkan dari kategori mukjizat, perkara luar biasa yang tidak digunakan untuk mencabar. Contoh-contoh yang beliau kemukakan (sebagai bukan mukjizat) adalah keluarnya air dari celah-celah jari-jari Nabi SAW, makanan sedikit menjadi banyak, batu-batu yang bertasbih di tapak tangan baginda, pokok datang mengadap baginda dan batang kurma yang menangis.³⁴

Namun, syarat-syarat ini tidak dapat mengikat kerana konsep *i'jāz* itu sendiri bukan muncul secara *tawqīfi* dari nas al-Quran atau hadis Rasulullah SAW. Sebaliknya, hanya istilah *āyah* (آیة) digunakan bagi merangkumi semua perkara luar biasa yang berlaku pada para nabi dan rasul. Ibn Taymiyyah menyatakan bahawa istilah *āyāt al-anbiyā'* (tanda-tanda kenabian) lebih tepat dengan tujuan ia diadakan, berbanding istilah mukjizat. Istilah mukjizat sendiri tidak digunakan dalam al-Quran atau sunnah. Sebaliknya, kedua-dua sumber itu menggunakan lafadz *āyah*, *bayyinah* dan *burhān*.³⁵

2.4 Konsep Al-Quran Sebagai Mukjizat

Allah SWT mengurniakan mukjizat kepada para nabi dan rasul dalam pelbagai bentuk. Umumnya, ia adalah dalam bentuk atau perkara yang sangat ditekuni atau dikagumi oleh umat manusia yang menjadi sasaran dakwah nabi atau rasul berkenaan. Ia bertujuan agar cabaran dari mukjizat itu lebih kuat dan hujahnya lebih dirasai.

Sebagai contoh, antara mukjizat Nabi Saleh AS adalah keluarnya unta dari celah-celah batu, sesuai dengan kemahiran kaum Thamud yang mahir memahat batu sehingga menjadi rumah dan bangunan. Mukjizat Nabi Musa AS pula adalah berubahnya tongkat menjadi ular, sesuai dengan perkembangan ilmu sihir pada zaman Firaun di Mesir. Manakala mukjizat Nabi Isa AS adalah dalam bentuk perubatan sesuai dengan kemahiran zaman dan kaumnya dalam ilmu perubatan. Allah SWT mengurniakan Nabi Isa AS mukjizat menyembuhkan orang yang buta dan sopak serta dapat menghidupkan orang yang sudah mati. Kesemua mukjizat itu mengatasi kehebatan sesuatu kaum berkenaan.

³⁴ ‘Umar Sulaymān al-Ashqar, *al-Rusul wa al-Risālāt*, (Kuwait: Dār al-Nafā’is, 1989), 122.

³⁵ Ibn Taymiyyah, *al-Jawāb al-Šāhīh li Man Baddal Dīn al-Masīh*, (Kaherah: Dār al-Hadīth, 2005), Juz 5, 412.

Kebanyakan penulis dalam topik *i'jaz* al-Quran menyentuh perkara ini sebelum menghuraikan panjang tentang mukjizat al-Quran.

2.4.1 Al-Qur'an Mukjizat Dari Aspek Bahasa

Oleh kerana zaman Rasulullah Muhammad SAW diutuskan adalah zaman kegemilangan sastera Arab, maka baginda dikurniakan mukjizat dalam bentuk bahasa. Kitab al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab telah menjadi cabaran kepada bangsa itu. Namun, ini hanyalah salah satu aspek mukjizat al-Quran. Ia bukan sekadar mukjizat dalam aspek bahasa dan sastera sahaja kerana perutusan Rasulullah, Muhammad SAW sebagai penutup para nabi menjadikan risalahnya berpanjangan. Ia akan mendepani pelbagai zaman selepas zaman penurunannya sehingga hari kiamat. Justeru, Allah SWT telah mempersiapkan risalahnya dengan kekuatan yang menjadikannya sentiasa relevan mendepani cabaran pelbagai zaman.

2.4.2 Al-Qur'an Sebagai Mukjizat *Ma'nawi*

Aspek yang kedua bagi mukjizat al-Quran adalah ia merupakan mukjizat *ma'nawi* (yang perlu difahami dengan akal fikiran) bukan seperti mukjizat-mukjizat lain yang kebanyakannya bersifat *hissi* (fizikal yang boleh dilihat dengan mata). Perubahan dari mukjizat *hissi* kepada *ma'nawi* ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW sendiri dalam hadis baginda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ عَنْ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَا مِنْ الْأَنْبِيَاءِ نَبَيٌّ إِلَّا أُعْطِيَ مِنْ الْآيَاتِ
مَا مِثْلُهُ أُوْمَنَ أَوْ آمَنَ عَلَيْهِ الْبَشَرُ وَإِنَّمَا كَانَ الذِّي أُوْتِيَتْ وَحْيًا أَوْ حَاهُ اللَّهُ إِلَيَّ فَأَرْجُو أَنِّي
أَكْثَرُهُمْ تَابِعًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ (متفق عليه).

Maksudnya: Dari Abu Hurairah RA dari Nabi SAW, sabda baginda: “Tiada seorang nabi dari kalangan para nabi melainkan dia diberikan tanda-tanda yang seumpamanya, lalu diimani atau orang ramai beriman kerananya. Dan hanyasanya yang diberikan kepada aku adalah wahyu

(sebagai tanda), Allah mewahyukannya kepada aku. Maka aku berharap agar akulah (nabi) yang paling ramai pengikut pada hari kiamat”³⁶

Ia merupakan satu keistimewaan bagi Nabi Muhammad SAW dan umatnya. Keistimewaan itu diberi atas beberapa kelebihan pada umat ini. Al-Suyūtī menyebut:

“Kebanyakan mukjizat Bani Isra’il (pada nabi-nabi mereka) adalah bersifat *hissi* kerana kebodohan mereka dan kurang tajamnya penglihatan hati mereka. Sedangkan kebanyakan mukjizat umat ini (umat Muhammad SAW) adalah bersifat *aqliyyah* (dilain oleh akal) kerana lebihnya kebijaksanaan mereka dan sempurnanya kefahaman mereka. Juga kerana syariat ini akan berkekalan melepas lebaran zaman hingga hari kiamat, mereka diberikan secara khusus mukjizat *aqliyyah* yang berpanjangan agar dapat dilihat oleh orang-orang yang tajam pemikirannya.”³⁷

Justeru, perutusan Nabi Muhammad SAW menyaksikan perubahan cara Allah SWT menegaskan kebenarannya dari mukjizat fizikal kepada mukjizat kitab. Perubahan ini mengandungi hikmah yang besar, di antaranya:

- i. Tidak ada nabi lain yang memperolehi mukjizat dalam bentuk ini.
- ii. Mukjizat wahyu berkekalan selama adanya kitab yang mencatat wahyu itu dan dapat disaksikan oleh manusia sepanjang zaman. Bahkan, al-Quran sendiri dijamin terpelihara dan kekal hingga hari kiamat. Mukjizat lain hanya dapat disaksikan oleh manusia sezaman dengan nabinya. Lamanya tempoh mukjizat al-Quran membolehkan seseorang membaharukan iman bila membacanya.
- iii. Mukjizat wahyu tidak dapat dikelirukan dengan khayalan sihir seperti mukjizat fizikal yang lain.³⁸ Walaupun mukjizat lain tetap tidak dapat

³⁶ Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Kitāb Faḍā’il al-Qur’ān, Bāb Kayfa Nazal al-Wahy wa Awwal Mā Nazal, hadis no 4598; juga Kitāb al-I’tiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, Bāb Qawl al-Nabiyū Bu’ithtu bi Jawāmi’ al-Kalim, hadis no.6732, (Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987), juz 22: 242.

Muslim bin al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Imān, Bāb Wujūb al-Imān bi Risālah Nabiyinā SAW, hadis no 217 (Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āfāq al-Jadīdah), juz 1: 364.

³⁷ al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn, *Mu’tarak al-Aqrān fī I’jāz al-Qur’ān*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988), 116.

³⁸ al-Nawawī, Abū Zakariyā Yaḥyā bin Syaraf, *al-Minhāj Sharah Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1392H), juz 2: 188. Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn, *Al-Dībāj ‘alā Ṣaḥīḥ Muslim bin al-Hajjāj*, (Saudi Arabia: Dār Ibn ‘Affān, 1996), 1: 174.

ditandingi, namun sihir mungkin boleh mengelirukan orang awam yang jahil.

Kedudukan al-Quran sebagai mukjizat dan tanda kenabian baginda SAW juga dapat difahami dari beberapa ayat al-Quran. Ketika orang-orang kafir mempersoalkan mengapa tidak ada tanda-tanda dari Tuhan diturunkan kepada Rasulullah SAW. Allah berfirman:

وَقَالُوا لَوْلَا أَنْرَكَ عَلَيْهِ إِعْلَيْتُ مِنْ رَبِّهِ قُلْ إِنَّمَا أَلَّا يَأْتِي عِنْدَ اللَّهِ وَإِنَّمَا أَنَا نَذِيرٌ
مُّبِينٌ أَوَلَمْ يَكْفِهِمْ أَنَّا أَنْزَلْنَا عَلَيْكَ الْكِتَابَ يُتَلَى عَلَيْهِمْ إِنَّ فِي ذَلِكَ
لَرَحْمَةً وَذِكْرَى لِقَوْمٍ يُؤْمِنُونَ

al-‘Ankabüt 29: 50-51

Maksudnya: "Dan mereka berkata: "Mengapa tidak diturunkan kepada (Muhammad) mukjizat-mukjizat dari Tuhannya?" Jawablah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya (urusan menurunkan) mukjizat-mukjizat itu adalah tertentu bagi Allah, dan aku hanyalah seorang rasul pemberi amaran yang jelas nyata". "Tidakkah cukup bagi mereka bahawa Kami telah menurunkan kepadamu al-Quran yang dibacakan kepada mereka? Sesungguhnya al-Quran yang diturunkan itu mengandungi rahmat dan peringatan bagi orang-orang yang beriman."

Allah menjelaskan dalam ayat-ayat ini bahawa kitab al-Quran itu sendiri adalah bukti dan tanda kebenaran rasulnya selain dari tanda-tanda lain. Bahkan al-Quran itu sudah cukup untuk menjadi bukti seperti mukjizat-mukjizat para nabi yang lain.³⁹ Selain itu, Allah SWT juga mempersoalkan, adakah patut mereka meminta mukjizat-mukjizat yang lain? Sedangkan tanda-tanda kenabian dan mukjizat fizikal yang lain sebenarnya ada, tetapi mereka tetap ingkar. Misalnya, peristiwa terbelahnya bulan, yang diperlihatkan oleh Allah SWT kepada penduduk Mekah. Peristiwa ini dirakamkan dalam sebuah hadis:

عَنْ أَنَسِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَهْلُ مَكَّةَ أَنْ يُرِيُّهُمْ آيَةً فَأَرَاهُمْ انشِقَاقَ الْقَمَرِ

Maksudnya: Dari Anas RA, katanya: Penduduk Mekah meminta Rasulullah SAW memperlihatkan kepada mereka bukti (kebenaran baginda). Lalu baginda memperlihatkan kepada mereka bulan terbelah.⁴⁰

³⁹ al-Bāqillānī, al-Qādī Abū Bakr, *I‘jāz al-Qur’ān*, (Dār al-Fikr) 1, 19.

⁴⁰ al-Bukhārī, *Sahīh*, Kitāb Tafsīr al-Qur’ān, Bāb Tafsīr Sūrah al-Qamar, hadis no. 4586, 15: 118.

Malangnya, mereka menolaknya dan mengatakan bahawa ia adalah sihir seperti dijelaskan oleh Allah SWT dalam ayat yang turun selepas peristiwa tersebut:

أَقْرَبَتِ السَّاعَةُ وَانْشَقَ الْقَمَرُ ۝ وَإِنْ يَرَوْا إِيمَانَهُ يُعْرِضُوا وَيَقُولُوا سِحْرٌ مُّسْتَمِرٌ ۝

وَكَذَّبُوا وَاتَّبَعُوا أَهْوَاءَهُمْ ۝ وَكُلُّ أَمْرٍ مُّسْتَقْرٌ ۝

al-Qamar 54: 1-3

Maksudnya: "Telah hampir saat (kedatangan hari kiamat) dan terbelahlah bulan." "Dan kalau mereka (kaum musyrik Mekah) melihat sesuatu mukjizat, mereka berpaling ingkar sambil berkata: (Ini ialah) sihir yang terus menerus berlaku." "Dan mereka mendustakan serta menurut hawa nafsu mereka, sedang tiap-tiap perkara adalah tetap (menurut keadaan yang ditentukan oleh Allah)."

Justeru sifat ingkar yang ada pada kaum kafir itulah menyebabkan Allah SWT tidak menyangut semua permintaan mereka. Apatah lagi, jika permintaan mereka dipenuhi pun, mereka tetap tidak mahu beriman. Dengan kata lain, mereka hanya mahu mempermaining kebenaran yang dibawa oleh baginda SAW. Allah SWT berfirman tentang isu ini:

وَقَالُوا لَنْ نُؤْمِنَ لَكَ حَتَّىٰ تَفْجُرَ لَنَا مِنَ الْأَرْضِ يَنْبُوعًا ۝ أَوْ تَكُونَ لَكَ جَنَّةٌ

مِنْ خَيْلٍ وَعِنْبٍ فَتُفَجِّرَ الْأَنْهَارَ خِلَالَهَا تَفْجِيرًا ۝ أَوْ تُسْقِطَ السَّمَاءَ كَمَا زَعَمْتَ

عَيْنَاهُ كِسْفًا أَوْ تَأْتِي بِاللَّهِ وَالْمَلَائِكَةِ قَبِيلًاً ۝ أَوْ يَكُونَ لَكَ بَيْتٌ مِنْ رُّخْرُفٍ أَوْ

تَرَقَ فِي السَّمَاءِ وَلَنْ نُؤْمِنَ لِرُقِيقَكَ حَتَّىٰ تُنْزِلَ عَيْنَاهُ كِتَابًا نَقْرُؤُهُ قُلْ سُبْحَانَ رَبِّي

هَلْ كُنْتُ إِلَّا بَشَرًا رَسُولاً ۝

al-Isrā' 17: 90-93

Maksudnya: "Dan mereka berkata: "Kami tidak sekali-kali akan beriman kepadamu (Wahai Muhammad), sehingga engkau memancarkan matair dari bumi, bagi kami." "Atau engkau mempunyai kebun dari pohon-pohon tamar dan anggur, kemudian engkau mengalirkan sungai-sungai dari celah-celahnya dengan aliran yang terpancar terus-menerus." "Atau engkau gugurkan langit berkeping-keping atas kami, sebagaimana yang engkau sangkakan (akan berlaku); atau engkau bawakan Allah dan malaikat untuk kami menyaksikannya." "Atau engkau mempunyai sebuah rumah terhias dari emas; atau engkau naik ke langit; dan kami tidak sekali-kali akan percaya tentang naiknya engkau ke langit sebelum engkau

turunkan kepada kami sebuah kitab yang dapat kami membacanya." Katakanlah (Wahai Muhammad): "Maha suci Tuhanmu! Bukankah aku ini hanya seorang manusia yang menjadi rasul?"

Allah SWT tidak melayan permintaan mereka, sebaliknya Dia menegaskan kerasulan baginda Muhammad SAW di samping sifat normalnya sebagai manusia biasa. Sedangkan mukjizat itu adalah hak mutlak Allah. Bukan ditentukan dan dilakukan oleh mana-mana manusia yang menjadi rasul. Lalu Allah SWT menjelaskan sebab sebenar mereka enggan beriman dalam ayat berikutnya:

وَمَا مَنَعَ النَّاسَ أَن يُؤْمِنُوا إِذْ جَاءَهُمُ الْهُدَىٰ إِلَّا أَن قَالُوا أَبَعَثَ اللَّهُ بَنَرًا رَّسُولًا

قُلْ لَوْ كَانَ فِي الْأَرْضِ مَلَكٌ كَيْمَشُونَكَ مُطْمَئِنٌ لَّتَزَّلَنَا عَلَيْهِمْ مِّنَ السَّمَاءِ

مَلَكًا رَّسُولًا

al-Isrā' 17: 94

Maksudnya: "Dan tiadalah yang menghalang orang-orang musyrik itu dari beriman ketika datang kepada mereka hidayah petunjuk, melainkan mereka berkata: "Patutkah Allah mengutus seorang manusia menjadi rasul?" "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Kalau ada di bumi, malaikat yang berjalan serta tinggal mendiaminya, tentulah Kami akan turunkan kepada mereka dari langit, malaikat yang menjadi rasul."

Keingkaran mereka tentang kemungkinan manusia menjadi rasul menyebabkan mereka menjadi hairan apabila ada manusia mendakwa mereka dihantar oleh Allah sebagai rasul (utusan). Dengan kata lain, kesombongan dalam diri mereka lah yang menyebabkan mereka enggan menerima manusia biasa menjadi rasul. Mereka mengharapkan seorang yang sehebat malaikat menjadi utusan kepada mereka. Sedangkan Allah pula mengajar bahawa seseorang rasul dibangkitkan dalam kalangan kaumnya sendiri. Jika ada malaikat yang tinggal di bumi, barulah Allah akan mengutus malaikat pula menjadi rasul sebagai pemberi ingat.

Justeru, manusia wajar berpada dan merasa cukup dengan mukjizat-mukjizat yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah SAW, khususnya mukjizat al-Quran. Kerana itulah, mendengar al-Quran sahaja sudah cukup untuk menjadi bukti dan sebab bagi seseorang itu beriman. Dengan kata lain, ayat-ayat al-Quran yang dibacakan sudah cukup menjadi hujah

ke atas kaum yang kafir bahawa mereka telah diperlihatkan kebenaran seruan Islam. Al-Baqillani memberi komentar ketika menyandarkan konsep mukjizat al-Quran pada firman Allah SWT:

وَإِنْ أَحَدٌ مِّنَ الْمُشْرِكِينَ أَسْتَجَارَكَ فَأَجْرُهُ حَقٌّ يَسْمَعُ كَلْمَةَ اللَّهِ ...
1

al-Tawbah: 6

Maksudnya: “Dan jika seseorang dari kaum musyrik meminta perlindungan kepadamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga ia sempat mendengar kalam Allah (al-Quran)...”

Menurut al-Baqillāni:

“Kalaulah mendengarnya (kalam Allah – al-Quran) itu tidak menjadi hujah ke atasnya (manusia musyrik itu), tentulah tidak berlaku perintah supaya dia mendengarnya. Dan ia (al-Quran itu sendiri) tidak menjadi hujah melainkan kerana ia merupakan mukjizat.”⁴¹

2.5 Konsep *I'jāz al-Qur'an*

I'jāz al-Quran bermaksud perihal kitab al-Quran yang melemahkan makhluk yang lain. Faḍl Hasan Abbās menyebut:

“*I'jāz* al-Quran bermakna lemahnya manusia untuk mendatangkan (karya) yang seumpamanya. Dengan kata lain, al-Quran telah melemahkan manusia untuk menirunya.”⁴²

Mannā‘ al-Qaṭṭān pula menyebut:

“Yang dimaksudkan dengan *i'jāz* di sini adalah menzahirkan benarnya Nabi SAW pada pengakuannya sebagai rasul dengan menzahirkan lemahnya bangsa Arab untuk menentang baginda pada mukjizatnya yang kekal (al-Quran) serta lemahnya generasi-generasi selepas mereka.”⁴³

Istilah dan konsep *i'jāz* mula digunakan dalam perbahasan tentang cabaran Allah SWT kepada manusia untuk menandingi al-Quran. Mungkinkah ada sesiapa yang

⁴¹ al-Bāqillāni, *I'jāz*, 1, 11.

⁴² Faḍl Hasan, *Muḥādārāt* 55.

⁴³ al-Qaṭṭān, *Mabāhith*, 265.

mengarang satu buku, kemudian mencabar orang lain menirunya? Hanya Allah SWT sahaja yang mengemukakan cabaran seperti itu. Perbahasan mengenai kelemahan makhluk meniru al-Quran inilah yang menimbulkan persoalan dan mencetuskan konsep *i'jāz* al-Quran (kemukjizatan al-Quran).

Cabaran untuk menandingi al-Quran itu adalah bagi menegaskan bahawa al-Quran itu bukan rekaan Nabi Muhammad SAW. Sebaliknya, ia adalah wahyu yang benar-benar datang dari Allah, Tuhan Pencipta alam semesta. Namun, ada juga manusia yang mendakwa bahawa al-Quran hanyalah kata-kata manusia biasa yang mampu mereka tandingi. Allah SWT merakamkan dakwaan mereka dalam al-Quran:

وَإِذَا تُتْلَىٰ عَلَيْهِمْ إِعْيَادُنَا قَالُواْ قَدْ سَمِعْنَا لَوْ نَشَاءُ لَقُلْنَا مِثْلَ هَذَا إِنْ هَذَا إِلَّا
أَسَاطِيرُ الْأَوَّلِينَ

al-Anfāl 8: 31

Maksudnya: "Dan apabila dibacakan kepada mereka ayat-ayat kami, mereka berkata: "Sesungguhnya kami telah mendengarnya. Kalau kami mahu, nescaya kami dapat mengatakan (kata-kata) seperti (al-Quran) ini. (al-Quran) ini tidak lain hanyalah cerita-cerita dongeng orang-orang dahulu kala."

Lalu Allah SWT memberi peluang kepada manusia yang memandang rendah kepada al-Quran agar membuktikan dakwaan mereka itu. Bukan sekadar memberi peluang, bahkan Allah SWT mencabar mereka pula beberapa kali.

2.5.1 Cabaran Al-Qur'an

Kedudukan al-Quran sebagai bukti kenabian dan mukjizat telah dijelaskan oleh Allah dan diterima oleh orang-orang yang beriman. Apa yang menjadi persoalan selepas itu adalah di manakah nilai mukjizat al-Quran? Apabila Allah SWT mencabar makhluk manusia dan jin agar mendatangkan sesuatu yang sama dengan al-Quran, Dia bertujuan menzhahirkan bahawa mereka lemah dan tidak mampu melakukannya. Padahal Allah SWT telah meringankan cabaran itu pada beberapa peringkat iaitu:

- i. Cabaran supaya mendatangkan sesuatu seperti al-Quran.

- ii. Cabaran supaya mendatangkan sepuluh surah seperti al-Quran.
- iii. Cabaran supaya mendatangkan satu surah seumpama al-Quran.
- iv. al-Quran menegaskan kegagalan dan lemahnya mereka.

Pada peringkat pertama, apabila kaum kafir menganggap bahawa Nabi Muhammad SAW bukan utusan Tuhan dan hanya mereka-reka wahyu dari-Nya, Allah SWT mencabar mereka supaya mendatangkan apa-apa sahaja bentuk bicara yang seumpama al-Quran. Firman Allah SWT:

أَمْ يَقُولُونَ تَقَوَّلَهُ^١ بَلْ لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢﴾ فَلَيَأْتُوا بِحَدِيثٍ مِّثْلِهِ إِنْ كَانُوا صَادِقِينَ

al-Tūr 52: 33-34

Maksudnya: "Bahkan mereka berkata: "Dia (Muhammad) telah mereka-reka al-Quran itu". (Tuduhan mereka yang demikian tidak berasas) bahkan mereka sengaja tidak muh beriman!" "(kalau tidak) maka hendaklah mereka membuat dan mendatangkan kata-kata (yang fasih dan indah) seperti al-Quran itu, jika betul mereka orang-orang yang benar dakwaannya."

Pada peringkat kedua, Allah mencabar mereka mendatangkan sepuluh surah seperti al-Quran. Firman Allah SWT:

أَمْ يَقُولُونَ أَفْتَرَهُ^٢ قُلْ فَأَتُوا بِعَشْرِ سُورٍ مِّثْلِهِ مُفْتَرِيَتٍ وَادْعُوا مَنْ أَسْتَطَعْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَادِقِينَ ﴿٣﴾ فَإِنَّمَا يَسْتَجِيبُوْ لَكُمْ فَاعْلَمُوْا أَنَّمَا أُنْزِلَ بِعِلْمِ اللَّهِ وَأَنَّ لَّا إِلَهَ إِلَّا هُوَ فَهَلْ أَنْتُمْ مُسْلِمُوْنَ

Hūd 11: 13-14

Maksudnya: "Bahkan mereka mengatakan: "Dia (Muhammad) mereka-reka al-Quran itu!" Katakanlah (Wahai Muhammad): "(Jika demikian tuduhan kamu), maka cubalah buat serta datangkan sepuluh surah rekaan yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggilah siapa sahaja yang kamu mampu memanggilnya, yang lain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar." "Oleh itu, jika mereka (penolong-penolong kamu) tidak dapat melaksanakan permintaan kamu (untuk membuat surah-surah yang sebanding dengan al-Quran), maka ketahuilah bahawa al-Quran itu diturunkan hanyalah menurut pengetahuan Allah, dan

bahawa tidak ada tuhan yang berhak disembah melainkan Allah. setelah (terbukti hakikat yang demikian) maka adakah kamu mengakui Islam dan menurut aturannya?”

Pada peringkat ketiga pula, Allah SWT mencabar hanya dengan satu surah seperti al-Quran. Firman Allah SWT:

أَمْ يَقُولُونَ أَفْتَرَهُ قُلْ فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّثْلِهِ وَادْعُوا مَنِ اسْتَطَعْتُمْ مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ
صَدِيقِينَ ﴿٣٨﴾

Yūnus 10: 38

Maksudnya: “Bahkan mereka mengatakan: “Dia (Muhammad) mengadakan al-Quran menurut rekaannya.” Katakanlah (Wahai Muhammad): “Kalau demikian, datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah siapa sahaja yang kamu dapat memanggilnya, selain dari Allah (untuk membantu kamu), jika betul kamu orang-orang yang benar!”

Begitu juga dalam firman-Nya yang lain:

وَإِنْ كُنْتُمْ فِي رَيْبٍ مِّمَّا نَزَّلْنَا عَلَىٰ عَبْدِنَا فَأَتُوا بِسُورَةٍ مِّنْ مِّثْلِهِ وَادْعُوا شُهَدَاءَكُمْ
مِّنْ دُونِ اللَّهِ إِنْ كُنْتُمْ صَدِيقِينَ ﴿٢٤﴾ فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا وَلَنْ تَفْعَلُوا فَأَنْقُوا الْنَّارَ الَّتِي
وَقُودُّهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ أُعِدَّتْ لِلْكَافِرِينَ ﴿٢٥﴾

al-Baqarah 2: 23-24

Maksudnya: “Dan kalau kamu ada menaruh syak tentang apa yang Kami turunkan (al-Quran) kepada hamba Kami (Muhammad), maka cubalah buat dan datangkanlah satu surah yang sebanding dengan al-Quran itu, dan panggillah orang-orang yang kamu percaya boleh menolong kamu selain dari Allah, jika betul kamu orang-orang yang benar.” “Maka kalau kamu tidak dapat membuatnya, dan sudah tentu kamu tidak dapat membuatnya, maka peliharalah diri kamu dari api neraka yang bahan-bahan bakarannya: manusia dan batu-batu (berhala), (iaitu neraka) yang disediakan untuk orang-orang kafir.”

Pada peringkat keempat, Allah menegaskan bahawa mereka tidak akan mampu melakukannya (seperti dalam ayat 24, surah al-Baqarah tadi), walaupun mereka bekerjasama antara jin dan manusia. Firman Allah SWT:

قُلْ لِّئِنِ اجْتَمَعَتِ الْإِنْسُ وَالْجِنُ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوا بِمِثْلِ هَذَا الْقُرْءَانِ لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ

وَلَوْ كَانَ بَعْضُهُمْ لِيَعْضُ ظَاهِيرًا

al-Isrā' 17: 88

Maksudnya: "Katakanlah (Wahai Muhammad): "Sesungguhnya jika sekalian manusia dan jin berhimpun dengan tujuan hendak membuat dan mendatangkan sebanding dengan al-Quran ini, mereka tidak akan dapat membuat dan mendatangkan yang sebanding dengannya, walaupun mereka bantu-membantu sesama sendiri".

2.5.2 Respon Terhadap Cabaran

Cabaran al-Quran telah menjadikan manusia yang memahami kehebatannya pasrah untuk tidak menandinginya. Inilah kategori pertama dari respon manusia terhadap cabaran al-Quran. Walaupun al-Quran beberapa kali mencabar manusia menandinginya, namun tidak ada cubaan yang berjaya dilakukan. Generasi awal sama ada Muslim atau kafir mudah memahami kehebatan al-Quran dari aspek gaya bahasa dan nilai puitisnya. Citarasa Arab yang asli sangat membantu mereka menanggapi gaya bahasa al-Quran dalam bicaranya. Justeru kesucian dan keagungan al-Quran dapat menguasai jiwa mereka lantas timbul perasaan lemah untuk menandingi al-Quran dalam jiwa mereka.⁴⁴

Ini dapat difahami antaranya dari kata-kata al-Walīd bin al-Mughīrah, ketika dia diminta memberi komen oleh kaum Quraisy tentang al-Quran. Mereka mengharapkan agar pendirian al-Walīd, seorang pemimpin kaum yang mahir dalam syair boleh menyatakan pandangan kaum Quraisy tentang al-Quran. Setelah mendengar sendiri bacaan al-Quran dari Rasulullah SAW, beliau berkata kepada kaumnya:

Demi Allah. Aku telah perhatikan apa yang dikatakan oleh lelaki ini, tetapi ia bukanlah syair. Sungguh padanya ada kemanisan, di atasnya ada keindahan. Ia sangat tinggi dan tidak dapat diatasi.⁴⁵

⁴⁴ Muṣṭafā, *Mabāḥith*, 45.

⁴⁵ al-Tabari, Muḥammad bin Jarīr, *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl Āy al-Qur’ān*, Aḥmad Muḥammad Syākir (Taḥqīq), (t.p: Mu’assasah al-Risālah, 1420 H/ 2000 M), 24: 25.

Justeru, tiada sebarang cubaan berlaku dalam kalangan kaum Quraisy untuk menandingi al-Quran. Walaupun keperluan untuk menentang al-Quran itu ada, mereka tidak melakukannya kerana sangat memahami kehebatan kalam Allah itu. Sedangkan dakwah Rasulullah SAW yang berasaskan wahyu al-Quran itu sangat menggugat kedudukan mereka dalam masyarakat. Bahkan mereka sangat sakit hati apabila al-Quran sering mempertikaikan anutan agama mereka serta tuhan-tuhan berhala yang mereka sembah. Dakwah al-Quran itu dirasakan seperti penghinaan terhadap agama nenek moyang mereka. Sebaliknya, mereka mengubah penentangan dari berlawan hujah kepada penentangan bersenjata dan ancaman nyawa.

Kategori kedua adalah respon dari orang-orang yang tidak memahami kehebatan al-Quran. Beberapa cubaan untuk meniru al-Quran telah mereka lakukan. Antara yang cuba menandingi al-Quran adalah:

i. Musaylamah bin Ḥabīb al-Kadhdhab

Beliau hidup sezaman dengan Rasulullah SAW dan mengaku sebagai nabi kerana bercita-cita menjadi raja. Beliau telah mereka beberapa ungkapan yang didakwanya sebagai wahyu, antaranya⁴⁶:

a. والمبدرات زرعا، والحاقدات حصدا، والذاريات قمحا، والطاحنات طحنا،
والعاجنات عجنا، والخابزات خبزا، والشاردات ثردا، واللقمات لقما، إهانة
وسينا... لقد فضلتكم على أهل الوبر، وما سبقكم أهل المدر، ريفكم فامنعوه،
والمعتر فآووه والباغي فناوئوه...

b. والشاء وألوانها، وأعجبها السود وألبانها، والشاة السوداء، واللبن الأبيض، إنه
لعجب مخصوص، وقد حرم المذق، فما لكم لا تجمعون.

c. الفيل وما الفيل، له ذنب وبيل، وخرطوم طويل...

Secara sekali imbas pun, orang awam yang biasa membaca al-Quran akan menyedari bahawa Musaylamah telah meniru beberapa surah dalam menyusun

⁴⁶ al-Rāfi‘ī, *I’jāz*, 175.

ungakapan-ungkapan ini. Bagi ungkapan pertama, beliau telah meniru surah al-Nāzi‘at. Ungkapan kedua pula meniru surah al-Shams, manakala yang ketiga meniru surah al-Qāri‘ah. Namun, tidak ada sebarang makna yang hebat yang dibicarakan oleh kesemua karya beliau ini. Ia hanya mengungkapkan perkara-perkara biasa dalam kehidupan seperti makanan, kambing dan gajah. Ia tentu sangat berbeza dengan al-Quran ketika ia membicarakan tentang gajah dalam surah al-Fil. Apa yang dibicarakan bukan tentang haiwan gajah, tetapi tentang peristiwa tentera bergajah Abrahah yang dibinasakan oleh Allah.

ii. Tulayḥah bin Khuwaylid al-Asadī

Beliau telah bersama rombongan Asad bin Khuzaymah datang menemui Rasulullah SAW pada tahun kesembilan Hijrah, lalu memeluk Islam. Namun, sekembalinya mereka, beliau mendakwa sebagai nabi dan menerima wahyu. Antara kalam yang didakwanya sebagai wahyu adalah:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَصْنَعُ بِتَعْفِيرِ وُجُوهِكُمْ وَقَبْحِ أَدْبَارِكُمْ شَيْئاً فَادْكُرُوا اللَّهَ قِيَامًا إِنَّ الرَّغْوَةَ
فوق الصريح

Terjemahan: Sesungguhnya Allah tidak berbuat apa-apa pada perbuatan kamu mengenakan debu pada muka-muka kamu, dan menonggekkan punggung kamu. Oleh itu ingatlah Allah secara berdiri. Sesungguhnya buih itu berada di atas air yang jernih.⁴⁷

Ungkapan ini membicarakan tentang bentuk solat tanpa ruku' dan sujud. Menurut ajarannya, solat hanya berdiri. Menurut al-Rāfi‘ī: Kesemua nabi palsu dalam kalangan bangsa Arab tidak membawa sesuatu yang baru selain dari meniru Nabi SAW kemudian menambah atau mengurang ajaran baginda. Ini adalah tandanya penyelewengan, bukan ajaran yang sebenar.⁴⁸

Kesemua cubaan itu gagal menandingi kehebatan al-Quran kerana tiada nilai istimewa yang dapat dirasai dari ungkapan-ungkapan tersebut. Ia tidak setara dan

⁴⁷ Yāqūt al-Hamawī, *Mu‘jam al-Buldān*, (Beirut: Dār al-Fikr), 1, 408.

⁴⁸ al-Rāfi‘ī, *I‘jāz*, 178.

sebanding al-Quran. Dalam zaman moden pula, terdapat juga beberapa cubaan untuk meniru al-Quran. Antaranya ciptaan surah-surah *al-Muslimūn*, *al-Afdāl*, *al-Hayāh*, *al-Muqāṭa‘ah*, *al-Waṣāyā* dan *al-Kitāb*.⁴⁹ Begitu juga sebuah al-Quran palsu direka oleh Anis Shorrosh dengan nama *al-Furqān al-Haq* atau *The True Furqan*. Ia diterbitkan oleh Omega 2001 dan Wine Press.⁵⁰

Kesemua cubaan ini menunjukkan bahawa konsep al-Şarfah bahawa Allah menghalang dan menutup keinginan manusia meniru al-Quran adalah tidak benar. Justeru, apa yang benar adalah mereka telah mencuba tetapi gagal untuk menandingi kehebatan al-Quran.

2.5.3 Asal-Usul Istilah *I‘jāz Al-Qur‘an*

Istilah *i‘jāz*, sama seperti mukjizat tidak digunakan dalam al-Quran dan hadis. Bahkan, ia juga tidak dibincangkan oleh generasi awal. Konsep *i‘jāz* hanya mula dibincangkan pada kurun kedua Hijrah. Ini kerana, seperti dibincangkan sebelum ini, penjiwaan bahasa Arab yang ada pada mereka memudahkan mereka untuk merasai kehebatan al-Quran. Suasana ini berterusan pada zaman Khulafā’ Rāshidīn dan peringkat awal zaman Bani Umayyah.

Namun, keadaan berubah apabila wilayah Islam sudah semakin luas. Budaya Parsi dan bangsa-bangsa lain yang berada di dalam wilayah pemerintahan Islam mula bercampur dalam budaya masyarakat Islam. Ketulenan citarasa Arab mula hilang dari kalangan masyarakat pelbagai kaum termasuk bangsa Arab. Dalam suasana inilah munculnya perbincangan tentang *i‘jāz* al-Quran. Dengan kata lain, timbul persoalan tentang di manakah sudut kehebatan al-Quran yang melemahkan makhluk (manusia dan jin) untuk menandinginya atau untuk membuat sesuatu karya seumpama dan setara dengannya. Juga persoalan tentang apakah sebab yang melemahkan bangsa Arab untuk menandingi al-Quran.⁵¹

⁴⁹ Kasyf al-Islām, akses 23 Mac 2008, <https://islamrevealed.wordpress.com/2008/03/23/>.

⁵⁰ Salam Online, akses 2013, <http://salam-online.com/2013/02/awas-al-quran-palsu-buatan-amerika-2.html>.

⁵¹ Muṣṭafā, *Mabāhith*, 46.

2.5.4 Konsep *al-Sarfah* Sebagai Asas *I'jāz*

Majoriti ulama tidak membincangkan tentang *i'jāz* al-Quran sehingga apabila tercetusnya beberapa pandangan yang asing tentang *i'jāz* al-Quran. Umumnya, pandangan-pandangan asing itu menganggap al-Quran bukan boleh ditandingi, tetapi Allah SWT yang memalingkan kemahuan manusia untuk berusaha menandinginya. Konsep ini kemudian dikenali sebagai *al-Sarfah*.

Al-Sarfah berasal dari kata *ṣarafa* yang bererti menolak sesuatu dari wajahnya.⁵² Dari segi istilah, *al-Sarfah* diberi erti:

“Allah memalingkan perhatian bangsa Arab untuk menentang al-Quran, Dia menghalang akal mereka dari melakukannya sedangkan mereka mampu, tetapi mereka dihalang oleh perkara luar, maka jadilah al-Quran itu mukjizat seperti mukjizat-mukjizat lain.”⁵³

Terdapat beberapa teori tentang kemunculan idea ini, iaitu:

- i. Labid bin al-A‘šam, seorang Yahudi mengatakan bahawa:

“Kitab Taurat adalah makhluk. Begitu juga al-Quran, ia adalah makhluk.”

Idea ini mula disebarluaskan oleh beberapa orang termasuk al-Ja‘d bin Dirham (guru kepada khalifah Bani Umayyah terakhir, Marwān bin Muḥammad). Beliau kemudian mengembangkan idea ini dengan menyatakan bahawa:

“Kelancaran bahasa (kefasihan) al-Quran bukan mukjizat. Manusia memang mampu menirunya dan mengarang lebih baik darinya.”⁵⁴

- ii. Pada awal zaman pemerintahan Bani ‘Abbās, terdapat ramai ilmuan yang meneliti falsafah India, Parsi dan Greek. Ini termasuk kalangan yang suka memberi pandangan yang menyongsang arus. Sebahagian dari mereka meneliti kata-kata golongan Brahma tentang kitab suci mereka, Veda. Kitab ini

⁵² Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, 9, 189.

⁵³ Al-Suyūṭī, *al-Itqān*, 4: 7. al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad bin Abdullāh, *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, (Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, 1957), 2, 94.

⁵⁴ Al-Rāfi‘ī, *I'jāz*, 144.

merangkumi koleksi syair-syair yang mereka anggap tidak dapat ditandingi oleh mana-mana kata-kata manusia. Para ilmuwan Hindu menganggap manusia tidak mampu menandinginya kerana Brahma telah memalingkan mereka dari melakukannya. Segolongan dari mereka pula menyatakan bahawa mereka mampu melakukannya, tetapi dilarang melakukannya kerana menghormati syair-syair itu.⁵⁵

- iii. Wāṣil bin ‘Atā‘ (m. 131H), tokoh awal aliran Muktazilah menyatakan bahawa *i‘jāz* al-Quran tidak terletak pada sifat asasi atau sifat asal al-Quran. Sebaliknya ia berlaku kerana Allah SWT telah memalingkan fikiran manusia dari melakukan penentangan terhadap al-Quran. Pandangan ini kemudian diadaptasi oleh Ibrāhīm bin Sayyār al-Nazzām (salah seorang guru Muktazilah di Basrah). Kemudian barulah ia dikenali sebagai al-Şarfah.⁵⁶
- iv. Abū Ishāq Ibrāhīm bin Sayyār al-Nazzām (m. 231H)

Kebanyakan pengkaji⁵⁷ tentang *i‘jāz* al-Quran menisbahkan asal-usul al-Şarfah kepada Ibrāhīm al-Nazzām. Selain darinya, mereka juga menyebut nama Al-Murtadā (dari Syiah) dan Abu Ishaq al-Isfarayini (dari Ahli Sunnah). Kedua-dua tokoh ini sering disebut oleh para pengkaji yang menyebut nama Ibrāhīm al-Nazzām. Namun, beberapa pengkaji yang lain menyebut tokoh-tokoh lain sebelum al-Nazzām seperti dinyatakan sebelum ini. Ini kemungkinan berlaku kerana al-Nazzām yang mula-mula mendapat bantahan secara langsung dari anak muridnya sendiri, al-Jāḥīz. Manakala al-Zarqānī dan Aḥmad Sayyid Muḥammad ‘Ammār menolak teori asal-usul al-Şarfah dari al-Nazzām dan dari mazhab Muktazilah seluruhnya.⁵⁸

Konsep ini lahir dalam perbahasan tentang nilai kemukjizatan al-Quran, sama ia datang dari dalam al-Quran sendiri atau dari luar, iaitu campur tangan Allah bagi menghalang makhluk menirunya. Namun, dari catatan sejarah menunjukkan bahawa

⁵⁵ Muṣṭafā, *Mabāhith*, 58.

⁵⁶ Muṣṭafā, *Mabāhith*, 46.

⁵⁷ Antaranya al-Asy‘arī, al-Baghdādī dan al-Syahrastānī. Dalam kalangan sarjana semasa pula, antaranya, al-Zarqānī, Ḥasan Diyā‘ al-Dīn ‘Itr dan Mannā‘ al-Qaṭṭān.

⁵⁸ Aḥmad Sayyid Muḥammad ‘Ammār, *Nazariyyah al-I‘jāz al-Qur’ānī wa Atharuhā fī al-Naqd al-‘Arabiyy al-Qadīm*, (Dimasyq: Dar al-Fikr, 2000), 44-49.

konsep ini tidak realistik, justeru usaha meniru al-Quran memang telah dilakukan oleh manusia seperti dipaparkan dalam subtajuk sebelum ini. Cuma, hasil usaha mereka itu tidak berjaya mencapai tahap ketinggian gaya bahasa dan makna yang dibawa dalam al-Quran.

Kendatipun, polemik tentang *al-Şarfah* ini telah mendorong para ulama menulis karya-karya untuk menghuraikan *i'jāz* al-Quran dari sudut *dhāti* (nilai dalam al-Quran sendiri) sehingga ia menjadi salah satu disiplin ilmu,⁵⁹ khususnya dalam cabang-cabang *'Ulūm al-Quran*.

2.5.5 Karya Awal Tentang *I'jāz* al-Qur'an

Ramai dalam kalangan ulama yang menulis dan membahaskan tentang *i'jāz* al-Quran. Antara yang awal menulis tentang *i'jāz* adalah dalam kalangan tokoh-tokoh Muktazilah kerana perbahasan mengenainya bermula dalam kalangan mereka. Kemudian ia diikuti oleh para sarjana dari aliran lain seperti Ashā'irah dan *ahl al-hadīth*. Antara karya awal tentang *i'jāz* adalah karya tentang *i'jāz bayānī* atau *balāghī*; iaitu:

- i. *Nuzum al-Qur'ān* oleh Amr bin Baḥr al-Jāhibī (m. 255).
- ii. *I'jāz al-Qur'ān* oleh Muḥammad bin Yazīd al-Wāsiṭī (m. 306).
- iii. *Bayān I'jāz al-Qur'ān* oleh Ḥamd bin Muḥammad al-Khaṭṭābī (m. 388).
- iv. *al-Nukat fī al-Qur'ān* oleh Abū al-Ḥasan 'Alī bin 'Isā al-Rummānī (m. 386).
- v. *I'jāz al-Qur'ān* oleh al-Qāḍī Muḥammad bin al-Ṭayyib al-Bāqillānī (m. 403).
- vi. *al-Risālah al-Shāfiyah fī I'jāz al-Qur'ān* oleh 'Abd al-Qāhir al-Jurjānī (m.471).⁶⁰

⁵⁹ Haziyah Hussin, Fahaman al-Şarfah Dalam Polemik I'jāz al-Quran, *Jurnal Pengajian Islam*, Bil 1, (Bangi: KUIS, Januari 2006), 68.

⁶⁰ 'Abd al-Ghaniyy Muḥammad Barakah, "Taṭawwur Dirāsah al-I'jāz al-Qur'ānī 'alā Marr al-'Uṣūr." Mawsū'ah al-I'jāz al-'Ilmi fī Al-Qur'ān wa al-Sunnah, akses 2 Februari 2013, http://www.quran-m.com/firas/arabicold/print_details.php?page=show_det&id=732 dan Haziyah Hussin, "Sejarah Pertumbuhan

2.6 Kepelbagaiannya Aspek Mukjizat Al-Quran

Setelah perbahasan tentang *i'jāz bayānī* dan *balaghī* berkembang, para ulama mula membicarakan tentang *i'jāz* dari aspek yang berbeza. Bahkan setiap aspek itu mungkin sahaja dipecahkan kepada pecahan yang lebih pelbagai pula. Muhammad Rāshid Ridā mengatakan:

“Al-Quran adalah kalam Tuhan yang bersifat melemahkan makhluk (*i'jāz*) pada gaya dan susunan bahasanya; pada ilmu-ilmu dan hikmahnya; pada kesan petunjuknya; serta pada mendedahkan tabir tentang perkara ghaib yang lalu dan akan datang. Pada setiap bab dari bab-bab *i'jāz* ini ada fasal-fasal. Pada setiap fasal pula ada cabang-cabang yang berkait dengan beberapa asas...”⁶¹

Oleh itu, dapatlah disenaraikan bentuk-bentuk utama *i'jāz* yang telah dibahaskan seperti berikut:

- i. *I'jaz Bayānī* atau *Balāghī* (keindahan bahasa).
- ii. *I'jaz Ghaybi* (perkhabaran perkara ghaib yang belum diketahui atau belum berlaku).
- iii. *I'jaz Ta'thīri, Wajdāni* atau *Nafsi* (sentuhan jiwa dan emosi).
- iv. *I'jaz 'Ilmi* (penemuan saintifik).
- v. *I'jāz Tashrī 'ī* (peraturan dan hukum-hakam).
- vi. *I'jāz 'Adadī* (bilangan).
- vii. *I'jāz al-Rasm* (cara ejaan dan penulisan kalimah).
- viii. *I'jāz al-Tilāwah* (cara membaca).

2.6.1 *I'jāz Bayānī*

I'jāz bayānī juga dikenali sebagai *i'jāz balaghī*. Ia adalah aspek *i'jāz* yang pertama dibincangkan oleh para sarjana. Secara umumnya, ia menyentuh aspek keindahan bahasa al-Quran yang diturunkan dalam bahasa Arab dalam keadaan kaum Quraisy (yang menjadi kumpulan pertama manusia mendengar al-Quran) ketika itu sebenarnya telah mencapai

dan Perkembangan Pengajian *I'jāz Al-Qur'an*,” *Jurnal Al-Bayān*, Bil 1, (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Mei 2003), 203-206.

⁶¹ Al-Rāfi'i, *I'jāz*, 17.

tahap yang sangat tinggi dalam sastera mereka. Sedangkan Bahasa Arab itu sendiri pula adalah bahasa manusia. Kalimah-kalimah al-Quran adalah kalimah sama yang digunakan oleh manusia berbahasa Arab. Ini dijelaskan dalam beberapa ayat dalam al-Quran seperti surah al-Nahl: 103; al-Zumar ayat 28 dan al-Zukhruf ayat 3.

Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ نَعْلَمُ أَنَّهُمْ يَقُولُونَ إِنَّمَا يُعَلِّمُهُ بَشَرٌ لِسَانُ الَّذِي يُلْحِدُونَ إِلَيْهِ

أَعْجَمِيٌّ وَهَذَا لِسَانٌ عَرَبِيٌّ مُّبِينٌ ﴿١٦﴾

al-Nahl 16: 103

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya Kami mengetahui, bahwa mereka yang musyrik itu berkata: “sebenarnya dia diajar oleh seorang manusia.” (Padahal) bahasa orang yang mereka sandarkan tuduhan kepadanya itu ialah bahasa asing, sedang al-Quran ini berbahasa Arab yang fasih nyata.”

Firman-Nya lagi:

قُرْءَانًا عَرَبِيًّا غَيْرَ ذِي عِوَجٍ لَعَلَّهُمْ يَتَّقُونَ ﴿٢٨﴾

al-Zumar 39: 28

Maksudnya: “laitu al-Quran yang berbahasa Arab, yang tidak mengandungi sebarang keterangan yang terpesong; supaya mereka bertaqwa.

Firman -Nya lagi:

إِنَّا جَعَلْنَاهُ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لَعَلَّكُمْ تَعْقِلُونَ ﴿٤٣﴾

al-Zukhruf 43: 3

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami jadikan kitab itu sebagai Quran yang diturunkan dengan bahasa Arab, supaya kamu berfikir (menggunakan akal).”

Keindahan al-Quran adalah pada susunan kalimah-kalimahnya yang membentuk kalam yang indah. Namun, ia tidak dapat dikelaskan pada mana-mana kategori kalam

manusia (khususnya bangsa Arab) sama ada *risālah*, *khiṭābah*, syair atau *saj'*.⁶² Keindahan inilah yang telah memukau al-Walīd bin al-Mughīrah seperti dinyatakan sebelum ini. Al-Walīd menyatakan bahawa dia telah mendengar dari Muḥammad kalam yang bukan kalam manusia mahupun kalam jin. Selanjutnya, dia berkata:

إِنْ لَهُ حَلَاوَةٌ وَإِنْ عَلَيْهِ لَطْلَوَةٌ وَإِنْ أَعْلَاهُ لَمْعَدْقٌ وَإِنْ أَسْفَلَهُ لَمْشَرٌ وَإِنْ يَعْلُوْ مَا يَعْلَى

Terjemahan: “Sungguh, padanya memang ada kemanisan, dan sesungguhnya ia memang punya daya tarikan, pucuknya memang berbauah, pangkalnya memang melimpah. Sesungguhnya ia tinggi dan tidak dapat ditandingi.”⁶³

I'jāz ini dianggap paling besar kerana ia merangkumi semua surah dan ayat, yang pendek dan yang panjang.⁶⁴ Ia juga merupakan aspek *i'jāz* yang paling penting dan lengkap. Ada beberapa sudut berkaitan al-Quran yang menjadikannya *i'jāz bayāni*, iaitu:

- i. *Nuzum* atau susunan kalam dalam al-Quran. Kehebatan ini dapat dirasai oleh orang Arab pada era penurunan al-Quran. Mereka dapat secara naluri.
- ii. Setiap kalimah dalam al-Quran adalah terpilih. Ia mengandungi maknanya tersendiri dan tidak dapat diganti dengan lain.⁶⁵

Banyaknya karya dalam *i'jāz* ini seperti tersebut sebelum ini menunjukkan bahawa konsep *i'jāz* (yang lahir dari perbahasan tentang keindahan al-Quran dan polemik tentang cabaran al-Quran) telah diterima oleh ramai sarjana. Dalam era mutakhir pula, antara karya tentang *i'jāz* ini adalah kitab *I'jāz al-Qur'ān wa Balāghah al-Nabawiyah* oleh Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi'i (m.1356H), *al-Taṣwīr al-Fannī fī al-Qur'ān* dan *Mashāhid al-Qiyāmah fī al-Qur'ān* oleh Sayyid Quṭb (m. 1966M).

⁶² Ṣābir, *Rawnaq*, 26-27.

⁶³ Abū Ḥayyān, Muḥammad bin Yūsuf al-Andalūsi, *Tafsīr al-Bahr al-Muhiṭ*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1420 H), 1: 18.

⁶⁴ Faḍl Ḥasan, *Muḥādarāt*, 58.

⁶⁵ Faḍl Ḥasan, *Muḥādarāt*, 58.

2.6.2 *I'jāz Ghaybī*

Aspek *i'jāz* yang kedua adalah *i'jāz ghaybī*. Ia bermaksud kehebatan atau ketidak-boleh-tandingan al-Quran dari sudut ia memberitahu perkara yang tidak dapat dicapai pengetahuannya oleh pembawanya, Muḥammad SAW dan manusia sezamannya. Perkhabaran al-Quran tentang perkara ghaib ini menunjukkan ia bukan dikarang oleh Rasulullah SAW atau manusia lain. Bahkan ia adalah kalam Allah, Tuhan Pencipta alam yang maha mengetahui segala perkara.

Perkhabaran al-Quran tentang perkara ghaib ini terbahagi kepada 3 jenis:

- i. Perkara ghaib yang telah berlalu (*Ghayb al-Mādi*)
- ii. Perkara ghaib semasa (*Ghayb al-Hādir*)
- iii. Perkara ghaib akan datang (yang belum berlaku – *Ghayb al-Mustaqbāl*).⁶⁶

Perkara ghaib yang telah berlalu termasuklah kisah para nabi dan umat terdahulu. Sebahagiannya diperakui benar dan tepat oleh ahli kitab yang telah mengetahuinya dari kitab-kitab mereka (Injil dan Taurat). Sedangkan mereka menyedari bahawa Nabi Muḥammad SAW tidak pernah membaca kitab-kitab tersebut, bahkan baginda adalah seorang yang buta huruf sebelum kenabiannya. Selain dari itu adalah perkhabaran tentang asal usul kejadian dan penciptaan alam semesta. Sebahagiannya telah diperakui oleh ahli kitab yang mendapat perkhabaran yang sama dalam kitab Injil atau Taurat. Manakala sebahagian yang lain pula diperakui oleh para saintis yang menyelidik tentang asal-usul alam semesta. Dari satu sudut, ia akan termasuk dalam kategori *i'jāz 'ilmī* (kemukjizatan saintifik).

I'jāz dalam perkara ghaib semasa adalah perkhabaran al-Quran tentang perkara ghaib yang berlaku semasa zaman penurunan wahyu, atau semasa hayat Rasulullah SAW sebagai rasul. Dengan kata lain, al-Quran memberitahu tentang perkara yang tidak mungkin

⁶⁶ Muṣṭafā, *Mabāhith*, 259.

diketahui oleh Rasulullah SAW yang berlaku ketika hayat baginda. Ini termasuklah rahsia-rahsia, perbualan atau bisikan hati yang tidak dizahirkan pada kata-kata atau perbuatan,⁶⁷ dalam kalangan manusia pada zaman baginda. Sebagai contoh bisikan oleh orang-orang munafik secara sembunyi. Ia didedahkan oleh al-Quran seperti firman Allah:

أَلَمْ تَرِ إِلَى الَّذِينَ هُوَا عَنِ النَّحْوِ ثُمَّ يَعْوُدُونَ لِمَا هُوَا عَنْهُ وَيَتَنَحَّوْنَ بِالْإِثْمِ

وَالْعُدُوانِ وَمَعْصِيَتِ الرَّسُولِ...

al-Mujādilah 58: 8

Maksudnya: “Tidakkah Engkau memerhatikan (Wahai Muhammad) akan orang-orang (Yahudi) yang telah dilarang daripada perbuatan berbisik-bisik, kemudian mereka berbalik melakukan perbuatan yang telah dilarang itu serta mereka berbisik-bisik berkenaan dengan melakukan dosa dan pencerobohan serta kederhanaan kepada Rasulullah?...”

Manakala perkara ghaib di masa depan pula adalah perkhabaran al-Quran tentang perkara atau peristiwa yang belum berlaku ketika ayat itu turun. Kemudian ia benar-benar berlaku, sama ada pada hayat Rasulullah SAW atau selepas pemergian baginda dan para sahabatnya. Ia lebih mudah difahami dan dirasai apabila ia berlaku. Sebagai contoh, peristiwa tentera Rom berjaya mengalahkan Parsi selepas Rom kalah beberapa tahun sebelumnya. al-Quran telah memberitahu tentang kejayaan Rom itu ketika Rom baru sahaja dikalahkan oleh Parsi. Bahkan al-Quran menyatakan bahawa kemenangan balas itu akan berlaku dalam tempoh tidak sampai sepuluh tahun. Firman Allah SWT:

الْمِنْ غُلِبَتِ الْرُّومُ فِي أَدْنَى الْأَرْضِ وَهُمْ مِنْ بَعْدِ غَلْبِهِمْ سَيَغْلِبُونَ

فِي بِضْعِ سِنِينَ لِلَّهِ الْأَكْمَرُ مِنْ قَبْلُ وَمِنْ بَعْدٍ وَيَوْمَئِذٍ يَفْرَحُ الْمُؤْمِنُونَ

al-Rūm 30: 1-4

Maksudnya: “Alif, Lām, Mīm.” “Orang-orang Rom telah dikalahkan.” “Di negeri yang dekat sekali; dan mereka sesudah kekalahannya itu akan mengalahkan lawannya.” “Dalam masa tidak sampai sepuluh tahun. kepada pentadbiran Allah jualah terpulang segala urusan, sebelum berlakunya dan sesudah berlakunya; dan pada ketika berlakunya (kemenangan Rom) itu, orang-orang yang beriman akan bergembira.”

⁶⁷ al-Suyūtī, *al-Itqān*, 2, 315.

Para ahli tafsir telah mencatatkan bahawa kemenangan Rom itu telah berlaku pada tahun kedua hijrah (selepas peperangan Badar)⁶⁸ atau pada tahun keenam hijrah (selepas perjanjian Hudaybiyah).⁶⁹

Konsep *i'jāz ghaybī* ini telah mula disentuh sejak awal polemik konsep *i'jāz* dan *i'jāz bayāni*. Al-Nazzām yang menolak *i'jāz* dan mempelopori *al-ṣarfah* sendiri mengakui perkhabaran ghaib sebagai bukti kebenaran dan kenabian.⁷⁰ Namun, ia tidak diulas dengan panjang dalam karya khusus lantaran ayat-ayat al-Quran yang menyentuh aspek *i'jāz ghaybī* ini tidak sebanyak perbincangan tentang aspek *i'jāz* yang lain. Tambahan pula, perkhabaran tentang perkara ghaib ini tidak menimbulkan polemik dalam kalangan para sarjana Muslim kerana ia adalah teras utama kerasulan seorang utusan Allah SWT.

2.6.3 *I'jāz Ta'thīri*

I'jāz ta'thīri boleh diterjemahkan sebagai mukjizat kesan dan pengaruh. Setengah sarjana seperti Muhammad al-Ghazzālī menggunakan istilah *i'jāz nafsi* atau mukjizat kejiwaan. Ada juga yang menggunakan istilah *i'jāz wajdāni*. Ia bermaksud kehebatan al-Quran dalam menyentuh jiwa dan perasaan (emosi) pendengarnya sehingga terkesan memperakui kehebatan al-Quran, sama ada menerimanya untuk beriman atau kekal mengingkarinya (kafir).⁷¹

Kewujudan *i'jāz* kesan emosi dari al-Quran ini telah disedari sejak awal. Hanya terminologi dan topik khusus mengenainya tidak dibincangkan dari awal. Antara tokoh awal yang menanggap aspek *i'jāz* ini adalah al-Khattābī dalam *Bayān I'jāz al-Qur'an*. Menurut beliau:

“Aku telah nyatakan aspek lain tentang *i'jāz* al-Quran, yang tidak diketahui kecuali oleh sebilangan kecil orang tertentu. Ia adalah sudut-sudut dalam hati serta kesannya dalam jiwa...”⁷²

⁶⁸ al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 20: 66.

⁶⁹ al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, *al-Durr al-Manthūr fī al-Ta'wīl bi al-Ma'thūr*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1993), 6, 482.

⁷⁰ ‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad al-Baghdādī, *Al-Farq Bayn al-Firaq*, (Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, 1977), 128.

⁷¹ Khālid Muḥammad al-Quḍāh, *al-I'jāz al-Ta'thīri li al-Qur'an al-Karīm*, Mu'tamar Kulliyyah al-Syar'i'ah al-Sābi', (Jāmi‘ah al-Zarqā' al-Ahliyyah, 2005), 8.

⁷² al-Quḍāh, *al-I'jāz*, 10.

Ia dikaitkan dengan firman Allah SWT:

اللَّهُ نَزَّلَ أَحَسَنَ الْحَدِيثِ كَتَبًا مُتَشَبِّهًا مَثَانِي تَقْسِيرٌ مِنْهُ جُلُودُ الَّذِينَ تَخْشَوْنَ رَهْبَمْ
ثُمَّ تَلِئُنْ جُلُودُهُمْ وَقُلُوبُهُمْ إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ ذَلِكَ هُدَى اللَّهُ يَهْدِي بِهِ مَنْ يَشَاءُ وَمَنْ
يُضْلِلُ اللَّهُ فَمَا لَهُ مِنْ هَادٍ

al-Zumar 39: 23

Maksudnya: “Allah telah menurunkan sebaik-baik perkataan Iaitu Kitab suci al-Quran yang bersamaan isi kandungannya antara satu dengan yang lain (tentang benarnya dan indahnya), yang berulang-ulang (keterangannya, dengan berbagai cara); yang (oleh kerana mendengarnya atau membacanya) kulit badan orang-orang yang takut kepada Tuhan mereka menjadi seram; kemudian kulit badan mereka menjadi lembut serta tenang tenteram hati mereka menerima ajaran dan rahmat Allah. Kitab suci itulah hidayah petunjuk Allah; Allah memberi hidayah petunjuk dengan al-Quran itu kepada sesiapa yang dikehendakiNya (menurut undang-undang peraturanNya); dan (ingatlah) sesiapa yang disesatkan Allah (disebabkan pilihannya yang salah), maka tidak ada sesiapa pun yang dapat memberi hidayah petunjuk kepadaNya.”

Selain dari itu, sentuhan jiwa oleh al-Quran itulah yang mendorong ‘Umar bin al-Khaṭṭāb memeluk Islam selepas mendengarnya. Ia juga mendorong Abū Jahl, Abū Sufyān dan al-Akhnas bin Shurayq datang secara berasingan pada waktu malam ke rumah Rasulullah SAW secara senyap-senyap untuk mendengar bacaan al-Quran baginda.⁷³ Kisah Kisah ini dikira menunjukkan dua aspek *i’jāz* iaitu *i’jāz bayāni* dan *i’jāz ta’thīri*.⁷⁴

Terdapat beberapa penulisan yang menggunakan terminologi atau sekadar judul yang hampir memberi maksud yang sama iaitu *i’jāz nafsi*, *i’jāz wajdāni*. Namun, sesetengah karya tidak dapat dianggap sebagai kajian *i’jāz*. Kandungannya lebih kepada memberi perspektif Islam dan al-Quran terhadap ilmu nafs (psikologi) atau mendedahkan sentuhan emosi dan perasaan dalam Islam.⁷⁵

⁷³ al-Bayhaqi, *Dalā’il al-Nubuwah*, Mawqi‘ Jāmi‘ al-Hadīth, <http://al-sunnah.com>, 2, 81.

⁷⁴ Abdullāh bin Muqbil al-Qarnī, “Ārā’ al-‘Ulamā’ fī Taḥdīd Awjuh al-I’jāz.” Jāmi‘ah Umm al-Qurā, 8 Jun 2017, http://www.rabtasunna.com/upload/library/files/آراء_علماء_في_تحديد_إعجاز_القرآن_20_٪.pdf dan <http://uqu.edu.sa/page/ar/61054>.

⁷⁵ Muṣṭafā Rajab, *al-I’jāz al-Nafsi fī al-Qur’ān al-Karīm*, (Dasūq: Dār al-‘Ilm wa al-Imān, 2009) dan ‘Āyid Tāhā Nāṣif (2008), *Al-I’jāz al-Wajdāni fī al-Qur’ān*, Alexandria: Mu’assasah Hawras al-Dawliyyah, 2008).

2.6.4 *I'jāz 'Ilmi* (*Tajribi*)

I'jāz 'Ilmi bermaksud kemukjizatan al-Quran dari aspek sains. Dalam bahasa Arab, kadang-kadang ia digandingkan dengan istilah *tajribi* (bersifat ujikaji atau *experimental*). Ini bagi menjelaskan maksud '*Ilmi*' sebagai sains moden atau kajian empirik. Juga untuk membezakannya dengan sifat ilmu yang umum ('*Ilmi*' yang diterjemah sebagai ilmiah sahaja). Ia adalah aspek mukjizat al-Quran yang didasarkan kepada penemuan-penemuan saintifik pada zaman moden. Dengan kata lain, *i'jāz 'Ilmi* bermaksud kehebatan al-Quran yang dapat mengungkapkan tentang sesuatu fakta sains, secara langsung atau tidak langsung, ribuan tahun lebih awal, sebelum ia ditemui oleh saintis dengan susah payah pada zaman moden menggunakan pelbagai teknologi.

Perbincangan tentang *i'jāz 'Ilmi* sangat berkait dengan tafsir '*Ilmi*' atau pentafsiran ayat-ayat al-Quran berdasarkan penemuan saintifik moden. Tafsir '*Ilmi*' telah lama dijadikan metode pentafsiran ayat al-Quran sejak al-Rāzī lagi dalam *al-Tafsīr al-Kabīr*. Namun, ia menjadi lebih mengujakan pada zaman moden iaitu zaman selepas kebangkitan sains moden atau sains Barat. Dunia Eropah dan pemikiran Barat yang menganggap Islam sebagai agama yang ketinggalan telah dikejutkan dengan banyak fakta saintifik yang disebut oleh al-Quran menepati penemuan saintifik moden. Kejutan inilah yang menambah nilai *i'jāz* dalam al-Quran dari aspek sains empirik.

Namun, peringkat awal *i'jāz 'Ilmi* yang bermula dengan tafsir '*Ilmi*' telah melalui polemik yang panjang. Ia berasaskan prinsip bahawa penemuan sains tidak bersifat mutlak. Bahkan, sesetengah fakta yang telah dianggap saintifik, berubah dan diubah semula setelah terdapat kajian baru yang menemui fakta lain pula bagi subjek yang sama. Tambahan pula, sebahagian dari pelopor tafsir '*Ilmi*' tidak memiliki kemahiran dalam ilmu bahasa Arab dan ilmu agama.⁷⁶ Ini menyebabkan sesetengah pentafsiran berdasarkan penemuan saintifik itu tidak tepat dan tidak boleh diterima.

Justeru, ramai juga dalam kalangan sarjana bidang al-Quran tidak dapat menerima pentafsiran al-Quran secara saintifik pada peringkat awal. Namun, setelah pelbagai kajian

⁷⁶ Ahmad 'Umar Abū Ḥajar, *al-Tafsīr al-'Ilmi li al-Qur'ān fī al-Mīzān*, (Beirut & Damascus: Dār Qutaybah, 1990), 119 & 353.

tafsir saintifik didedahkan dan pelbagai kritikan pula dikemukakan, sikap sederhana telah terbentuk. Sikap yang tidak melampau menerima atau melampau menolak ini terbentuk dalam kalangan umat Islam. Akhirnya, ada tafsiran saintifik yang diterima dan ada pula yang ditolak kerana kelonggarannya.

2.6.5 *I'jāz Tashrī'i*

I'jāz tashrī'i adalah mukjizat al-Quran dari aspek syariat. Ia bermaksud kehebatan dan ketidak-boleh-tiruan al-Quran dari aspek perundangannya. Dengan kata lain, ia menzahirkan lemahnya manusia untuk mencipta sebarang peraturan setanding dengan syariat Islam dari aspek lengkap, sempurna serta keluasannya. Demikian juga dari aspek pendekatan yang seni dan rawatan yang sesuai dengan fitrah. Begitu juga dari aspek kesederhanaan dan keseimbangan. Konsep *i'jāz tashrī'i* ini lahir hasil dari usaha membandingkan undang-undang Islam dengan undang-undang barat.

Selain itu, aspek yang paling utama adalah al-Quran telah mendahului seluruh manusia dalam meletakkan prinsip-prinsip asas dalam perundangan yang belum pernah mereka terfikir.⁷⁷ Manusia moden hari ini telah melalui pelbagai pengalaman yang panjang termasuk kegagalan sehingga terbentuklah prinsip-prinsip tersebut. Namun, al-Quran yang didakwa rekaan Muhammad itu pula telah menegaskan prinsip tersebut 1400 lebih awal.

I'jāz tashrī'i dikait dengan al-Quran berdasarkan banyak ayat al-Quran yang menyentuh tentang hukum syariat. Justeru, kehebatan syariat Islam juga adalah kehebatan sumbernya iaitu al-Quran kerana ia adalah sumber pertama hukum. Namun, perbahasannya mungkin lebih tepat dipanggil mukjizat syariat Islam, bukan sekadar mukjizat syariat dalam al-Quran. Ini kerana terdapat sumber syariat Islam yang lain iaitu hadis Rasulullah SAW.

⁷⁷ ‘Aliyy Muhyī al-Dīn al-Qarah Dāghī, *Al-I'jāz al-Tashrī'i fī al-Kitāb wa al-Sunnah*. (Doha: Maktabah al-Aqṣā al-Islāmiyyah, 1988), 9.

2.6.6 *I'jāz 'Adadī*

I'jāz 'adadī bermaksud kehebatan dan keajaiban yang terdapat pada aspek bilangan berkait dengan al-Quran atau jumlah sesuatu yang ada pada al-al-Quran. Para ulama telah membuat hitungan terhadap bilangan surah, ayat, huruf dan titik dalam al-Quran, sebelum menyentuh tentang rahsia di sebaliknya. Soal hitungan ini telah dimulakan oleh sarjana Islam sejak generasi awal seperti dalam karya-karya tentang bilangan al-Quran, iaitu '*'Adad Āy al-Qur'ān*⁷⁸, *Tanzīl al-Qur'ān wa 'Adad Āyātihi wa Ikhtilāf al-Nās Fihi*⁷⁹ dan lain-lain.

Kemudian, setelah tempoh yang lama, konsep mukjizat berkaitan bilangan mulai timbul dan menjadi kajian berkaitan al-Quran sejak pertengahan kedua kurun ke 20 Masihi. Badi‘ al-Zamān Sa‘īd Nursī dipercayai adalah tokoh awal menyemai benih idea ini ketika membincangkan tentang kemukjizatan al-Quran dalam Risalah Nur (*Rasā'il al-Nūr*), tanpa menamakannya sebagai mukjizat bilangan. Selepas membuat hitungan pada beberapa kalimah seperti “*al-Qur'ān*”, “*al-Rasūl*”, “*Allāh*” dan “*al-Rahmān*”, beliau menyatakan bahawa unsur mukjizat akan dapat dirasai oleh seorang yang mengamati tertib susunan kalimah-kalimah pada lembaran-lembaran al-Quran.⁸⁰

Beberapa tahun selepas itu pula, ‘Abd al-Razzāq Nawfal menyentuh topik yang sama dalam karya-karyanya termasuk lima buah buku bersiri dengan judul *Kitāb Allāh wa al-'Ilm al-Hadīth* (Kitab Allah dan Sains Moden) pada tahun 1956. Dari sinilah bermulanya konsep dan istilah mukjizat secara tersusun.⁸¹ Umumnya, konsep mukjizat bilangan adalah perbahasan mengenai kehebatan al-Quran dari aspek susunan surah, kalimah dan ayat-ayatnya yang teratur dan tidak boleh diubah kedudukannya. Bilangan-bilangan yang disebut secara khusus dalam al-Quran atau dapat diperolehi hasil hitungan mempunyai rahsia dan keistimewaan yang akan menunjukkan kehebatan kitab ini. Ia adalah suatu perkara yang tidak mungkin berlaku dalam sebarang kitab lain.

⁷⁸ al-Farrā' Abū Zakariyā Yahyā bin Ziyād bin 'Abdullāh bin Manzūr al-Daylāmī (m.207), '*'Adad Āy al-Qur'ān*', (Qāhirah: Ma'had al-Makhtūtāt al-'Arabiyyah, no. 46 'an Fātiḥ 91).

⁷⁹ Abū Zur'ah 'Abd al-Rahmān bin Muḥammad bin Zanjalah al-Muqrī' (m.382), "Tanzīl al-Qur'ān wa 'Adad Āyātihi wa Ikhtilāf al-Nās Fihi," Ghānim Qadūri al-Ḥamid (taḥqīq), *Majallah Ma'had al-Imām al-Shāfi'i li al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah*, Bil 2, Dhu al-Hijjah, 1427H), 231-296.

⁸⁰ Lihat: Nursī, *Rasā'il al-Nūr*, Bab 29, Bahagian ke 3: 531-534.

⁸¹ *al-Hiwar*, "Banūrāmā".

Penulisan tentang mukjizat bilangan terus berkembang dengan pelbagai aspek bilangan dibincangkan oleh para penyelidik yang mencapai 40 orang penulis dalam berpuluhan karya yang akan dibincangkan dalam bab ketiga. Ia termasuk tulisan yang objektif tentang mukjizat bilangan dan juga tulisan yang berlebihan, sama ada kerana membuat hitungan yang salah atau membuat dakwaan palsu berkaitan al-Quran dan Islam seperti dilakukan oleh Rashād Khalīfah dalam karyanya *Mu‘jizah al-Qur’ān al-Karīm* (1983).⁸² Ia justeru menjadi faktor utama munculnya aliran yang menentang keras idea mukjizat bilangan secara umum.⁸⁴

2.6.7 *I‘jāz Rasm*

I‘jāz rasm bermaksud kehebatan al-Quran pada *rasmnya*.⁸⁵ Ia bermaksud pada bentuk kalimah, jenis huruf dan bilangan huruf yang membentuk kalimah itu. Ia tidak berkaitan dengan jenis khat atau tulisan yang digunakan, tetapi pada cara kalimah itu ditulis. Cara penulisan al-Quran yang istimewa ini dinamakan dengan *rasm ‘Uthmānī*. Ia tidak terikat dengan kaedah penulisan bahasa Arab sepenuhnya (*rasm imlā’i* atau *qiyāsi*). *Rasm ‘Uthmānī* melibatkan pembuangan huruf (setengahnya masih dibaca); penambahan huruf (setengahnya tidak dibaca); perletakan hamzah, penukaran huruf, pemisahan dan penyambungan serta lafadz yang ada dua qiraat ditulis berdasarkan salah satu darinya.⁸⁶ Sebagai contoh, perkataan *al-ṣalāh* (sembahyang) dan *al-kitāb* dieja dalam kaedah biasa bahasa Arab (*rasm imlā’i*) dengan “الصلوة” و “الكتاب”. Sedangkan dalam al-Quran ia dieja dengan “الصلوة”， *alif* berganti *wāw* و dan “الكتاب” لـ *alif*.

Bentuk penulisan ini didapati mempunyai rahsia dan tujuan tertentu. Kajian dan penemuan tentang rahsia inilah yang diketengahkan sebagai *i‘jāz rasm*. Terdapat beberapa karya tentang *i‘jāz rasm*. Antaranya *I‘jāz Rasm al-Qur’ān wa I‘jāz al-Tilāwah* oleh Muḥammad Shamlūl.⁸⁷

⁸² Bassām, *I‘jāz*, 21

⁸⁴ Dhū al-Kifl, *Manhajiyah*, 6.

⁸⁵ Berbeza dengan aspek *i‘jāz* lain sebelum ini, ia dinisbahkan secara *idāfah*, bukan sifat atau *na‘t*.

⁸⁶ ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm ‘Awḍ Ṣāliḥ, *al-Muṭhaṭ fī Rasm al-Muṣṭaf*, (Tantā: Dār al-Ṣāḥabah li al-Turāth, 2006), 20.

⁸⁷ Muḥammad Shamlūl, *I‘jāz Rasm al-Qur’ān wa I‘jāz al-Tilāwah*, (Cairo: Dār al-Salām, 2006), 8-11 & 235.

Antara rahsia yang diketengahkan dalam *i'jāz rasm* adalah perbezaan cara kalimah ditulis melibatkan perbezaan maknanya dalam konteks yang dibicarakan oleh al-Quran. Contohnya kalimah ‘*ghamām*’ (bererti awan) yang disebut dua kali dalam al-Quran. Dalam surah al-Baqarah: 57, ia dieja dengan *alif* di tengah kalimah (الْغَمَام). Sedangkan ‘*ghamām*’ di dalam surah al-A‘rāf: 160 dieja tanpa *alif* di tengahnya (الْغَمَم). Apabila kedua-dua ayat diteliti, kalimah ini digunakan dalam konteks yang berbeza. Dalam surah al-Baqarah, ia menceritakan hal Bani Israil yang diberikan naungan awan dalam keadaan mereka ragu terhadap Allah dan tidak mahu beriman sehingga mereka dapat melihat Allah SWT. Ia ditafsirkan sebagai awan yang berpecah-pecah. Manakala dalam surah al-A‘rāf pula, ‘*ghamām*’ disebut dalam konteks segolongan kaum Nabi Musa AS yang mengikuti kebenaran dan menegakkannya. Ia ditafsirkan sebagai awan besar yang bersatu menaungi mereka.⁸⁸

Asas kepada konsep ini adalah keyakinan bahawa cara al-Quran ditulis adalah berdasarkan kehendak Allah SWT sendiri atau *tawqīfi* (telah ditentukan, sebarang rekaan adalah ditegah). Juga kepercayaan umat pada sifat amanah para sahabat Rasulullah SAW. Mereka tidak pernah mengurangkan apa-apa pada *rasm* al-Quran sebagaimana mereka tidak mengurangi apa-apa pun ketika menghimpunkan al-Quran.⁸⁹

Ia tidak ditulis mengikut selera atau gaya para penulis wahyu, berdasarkan apa yang mereka dengar dari Rasulullah SAW sahaja. Bahkan, baginda memiliki beberapa orang penulis wahyu yang menulis ayat-ayat al-Quran, kemudian baginda menyemak apa yang telah ditulis oleh penulis wahyu berkenaan.⁹⁰ Dalam satu riwayat, Zayd bin Thābit berkata:

كُنْتُ أَكْتُبُ الْوَحْيَ عِنْدَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِذَا فَرَغْتَ قَالَ: اقْرَأْ، فَأَقْرُؤُهُ
إِنْ كَانَ فِيهِ سَقْطٌ أَقْامِهِ.

⁸⁸ Shamlūl, *I'jāz*, 111-112.

⁸⁹ Ahmad Muḥammad Abū Zaythār, *Laṭā'iṭ al-Bayān fi Rasm al-Qur'ān Syarḥ Mawrid al-Zam'ān*, (Egypt: Qīṭā' al-Mā'āhid al-Azhariyyah, 1995), 5.

⁹⁰ Muḥammad Ḥasan Jabal, *Wathāqah Naql al-Naṣṣ al-Qur'āni Min Rasūl Allāh Ṣallā Allāh 'Alayh wa Sallam Ilā Ummatihi*, Ṭanṭa: Dār al-Šaḥābah li al-Turāth, 2001), 165, 166 & 169.

Terjemahan: “Aku menulis wahyu dari Rasulullah SAW dalam keadaan baginda membacakannya kepadaku. Apabila selesai, baginda bersabda: Bacalah ia. Lalu aku membacanya. Jika ada yang tertinggal (silap), baginda akan membetulkannya.” (Riwayat al-Tabarānī).⁹¹

Hadis ini menjadi rujukan dalam mensabitkan kedudukan *rasm ‘Uthmānī* pada al-Quran sebagai bersifat *tawqīfī*. *Rasm* yang bersifat *tawqīfī* perlu untuk menentukan bilangan huruf dan kalimah dalam mashaf lantaran ia adalah sumber mendapatkan data bilangan dalam al-Quran. Kesilapan yang dimaksudkan dalam riwayat Zayd adalah termasuk kesilapan dalam mengurang atau menambah huruf. Inilah yang menjadi asas penulisan *rasm* al-Quran yang ada pada hari ini termasuk contoh-contoh yang diberikan di atas.⁹²

Hadis ini dinilai sebagai *ḥasan* dari segi sanadnya dalam *Mu‘jam al-Awsāṭ li al-Tabarānī*, walaupun pada riwayat lain ia dilihat *da’īf*. Ia juga diriwayatkan dalam *al-Jāmi‘ li Akhlāq al-Rāwī wa Adāb al-Sāmi‘* oleh al-Khaṭīb al-Baghdādī dan dalam *al-Ilmā‘ ilā ‘Ilm ‘Usūl al-Riwayah* oleh Qāḍī ‘Iyyād.

Namun, percubaan untuk menghuraikan rahsia di sebalik *rasm* al-Quran ini turut mendapat kritikan. Shaykh Muḥammad Tāhir al-Kurdī berkata:

“Para ulama menyebut pelbagai alasan terhadap kalimah-kalimah dalam *rasm ‘Uthmānī*. Namun, alasan-alasan ini tidak lain hanyalah dari kategori penjinakan dan isyarat, kerana ia hanya diketengahkan selepas pemergian para sahabat RAH. Sedangkan mereka telah menulis mashaf al-Quran dengan *rasm* ini kerana suatu hikmah yang tidak kita fahami serta kerana suatu isyarat yang tidak kita ketahui. Mereka melakukannya tanpa melihat kepada alasan-alasan tatabahasa dan ilmu saraf, yang kedua-duanya itu direka selepas zaman mereka.”⁹³

⁹¹ Al-Tabarānī, Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb, *al-Mu‘jam al-Kabīr*, Taḥqīq: Ḥamdi ‘Abd al-Majīd al-Salafī, (Al-Mūṣil: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam, 1983), 5: 142. Hadis no 4888.

⁹² *Multaqā Ahl al-Tafsīr*, <https://vb.tafsir.net/tafsir16042/#.WTNIx-uGPIU>, akses 4 Jun 2017.

Ini bererti, perbezaan ada *alif* di tengah pada kalimah ‘ghamām’ (الْغَمَام) dalam surah al-Baqarah 2: 57 dan tanpa *alif* di tengahnya (الْغَمَام) dalam surah al-A‘rāf: 160 adalah ditentukan oleh Rasulullah SAW sendiri.

⁹³ ‘Abd al-Karīm Ibrāhīm ‘Awd Ṣāliḥ, *al-Muṭhaf fī Rasm al-Muṣhaf*, (Tanta: Dār al-Šāhābah li al-Turāth, 2006), 84.

Walau bagaimanapun, galakan supaya kita *mentadabbur* al-Quran dan alam semesta tentu masih membuka ruang untuk kita berusaha memahami rahsia-rahsia alam dan kitab al-Quran termasuk *rasm*-nya.

2.6.8 *I'jāz Tilāwah*

I'jāz tilāwah bermaksud keajaiban al-Quran dari aspek cara pembacaan. Cara membaca al-Quran bukan sekadar menggunakan sebutan bahasa Arab sahaja. Bahkan adalah tertakluk kepada bacaan dan cara sebutan yang diajar oleh Allah SWT melalui malaikat Jibril kepada Rasulullah SAW. Ini dijelaskan dalam firman Allah SWT:

فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبَعَ قُرْءَانَهُ


al-Qiyāmah 75: 18

Maksudnya: “Oleh itu, apabila Kami telah menyempurnakan bacaannya (kepadamu, dengan perantaraan Jibril), maka bacalah menurut bacaannya itu.”

Cara bacaan al-Quran termasuklah cara menyebut huruf dan sifatnya dari makhrajnya yang betul, panjang pendek (hukum mad), dengung dan nyata, *waqf* dan *ibtidā'* (tempat berhenti dan mula baca) serta hukum-hukum tajwid yang lain. Kesemua itu dipelajari secara *mushāfahah* (mendengar dan memerhati sendiri cara guru menyebut), dari generasi demi generasi, sejak dari Jibril kepada Rasulullah SAW, kepada para sahabat, kepada para *tābi'iñ*, kepada *tābi'i tābi'iñ*, kepada para imam dan guru dalam pengajian al-Quran dalam setiap generasi hingga ke generasi sekarang.

Kajian *i'jāz tilāwah* menunjukkan bahawa cara bacaan al-Quran yang menepati bacaan ketika ia diturunkan, mengikut hukum-hakam bacaan dan diwarisi sejak dahulu ini mempunyai tujuan dan makna tersendiri. Ia merupakan sebahagian dari mukjizat al-Quran yang disebut oleh Rasulullah SAW:

عَنْ عَلَيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ: "... وَلَا تُنَقْضِي عَجَائِبُهُ ..."

Maksudnya: “Dari ‘Aliyy bin Abū Ṭālib: “Keajaibannya (al-Quran) tidak akan habis-habis ...”.”⁹⁴

Antaranya penambahan binaan kalimah yang melibatkan penambahan bunyi dengan mad (sebutan panjang). Penambahan bunyi dianggap penambahan huruf dan seterusnya penambahan makna. Sebagai contoh, kita temui dalam surah al-Kafirun kalimah ‘mā’ (ما) dalam dua keadaan; satu dengan mad asli (dua harakat), manakala satu lagi dengan bacaan mad *jā’iz*. Firman Allah SWT:

قُلْ يَأَيُّهَا الْكَافِرُونَ لَا أَعْبُدُ مَا تَعْبُدُونَ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ

وَلَا أَنَا عَابِدٌ مَا عَبَدْتُمْ وَلَا أَنْتُمْ عَابِدُونَ مَا أَعْبُدُ لَكُمْ دِينُكُمْ وَلِيَ دِينِ

al-Kāfirūn 109: 1-6

Maksudnya: “Katakanlah (Wahai Muhammad): “Hai orang-orang kafir!” “Aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah.” “Dan kamu tidak menyembah apa yang aku sembah (Allah).” “Dan aku tidak akan beribadat kepada apa yang kamu sembah.” “Dan kamu tidak menyembah apa yang aku sembah (Allah).” “Bagi kamu agama kamu, dan bagiku agamaku.”

Kalimah ‘mā’ (ما) dalam ayat kedua dan keempat dibaca dengan 2 harakat. Manakala dalam ayat ketiga dan kelima dibaca dengan 4 atau 5 harakat. Apabila diamati, kita akan dapati bahawa kedua-dua konteks ayat membawa makna yang berbeza. Kalimah ‘mā’ (ما) dalam ayat kedua dan keempat merujuk kepada sembahana kaum kafir Qurasiy iaitu berhala. Sedangkan kalimah ‘mā’ (ما) dalam ayat ketiga dan kelima merujuk kepada Allah yang disembah oleh Rasulullah SAW⁹⁵ dan umatnya. Justeru, secara tidak langsung, al-Quran telah membezakan penggunaan kalimah sependek dua huruf itu kerana perbezaan zat yang dibicarakan dalam ayat.

Contoh kedua pula adalah dalam surah al-Zalzalah. Ia adalah berkenaan dengan bacaan dengung (*ghunnah*) pula. Seperti mad, *ghunnah* (bacaan dengung) juga melibatkan

⁹⁴ Muḥammad bin ‘Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī*, Bāb Mā Jā’ a fī Faḍl al-Qur’ān, no. 2906 (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi), 5: 172. Hadis *gharīb*. Ia merupakan sebahagian dari hadis Rasulullah SAW yang panjang tentang al-Quran.

⁹⁵ Shamlūl, *Ijāz*, 201.

penambahan huruf pada bacaan, tetapi bukan pada tulisan. Penambahan huruf pada bacaan ini juga menunjukkan penambahan makna. Firman Allah SWT:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ

al-Zalzalah 99: 7-8

Maksudnya: “Maka sesiapa berbuat kebaikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!” “Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)!”

Kedua-dua kalimah zarah (*dharrah* – ذرّة dalam ayat 7 dan 8 itu diakhiri dengan tanwin bawah. Tanwin pada zarah yang pertama diikuti dengan huruf *khā'* (خاء) yang menjadikannya dibaca secara *iżhār* (terang dan nyata). Hubungan cara bacaan ini dengan makna ayat ini adalah pada ketiadaan dengung atau jarak. Makna yang dapat diamati adalah walapun kebaikan itu hanya seberat zarah, ia tetap melekat pada manusia dan tidak akan terpisah darinya selamanya.

Manakala tanwin pada zarah kedua pula diikuti dengan huruf *shīn* (شين) yang menjadikannya dibaca dengan *ikhfā'* (bacaan sembunyi berserta dengung). Kewujudan bacaan dengung menunjukkan wujudnya jarak antara berat zarah dengan kejahatan. Ia menunjukkan adanya ruang untuk manusia bertaubat. Ini disokong pula dengan hadis Rasulullah SAW:

عَنْ أَبِي أُمَّامَةَ قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: إِنَّ صَاحِبَ الشِّمَاءِ لَيَرْفَعُ الْقَلْمَ سِتَّ سَاعَاتٍ عَنِ الْعَبْدِ الْمُسْلِمِ الْمُخْطَئِ أَوْ الْمُسْيِئِ، فَإِنْ نَدِمَ وَاسْتَغْفَرَ اللَّهُ مِنْهَا أَلْقَاهَا، وَإِلَّا كُتِبَتْ وَاحِدَةً.

Maksudnya: Dari Abū Umāmah katanya, sabda Rasulullah SAW: “Malaikat kanan dipercayai. “Sesungguhnya (malaikat) yang berada di sebelah kiri akan mengangkat pena enam jam bagi seorang Muslim yang melakukan kesalahan atau melakukan kejahatan. Jika ia menyesal dan beristigfar kepada Allah, maka malaikat itu menghapusnya. Jika tidak, maka tertulis satu kesalahan”.⁹⁶

⁹⁶ al-Tabarānī, Sulaymān bin Aḥmad, *al-Mu'jam al-Kabīr*, Bāb Ṣadī bin al-'Ajlān, no. 7971, (al-Mawṣil: Maktabah al-'Ulūm wa al-Hikam, 1983), 8: 247. Menurut al-Albāī, sahīh.

Terdapat dua orang malaikat yang ditugaskan mencatat amal. Malaikat yang diperintahkan mencatat perbuatan baik akan segera mencatat kebaikan. Sedangkan malaikat kiri pula diperintahkan supaya menangguhkan catatan amal jahat.⁹⁷

2.7 Kesimpulan

Perbahasan dalam bab ini menunjukkan bahawa teori *i'jāz* al-Quran lahir dari pemerhatian dan tadabbur umat Islam terhadap al-Quran serta usaha memahami maksud cabaran Allah bahawa manusia tidak mampu menandingi kehebatan al-Quran. Kemudian, konsep *i'jāz* pula semakin berkembang seiring dengan perkembangan manusia dan ilmu mereka. Akhirnya, salah satu aspek mukjizat yang lahir adalah mukjizat bilangan. Ini menunjukkan bahawa mukjizat bilangan lahir adalah sebahagian dari cabang *i'jāz* al-Quran.

⁹⁷ Shamlūl, *I'jāz*, 204.

BAB 3: KAJIAN BILANGAN SEBAGAI SALAH SATU MUKJIZAT AL-QURAN

Pendahuluan

Bab ini menghuraikan tentang perkembangan kajian bilangan dari penelitian umum terhadap surah, ayat, kalimah, huruf dan lain-lain. Kemudian kiraan dan bilangan yang berhasil menunjukkan adanya sesuatu yang menarik tentang susunan dan fakta-fakta yang disebut oleh al-Quran. Akhirnya, hasil-hasil kajian bilangan tersebut telah berkembang menjadi salah satu aspek kemukjizatan al-Quran yang baru.

3.1 Bilangan dan Al-Quran

Keistimewaan al-Quran sebagai wahyu Allah SWT telah mendorong umat Islam untuk melihat segala aspek di dalam kitab suci itu. Galakan untuk membaca dan *mentadabbur* al-Quran telah mendorong para ilmuan mengkajinya dari pelbagai sudut. Selain dari kajian mengenai pengertian, tafsiran, periwayatan, penulisan, cara bacaan, hukum-hakam, *nāsikh-mansūkh* dan keindahan bahasa, mereka juga mengkaji tentang bilangan dalam al-Quran.

Kajian mengenai bilangan ini merangkumi bilangan surah, bilangan ayat, bilangan kalimah, bilangan huruf dan bahkan bilangan titik. Antara inisiatif awal adalah karya-karya mengenai ‘*adad*’ (bilangan) dalam al-Quran. Beberapa karya tentang ‘*adad*’ telah ditulis sejak kurun yang awal lagi. Antaranya adalah:

- i. ‘*Adad Āy al-Qur’ān* atau ‘*Add al-Āy* oleh al-Farrā’, Ibn Manzūr al-Daylāmī (m. 207 H).¹ Selepas siasatan, kitab ini dianggap hilang.²
- ii. ‘*Suwar al-Qur’ān wa Āyātih wa Hurūfuh wa Nuzūlīh* oleh al-Faḍl bin Shādhān al-Rāzī³ (m. +/- 310 H).⁴

¹ Dhū al-Kifl & Ahmad Qāsim Kassār, *Manhajiyah al-Buhūth al-‘Ilmiyyah fī al-I‘jāz al-‘Adadi li al-Qur’ān al-Karīm. Dirāsah Waṣfiyyah*, (Markaz Buḥūth al-Qur’ān, Jāmi‘ah Malāyā, 2010), 4.

² Multaqā Ahl al-Tafsīr, akses 31 Ogos 2016, http://vb.tafsir.net/tafsir30526/#.V8ZV3_197IU.

³ Multaqā Ahl al-Tafsīr.

- iii. *Al-Mabsūt fī al-Qirā'āt al-'Ashr* oleh Ibn Mahrān al-Asbihānī al-Nisābūrī (m. 381 H / 991 M).⁵
- iv. *Tanzīl al-Qur'ān wa 'Adad Āyātihi wa Ikhtilāf al-Naṣṣ Fīh* oleh Ibn Zanjalah (m. 382).⁶
- v. *Al-Bayān fī 'Add Āy al-Qur'ān* oleh Abū 'Amru al-Dānī (m. 444 H).⁷
- vi. *Al-'Idāh* oleh al-'Andarābī (m. 470 H / 1077 M).⁸

Kitab-kitab ini membincangkan tentang jumlah ayat al-Quran yang berkaitan dengan ilmu *fawāṣil* (kalimah terakhir dalam sesuatu ayat), serta perbezaan riwayat dan pendapat mengenainya.

Kajian mengenai ayat yang serupa dan hampir serupa juga dilakukan oleh ilmuan silam, selain dari kajian tentang kalimah yang berulang dalam al-Quran. Contohnya adalah karya oleh Tāj al-Qurrā' Maḥmūd bin Ḥamzah bin Naṣr al-Kirmānī dalam *Asrār al-Tikrār fī al-Qur'ān*⁹ dan kajian Majd al-Dīn al-Fayrūz Abādī (m. 817H) yang dimuatkan dalam kitabnya *Baṣā'ir Dhawī al-Tamyīz*.¹⁰

Karya Tāj al-Qurrā' al-Kirmānī (m. 505 Hijrah / 1110 Masihi)¹¹ iaitu *Asrār al-Tikrār fī al-Qur'ān* juga dikenali sebagai *al-Burhān fī Tawjīh Mutashābih al-Qur'ān*. Berbanding karya al-Fayrūz Abādī, kitab lebih ringkas dan hanya satu jilid dengan 228 halaman. Ia menyenaraikan ayat-ayat al-Quran yang berulang mengikut susunan surah, kedudukan ulangannya dalam surah lain serta tujuan pengulangannya.

⁴ Ṣalāh al-Dīn Khalil al-Ṣafādī, *Al-Wāfi bi al-Wafayāt*, (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, (1420 H/ 2000 M), 16, 373.

⁵ Muṭaqā Ahl al-Tafsīr.

⁶ Dhū al-Kifl, *Manhajīyyah*, 4.

⁷ Muṭaqā Ahl al-Tafsīr.

⁸ Muṭaqā Ahl al-Tafsīr.

⁹ Maḥmūd bin Ḥamzah al-Kirmānī, *Asrār al-Tikrār fī al-Qur'ān*, (Kaherah: Dār al-I'tiṣām, 1396 H).

¹⁰ Al-Fayrūz Abādī Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'qūb, *Baṣā'ir Dhawī al-Tamyīz fī Laṭā'iḍ al-Kitāb al-'Azīz*, Muḥammad 'Ali al-Najjar (Tahqīq), Egypt: Lajnah Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, 1986), 1, 128-566.

¹¹ Beliau meninggal dunia sekitar tahun 505 Hijrah, bersamaan sekitar tahun 1110 Masihi.

Manakala karya al-Fayrūz Abādī pula lebih besar dan terdiri dari 6 jilid dgn 1802 halaman. Ia mengandungi perbincangan tentang kelebihan al-Quran, ilmu *nāsikh mansūkh* dan lain-lain. Kemudian beliau membahaskan tentang al-Quran mengikut surah demi surah. Antara yang dibincangkan adalah tentang tempat turun, bilangan ayat-ayat, kalimah dan huruf-hurufnya, perbezaan ulama *qurrā'* tentang bilangan ayat, jumlah *fawā'il* surah, nama-nama surah, tujuan surah, *nāsikh mansūkh* dalam surah, ayat-ayat atau rangkai kata yang serupa dalam surah dengan ayat dan surah lain serta tentang kelebihan surah. Selepas itu, beliau membincangkan tentang bilangan ayat, bilangan kalimah dan huruf al-Quran. Perbincangan dibuat dengan terperinci sehingga bilangan huruf tertentu seperti bilangan huruf *lām* dan lain-lain turut dicatatkan.

Kemudian perbahasan diteruskan dengan menyenaraikan semua kalimah dalam al-Quran dan ia disusun mengikut turutan huruf pertamanya. Ia diikuti dengan perbincangan teliti tentang pengertian kalimah tersebut serta perbezaan maksudnya mengikut kedudukannya dalam al-Quran. Kitab ini diakhiri dengan senarai nama-nama para nabi dan manusia lain yang terdapat dalam al-Quran serta perbahasan berkaitan dengannya.¹² Ini semua menunjukkan bahawa kajian tentang ulangan (ayat dan kalimah berulang) dan bilangan telah dilakukan sejak dahulu, selewat-lewatnya pada hujung kurun kelapan Hijrah.

Pada masa yang sama, kajian-kajian tentang *i'jāz* al-Quran juga berkembang. Bermula dengan *i'jāz bayānī* sehingga *i'jāz 'ilmī*, akhirnya muncullah *i'jāz 'adadī*. Perbahasan dan penemuan *i'jāz 'ilmī* (mukjizat saintifik) ada kalanya turut menyentuh aspek bilangan dalam beberapa isu. Ini seperti jumlah hari dalam setahun (365 hari) dan kalimah hari (*yawm*) dalam al-Quran yang berjumlah 365 juga. Begitu juga jumlah kalimah “*barr*” (darat) dan “*bahr*” (laut) dalam al-Quran. Ia telah menghasilkan penemuan bahawa nisbah kalimah darat dan laut dalam al-Quran menyamai (atau hampir menyamai) nisbah darat dan laut dalam realiti di bumi.¹³

Justeru, aspek bilangan lain dalam al-Quran telah diberi perhatian dan dijadikan topik kajian untuk mengenalpasti isyarat atau keterkaitan lain antara bilangan dengan

¹² Al-Fayrūz Abādī, *Baṣā'ir*, 1, 22.

¹³ The Miracles of The Quran, akses 24 Jun 2014, http://www.miraclesofthequran.com/mathematical_17.html.

hakikat lain yang mungkin akan ditemui. Kajian bilangan dalam al-Quran merupakan sebahagian dari aktiviti ilmiah yang dilaksanakan terhadap kitab suci ini.

3.2 Asal-Usul Kajian Bilangan

Kajian bilangan merangkumi aspek pengiraan dan pentafsiran berdasarkan kiraan. Pemerhatian terhadap kronologi kajian bilangan mendorong penulis untuk mengenal pasti asal-usulnya. Beberapa penulisan tentang asal-usul kajian bilangan telah menghimpunkan sekaligus unsur kajian bilangan dan kiraan dalam perbahasan yang sama. Namun, ada keperluan untuk ia dianalisis dan dibahagikan kepada tiga perbahasan, iaitu:

- i. Asal-usul kiraan dalam al-Quran
- ii. Asal-usul tafsir berdasarkan bilangan dan kiraan
- iii. Asal-usul konsep mukjizat bilangan
- iv. Asasnya dalam syariat

3.2.1 Asal-Usul Kiraan Dalam Al-Quran

Sebahagian dari kiraan dan bilangan itu datang dari al-Quran dan Rasulullah SAW sendiri. Namun, ia tidak menyeluruh kepada setiap ayat dan surah al-Quran. Antara yang disebut oleh al-Quran sendiri adalah tentang surah al-Fātiḥah dan jumlah ayatnya tujuh. Firman Allah SWT:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَاكَ سَبْعًا مِنْ الْمَثَانِي وَالْقُرْءَانَ الْعَظِيمَ


al-Hijr 15: 87

Maksudnya: “Dan sesungguhnya Kami telah memberi kepadamu (Wahai Muhammad) tujuh ayat yang diulang-ulang bacaannya dan seluruh al-Quran yang amat besar kemuliaan dan faedahnya.”

Dalam konteks kajian ini, ayat di atas menjelaskan bahawa surah al-Fātiḥah yang diulang-ulang bacaannya dalam solat saban hari adalah terdiri dari tujuh ayat. Cuma, terdapat perbezaan pendapat tentang manakah tujuh ayat itu. Sama ada ia termasuk Basmalah atau tidak. Selain dari ini, ayat-ayat dalam al-Quran tidak dinyatakan jumlahnya.

Ia dikira oleh para ulama berdasarkan ilmu *fawāṣil* iaitu ilmu tentang tempat berhenti bacaan.

Manakala hadis Rasulullah SAW pula menyebut tentang perincian setiap huruf. Sabda baginda:

مَنْ قَرَأَ حَرْفًا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ فَلَهُ بِهِ حَسَنَةٌ وَالْحَسَنَةُ بَعْشَرُ أَمْثَالِهَا لَا أَقُولُ الْحَرْفَ وَلَكِنْ الْأَلِفُ حَرْفٌ وَلَا مُ حَرْفٌ وَمِيمٌ حَرْفٌ.

Maksudnya: “Sesiapa membaca satu huruf dari kitab Allah, maka baginya satu pahala dan satu pahala itu diganda sepuluh. Aku tidak katakan *Alif Lam Mim* sebagai satu huruf. Tetapi *alif* adalah satu huruf, *lam* satu huruf dan *mim* satu huruf.”¹⁴

Hadis yang dinilai sebagai *hasan*, sahib dan *gharīb* ini menunjukkan bahawa seluruh al-Quran, setiap surah, setiap ayat, setiap kalimah dan bahkan setiap hurufnya mempunyai nilai dan tujuan. Dari sudut yang lain pula, kita boleh memahami bahawa di antara hikmah adanya huruf-huruf awalan (*aḥruf fawātiḥ*) dalam beberapa surah adalah menjurus ke arah aspek ketelitian dan pengiraan.

Justeru, para ulama telah membuat hitungan terhadap bilangan surah, ayat, huruf dan titik dalam al-Quran, sebelum ada yang menyentuh tentang rahsia di sebaliknya. Mereka dikenali sebagai ulama’ *al-‘adad*. Antara karya awal yang membicarakan tentang bilangan-bilangan ini adalah seperti ‘*Adad Āy al-Qur’ān* oleh *Ibn Manzūr al-Daylāmī* (m.207), *Tanzīl al-Qur’ān wa ‘Adad Āyātihi wa Ikhtilāf al-Naṣṣ Fīh* oleh *Ibn Zanjalah* (m.382) dan lain-lain.

Secara asasnya, al-Quran memiliki beberapa aspek yang dapat dikira dan menghasilkan bilangan. Seorang pengkaji boleh membilang surah, ayat, kalimah, huruf, titik atau melihat bilangan tertentu yang disebut dalam al-Quran. Secara spesifik, tidak ada bilangan khusus yang merangkumi seluruh al-Quran, melainkan pada beberapa perkara.

¹⁴ al-Tirmidhī, *Sunan*, Bāb Ma Jā’ a fī Man Qara’ a Ḥarfān Min al-Qur’ān Mā Lahū Min al-Ajr, hadis no. 2910. 5, 175. Hadis *hasan sahīh gharīb*.

Oleh itu, kiraan dalam al-Quran boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu *tawqīfī* dan *ijtihādī*.

Kategori pertama (*tawqīfī*) bermaksud ia adalah tetap dan tiada perbahasan atau perbezaan pendapat tentangnya kerana telah ditentukan oleh Allah atau dijelaskan oleh Rasulullah SAW. Manakala kategori kedua (*ijtihādī*) pula bermaksud ia ditentukan para ulama berdasarkan ijтиhad mereka. Sebahagian dari kiraan dalam al-Quran bersifat *tawqīfī* sedangkan yang lain adalah *ijtihādī*.

Kiraan yang bersifat *tawqīfī* adalah bilangan surah al-Quran iaitu sebanyak 114 surah. Begitu juga susunan surah yang bermula dengan surah al-Fātiḥah dan diakhiri dengan surah al-Nās. Walaupun terdapat sedikit pendapat berbeza mengenainya, ia telah diselaraskan melalui mashaf ‘Uthmānī yang telah menghimpunkan segala manuskrip dan pandangan berkenaan nas-nas al-Quran dan susunannya. Para ulama menganggap usaha Sayyidina ‘Uthman ini telah menyatukan semua pandangan tersebut dan isu-isu perbezaan riwayat atau pendapat tentang al-Quran telah diselesaikan. Jika pun ia tidak dapat memenuhi kriteria *tawqīfī*, ia boleh diterima sebagai *tawfiqī* (dengan hidayah atau hasil ilham dari Allah SWT).

Manakala jumlah keseluruhan ayat al-Quran bukan bersifat *tawqīfī* kerana wujudnya perbezaan pendapat tentang *fawāṣil* beberapa ayat. Ini telah menghasilkan jumlah bilangan ayat al-Quran yang berbeza antara para ulama. Terdapat tujuh bilangan berbeza berdasarkan riwayat negeri iaitu 6217 menurut riwayat Madinah yang pertama (*Madani Awwal*), 6214 menurut riwayat kedua Madinah (*Madani Akhir*), 6210 menurut riwayat Mekah (*Makki*), 6204 menurut riwayat Basrah (*Baṣriyyūn*), 6226 menurut riwayat Damsyik (*Dimashqi*), 6232 menurut riwayat Homs (*Himṣi*) dan 6236 menurut riwayat Kufah (*Kūfi*).¹⁵

Sebagai kesimpulan, kiraan dalam al-Quran memang mempunyai asas dari al-Quran dan hadis sendiri. Ia bukan sesuatu yang diada-adakan atau dibawa dari luar. Manakala kegiatan mengira pula telah disemarakkan lagi oleh para ulama *al-‘adad*.

¹⁵ ‘Abd al-Fattāḥ al-Qādī, *Nafā’is al-Bayān Sharḥ al-Farā’id al-Hisān fī ‘Add Āy al-Qur’ān*, (Madinah: Maktabah al-Dār, 1975), 6-7.

3.2.2 Asal-Usul Tafsir Berdasarkan Bilangan Dan Kiraan

Tahap kedua dalam kajian bilangan adalah menggunakan kiraan dan bilangan sebagai sandaran kepada tafsir atau usaha memahami dan menjelaskan maksud sesuatu ayat al-Quran. Sebelum kemunculan konsep *i'jaz 'adad* lagi, beberapa tafsir berdasarkan kiraan dan bilangan telah pun digunakan. Ia termasuk pada peringkat generasi awal lagi. Antaranya:

3.2.2.1 Tafsiran Sembilan Belas (Pada Zaman Sahabat)

Tafsiran secara kiraan ('*adadi*) paling awal ditemui adalah pentafsiran Basmalah dalam surah al-Fatiyah yang dikaitkan dengan ayat 30, surah al-Muddathhir {عَلَيْهَا تِسْعَةُ عَشَرَ}. Ia disandarkan kepada Ibn Mas'ud RA (tidak *marfu'* kepada Rasulullah SAW dan merupakan *athār*) dan dicatatkan oleh al-Tha'labi (m. 427 H) dalam *al-Kashf wa al-Bayān*, al-Qurtubī (m. 671 H) dalam *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān* dan Ibn Kathir (m. 774 H) dalam *Tafsīr Al-Qur'ān al-'Azīm*. Ia diriwayatkan oleh Waki' dari al-A'mash dari Abi Wā'il dari Ibn Mas'ud RA. Kata Ibn Mas'ud:¹⁶

مَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَجِّيَ اللَّهُ مِنَ الزَّبَانِيَّةِ التِّسْعَةَ عَشَرَ فَلْيَقْرَأْ "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ"
لِيَجْعَلَ اللَّهُ تَعَالَى لَهُ بِكُلِّ حَرْفٍ مِنْهَا جُنَاحًا مِنْ كُلِّ وَاحِدٍ. فَالْبِسْمَلَةُ تِسْعَةُ عَشَرَ
حَرْفًا عَلَى عَدَدِ مَلَائِكَةِ أَهْلِ النَّارِ الَّذِينَ قَالَ اللَّهُ فِيهِمْ: "عَلَيْهَا تِسْعَةُ عَشَرَ"
وَهُمْ يَقُولُونَ فِي كُلِّ أَفْعَالِهِمْ: "بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ" فَمَنْ هُنَاكَ هِيَ قُوَّتُهُمْ،
وَبِبِسْمِ اللَّهِ اسْتَضْلِعُوا.

Maksudnya: “Sesiapa mahu diselamatkan oleh Allah dari malaikat Zabaniyah yang berjumlah 19 orang, hendaklah dia membaca {بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ}, agar Allah SWT menjadikan setiap hurufnya sebagai perisai untuknya dari setiap malaikat itu. Basmalah itu terdiri dari 19 huruf menyamai bilangan malaikat penjaga neraka yang difirmankan oleh

¹⁶ Al-Tha'labi, *al-Kashf wa al-Bayān*, (Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 2002M), 1, 91.
Al-Qurtubī, *al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'ān*, (Kaherah: Dār al-Kutub al-Miṣriyyah, 1964M), 1: 92.
Ibn Kathir, *Tafsīr Al-Qur'ān al-'Azīm*, (Dār Ṭayyibah, 1999M), 1: 120.

Allah { عَلَيْهَا تِسْعَةٌ عَشَر } – Di atasnya ada sembilan belas. Mereka mengucapkan { بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ } dalam setiap pekerjaan mereka. Itulah kekuatan mereka. Dengan Bismillah juga mereka menjadi lemas dan kenyang.”¹⁷

Riwayat ini menunjukkan bahawa pengiraan dalam al-Quran telah digunakan oleh generasi awal untuk mentafsirkan ayat-ayatnya. Bahkan ia telah digunakan pada surah yang pertama iaitu al-Fātiḥah dan pada ayat serta surah kedua atau ketiga terawal diturunkan, iaitu surah al-Muddaththir.

3.2.2.2 Signifikan Bilangan Menurut Hadis

Perbincangan mengenai tafsiran bilangan 19 dalam al-Quran turut dikaitkan dengan hadis Rasullah SAW mengenai bilangan yang dilihat relevan dengan topik ini. Ia mengaitkan kiraan kalimah atau huruf dengan nas hadis Rasulullah SAW. Imam al-Qurtubi telah memuatkan dua isu pengiraan dalam tafsir surah al-Fātiḥah, pada ayat pertama iaitu Basmalah. Beliau mencatatkan riwayat tentang malam kebesaran atau *laylah al-qadr* (akan dibincangkan selepas ini) dan ucapan “*rabbanā laka al-hamd hamdan kathīran ṭayyiban mubārakan fīh*” { رَبَّنَا وَلَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَّكًا فِيهِ } yang diungkapkan oleh seorang sahabat. Lalu baginda SAW diperlihatkan beberapa belas orang malaikat berlumba-lumba mencatatkan pahala untuk sahabat berkenaan. Ia difahami sebagai hubungan antara bilangan huruf dan bilangan malaikat yang mencatat ganjarannya.¹⁸

Aspek terpenting dalam pendalilan topik ini adalah kiraan. Dua hadis ditemui tentang kiraan dan signifikannya dengan nas.

عَنْ رَفَاعَةَ بْنِ رَافِعٍ التُّرْقِيِّ قَالَ كُنَّا نُصَلِّي يَوْمًا وَرَاءَ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَلَمَّا رَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأْسَهُ مِنِ الرَّكْعَةِ وَقَالَ سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمِدَهُ قَالَ رَجُلٌ وَرَاءَهُ رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَّكًا فِيهِ فَلَمَّا

¹⁷ Atau kekenyangan.

¹⁸ al-Qurtubi, *al-Jāmi'*, 10, 271.

اَنْصَرَفَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ مَنْ الْمُتَكَلِّمُ اَنِّي قَالَ الرَّجُلُ اَنَا يَا
رَسُولَ اللَّهِ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ لَقَدْ رَأَيْتُ بِضْعَةً وَثَلَاثَيْنَ مَلَكًا
يَبْتَدِرُونَهَا أَيُّهُمْ يَكْتُبُهَا اَوْلًا.

Maksudnya: “Dari Rifā‘ah bin Rāfi‘ al-Zurqiyy katanya: “Suatu hari kami solat di belakang Rasulullah SAW. Apabila Rasulullah SAW mengangkat kepala dari ruku‘ dan berkata: (Allah سَمِعَ اللَّهُ لِمَنْ حَمَدَهُ) mendengar orang yang memuji-Nya), seorang lelaki di belakang baginda menyebut (Oh Tuhan kami, bagi-Mu segala puji, puji sebanyak-banyaknya yang baik dan bertambah kebaikan padanya). Apabila Rasulullah SAW selesai solat, baginda bertanya: “Siapakah yang berkata tadi?” Lalu lelaki itu menjawab: “Saya, wahai Rasulullah.” Lalu sabda Rasulullah SAW: “Sungguh aku telah melihat 30 lebih malaikat berlumba-lumba siapa dahulu yang dapat mencatatnya.”¹⁹

Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Ahmad dan sanadnya dihukum sebagai sahih mengikut syarat al-Bukhārī oleh Shu‘ayb al-Arnā’ūt. Ia juga diriwayatkan oleh Ibn Khuzaymah. Hadis ini menjelaskan kelebihan bacaan sahabat tersebut (iaitu Rifā‘ah bin Rāfi‘ al-Anṣārī) walaupun ia adalah bacaan yang diungkapkannya sendiri, bukan diajar oleh Rasulullah SAW. Ucapan beliau itu merupakan puji kepada Allah sebanyak-banyaknya. Namun terdapat kalangan ulama yang melihatnya dari aspek bilangan. Ibn Ḥajar mencatatkan pandangan tersebut, menurutnya:

Dikatakan bahawa hikmah penentuan bilangan khusus (30 lebih) malaikat disebut oleh Rasulullah SAW adalah bilangan huruf-hurufnya (bacaan iktidal lelaki tersebut) menepati bilangan yang tersebut.²⁰.

Bilangan yang disebut oleh Rasulullah SAW adalah *bid‘ wa thalāthūn* (بضع وثلاثون) iaitu 30 lebih. Ini kerana *bid‘* (بضع) adalah bilangan antara 3 hingga 9. Manakala bilangan huruf dalam ungkapan tasbih tersebut pula adalah 33, seperti kiraan berikut:

¹⁹ Ahmad bin Hanbal, *Musnad Ahmad*, Musnad al-Kūfiyyīn, hadis no. 19018, (Cairo: Mua’ssasah Qurṭubah), 4, 340.

²⁰ Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī*, 2: 287.

Jadual 1: Kiraan dalam tasbih iktidal solat.

Kalimah	فِيهِ	مُبَارَّكًا	طَيْبًا	كَثِيرًا	حَمْدًا	الْحَمْدُ	لَكَ	رَبَّنَا	Jumlah
Bilangan huruf	3	6	4	5	4	5	2	4	33

Bilangan 33 adalah dalam lingkungan *bid' wa thalāthūn* (بضع وثلاثون).

Dalam riwayat Muslim, bilangan yang disebut adalah berbeza seperti berikut:

عَنْ أَنَسٍ أَنَّ رَجُلًا جَاءَ فَدَخَلَ الصَّفَّ وَقَدْ حَفَزَهُ النَّفَسُ فَقَالَ الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا
 كَثِيرًا طَيْبًا مُبَارَّكًا فِيهِ فَلَمَّا قَضَى رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ صَلَاتَهُ قَالَ
 أَيُّكُمُ الْمُتَكَلِّمُ بِالْكَلِمَاتِ فَأَرَمَ الْقَوْمُ فَقَالَ أَيُّكُمُ الْمُتَكَلِّمُ إِنَّهَا لَمْ يَقُلْ بِأَسَا
 فَقَالَ رَجُلٌ حِثْ وَقَدْ حَفَزَنِي النَّفَسُ فَقُلْنَاهَا فَقَالَ لَقَدْ رَأَيْتُ اثْنَيْ عَشَرَ مَلَكًا
 يَبْتَدِرُونَهَا أَيُّهُمْ يَرْفَعُهَا.

Maksudnya: “Dari Anas bahawa seorang lelaki datang lalu masuk barisan solat dalam keadaan nafasnya tercungap-cungap. Lalu dia berkata: “*al-hamd li Allāh hamdan kathiran tayyiban mubārakan fīh*” (الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا hamdan kathiran tayyiban mubārakan fīh) (Segala puji bagi Allah, pujian sebanyak-banyaknya, yang baik dan bertambah kebaikan padanya). Apabila Rasulullah SAW selesai solat, baginda bertanya: “Siapakah yang berkata dengan kalimah-kalimah tadi?” Lalu orang ramai diam. Baginda bersabda: “Dia tidak mengatakan perkara yang salah.” Maka seorang lelaki berkata: “Saya datang dalam keadaan nafas tercungap-cungap, lalu saya menyebutnya.” Sabda baginda: “Sungguh aku telah melihat 12 orang malaikat berlumba-lumba siapa yang dapat mengangkat-nya²¹ (membawa catatan amalan itu naik ke langit - penulis).”

Hadis kedua ini lebih kuat kerana ia diriwayatkan oleh Imam Muslim. Namun, ia berbeza dari segi ungkapan itu bukan selepas iktidal, tetapi selepas takbir mula solat (*takbīrah al-iḥrām*) dan sebelum bacaan lainnya. Ia juga berbeza dari segi bilangan malaikat, bukan 30 lebih, tetapi 12 orang malaikat. Ia merupakan perbezaan yang jauh.

²¹ Muslim, *Sahīh*, Kitāb al-Masājid, Bāb Mā Yuqāl Bayn Takbīrah al-Iḥrām wa al-Qirā’ah, hadis no. 1385. 2, 99.

Walau bagaimanapun, Ibn Ḥajar mengulasnya berdasarkan riwayat lain. Dalam riwayat Rifā‘ah bin Yahyā, ia ditambah dengan lafaz *mubārakan alayhi kamā yuhibbu rabbunā wa yarḍā* (مبَارَكًا عَلَيْهِ كَمَا يُحِبُّ رَبُّنَا وَيَرْضَى) yang bermakna: “bertambah kebaikan atasnya, sebagaimana disukai dan direndai oleh Tuhan kami.”

Manakala dalam riwayat al-Tabarānī pula, ia menyebut bilangan 13 orang malaikat. Berdasarkan dua riwayat ini, bilangan malaikat itu didapati menyamai bilangan kalimah ungkapan Rifā‘ah al-Anṣārī tadi (Ibn Ḥajar, 1379H: 2, 287), bukan bilangan huruf; seperti berikut:

Jadual 2: Kiraan kalimah dalam tasbih iktidal tetapi disebut sebagai bacaan selepas *takbirah al-iḥrām* berdasarkan riwayat lain.

Ungkapan	الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا طَيْسًا مُبَارَكًا فِيهِ مُبَارَكًا عَلَيْهِ كَمَا يُحِبُّ رَبُّنَا وَيَرْضَى
Bilangan kalimah	13

3.2.2.3 Tafsiran dan Penentuan *Laylah al-Qadr* (Zaman Sahabat).

Tafsiran secara kiraan (*'adadi'*) kedua awal adalah pentafsiran yang disandarkan kepada Ibn ‘Abbās RA tentang malam kebesaran (*laylah al-qadr*).²² Ibn al-Jawzī (m. 597H) mencatatkan dalam tafsirnya tentang malam al-Qadr sebagai malam yang ke 27 Ramadan. Beliau menukilkan hujah Ibn ‘Abbās bahawa kalimah *salām* {سلام} dalam surah al-Qadr adalah kalimah ke 27.²³ Al-Zarqānī (m.1122 H) pula mencatatkan pandangan yang sama tentang malam al-Qadr sebagai malam ke 27 berdasarkan kalimah *hiya* {هي} sebagai kalimah ke 27. Walau bagaimanapun, ia dikritik oleh Ibn Ḥazm dan Ibn ‘Atīyyah.²⁴

Namun, pentafsiran ini tidak dapat dipastikan benar-benar dari Ibn ‘Abbās RA. Catatan yang ada dalam beberapa kitab tafsir seperti *Tafsīr al-Rāzī* (m. 606 H) dan syarah

²² Hasan al-‘Ibādalah, “Ta’ṣīl Fikrah al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm”, dalam *Majallah al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah*, Jil. 19, Bil. 2, Jun 2011, al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Ghazzah, akses 29 Jan 2016, <http://www.iugaza.edu.ps/ar/periodical>: 94.

²³ Namun, perkiraan yang lebih tepat adalah kalimah {هي}, iaitu gantinama bagi malam al-Qadr dalam surah itu adalah kalimah ke 27. Sedangkan kalimah {سلام} pula adalah kalimah ke 26. Walau bagaimanapun, penghujahan yang lebih hampir adalah pada kalimah {هي}, bukan {سلام}.

²⁴ Al-Zarqānī, Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī bin Yūsuf, *Sharḥ al-Zarqānī ‘ala Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1411H), 2: 296.

hadis seperti Sharḥ Al-Ṭahāwī (m. 321 H) adalah Ibn ‘Abbas mengkiaskan pandangannya bahawa malam al-Qadr adalah malam ke 27 dengan perkara lain. Menurut beliau, Allah SWT sering menyebut bilangan tujuh. Dia mencipta tujuh langit, dan tujuh bumi, tanaman yang tumbuh di bumi juga tujuh,²⁵ menjadikan seminggu tujuh hari, mencipta manusia melalui tujuh peringkat, manusia memiliki tujuh anggota, neraka juga tujuh, Dia menjadikan tawaf, sa‘i dan jumrah tujuh kali. Maka, wajarlah malam al-Qadar juga malam ke tujuh dari sepuluh terakhir Ramadan, iaitu malam ke 27.²⁶

Ibn al-Jawzī juga mencatatkan pandangan ulama lain tentang malam ke 27 berdasarkan jumlah huruf dalam ungkapan *laylah al-Qadr* {ليلة القدر} adalah sembilan huruf. Ungkapan *laylah al-Qadr* itu pula diulang tiga kali dalam surah al-Qadr. Jumlah sembilan huruf didarab dengan tiga kali ungkapan itu berulang menghasilkan jumlah 27 juga.²⁷

3.2.2.4 Tafsiran Seribu Bulan (Zaman Tabi‘in) – 167H

Selain dari itu, pentafsiran berkaitan kiraan juga ditemui dalam pentafsiran ayat ketiga surah ini tentang kelebihan malam al-Qadr melebihi seribu bulan. Kebanyakan tafsir hanya menghuraikan kelebihan atau pahala amalan pada malam itu melebihi pahala amalan selama seribu bulan. Namun, satu riwayat mengaitkan kiraan seribu bulan itu sebagai tempoh pemerintahan Bani Umayyah. Al-Ṭabarī (m.310H) mencatatkan riwayat dari al-Qāsim bin al-Faḍl (m.167H), dari ‘Isā bin Māzin, beliau telah berkata kepada al-Hasan bin ‘Aliyy RA:

يَا مَسُودَ وَجْهَ الْمُؤْمِنِينَ، عَمِدَتْ إِلَى هَذَا الرَّجُلِ، فَبَايَعَتْ لَهُ، يَعْنِي مَعَاوِيَةَ بْنَ أَبِي سَفِيَّانَ، قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَرَى فِي مَنَامِهِ بَنِي أَمِيَّةَ يَعْلُونَ مَنْبِرَهِ خَلِيفَةً، فَشَقَّ ذَلِكَ عَلَيْهِ، فَأَنْزَلَ اللَّهُ: (إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ) وَ(إِنَّا أَنْزَلْنَاكَ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفٍ شَهْرٍ) يَعْنِي مَلْكَ بَنِي أَمِيَّةَ. قَالَ الْقَاسِمُ: فَحَسِبْنَا مُلْكَ بَنِي أَمِيَّةَ، فَإِذَا هُوَ أَلْفٌ شَهْرٌ.

²⁵ Berdasarkan ayat 27, surah ‘Abasa.

²⁶ Al-Ṭahāwī, *Sharḥ Mushkil al-Āthār*, Mu’assasah al-Risālah, 14: 370 & al-Rāzī (200M/1421H), *Mafātiḥ al-Ghayb*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1415H), 32: 30.

²⁷ Ibn al-Jawzī, *Zād al-Masīr fī ‘Ilm al-Tafsīr*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1404 H), 9: 187.

Maksudnya: “Wahai orang yang memalukan wajah kaum orang-orang beriman. Aku telah pergi menghadap lelaki ini (Mu‘āwiyah bin Abū Sufyān), lalu aku berbaiah kepada dinya.” Lalu al-Ḥasan berkata: “Sesungguhnya Rasulullah SAW telah diperlihatkan di dalam mimpinya bahawa keluarga Umayyah telah menaiki mimbar baginda SAW seorang demi seorang khalifah. Hal itu telah menjadikan baginda SAW merasa tidak selesa. Lalu Allah menurunkan firman-Nya {إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ} dan {إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ حَيْثُ مِنْ أَلْفِ شَهْرٍ}. Alfi shahr (seribu bulan) itu adalah kerajaan Bani Umayyah.” Kata al-Qāsim: “Kami pun menghitung dan kami dapati tempoh umur kerajaan Bani Umayyah adalah 1000 bulan.”²⁸

Secara zahir, kiraan itu tidak tepat kerana usia kerajaan Bani Umayyah adalah 91 tahun (Hijrah). Ia telah diasaskan oleh Mu‘āwiyah RA dengan penyerahan mandat kepadanya oleh al-Ḥasan bin ‘Aliyy RA pada bulan Rabi’ul Akhir atau Jamadil Awal tahun 41 Hijrah²⁹ dan berakhir dengan kematian khalifah terakhirnya, Marwān al-Himār pada bulan Zulhijjah tahun 132 Hijrah.³⁰ Sedangkan seribu bulan pula menyamai 83 tahun dan empat bulan Hijrah. Namun, pentafsiran tersebut mengambil kira tempoh pemerintahan ‘Abdullāh bin al-Zubayr selama sembilan tahun.³¹ Dengan menolak tempoh sembilan tahun ini, jadilah tempoh kekuasaan Bani Umayyah lebih kurang 83 tahun (menyamai seribu bulan). Walaupun kedudukan hadis dan pentafsiran ini dipertikaikan, namun apa yang menjadi fokus penulis adalah wujudnya pentafsiran berdasarkan nombor dan bilangan pada peringkat awal seperti ini. Sekurang-kurangnya ia merujuk kepada kiraan al-Qāsim bin al-Faḍl yang mati pada tahun 167H.³²

²⁸ al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 24: 534. Namun, hadis tersebut pula dikritik sebagai munkar oleh Ibn Kathīr dan al-Mizzī.

²⁹ Ibn Kathīr, *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987), 8, 19.

³⁰ Ibn Kathīr, *Al-Bidāyah*, 10, 48.

³¹ Menurut setengah ulama termasuk Ibn Ḥazm, ‘Abdullāh bin al-Zubayr adalah khalifah yang sah. Beliau telah dibaiah oleh orang ramai pada bulan Rejab selepas kematian Yazīd bin Mu‘āwiyah dan selepas umat Islam hidup tanpa khalifah selama 3 bulan. Lihat Ibn Kathīr, *Al-Bidāyah*, 8, 242.

³² Al-Bukhāri, Muḥammad bin Ismā‘īl, *Al-Tārīkh al-Ṣaghīr*, (Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1986), 2, 155.

Al-Qāsim meriwayatkan khabar tersebut dari Yūsuf bin Māzin dan individu yang dimaksudkan oleh Ibn Kathīr adalah al-Qāsim bin al-Faḍl al-Haddāni (m.167H). Sedangkan al-Qāsim bin al-Faḍl al-İsbahāni (m.489H) adalah tidak berkenaan. Penentuan individu ini diambil kira kerana ia menentukan kedudukan tahun yang menunjukkan adanya pentafsiran secara bilangan dalam kalangan generasi awal (*tabi‘īn*) lagi.

Selain dari al-Tabarī dalam tafsirnya, hadis ini diriwayatkan juga dalam Sunan al-Tirmidhi (dihukum *gharib*),³³ Siyar A‘lām al-Nubalā’ oleh al-Dhahabi (beliau menghukumnya *munqati'*) dan dalam al-Bidāyah wa al-Nihāyah oleh Ibn Kathīr (*gharib* dan sangat *munkar*).³⁴ al-Mizzī juga mengkritik riwayat ini sebagai *munkar*.³⁵

3.2.3 Asal-Usul Konsep Mukjizat Bilangan

Konsep mukjizat bilangan pula bukan sekadar kiraan berkaitan al-Quran atau mentafsirkan ayat dengan kaedah kiraan. Sebaliknya, ia adalah idea bahawa al-Quran mengandungi kekuatan dan kehebatan dari segi kiraan, keseimbangan dan bilangan. Dengan maksud ini, tidak ramai yang membicarakannya dari peringkat awal. Namun, cetusan idea awal dapat ditemui pada beberapa pandangan dan karya ulama silam. Selain itu, perkembangan konsep ini juga berkait dengan penomboran al-Quran, penciptaan komputer dan penerbitan kamus indeks lafaz al-Quran.

3.2.3.1 Idea Terawal

Antara cetusan idea yang ditemui dan terawal dari sudut kronologi adalah pandangan Ibn Surāqah (m. 410 H)³⁶. Al-Suyūtī (m. 911 H) menukilkan kata-kata Ibn Surāqah dalam dua karyanya, *al-Itqān* dan *Mu’tarak al-Aqrān*³⁷:

“Antara aspek mukjizat al-Quran adalah apa yang disebut oleh Allah dalam al-Quran termasuk bilangan-bilangan, hitungan, himpunan, pecahan/keelokan, darab, keserasian, keseragaman, kesinambungan, bagi dua dan gandaan. Supaya para ilmuan yang mahir dengan hisab hitungan tahu bahawa Rasulullah SAW itu seorang yang benar ketika baginda mengatakan bahawa al-Quran itu bukan ciptaan baginda. Ini

³³ Laman Ḥadīth, Taḥaqqaq Min Sīḥḥah al-Ḥadīth bi Suhūlah, akses 22 April 2016, <http://hdith.com/?s=مسود+وجوه+المؤمنين>.

³⁴ Ibn Kathīr, *Al-Bidāyah*, 8, 20.

³⁵ Laman Ḥadīth, akses 22 April 2016.

³⁶ Beliau adalah Abū al-Hasan Mūḥammād bin Yaḥyā bin Surāqah, digelar al-Ḥafīz al-‘Allāmah. Salah seorang imam dalam mazhab al-Shāfi‘ī.

³⁷ Teks asal:

وقال ابن سراقة من بعض وجوه إعجاز القرآن ما ذكر الله فيه من أعداد الحساب والجمع والقسمة والضرب والموافقة والتأليف والمناسبة والتتصيف والمضادفة ليعلم بذلك أهل العلم بالحساب أنه صادق في قوله وأن القرآن ليس من عدته إذ لم يكن من خالط الفلسفه ولا تلقى أهل الحساب وأهل الهندسة.

kerana baginda tidak pernah bergaul dengan ahli falsafah, tidak pernah berguru dengan ahli hisab hitungan mahupun pakar kejuruteraan.”³⁸

Cetusan idea oleh tokoh seawal generasi kurun kelima Hijrah ini menunjukkan bahawa kajian bilangan dan teori mukjizat bilangan bukanlah sesuatu yang patut dianggap asing atau pelik, mahupun dianggap sebagai kesan pengaruh agama lain atau ajaran sesat yang mengagumi angka. Sebaliknya ia adalah hasil pemerhatian dan *tadabbur* para ulama sendiri terhadap al-Quran. Dengan kata lain, dorongan kajian bilangan dan gagasan mukjizat bilangan sebenarnya lahir dalam lingkungan umat Islam sendiri.

Zaman selepas itu tidak memperlihatkan aktiviti kajian bilangan yang signifikan sehingga kurun ke 14 Hijrah atau kurun ke 20 Masihi. Karya-karya kajian bilangan didapati mula diterbitkan pada kurun ini. Perkembangan ini dilihat seiring dengan perkembangan mashaf dari tulisan tangan kepada percetakan menggunakan mesin dan pernomboran. Namun, apa yang lebih ketara adalah ia berkaitan dengan penggunaan nombor secara meluas dalam dokumen, penulisan dan pelbagai catatan secara umum.

3.2.3.2 Penomboran Al-Quran

Penulisan tentang penomboran al-Quran tidak ditemui dalam karya-karya ‘ulūm al-Quran. Ia menunjukkan aspek ini belum diberi perhatian oleh para pengkaji al-Quran. Ini kerana penomboran al-Quran masih dikira baru berbanding dengan bidang *rasm*, *dābt* dan lain-lain. Carian berdasarkan kata kunci *raqam* dan *tarqīm* hanya menemukan perbincangan ulama mengenai simbol bacaan sama ada tanda baca asas (baris, mati dan sebagainya) mahupun tanda baca moden (koma, titik dan lain-lain). Begitu juga, ditemui perbincangan tentang kiraan bilangan ayat, tetapi bukan perletakan nombor pada ayat atau surah. Justeru itu, kajian pensejarahan diperlukan bagi melihat sendiri permulaan penomboran al-Quran.

3.2.3.2.1 Pengamatan Sejarah

Pengamatan terhadap kronologi sejarah tentang mashaf telah membantu penulis memahami mengapa kajian bilangan kelihatan tidak mendapat perhatian besar dari ulama silam. Sebab

³⁸ Al-Suyūtī, Jalāl al-Dīn, ‘Abd al-Rahmān, *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*, Muḥammad Abū al-Faḍl Ibrāhīm (Tahqīq), (Miṣr: al-Hay’ah al-‘Āmmah li al-Kitāb, 1974), 4: 36. Juga al-Suyūtī, *Mu’tarak al-Aqrān*, 1, 19.

pertama adalah sistem nombor belum digunakan secara meluas. Manakala sebab kedua adalah kerana pernomboran dalam mashaf al-Quran sendiri belum wujud.

Pada peringkat awal, ayat-ayat al-Quran tidak disertakan dengan sebarang tanda. Ia hanya ditulis dengan huruf yang sangat asas, tanpa baris, titik,³⁹ simbol lain mahupun tanda bilangan (nombor). Kemudian, secara bertahap, teks al-Quran telah disertakan dengan tanda titik *i'rāb*,⁴⁰ tanda titik *i'jām*,⁴¹ tanda baris (*harakah*)⁴² dan tanda berhenti bacaan (wakaf - *waqf*)⁴³ bagi membantu bacaan dalam kalangan bangsa-bangsa bukan Arab. Namun, untuk tempoh yang lama, simbol nombor belum digunakan dalam teks al-Quran.

Kajian penulis ke atas mashaf-mashaf klasik mendapati ia tidak mencatatkan sebarang nombor sehingga kurun ke 20 Masihi atau ke 14 Hijrah. Pemerhatian ini melibatkan beberapa sumber termasuk mashaf-mashaf yang dipamerkan dan di dalam simpanan. Sumber-sumber tersebut adalah:

- i. Muzium al-Quran di Madinah al-Munawwarah yang dinamakan Ma'rad al-Qur'an al-Karim.
- ii. Muzium Mekah yang dinamakan Ma'rad 'Imārah al-Haramayn al-Sharīfayn.
- iii. Kilang Percetakan al-Quran di Madinah al-Munawwarah yang dinamakan Mujamma' al-Malik Fahd bin 'Abd al-'Azīz.
- iv. Perpustakaan Masjid Nabawi (di tingkat atas Masjid Nabawi).

³⁹ 'Abd al-Fattāḥ al-Qādī, *Tārīkh al-Muṣṭafā al-Sharīf*, (Jumhūriyyah Miṣr al-‘Arabiyyah: al-Idārah al-Markaziyyah li al-Ma‘āhid al-Azhariyyah, 1994), 27.

⁴⁰ Tanda di hujung kalimah yang menentukan kedudukan kalimah dalam tatabahasa Arab.



⁴¹ Tanda satu, dua atau tiga titik, di atas atau bawah huruf yang membezakan huruf tersebut dari huruf lain seperti antara huruf dengan 'ayn (ع) dengan ghayn (غ) dan antara sin (س) dengan shin (ش).



⁴² Tanda baris vokal, a. i (ـ) dan u (ـ).

⁴³ *Buku Panduan Rasm Uthmani*, (Urusetia Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, 2004), 16.


- v. Pusat Penyelidikan dan Kajian Madinah (Markaz Buḥūth wa Dirāsāt al-Madīnah al-Munawwarah). Dokumen hanya dalam bentuk salinan lembaran dari beberapa belas mashaf lama.
- vi. Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur.

Kesemua mashaf tersebut didapati tidak menggunakan sebarang catatan nombor sama ada pada ayat atau helaian mukasuratnya. Kebanyakan mashaf kurun mutakhir sebelum kurun ke 20 Masihi menggunakan tanda bulat tumpat berwarna emas sebagai tanda ayat. Tiada sebarang nombor dicatatkan.

	
<p>Mashaf dari Sepanyol atau Afrika Utara, abad ke 12 M bersamaan abad ke 6 H. <i>Fawāṣil</i> ditanda dengan bulatan dan terdapat huruf <i>dal</i> dan <i>hā'</i> padanya. Tiada nombor.</p>	<p>Mashaf Zaman Mamluk Mesir abad ke 14 M bersamaan abad ke 8 H. Tiada nombor pada <i>fawāṣil</i>. Hanya simbol bulat tumpat berwarna emas.</p>
	
<p>Mashaf dari India Tengah pada abad ke 17 M bersamaan abad ke 10 H. Tiada nombor pada ayat. Hanya simbol corak dengan enam titik hitam.</p>	<p>Mashaf Uthmaniyyah Turki, abad ke 17 M bersamaan abad ke 11 H. <i>Fawāṣil</i> ditanda dengan tanda bulat berisi corak. Tiada nombor dicatatkan.</p>

	
<p>Mashaf dari Kashmir, abad ke 18 M bersamaan abad ke 12 H. <i>Fawāṣil</i> ditanda dengan tanda bulat tumpat keemasan tanpa nombor. Apa kelihatan seperti tulisan di dalamnya adalah garis-garis cabang.</p>	<p>Mashaf Turkistan, Asia Tengah, abad ke 18 M (5 September 1779) bersamaan adad ke 12 H (23 Sya'ban 1183 H). <i>Fawāṣil</i> ditanda tiga titik merah. Tiada nombor.</p>
	
<p>Mashaf dari Caucasus Selatan, Daghestan abad ke 19 M bersamaan abad ke 13 H. Masih belum menggunakan nombor. Hanya simbol corak / bunga pada <i>fawāṣil</i>.</p>	<p>Mashaf dari Sudan atau Afrika Barat abad ke 19 M (6 Jun 1812 M) bersamaan abad ke 13 H (25 Jamadil Awal H). <i>Fawāṣil</i> hanya ditanda dengan tiga titik.</p>
	<p>◀</p> <p>Mashaf dari Mindanao, Filipina abad ke 19 M (tahun 1882 M) bersamaan abad ke 13 H (tahun 1299 H). Tiada nombor digunakan pada <i>fawāṣil</i>.</p>
<p>Gambar 1: Pelbagai mashaf dari abad dari ke 12 M, 14 M, 17 M, 18 M hingga abad ke 19 M dan dari pelbagai negara termasuk Sepanyol, Mesir, India, Turki, Kashmir, Asia Tengah, Dagesran, Sudan dan Filipina. Kesemuanya tidak menggunakan nombor pada teks ayat-ayat al-Quran atau <i>fawāṣil</i>.</p> <p>(Sumber: Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur, 2 hb November 2015).</p>	

Gambar-gambar ini menunjukkan bahawa ayat-ayat al-Quran tidak dinomborkan pada zaman silam. Ia menjawab persoalan mengapa tiada kajian bilangan di peringkat awal dan gagasan mukjizat bilangan tidak diketengahkan oleh ulama generasi awal. Sebahagian darinya mencatatkan bilangan ayat pada bingkai muka surat dengan menulis kalimah bilangan. Contohnya seperti surah al-Fatiyah dicatat *sab ‘ayāt* (سبع آيات) bermaksud tujuh ayat tanpa menggunakan simbol nombor 7.




Berikut adalah catatan taip semula bagi menjelaskan teks mashaf:

Jadual 3: Catatan taip semula sebuah mashaf di Masjid Nabawi.

سورة الفاتحة مكية	وهي سبع ايات
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ () الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ مَالِكِ يَوْمِ الدِّينِ () إِيَّاكَ تَعْبُدُ وَإِيَّاكَ	نَسْتَعِينُ () اهْدِنَا الصِّرَاطَ الْمُسْتَقِيمَ () صِرَاطَ الَّذِينَ أَنْعَمْتَ عَلَيْهِمْ غَيْرِ الْمَغْضُوبِ عَلَيْهِمْ وَلَا الضَّالِّينَ ()

Terdapat juga teks al-Quran kurun ke 19 M yang menggunakan simbol bulat kosong tetapi tidak mencatatkan sebarang nombor. Ini menunjukkan penggunaan nombor pada ayat atau *fawāṣil* belum digunakan sehingga kurun ke 19 Masihi.

Selain itu, penulis juga menemui sebuah mashaf kurun ke 19 di Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur yang mencatatkan nombor pada simbol bulat kosong tersebut. Mashaf ini dinamakan sebagai al-Quran Diraja, Terengganu. Ia bertarikh tahun 1871 Masihi bersamaan tahun 1288 Hijrah. Namun, catatan nombor ayat itu tidak dibuat sempurna berdasarkan ilmu *fawāṣil*. Sebagai contoh, pada surah al-Kahf tanda ayat pertama dicatatkan dengan meninggalkan dua *fāṣilah* sebelumnya. *Fāṣilah* yang ditinggalkan tersebut adalah sabit mengikut semua qiraat. Ini menimbulkan andaian bahawa nombor tersebut ditulis dengan tujuan lain dan bukan berdasarkan *fāṣilah* dan bilangan ayat al-Quran.



Gambar 3 : al-Quran Diraja, Terengganu 1871 M / 1288 H. Nombor digunakan pada *fawāṣil* tetapi tidak sempurna.

(Sumber Muzium Kesenian Islam, Kuala Lumpur).

Berikut adalah taip semula bagi menjelaskan teks mashaf:

Jadual 4: Catatan taip semula mashaf al-Quran Diraja, Terengganu.

Dua <i>fāsilah</i> ditinggalkan	الْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي أَنْزَلَ عَلٰى عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَمَنْ يَجْعَلْ لَهُ عِوْجَا _____ قَيِّمًا لَّيْنِدَرَ بِأُسَا شَدِيدًا مِنْ لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ أَنَّهُمْ أَجْرًا حَسَنًا _____ مَا كَثِيرٌ فِيهِ أَبْدًا (١)
Satu <i>fāsilah</i> ditinggalkan	وَيُنِدَرَ الَّذِينَ قَالُوا اخْتَدَّ اللَّهُ وَلَدًا _____ مَا هُمْ بِهِ مِنْ عِلْمٍ وَلَا لِآبَائِهِمْ كَبَرَتْ كَلِمَةً تَخُرُجُ مِنْ أَفْوَاهِهِمْ إِلَّا كَذِبًا (٢)

Apa yang menarik pada naskah mashaf ini adalah penggunaan nombor sudah dimulakan pada mashaf tulisan tangan. Namun, oleh kerana penomboran itu tidak mengikut kaedah *fawāsil*, maka ia tidak dapat disahkan sebagai penomboran yang sebenar. Sebaliknya, pemerhatian pada mashaf-mashaf lain menunjukkan penomboran tidak berlaku sebelum al-Quran dicetak menggunakan mesin cetak.

3.2.3.2.2 Penomboran dan Mesin Cetak

Penomboran buku dan dokumen mempunyai kaitan dengan perkembangan teknologi percetakan. Dunia Eropah menerima penggunaan angka dan nombor dengan cepat kesan dari penciptaan mesin cetak. Ia mula dikenali secara meluas pada kurun ke 15 Masihi.⁴⁴ Namun, di dunia Islam atau secara khusus di dunia Arab, percetakan bermula dalam masa yang terkemudian. Justeru itu, penggunaan nombor dalam buku dan dokumen juga terkemudian. Sehingga kurun ke 19 Masihi, kitab-kitab masih menggunakan kalimah bagi menjelaskan tentang bilangan dan tarikh atau tahun.

Sebagai contoh, kitab *Tafsīr Murāḥ Labīd* karya Muḥammad Nawawī Banten yang dicetak pada tahun 1305 Hijrah (bersamaan tahun 1888 Masihi), tidak menggunakan

⁴⁴ Wikipedia Ensiklopedia Bebas, akses 12 Ogos 2016, https://en.wikipedia.org/wiki/Arabic_numerals.

nombor dan masih menggunakan perkataan untuk menjelaskan bilangan ayat, kalimah dan huruf dalam surah. Contohnya pada awal Surah al-Baqarah, penulisnya menyebut⁴⁵:

Jadual 5: Petikan *Tafsīr Murāh Labīd* karya Muḥammad Nawawī Banten yang dicetak pada tahun 1305.

سورة البقرة: مدنية، مائتان وست وثمانون آية، ستة آلاف ومائة وأربع
وأربعون كلمة، ستة وعشرون ألفاً ومائتان وواحد وخمسون حرفاً.

Maksudnya: “Surah al-Baqarah, surah Madinah, 286 ayat, 6144 kalimah, 26,251 huruf.



Walaupun naskah ini sudah mula menggunakan mesin cetak, bukan tulisan tangan, namun penggunaan nombor belum berlaku secara meluas dalam penulisan. Nombor hanya digunakan pada catatan muka surat dan tahun cetakan di kulit kitab. Ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam teks tafsir juga tidak dicatatkan sebarang nombor. Begitu jugalah halnya dengan kebanyakan kitab pada era ini. Penggunaan nombor belum meluas dalam percetakan.

⁴⁵ Muḥammad Nawawī Banten, *Murāh Labīd li Kashf Ma‘nā Qur’ān Majīd* (al-Maṭba‘ah al-‘Uthmāniyyah, 1305 H), 1: 3.

Berbeza sedikit dengan *Tafsīr al-Alūsī* (meninggal tahun 1270 Hijrah) iaitu *Rūh al-Ma‘āni fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* yang dicetak pada tahun 1353 Hijrah bersamaan 1934 Masihi. Ia sudah mula menggunakan nombor dengan lebih banyak. Selain dari catatan nombor pada muka surat, nota kaki dan senarai kandungan, nombor ayat sudah dicatatkan. Begitu juga beberapa pendapat berbeza yang dicatatkan dalam perenggan turut menggunakan nombor.

﴿سورة فاتحة الكتاب﴾

اختلاف فيها ، فالاكثر من على أنها مكية بـ من أوائل مازل من القرآن على قول (١) وهو المروى عن علي وابن عباس وقادة وأكثـر الصحابة وعن مجاهـد أنها مكية (٢) وقد تفرد بذلك حتى عدهـفـة منه، وقيل نزلت بمكـهـ حين فرضـت الصلاة وبالـمدينة لما حـولـتـ القـبـلـةـ لـيـعـلـمـ أـنـهـافـ الصـلـاـةـ كـهـاـنـاتـ وـقـيلـ بعضـهاـ مـكـيـ وبـعـضـهاـ مـدـنـيـ ولا يـخـفـ ضـعـفـهـ، وـقـدـلـجـ النـاسـ بـالـاسـتـدـلـالـ عـلـىـ مـكـيـتـهـاـ بـآـيـةـ الـحـجـرـ (ولـقـدـ آـتـيـنـاـكـ سـبـعـأـمـ المـثـانـيـ وـالـقـرـآنـ الـعـظـيمـ) وـهـيـ مـكـيـةـ لـنـصـ العـلـمـاءـ وـالـرـوـاـيـةـ عـنـ اـبـنـ عـبـاسـ وـهـاـ حـكـمـ مـرـفـوـعـ لـلـأـنـ مـاقـبـلـهـاـ وـمـاـبـعـدـهـافـ حـقـ أـهـلـ مـكـهـ كـهـاـقـيلـ لـأـنـهـ مـبـنـيـ عـلـىـ أـنـ الـمـكـيـ ماـلـكـ فـحـقـ أـهـلـ مـكـهـ وـالـشـهـورـ خـلـافـهـ، وـالـأـقـوـىـ الـاسـتـدـلـالـ بـالـنـقـلـ عـنـ الصـحـابـةـ الـذـينـ شـاهـدـواـ الـوـحـيـ وـالـتـزـيلـ لـانـ ذـلـكـ مـوـقـوفـ أـوـلـاـ عـلـىـ تـقـسـيرـ السـبـعـ المـثـانـيـ بـالـفـاتـحةـ وـهـوـ إـنـ كـانـ صـحـيـحاـ تـابـتـاـ فـيـ الـأـحـادـيـثـ (٣) إـلـاـ أـنـهـ قدـ صـحـ أـيـضـاـ عـنـ اـبـنـ عـبـاسـ وـغـيـرـهـ تـقـسـيرـهـ بـالـسـبـعـ الطـوـالـ، وـثـانـاـ عـلـىـ اـمـتـانـ الـامـتـانـ بـالـشـيـءـ قـبـلـ إـتـائـهـ مـعـ أـنـ اللهـ تـعـالـىـ قـدـ اـمـتـنـ عـلـيـهـ صـلـيـ اللـهـ تـعـالـىـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ بـأـمـرـهـ قـبـلـ إـتـائـهـ إـلـيـاهـ كـقـوـلـهـ تـعـالـىـ (إـنـ قـتـحـنـاـكـ فـتـحـمـيـنـاـ) فـهـوـ قـبـلـ الـفـتـحـ بـسـنـيـنـ وـالـتـعـبـرـ بـالـمـاضـيـ تـحـقـيقـ لـلـوـقـوـعـ وـهـنـاـ وـإـنـ كـانـ خـلـافـ الـظـاهـرـ لـأـسـيـاـ مـعـ إـرـادـ الـلـامـ وـكـلـمـةـ (قـدـ) وـوـرـوـدـهـ فـيـ مـرـضـ الـمـنـةـ وـالـغـالـبـ فـيـهـ سـبـقـ الـوـقـوـعـ وـعـطـفـ (وـلـاـ تـمـدـنـ عـيـنـكـ إـلـىـ مـاـمـتـنـاـ بـهـ) الـآـيـةـ إـلـاـ أـنـهـ قـدـ خـدـشـ الـدـلـلـ، لـاـيـقـالـ إـنـ هـذـاـ وـذـلـكـ لـاـ يـدـلـانـ إـلـاـ عـلـىـ أـنـهـ نـزـلـتـ بـمـكـهـ، وـأـمـاـ عـلـىـ نـقـيـزـوـهـاـ بـالـمـدـيـنـةـ

(١) فقد روينا عن أبي ميسرة أن رسول الله ﷺ قال: إذ أبرز سمع منادياً ينادي: يا محمد! يا محمد! فاصوت انتقام من هارباً فقال له ورقه بن سوق إذا سمعت النداء فاندثرت حتى تسمع ما يقول لك قال فإذا أبرز سمع النداء يامـدـ قال ليكـ قـالـ قـلـ أـشـهـدـ انـ لاـ إـلـهـ إـلـاـ إـلـهـ وـأـشـهـدـ انـ مـحـمـدـ رـسـوـلـ اللـهـ ثـمـ قـالـ: (الـلـهـ رـبـ الـعـالـمـيـنـ الرـحـمـنـ الرـحـيمـ مـالـكـ يـوـمـ الدـيـنـ) حتـىـ فـاتـحةـ الـقـرـآنـ وـلـوـ لـحـمـةـ الـأـخـبـارـ عـلـىـ غـيـرـ هـذـاـ التـحـوـيـلـ هـذـاـ التـحـوـيـلـ أـفـرـىـ دـلـيـلـ عـلـىـ مـكـيـتـهـ فـاـهـمـ إـمـاـ (٢) وـيـلـزـمـ مـنـ أـنـهـ وـقـدـلـجـ صـلـيـتـهـ صـلـيـتـهـ بـصـعـشـةـ سـنـةـ بـلـاـ فـاتـحةـ وـمـيـ خـاتـمـةـ فـيـ الـبـعـدـ إـهـمـ (٣) فـقـدـ رـوـيـنـاـ عـنـ أـبـي هـرـيـرـةـ قـالـ: «إـنـ رـسـوـلـ اللـهـ صـلـيـ اللـهـ عـلـيـهـ وـسـلـمـ قـرـأـ عـلـيـهـ أـبـيـ بنـ كـعبـ أـمـ الـقـرـآنـ فـقـالـ وـالـذـيـ نـفـسـيـ يـدـهـ مـاـ أـنـزـلـ اللـهـ فـيـ الـتـوـرـةـ وـلـاـ الـأـنجـيلـ وـلـاـ فـيـ الـزـبـرـ وـلـاـ فـيـ الـقـرـآنـ مـنـهـاـ إـنـهـ سـبـعـ المـثـانـيـ وـالـقـرـآنـ الـعـظـيمـ الـذـيـ أـوـتـيـهـ إـهـمـ»

(٢-٥-١ جـ رـوـحـ المـعـافـ)

Gambar 5: Petikan *Tafsīr al-Alūsī*, *Rūh al-Ma‘āni fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* (dicetak pada tahun 1353 Hijrah / 1934 Masihi) telah mula menggunakan banyak nombor.⁴⁶

Secara umumnya, penggunaan nombor masih belum berleluasa pada zaman ini berbanding zaman selepasnya. Ini berlaku pada kitab-kitab di dunia Islam termasuk pada mashaf al-Quran. Bahkan mashaf al-Quran lebih lewat menggunakan penomboran lantaran

⁴⁶ al-Alūsī, Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd, *Rūh al-Ma‘āni fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm wa al-Sab‘ al-Mathānī* (Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1353 Hijrah / 1934 Masihi), 33.

sikap waspada dalam menjaga keasliannya. Sehingga percetakan al-Quran sendiri hanya berlaku selepas para ulama memutuskan keharusannya. Hakikatnya, ia berkaitan dengan sistem penulisan semasa. Secara umum, penulisan sebelum abad ke 20 Masihi di dunia Islam belum menggunakan nombor pada ayat dan perenggan mahupun dalam teks sendiri.

Justeru itulah, kiraan dalam mashaf al-Quran tidak terserah pada para pembaca dan pengkaji. Mashaf tanpa nombor tentu tidak menarik perhatian ramai pembaca untuk mengira-ngira berbanding selepas ia dicatatkan nombor. Apatah lagi, alat bantuan mengira seperti komputer belum wujud. Ia menjadikan aktiviti mengira sukar dilakukan berbanding zaman selepasnya.

3.2.3.2.3 Percetakan Mashaf dan Penomboran Ayat

Mashaf al-Quran tidak dicetak sebaik sahaja teknologi percetakan dicipta di Jerman pada abad ke 15 Masihi (tahun 1431 atau 1440 Masihi). Teknologi percetakan mengalami perkembangan dalam tempoh yang lama ke arah yang lebih baik. Ia mulai berkembang ke negara lain seperti Itali, Perancis dan England. Selepas itu, barulah ia berkembang ke negara lain.⁴⁷

Mashaf al-Quran bercetak terawal dikesan sama ada di Hamburg, Jerman pada tahun 1113 Hijrah, bersamaan tahun 1701 Masihi atau di Venice, Itali pada tahun 1516 Masihi, bersamaan tahun 922 Hijrah. Ia berlaku kerana teknologi percetakan belum berpindah ke dunia Islam.⁴⁸

Namun menurut Yahyā Maḥmūd Junayd, percetakan tiga mashaf terawal di Eropah berlaku pada kurun ke 16 dan ke 17 Masihi. Cetakan Venice pada tahun 1537 atau 1538 Masihi. Cetakan Hamburg pada tahun 1694 Masihi (oleh orientalis Jerman Ebrahami Hincklmani), manakala cetakan Batavia pada tahun 1698 Masihi. Cetakan yang pertama tidak dapat ditentukan tarikhnya sama ada tahun 1499 Masihi, 1508 Masihi, 1518 Masihi,

⁴⁷ Muḥammad Ṭāhir bin ‘Abd al-Qādir al-Kurdi, *Tārīkh al-Qur’ān wa Gharā’ib Rasmih wa Ḥukmuh* atau *Tārīkh al-Qur’ān al-Karīm*, (Jeddah: Matba‘ah al-Fath, 1365 H / 1946 M), 186.

⁴⁸ al-Kurdi, *Tārīkh al-Qur’ān*, 186. Terdapat sedikit kekeliruan tarikh pada catatan al-Kurdi.

1530 Masihi atau 1538 Masihi. Tempat cetakan pertama juga tidak dapat dipastikan, sama ada di Venice atau Rome.

Terdapat mashaf Eropah yang dimusnahkan atas arahan Pope sama ada kerana kualitinya yang rendah, dikritik oleh umat Islam atau atas sebab keagamaan. Selain itu, terdapat cetakan mashaf di Saint Petersburg, Rusia pada tahun 1787 Masihi. Selain itu, terdapat juga mashaf dicetak di Leipzig, Jerman di bawah seliaan orientalis Flügel.⁴⁹

Terdapat juga mashaf cetakan Tehran, Iran pada tahun 1828 Masihi bersamaan tahun 124 Hijrah. Terdapat juga mashaf cetakan Tabriz, Iran pada tahun 1833 Masihi bersamaan 1248 Hijrah. Namun kesemua mashaf tersebut tidak berasaskan *rasm* ‘Uthmānī.⁵⁰


Mashaf al-Quran dengan *rasm* ‘Uthmānī mula dicetak di Kaherah, Mesir oleh percetakan al-Bahiyyah pada tahun 1891 Masihi, bersamaan tahun 1308 Hijrah. Mashaf ini ditulis oleh Shaykh Rīḍwān bin Muḥammad al-Mukhallalātī.⁵¹ Ia kemudian dikenali sebagai Muṣṭafā al-Mukhallalātī. Namun, mashaf ini masih belum menggunakan penomboran pada teks ayat al-Quran.

Berikut adalah gambar halaman awal dari mashaf tersebut yang menunjukkan surah al-Fātiḥah:

⁴⁹ “al-Ṭaba‘āt al-Mubakkirah li al-Muṣṭafā al-Sharīf”, Mujamma‘ al-Malik Fahd li Ṭibā‘ah al-Muṣṭafā al-Syarif, =, akses 15 Ogos 2016, <http://qurancomplex.gov.sa/Display.asp?section=4&l=arb&f=write00010&trans>.

⁵⁰ Laman Mujamma‘ al-Malik Fahd.

⁵¹ Laman Mujamma‘ al-Malik Fahd. Juga berdasarkan mashaf tersebut sendiri. *Al-Qur’ān, al-Muṣṭafā al-Mukhallalātī*, (Kaherah: al-Maktabah al-Bahiyyah, 1308 H). Diperolehi dari simpanan manuskrip al-Kutubkhānah al-Azhariyyah dan dimuat turun dari Laman Multaqā Ahl al-Tafsīr, akses 21 Mei 2016, <http://www.tafsir.org> dan link kepada <http://www.zshare.net/download/18776488450dc1c4/> dan <http://www.mediafire.com/?sharekey=a...db6fb9a8902bda>



Gambar 6: *Muṣṭafā al-Mukhallalatī*, (dicetak pada penghujung Ramadhan tahun 1308 H / 1891 M), Mashaf pertama dicetak menggunakan *rasm ‘Uthmānī*. Tiada nombor pada *fawāṣil*. Hanya simbol 7 titik dalam bentuk bulatan.

Sumber: <http://www.mediafire.com/?sharekey=a...db6fb9a8902bda>

Penomboran ayat al-Quran hanya bermula pada mashaf al-Malik Fu’ad I yang dicetak di Mesir. Menurut ‘Abd al-Fattāḥ Al-Qādī:

“Antara sumbangan Raja Fuad I *al-maghfir lahu* (semoga baginda diberi keampunan) dan langkah baik baginda yang dihargai adalah baginda mengarahkan agar *mushaf* dicetak dengan biaya dari baginda sendiri serta dengan perhatian yang tinggi. Lalu diwujudkan jawatankuasa dalam kalangan pakar-pakar ilmu dan cendekiawan diketuai oleh al-‘Allāmah al-Shaykh Muḥammad ‘Aliyy Khalaf al-Ḥusaynī al-Haddād yg merupakan ketua guru al-Quran Mesir (*Shaykh al-Maqāri*) yang lalu untuk mengawasi tugas yang penting dan sukar. Lalu mereka (semoga Allah membalas sebaiknya) melaksanakan tugasannya itu dengan elok sempurna. Lalu mereka menulis al-Quran kesemuanya mengikut kaedah *rasm ‘Uthmāni*. Mereka membariskannya dengan sempurna berdasarkan pegangan para ulama, mereka letakkan jumlah ayat pada permulaan setiap surah, sama ada *makkīyyah* atau *madāniyyah*, ia diturunkan selepas surah apa, dan dicatatkan pada setiap ayat nombornya yang khusus, juga diletakkan tanda wakaf, juzuk, *hizb*, *rubu‘* dan tanda sujud. Mereka bahagikan wakaf kepada lima bahagian ...”⁵²

Mashaf ini selesai disemak pada 10 Rabiul Akhir, tahun 1337 Hijrah⁵³ bersamaan 13 Januari, tahun 1919 Masihi dan siap dicetak pada tahun 1342 Hijrah⁵⁴, bersamaan tahun 1923 Masihi. Ia juga dikenali sebagai *Muṣṭafā al-Malik* dan *Muṣṭafā al-Masāḥah wa al-Amīriyyah*.⁵⁵ Selepas cetakan ini, mashaf ini turut diulang cetak di negara lain seperti Jordan.⁵⁶ Kemudian barulah mashaf-mashaf yang lain dicetak dengan catatan nombor pada *fawāṣil* ayat yang menjadikan ia lebih mudah dirujuk dan dibuat kiraan.

Berikut adalah gambar halaman awal mashaf tersebut:

⁵² ‘Abd al-Fattāḥ, *Tārīkh al-Muṣṭafā*, 52.

⁵³ Berdasarkan catatan pada *khātimah* (penutup) mashaf ini pada cetakan kedua oleh Kementerian Pendidikan dan Pelajaran Jordan, tahun 1993.

⁵⁴ Berdasarkan lembaran penutup mashaf di laman Muntadayāt Wazān li al-‘Umlāt wa al-Ṭawābi‘ wa al-Mazādāt, akses 24 Mei 2016, <http://wazaan.com/vb/showthread.php?p=132963&langid=5>.

⁵⁵ Laman Maktabah al-Waqfiyyah, akses 24 Mei 2016, <http://waqfeya.com/book.php?bid=10959>. Salinan e-book mashaf ini dalam format pdf diperolehi dari laman web ini.

⁵⁶ *Al-Qur’ān, al-Muṣṭafā Fu’ād*, (Giza, Mesir: Maṣlahah al-Masāḥah, 1342 H / 1923 M) dan *al-Muṣṭafā al-Sharīf*, (Kerajaan Hasyimi Jordan: Kementerian Pendidikan dan Pelajaran, 1414 H / 1993 M). Cetakan semula ke 2. Cetakan ke 10 yang sebelumnya dicatatkan pada 1975.

Mashaf ini juga ditemui bersama *hāmish* kitab *Tanwīr al-Miqbās min Tafsīr Ibn ‘Abbās* di laman al-Maktabah al-Wafiyah <http://www.waqfeya.com> dimuat turun dari link <http://ia800808.us.archive.org/21/items/waqf115971/115971.pdf>



Gambar 7: *Muṣḥaf al-Malik Fu'ād*, juga dikenali sebagai *Muṣḥaf al-Malik* dan *Muṣḥaf al-Masāḥah wa al-Amīriyah* (1342 H bersamaan 1923 M).

Sumber: Laman Maktabah al-Waqfiyyah

(الجزء الأول)

أَوْلَئِكَ عَلَى هُدًى مِن رَبِّهِمْ وَأَوْلَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١﴾
 إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا سَاكِنٌ عَلَيْهِمْ أَنذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ
 لَا يُؤْمِنُونَ ﴿٢﴾ خَنْمَ اللَّهُ عَلَى قُلُوبِهِمْ وَعَلَى سَمْعِهِمْ وَعَلَى
 أَبْصَرِهِمْ غِشْوَةٌ وَطَمْ عَذَابٌ عَظِيمٌ ﴿٣﴾ وَمِنَ النَّاسِ
 مَنْ يَقُولُ إِنَّا بِاللَّهِ وَبِالْيَوْمِ الْآخِرِ وَمَا هُمْ بِمُؤْمِنِينَ ﴿٤﴾
 يُحَدِّدُونَ اللَّهَ وَالَّذِينَ إِيمَنُوا وَمَا يُحَدِّدُونَ إِلَّا أَنفُسُهُمْ
 وَمَا يَسْعُونَ ﴿٥﴾ فِي قُلُوبِهِمْ مَرَضٌ فَزَادُهُمُ اللَّهُ مَرَضًا
 وَطَمْ عَذَابٌ أَلِيمٌ إِنَّمَا كَانُوا يَكْذِبُونَ ﴿٦﴾ وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ
 لَا تُفْدِوْا فِي الْأَرْضِ قَالُوا إِنَّمَا نَحْنُ مُصْلِحُونَ ﴿٧﴾
 إِلَّا إِنَّهُمْ هُمُ الْمُفْسِدُونَ وَلَكِنْ لَا يَسْعُونَ ﴿٨﴾ وَإِذَا
 قِيلَ لَهُمْ إِيمَنُوا كَمَا إِيمَنَ النَّاسُ قَالُوا أَنُؤْمِنُ كَمَا إِيمَنَ
 السَّفَهَاءُ إِلَّا إِنَّهُمْ هُمُ السَّفَهَاءُ وَلَكِنْ لَا يَعْلَمُونَ ﴿٩﴾

Gambar 8: *Muṣṭafā al-Malik Fu’ad*, halaman surah al-Baqarah.

Sumber: Laman Maktabah al-Waqfiyyah

3.2.3.3 Kamus Indeks Lafaz Al-Quran

Sebagai lanjutan kepada peromboran al-Quran, kamus indeks lafaz al-Quran pula telah dikarang. Karya indeks al-Quran dimulakan oleh orientalis Barat lebih awal dengan tujuan memudahkan mereka mencari ayat dan mengkaji al-Quran. Kamus indeks al-Quran terawal adalah *Nujūm al-Furqān fī Aṭrāf Al-Qur'ān* oleh Gustav Flügel (1842). Walau bagaimanapun, kaum Muslimin tidak memberi perhatian kepadanya kerana kebanyakan para pengkaji al-Quran dalam kalangan mereka telah menghafaz al-Quran dan mudah mendapatkan mana-mana ayat yang perlu dirujuk.

أ	بـ	جـ	دـ	هـ
Particula inseparabilia. Cf. voces, quibus praes- posita est, ut أَنْ etc.	يَا بِرْهِيمَ ٣, ٦١. لَا بِرْهِيمَ ذَلِيلْهِيمَ إِنْهِيمَ	أَبُوكَ ١٩, ٢٠. أَبُوكَنا ١٩, ٨١. وَأَبُونَا ٢٨, ٢٣. أَبُوقُمَ ١٢, ٦٨, ٩٤. لَا يَعْلَمَ	أَبَاتُوكَ ٦, ١٤٠, ٧, ٦٨, ١٧٢, ١١, ٦٦, ٩٩, ١٤, ١٢, ١٥, ٢٧. وَأَبَاتُوكَنا ٢٣, ٨٥, ٢٧, ٦٩, ٧٩. أَبَاتُوكَنا ٣١, ١٧, ٥٦, ٤٦.	أَبَاتُوكَنا ٢, ١٦٣, ٦, ١٦٣, ٧, ٢٧, ٦٣, ١٩, ٧٩, ٢١, ٥٤, ٢٦, ٧٦, ٣١, ٣٦, ٤٣, ٣١, ٣٢. أَبَاتُوكَمَ ٢, ١٦٦, ٩, ٣٣, ٤٣, ٢٣. أَبَاتُوكَمَ ٢٣, ٧٠, ٣٣, ٦, ٢٧, ٤٧, ٦٨, ٢٣. أَبَاتُوكَمَ ٢٣, ٧٠, ٣٣, ٦, ٢٧, ٤٧, ٦٨, ٢٣. أَبَاتُوكَمَ ٢٣, ٧٠, ٣٣, ٦, ٢٧, ٤٧, ٦٨, ٢٣. أَبَاتُوكَمَ ٢٣, ٧٠, ٣٣, ٦, ٢٧, ٤٧, ٦٨, ٢٣.
أَبَدَ أَبَدَا	Acc. ٢, ١١٨, ١٢٤, ٢٦٩, ٤, ١٣٤, ٦, ٧٥, ٩, ١١٥, ١١, ٧٣, ٧٧, ١٦, ١٣١, ١٩, ٤٢, ٢١, ٥٢, ٢٩, ٣٨, ٣٩, ٤٥, ٤٢, ١١.	أَبِيتَا ٦, ٧٤, ٩, ١١٥, ١٢, ٤, ١٩, ٤٣, ٢١, ٣٣, ٢٦, ٧٠, ٢١, ٨٢, ٤٣, ٢١, ٦٠, ٤.	أَبَاتُوكَمَ ٤, ١٢, ٢٦, ٦, ٩, ٢٤, ٣٤, ٤٢.	أَبَيِ ٢, ١٦٥, ٦, ١٥٣, ١٣, ١١١, ٣٦, ٥.
أَبَرِيقَ وَأَبَارِيقَ	أَبِيكَمَ ٢٩, ١٣, ٣١, ٢٦.	أَبِيتَا ١٢, ٩, ٥٩, ٨١, ٢٣, ٧١, ٢٣, ١٤٠.	أَبِيتَا ٦, ٦٩, ١٢, ٤٤, ٢١, ٥٥, ٢٦, ٧٦, ٩٣, ٢٣.	أَبَيِ ٢, ٣٢, ١٩, ٣١, ٢٠, ٤١٥.
أَتَرِهِيمَ	أَبِيقَ ١٢, ١٤.	أَبِيتَا ١٢, ٦٣.	أَبَاتُوكَمَ ٢, ١٢, ٣٨.	قَاتِي ١٧, ٩١, ١٥١, ٢٥, ٥٢.
٢, ١٢٠, ١٢١, ١٢٦, ٢٦٥ bis. ٢٦٢, ٣, ٦٦, ٦, ٧٤, ١١, ٧٨, ١٤, ٣٨, ١٩, ٤٧, ٢٣, ٦١, ٦٣, ٣٤, ١٥٤, ٤٣, ٢٣.	أَبِيلَ ٦, ١٤٥.	أَبِيتَا ١٢, ٦١.	أَبَاتُوكَمَ ٢, ١٢٧.	وَأَتِي ٢٠, ٥٨.
إِنْهِيمَ	أَلَازِيلَ ٩٨, ١٧.	أَبِيتَا ١٢, ٦١.	أَبَاتُوكَمَ ٢, ١٢٧.	قَاتِوا ١٩, ٧٦.
Gen. ٣, ١١٩ bis; ١٣٤, ١٢٧, ١٢٩, ١٣٠, ٣, ٣٠, ٥٨, ٧٨, ٨٩, ٩١, ٤, ٥٧, ١٤١, ٦, ١٥٢, ٩, ٧١, ١١٥, ١١, ٧٧, ١٢, ٦, ٣٨, ١٩, ٣١, ١٦, ١٣٦, ١٩, ٥٩, ٢١, ٦٩, ٢٣, ٤٣, ٧٧, ٢٦, ٥٦, ٣٧, ١٥٩, ٦١, ٣٤, ٦٥, ٤ bis, ٦١, ٩١, ٩.	أَبِيلَ ١٠٦, ٢.	أَبِيكَمَ ١٢, ٥٦.	أَبَاتُوكَمَ ٢٣, ٣٤, ٢٨, ٣٦, ٦١, ٩٦.	قَاتِينَ ٣٣, ٧٢.
لَا بِرْهِيمَ	أَبِيلَ ١٢, ٩٣, ١١١, ١.	أَبِيكَمَ ١٢, ٥٦.	أَبَاتُوكَمَ ٢, ١٢٧.	وَبَاتِي ٩, ٣٢.
Gen. ٣, ١١٩ bis; ١٣٤, ١٢٧, ١٢٩, ١٣٠, ٣, ٣٠, ٥٨, ٧٨, ٨٩, ٩١, ٤, ٥٧, ١٤١, ٦, ١٥٢, ٩, ٧١, ١١٥, ١١, ٧٧, ١٢, ٦, ٣٨, ١٩, ٣١, ١٦, ١٣٦, ١٩, ٥٩, ٢١, ٦٩, ٢٣, ٤٣, ٧٧, ٢٦, ٥٦, ٣٧, ١٥٩, ٦١, ٣٤, ٦٥, ٤ bis, ٦١, ٩١, ٩.	أَبِيلَ ٢٦, ٨٦.	أَبِيكَمَ ١٢, ٤.	أَبَاتُوكَمَ ٢٤, ٦٠, ٢٦, ٢٥, ٣١, ١٢٦, ٤٤, ٧.	أَتِي ١٦, ١, ٢٠, ٤٢, ٧٢, ٢٦, ٨٩, ٩١, ١٢, ٧٦, ١.
أَبِيتَا ٣٣, ٤٠.	أَبِيتَا ١٣, ٤٠.	أَبِيكَمَ ١٢, ١٠٦, ١٠١.	أَبَاتُوكَمَ ٦, ٦٧, ١٢, ٢٣, ٤٦, ٨.	قَاتِي ١٦, ٢٦.
أَبِيتَا ١٣, ٣٨.	أَبِيتَا ١٣, ٣٨.	أَبِيكَمَ ٤, ١٢.	أَبَاتُوكَمَ ٦, ٦٧, ١٢, ٢٣, ٤٦, ٨.	أَتَتْ ٣١, ٤٢.
أَبِيتَا ١٣, ٣٨.	أَبِيتَا ١٣, ٣٨.	أَبِيكَمَ ٧, ٢٦.	أَبَاتُوكَمَ ٦, ٦٧, ١٢, ٢٣, ٤٦, ٨.	قَاتِتَ ١٩, ٢٦.
أَبِيتَا ١٣, ٣٨.	أَبِيتَا ١٣, ٣٨.	أَبِيكَمَ ٧, ٢٦.	أَبَاتُوكَمَ ٦, ٦٧, ١٢, ٢٣, ٤٦, ٨.	أَتَتْ ١٩, ٢٦.

Gambar 9: *Nujūm al-Furqān fī Atrāf Al-Our'ān* oleh Gustav Flügel (1842 M).

Sumber: Laman Kutub Pdf. <http://www.kutubpdf.org/download/1980.html>

Namun setelah mendapati banyak kelemahan pada indeks al-Quran karangan orientalis tersebut, usaha menerbitkan kamus indeks yang lebih baik telah dipelopori oleh Muḥammad Fu’ād ‘Abd Al-Bāqī. Beliau telah menghasilkan karyanya iaitu *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm* yang mula diterbitkan pada tahun 1939 Masihi.⁵⁷ Kamus ini mencatatkan setiap kalimah dalam teks al-Quran yang disusun mengikut turutan huruf Arab dan berdasarkan kata akar atau kata dasarnya. Setiap kalimah yang berulang dicatatkan bilangan di bawahnya. Setiap ayat yang mengandungi kalimah tersebut dicatatkan bahagian awalnya, dinyatakan nombor ayat, nama surah dan nombor surah.

Pengarangnya turut menjelaskan dalam mukadimahnya bahawa sandaran beliau dalam membuat kiraan dan susunan indeksnya adalah mashaf al-Malik Fu’ād I. Ini menunjukkan bahawa tidak lama selepas mashaf dinomborkan, idea menerbitkan kamus indeks terus tercetus dan dilaksanakan. Kebanyakan pengkaji awal mukjizat bilangan merujuk kamus ini dalam membuat pengiraan di dalam al-Quran. Begitu juga pengkaji semasa termasuk Bassām dan ‘Abd al-Dā’im.⁵⁸

⁵⁷ Muḥammad Fu’ād ‘Abd Al-Bāqī, *al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*, (Beirut: Dār al-Fikr, 1987 M / 1407 H), halaman *ha’* (s) (pra kata pengarang).

⁵⁸ Dalam kajian ini, sub topik 4.5.2 dan 5.1

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

المجمع المفهرس لألفاظ القرآن الكريم

المرحمة

- 1 -

Gambar 10: *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* yang mula diterbitkan pada tahun 1939 M.

Sumber: Laman Maktabah al-Waqfiyyah⁵⁹

⁵⁹ Dirujuk kepada pautan (*link*) lain, akses 2 September 2016, <https://archive.org/stream/WAQ140507/140507#page/n0/mode/2up>.

Namun, kamus ini juga mendapat kritikan dari beberapa penyelidik mukjizat bilangan termasuk ‘Abdullāh Jalghūm. Beliau mendapati beberapa kesilapan dalam kiraan dalam kamus ini terutama berkaitan dengan isu *rasm* ‘Uthmānī.⁶⁰ Justeru itu, beliau sendiri telah menghasilkan sebuah kamus indeks al-Quran berdasarkan *rasm* ‘Uthmānī dan diterbitkan pada tahun 2015.⁶¹ Walau bagaimanapun, jarak masa yang jauh antara 1939 M dengan 2015 M menunjukkan bahawa kamus indeks Muḥammad Fu’ād telah menjadi rujukan kiraan selama 76 tahun, justeru memberi sumbangan yang besar dan amat bermakna kepada kajian bilangan dalam al-Quran.

3.2.3.4 Penciptaan Komputer

Kebanyakan kiraan yang dibuat oleh pengkaji mukjizat bilangan juga dilakukan dengan bantuan komputer. Ini termasuk Bassām dan ‘Abd al-Dā’im. Mereka menggunakan perisian al-Quran digital yang khusus seperti perisian *Salsabil* atau fail teks ayat al-Quran yang sudah ditaip dalam pemproses perkataan (*word processor*) seperti Microsoft Word. Manakala Rashād Khalīfah pula agak keterlaluan dalam menggambarkan peranan komputer dalam kajian bilangan. Beliau menamakan bukunya sebagai *The Computer Speaks: God's Message to the World* (1981).

Ini memperlihatkan peranan komputer dalam kronologi perkembangan kajian bilangan dan kajian mukjizat bilangan. Penciptaan dan penggunaan komputer bermula pada tahun 1960-an. Komputer *mainframe* pertama bernama IBM System/360 dicipta oleh International Business Machines Corporation (IBM) dan diisyiharkan pada tahun 1964.⁶² Ini meletakan ia sejajar dengan pernomoran al-Quran (tahun 1919 M) dan penyusunan kamus indeks al-Quran (tahun 1939 M) yang berlaku hanya dua dan empat dekad sebelumnya. Ia adalah tempoh masa yang singkat berbanding sejarah al-Quran yang sudah berusia 1,400 tahun.

⁶⁰ Komentar dalam seminar, The 3rd International Conference on Numerical Miracles in the Quran. 22 September 2012.

⁶¹ Gambar pada Lampiran I.

⁶² IBM (International Business Machines Corporation, akses 24 Mei 2016), http://www-03.ibm.com/ibm/history/exhibits/mainframe/mainframe_PR360.html.

Justeru itulah, mukjizat bilangan dikaitkan dan dikenali sebagai mukjizat zaman digital. Zaman itu adalah zaman manusia banyak menggunakan angka dalam urusan kehidupan mereka. Bahkan ia adalah zaman teknologi manusia dibina atas sistem angka dan mereka menggunakan komputer secara meluas.

3.2.3.5 Gagasan Teori Mukjizat Bilangan

Seterusnya, kajian bilangan yang dijalankan dengan tujuan menzahirkan kehebatan dan mukjizat al-Quran banyak ditemui pada karya dan tulisan ulama kurun ke 20 hingga masakini. Secara spesifik, Badi⁶³ al-Zamān Sa⁶⁴id Nursī (1878-1960) dipercayai sebagai tokoh pada era moden yang mengketengahkan idea ini melalui Risalah Nur (*Rasā'il al-Nūr*). Risalah ini, antara lain memuatkan kiraan lafaz-lafaz dalam al-Quran dan perkara lain yang berkait dengannya. Ia ditulis antara tahun 1910 M hingga 1950 M.

Dalam bahagian *al-Maktūbāt* dari risalah tersebut, beliau memuatkan kiraan lafaz-lafaz dalam al-Quran dan perkara lain yang berkait dengannya. Beliau membuat hitungan kalimah-kalimah tertentu seperti “*al-Qur'ān*”, “*al-Rasūl*”, “*Allāh*”, “*al-Rahmān*”, “*al-Raḥīm*” dan lain-lain serta membuat perbandingan. Kemudian beliau menyatakan bahawa seseorang yang mengamati tertib susunan kalimah-kalimah ini akan dapat merasai unsur mukjizat pada lembaran-lembaran al-Quran.⁶³ Catatan Nursī ini telah memberi kesan kepada umat Islam untuk mendalami al-Quran dari aspek ulangan, kiraan dan bilangan. Justeru itu, ramai penyelidik dan karya mengenainya muncul selepas itu.

Walaupun terdapat tulisan yang jauh lebih awal menyentuh tentang kiraan ayat seperti al-Fayrūz Abādī (m. 817H) dalam *Baṣā'ir Dhawī al-Tamyīz*. Namun, ia hanya memaparkan bilangan ayat, huruf dan titik dalam al-Quran, perbezaan pendapat dalam kalangan ulama mengenainya dengan disertakan riwayat dan sanadnya. Turut dihitung adalah jumlah keseluruhan setiap satu huruf (*alif*, *bā'*, *tā'* hingga *yā'*) dalam al-Quran.⁶⁵ Namun, karya ini tidak pula menyentuh aspek *i'jāz*, keistimewaan dan rahsia bilangan-bilangan tersebut. Perbincangan mengenai bilangan itu juga tidak dimasukkan dalam bab

⁶³ Badi⁶³ al-Zamān Sa⁶⁴id Nursī, *Majmū'ah al-Maktūbāt min Kulliyāt Rasā'il al-Nūr*, Mullā Muḥammad Zāhid Mullā Zakardī (terj.) Dār al-Afāq al-Jadidah, 1986), Bab 29, Bahagian ke 3, 531-534.

⁶⁵ al-Fayrūz Abādī, Majd al-Dīn Muḥammad bin Ya'qūb, *Baṣā'ir Dhawī al-Tamyīz fī Latā'iif al-Kitāb al-'Azīz* (Egypt: Lajnah Ihyā' al-Turāth al-Islāmī, 1986), 1, 128-566.

yang membincangkan tentang mukjizat al-Quran yang terdapat di awal kitab ini. Sedangkan pendekatan Nursi berbeza kerana beliau meletakkan perbincangan mengenai bilangan tadi dalam topik *i‘jāz*.

Pada tahun 1959 M, seorang penulis dan graduan bidang pertanian, ‘Abd al-Razzāq Nawfal⁶⁶ mengketengahkan idea tentang kiraan dalam al-Quran dan 2 dekad kemudian memulakan penggunaan istilah mukjizat bilangan (*i‘jāz ‘adadī* dan *i‘jāz raqamī*). Idea tentang kiraan disebut dalam karya-karya awal beliau, antaranya dalam beberapa buku bersiri tentang sains dan agama. Salah satunya dengan judul Allah dan Sains Moden (*Allāh wa al-‘Ilm al-Hadīth*)⁶⁷ pada tahun 1956 M. Dalam buku ini, beliau meletakkan satu bab tentang mukjizat saintifik dalam al-Quran. Melalui buku-buku ini, beberapa aspek mukjizat bilangan dikenakan oleh beliau,⁶⁸ namun belum menyebut gagasan teori itu. Contohnya dalam buku *al-Islām Dīn wa Dunyā*, ketika menjelaskan tentang kesederhanaan Islam dan dakwahnya dalam hal berkaitan dunia dan akhirat, beliau mencatatkan bahawa kalimah *dunyā* dan *ākhirah* dalam al-Quran berulang dalam bilangan yang sama iaitu 115 kali.⁶⁹ Ia diikuti dengan buku *‘Ālam al-Jinn wa al-Malā’ikah* pada tahun 1968 M. Beliau mencatatkan penemuannya bahawa lafaz *al-malā’ikah* (الملائكة) diulang sebanyak 68 kali dalam al-Quran menyamai ulangan lafaz *al-shayṭān* (الشيطان), juga 68 kali. Menurut beliau:

“Sesungguhnya lafaz *al-malā’ikah* (الملائكة) telah diulang dalam al-Quran sebanyak 68 kali, iaitu tepat dengan bilangan lafaz *al-shayṭān* (الشيطان)... dan bilangan lafaz malaikat dengan pelbagai pecahannya seperti *malak* (ملك), *malakan* (ملکا), *malakayn* (ملکین) dan *malā’ikah* (ملائكة) dalam ayat-

⁶⁶ Lahir pada tahun 1917 M, di Dumyāt, Mesir.

⁶⁷ Buku ini merupakan salah satu dari siri buku tentang agama dan sains. Selain *Allāh wa al-‘Ilm al-Hadīth* yang mula terbit pada 1 April 1957 M bersamaan 1 Ramadan 1376 H, beliau juga menulis buku *al-Islām wa al-‘Ilm al-Hadīth* yang terbit pada tahun berikutnya (1958 M), *al-Qur’ān wa al-‘Ilm al-Hadīth*. Terdapat juga sebuah buku lain dengan judul yang sama (*Allāh wa al-‘Ilm al-Hadīth*) tetapi ditulis oleh Şaqr al-Murri dan diterbitkan oleh Bahagian Hal Ehwal Ma‘nawi dan Kebudayaan, Kementerian Pertahanan tanpa catatan tahun dan tempat terbit.

⁶⁸ Dhū al-Kifl, *Manhajiyah*, 11.

Lihat juga ‘Abd al-Qādir Husayn, *al-Qur’ān I‘jāzuh wa Balāghatuh*, (Maṭba‘ah al-Amānah, 1975), 76. Juga dalam *al-Hiwār*, “Banūrāmā”.

⁶⁹ Menurutnya, beliau mendapat ilham dari Allah untuk mengira dua kalimah tersebut. Dalam halaman 22, buku terbitan tahun 1959 itu, beliau menyebut:

“Orang yang *mentadabbur* ayat-ayat al-Quran akan mendapati lafaz *al-dunyā* telah berulang 115 kali dalam al-Quran, itulah juga bilangan berulangnya lafaz *al-ākhirah*, walaupun bukan setiap ayat yang menyebut *al-dunyā*, disebut juga di dalamnya *al-ākhirah*. Adakah persamaan bilangan ini hanya kebetulan?”

ayat al-Quran adalah 88 kali tepat menyamai bilangan lafaz syaitan dengan pecahannya seperti *al-shayātīn*, *shaytānān*, *shayātīnihim*. Adakah satu kebetulan, bilangan itu menyamai bilangan sebutan syaitan padahal ia tidak dihimpun dalam satu ayat yang sama?''⁷⁰

Banyak penulisan akademik meletakkan ‘Abd al-Razzāq Nawfal sebagai tokoh awal dalam topik ini selepas Nursī. Nursī sendiri tidak menyebut istilah *i’jāz ‘adadi* atau *i’jāz raqamī*. Justeru itu, Nawfal dipercayai sebagai orang pertama yang menggunakan istilah ‘mukjizat bilangan’. Nawfal menyebut istilah itu secara jelas, bahkan dua buah bukunya diberi judul *al-I’jāz al-‘Adadi li al-Qur’ān al-Karīm* (terbit pada tahun 1976 M) dan *Mu’jizah al-Arqām wa al-Tarqīm fī al-Qur’ān al-Karīm* (terbit pada tahun 1982 M).

Pengkaji seterusnya adalah Rashād Khalīfah, seorang doktor falsafah dalam bidang kimia sintetik, yang menulis karya berjudul *Miracle of the Quran: Significance of the Mysterious Alphabets* (1973) dan *The Computer Speaks: God’s Message to the World* (1981). Beliau mengetengahkan konsep mukjizat berdasarkan nombor 19 atau kod 19. Namun, beliau telah mencetuskan kontroversi dengan membuat ramalan tentang tarikh berlakunya kiamat dan menjadikan hasil kajiannya sebagai sandaran untuk mendakwa dirinya sebagai seorang rasul yang diutuskan Tuhan.⁷¹ Tindakannya itu menjadi faktor utama munculnya penentangan keras secara umum dan fatwa sesat terhadap idea mukjizat bilangan.⁷²

Selepas itu, kajian bilangan sering dipandang asing dan kadang-kadang serong oleh kaum muslimin. Ini kerana ia banyak dikaitkan dengan golongan pemuja nombor, ajaran sesat atau ajaran agama lain. Dalam kalangan masyarakat awam yang mendapat sedikit pendedahan, cetusan idea kajian bilangan dalam al-Quran banyak dikaitkan dengan Rashād Khalīfah (1935-1990).⁷³ Kecenderungan ini turut memberi kesan kepada catatan dalam Ensiklopedia Bebas, Wikipedia. Hasil carian *i’jāz ‘adadi* di laman itu dalam edisi bahasa Arabnya pada tahun 2014 terus memaparkan Rashād Khalīfah dan hasil kerja akademiknya

⁷⁰ ‘Abd al-Razzāq ‘Abd al-Razzāq Nawfal, ‘Ālam al-Jinn wa al-Malā’ikah, (Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, 1973 M), 105.

⁷¹ Bassām Nihād Jarrār, *I’jāz al-Raqam 19 fī al-Qur’ān al-Karīm*, Muqaddimāt Tantazir al-Natā’ij, (t.p: al-Mu’assash al-Islāmiyyah, 2004), 21.

⁷² Dhū al-Kifl, *Manhajiyah*, 6.

⁷³ Karya beliau yang utama: *Miracle of the Quran: Significance of the Mysterious Alphabets* (St. Louis, Missouri: Islamic Productions, 1973) dan *The Computer Speaks: God’s Message to the World* (Tucson, Arizona: Renaissance Productions, 1981).

tentang kajian bilangan.⁷⁴ Ia tidak pula mencatatkan tentang penyelidik lain termasuk pencetusnya, Sa‘id Nursi atau pelopor istilahnya, ‘Abd Razzāq Nawfal. Sedangkan masih ramai lagi penyelidik mukjizat bilangan yang lain dan banyak lagi karya lain yang dapat dirujuk.⁷⁵

Begitu juga sesetengah penyelidikan akademik termasuk di peringkat sarjana, memandang negatif dan mengkritik teori mukjizat bilangan. Penulis mendapati justifikasi penolakan terhadap kajian bilangan al-Quran dan mukjizat bilangan banyak didasarkan kepada hasil kerja Rashād Khalīfah dan *hisāb jummal*. Contohnya, Muṣṭafā ‘Umar ‘Aliyy al-Kindī dalam disertasinya pada tahun 1989 M berjudul *Dirāsāt fī al-I‘jāz al-‘Adādī Bayn al-Mādī wa al-Hādir fī Ḏaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Beliau menolak konsep mukjizat bilangan berdasarkan kaitannya dengan agama lain dan ajaran sesat, penggunaan *hisāb jummal*, penyelewengan Rashād Khalīfah dan kesilapan kiraan ‘Abd al-Razzāq Nawfal.⁷⁶ Disertasi beliau merupakan kajian akademik terawal ditemui tentang mukjizat bilangan. Ia muncul 33 tahun selepas karya ‘Abd al-Razzāq Nawfal. Kritikannya memang keras. Selepas mengaitkan tentang fungsi angka dalam agama lain dan ajaran sesat, beliau mendedahkan pula tentang *hisāb jummal* dan kritikannya. Setelah cukup adunan kritikan tersebut, beliau menyimpulkan penolakan terhadap teori mukjizat bilangan. Menurutnya:

Dari penjelasan yang lalu, nyatakan bahawa teori *hisāb jummal* merupakan pemikiran palsu yang disusupkan ke dalam Islam oleh kaum Yahudi. Ia disambut oleh para pendukung beberapa ajaran sesat yang dikaitkan dengan Islam seperti Bātiniyyah, kaum sufi dan lain-lain. Kemudian teori ini tersebar dan berpindah-pindah dalam kalangan umat Islam sehingga mempengaruhi pelbagai ilmu dalam Islam, termasuk tafsir al-Quran, akidah dan sejarah. *Hisāb jummal* tidak lain hanyalah salah satu fenomena tersebarnya pemikiran angka dalam kalangan umat Islam, amnya. Hasil kelahiran dari falsafah angka yang paling menghairankan dan paling munkar adalah fenomena ‘mukjizat bilangan dalam al-Quran’.⁷⁷

⁷⁴ Laman Wikipedia, *Ensiklopedia Bebas*, http://ar.wikipedia.org/wiki/الإعجاز_العددي_في_القرآن/, akses 20 Mei 2014.

⁷⁵ Namun semakan terkini pada Ogos 2016 mendapati, catatan laman ensiklopedia ini telah dikemas kini dengan memasukkan tiga nama baru selain Rashād iaitu ‘Abd al-Dā’im, Ibn Burjān dan Bassām Jarrār. Laman Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, akses 26 Ogos 2016, http://ar.wikipedia.org/wiki/الإعجاز_العددي_في_القرآن/.

⁷⁶ Muṣṭafā al-Kindī, *Dirāsāt*, 293-295.

⁷⁷ Muṣṭafā al-Kindī, *Dirāsāt*, 88.

Walau bagaimanapun, kajian bilangan terus dilakukan oleh ramai penyelidik selepas mereka. Hasil penyelidikan telah diterbitkan dalam pelbagai bentuk termasuk buku, ensiklopedia, perisian komputer dan laman sesawang internet. Bahkan kursus intensif dan persidangan peringkat antarabangsa juga telah diadakan secara khusus bagi membincangkan topik ini. Ia dinamakan *al-Mu'tamar al-Dawli li al-I'jāz al-'Adadi fī al-Qur'ān al-Karīm* (Seminar Antarabangsa Mukjizat Bilangan Dalam al-Quran).⁷⁸

Sebuah badan khusus bagi mukjizat bilangan juga telah ditubuhkan iaitu Lajnah Mukjizat Bilangan Peringkat Antarabangsa (*al-Lajnah al-Dawliyyah li al-I'jāz al-'Adadi*)⁷⁹, sebuah biro yang bernaung di bawah Lembaga Mukjizat Saintifik Dalam al-Quran dan al-Sunnah, Morocco (*al-Hay'ah al-Maghribiyah li al-I'jāz al-'Ilmi fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*).⁸⁰ Ia ditubuhkan dengan kerjasama dari Centre for Quranic Research, Universiti Malaya pada 8 November 2008 bersamaan 11 Zulkaedah 1429 di Rabat, Morocco bersempena Seminar Mukjizat Bilangan Kali Pertama di sana. Lajnah ini dianggotai oleh wakil-wakil dari beberapa negara termasuk Maghribi, Malaysia, Algeria, Jordan, Emiriah Arab Bersatu, Tunisia, Palestin, Iraq dan Arab Saudi.⁸¹ Lajnah ini ditubuhkan dengan peranan berikut:

- i. Mewujudkan jawatankuasa akademik bagi menilai kajian-kajian bilangan.
- ii. Mengadakan mekanisme perhubungan dengan badan-badan akademik dan yayasan kajian akademik.
- iii. Mengatur pertemuan akademik dengan tujuan mengangkat kedudukan kajian akademik di dunia Islam.

⁷⁸ Persidangan pertama dan kedua telah diadakan di Rabāt, Maghribi pada 7-9 November 2008 dan 16-17 Oktober 2010. Manakala persidangan yang ketiga telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 22-23 September 2012.

⁷⁹ اللجنة الدولية للإعجاز العددي

⁸⁰ الهيئة المغربية للإعجاز العلمي في القرآن والسنة. Laman al-Hay'ah al-Maghribiyah li al-I'jāz fi Al-Qur'ān wa al-Sunnah, akses 2104, <http://www.comijaz.org>.

⁸¹ Laman al-Hay'ah al-Maghribiyah, akses 22 Ogos 2016, <http://www.comijaz.com/images/livres/tasis.pdf>.

- iv. Memperkaya sumber penerangan melalui pelbagai karya yang diterjemahkan kepada pelbagai bahasa antarabangsa dan memudahkan aksesnya melalui jaringan antarabangsa dan saluran-saluran lain.⁸²

Kesimpulannya, beberapa penyelidikan dan data kajian ini sendiri menunjukkan bahawa kajian bilangan dan mukjizat bilangan sebenarnya mempunyai akar asal dari sumber Islam sendiri. Ia bukan muncul kerana pengaruh luar semata-mata. Bahkan pihak luarlah yang cuba mengambil kesempatan darinya. Dengan kata lain, asal usul kajian bilangan memang ada dalam al-Quran dan perkembangannya berlaku dalam kalangan umat Islam sendiri sebelum kemunculan fahaman dan ajaran sesat yang berkaitan. Mereka mengambil kesempatan dari beberapa penemuan angka yang telah mula muncul pada zaman tersebut. Justeru, para penyelidik dan umat Islam seharusnya melihat kajian bilangan dari perspektif Islam dahulu dan mengelak dari mengaitkannya dengan unsur luaran bagi menanggapi nilai mukjizatnya.

3.2.3.6 Kronologi Perkembangan Mashaf dan Gagasan Mukjizat Bilangan

Kajian pensejarahan memperlihatkan hubungan yang jelas antara perkembangan mashaf dengan kemunculan teori mukjizat bilangan. Susunan kronologi sejarah perkembangan mashaf, khususnya di abad ke 20 dan 21 akan lebih menjelaskan hakikat itu. Berikut adalah susunan peristiwa berkaitan perkembangan mashaf mengikut tahun:

Jadual 6: Kronologi Sejarah Mashaf dan Kajian Bilangan.

Tahun		Perkembangan Mashaf al-Quran dan Karya Mukjizat Bilangan
Masihi	Hijrah	
610 M	13 SH	Bermulanya penurunan al-Quran kepada Rasulullah SAW.
610 - 632 M	10 SH - 11 H	Penulisan al-Quran oleh para sahabat RA.
632 M	11 H	Selesai penurunan al-Quran.
633 M	12 H	Pengumpulan dan penjilidan al-Quran oleh Khalifah Abu Bakar RA.
647 M	25 H	Pengumpulan, penjilidan al-Quran dan penyalinan mashaf oleh Khalifah ‘Uthmān.
661 M +	41 H +	Perletakan titik i’rab oleh Abū al-Aswad al-Du’alī pada zaman Khalifah Mu‘āwiyah.

⁸² Laman al-Hay’ah al-Maghribiyah, akses 22 Ogos 2016, <http://www.comijaz.com/comite-imn>.

Tahun		Perkembangan Mashaf al-Quran dan Karya Mukjizat Bilangan
Masih	Hijrah	
685 M +	65 H +	Perletakan titik i‘jam oleh Naṣr bin ‘Āsim dan Ya‘mar pada zaman Khalifah ‘Abd al-Malik bin Marwān. ⁸³
786 M -	170 H -	Perletakan tanda baris oleh al-Khalil bin Ahmad al-Farāhidī pada zaman Khalifah Harūn al-Rashid.
833 M -	218 H -	Perletakan tanda <i>fawāṣil</i> pada zaman Khalifah al-Ma’mūn.
1440 M	844 H	Penciptaan mesin cetak.
1516 M	922 H	Mashaf al-Quran mula dicetak beberapa versi di Eropah dan kemudian di Iran dan Rusia (ketika di bawah pemerintahan Islam).
1891 M	1308 H	Mashaf mula dicetak dengan <i>rasm ‘Uthmāni</i> dikenali sebagai Mashaf al-Mukhallalātī.
1910 - 1950 M	1328 - 1369 H	<i>Rasā’il al-Nūr</i> - Cetusan idea Badi‘ al-Zamān Sa‘id Nursī tentang rahsia pengulangan dan bilangan dalam al-Quran.
1923 M	1342 H	Mashaf al-Quran dicetak dengan nombor ayat. Mashaf al-Malik Fu’ad I.
1939 M	1358 H	Kamus indeks lafaz al-Quran diterbitkan, <i>al-Mu‘jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm</i> .
1956 M	1375 H	Penemuan menarik tentang angka oleh ‘Abd al-Razzāq Nawfal melalui bukunya <i>Allāh wa al-‘Ilm al-Hadīth</i>
1976 M	1396 H	Karya pertama dan kemunculan istilah oleh ‘Abd al-Razzāq Nawfal dalam <i>al-I‘jāz al-‘Adadī li al-Qur’ān al-Karīm</i>
1981 M	1401 H	Rashād Khalīfah menerbitkan karyanya, <i>The Computer Speaks</i> dan kemudian beberapa karya lagi tetapi disertai pengakuan sebagai rasul dan meramalkan tarikh kiamat. Gagasan mukjizat bilangan terganggu dengan dakwaannya, timbulnya sikap negatif terhadap kajian bilangan dan mukjizat bilangan.
1982 M	1402 H	Karya kedua ‘Abd al-Razzāq Nawfal terbit - <i>Mu‘jizah al-Arqām wa al-Tarqīm</i>
1983 M	1403 H	Ibn Khalīfah ‘Ulaywī al-Azhari, <i>Mu‘jizah al-Qarn al-‘Ishrīn fi Kashf Subā’iyyah wa Thulāthiyyah Awāmir al-Qur’ān al-Karīm</i>

⁸³ Dengan seliaan oleh al-Ḥajjāj bin Yūsuf al-Thaqafi, gabenor Iraq. ‘Abd al-Fattāh, *Tārīkh al-Mushaf*, 39.

Tahun		Perkembangan Mashaf al-Quran dan Karya Mukjizat Bilangan
Masihi	Hijrah	
1984 M	1404 H	Ahli matematik Morocco Idrīs al-Khirshāf menerbitkan karya <i>Al-Manhaj al-‘Ilmi al-Riyādī fī Dirāsah Al-Qur’ān al-Karīm</i> .
1985 M	1405 H	Husayn Nājī Muḥammad Muḥyī al-Dīn, <i>Tis‘ah ‘Ashar Malakan</i>
1989 M	1409 H	Percetakan al-Quran oleh Mujamma‘a-Malik Fahd, riwayat Ḥafṣ dari ‘Āsim – yang menjadi sandaran kebanyakan kiraan kajian bilangan sekarang.
		Mahmūd ‘Abd al-Razzāq al-Himṣī, <i>Dirāsah Istiqrā’iyyah li Raqam 7</i>
1990 M	1410 H	Muhammad Kāzim Ḥabīb, <i>Silsilah Mawsū‘ah al-Taqwīm al-Abadī al-Muqāran</i> .
		Kajian akademik pertama menolak mukjizat bilangan, disertasi sarjana Universiti Umm al-Qurā, Mekah oleh Muṣṭafā ‘Umar ‘Aliyy al-Kindī berjudul <i>Dirāsāt fī al-I‘jāz al-‘Adādī Bayn al-Mādī wa al-Hādir fī Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah</i>
1991 M	1411 H	Rafīq Abū al-Sa‘ūd, <i>I‘jāzāt Ḥadīthah ‘Ilmiyyah wa Raqamiyyah fī al-Qur’ān</i>
		Karya pertama Bassām Nihād Jarrār terbit - ‘Ajibah Tis‘ah ‘Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimīn wa Dalālāt al-Mudda‘īn
1992 M	1412 H	Bassām Nihād Jarrār, <i>Wa Lita‘lamū ‘Adad al-Sinīn wa al-Hisāb, 309</i>
1993 M	1413 H	Kurayyim Kshakish, <i>Iktishāf I‘jāzī fī Muḍā‘qāt al-‘Adad 4 fī al-Qur’ān al-Karīm Ithbāt Iżamah al-Khāliq min Khilāl ‘Ilm al-A‘dad</i>
		Sa‘dāwī al-Bannā, <i>Al-Dalā‘il al-‘Adadiyyah wa Ishārātuḥā ilā al-Wahdāniyyah</i>
1994 M	1414 H	Ahmad Muḥammad Ismā‘il, <i>Anżimah Riyādiyyah fī Barmajah Huriūf al-Al-Qur’ān</i>
		‘Umar al-Najdī, <i>Mu‘jizah al-Qur’ān al-Jadīdah: (Bunyah al-Āyāt wa al-Suwar)</i>
		‘Abd Allāh Ibrāhīm Jalghūm, <i>Asrār Tartīb al-Qur’ān</i>

Tahun		Perkembangan Mashaf al-Quran dan Karya Mukjizat Bilangan
Masihi	Hijrah	
1995 M	1416 H	Bassām Nihād Jarrār, <i>Zawāl Isrā’ il 2022 Milādī Nabū’ah Am Sudaf Raqmiyyah</i>
1997 M	1418 H	Ṭalḥah Jawhar, <i>al-I‘jāz al-‘Adadī fī Sūrah al-Fātiḥah</i>
1998 M	1419 H	Husayn Aḥmad Salīm al-Ḥāj Yūnus, <i>Lughah al-Arqām fī al-Qur’ān</i>
		Farīd ‘Abbās Raja’ Qabṭānī, <i>Al-Ṣudfah al-Munazzamah: al-I‘jāz al-‘Adadī li al-Qur’ān</i> (buku asal dalam bahasa Perancis Terjemah ke Arab: Aḥmad Amin Ḥajjāj Awwal)
		‘Adnān al-Rifā‘ī, <i>Al-Haqq al-Muṭlaq: Naẓariyyah Qurāniyyah fī al-Rūh al-Qur’āniyyah Tu’raḍ li Awwal Marrah fī al-‘Ālam</i>
		‘Abduh Ṣāliḥ Bakīrāt, <i>Haqīqah Fikrah al-I‘jāz al-‘Adadī fī Al-Qur’ān al-Karīm</i> disertasi sarjana di Universiti al-Jazīrah, Sudan menyokong idea mukjizat bilangan.
1999 M	1420 H	Bassām Nihād Jarrār, <i>Irhāṣāt al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm</i>
		Muhammad Jamīl al-Ḥabbāl, <i>al-Manzūmah al-Subā‘iyah fī Al-Qur’ān al-Karīm</i>
2000 M	1421 H	Karya kedua ‘Adnān al-Rifā‘ī, <i>al-Hikmah al-Muṭlaqah Naẓariyyah Qurāniyyah fī Itlāq al-Naṣṣ al-Qur’āni</i>
		Khālid Fā'i'q al-‘Ubaydī, <i>al-Minzār al-Handasi li al-Qur’ān al-Karīm</i>
		Karya ketiga ‘Adnān al-Rifā‘ī, <i>Iḥdā al-Kubar Naẓariyyah Qur’āniyyah fī Mu‘jizah Iḥdā al-Kubar Mu‘jizah al-‘Adad 19 Tu’raḍ li Awwal Marrah fī al-‘Ālam</i>
2001 M	1422 H	Atyāf Muhsin Mādi, <i>Āṭhqāl Āyāh fī al-Qur’ān al-Karīm</i> dan <i>Al-Sab‘ al-Mathānī wa Al-Qur’ān al-‘Ażīm</i>
		‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl, <i>Mu‘jizah al-Qur’ān fī ‘Aṣr al-Ma‘lūmatiyyah</i>
		Muhammad Sa‘id ‘Abd al-Qādir, <i>Min Mu‘jizah al-Qur’ān: Lughah al-Raqam Sab‘ah</i>
		Bassām Nihād Jarrār, <i>al-Mizān 456 Buḥūth fī al-‘Adad al-Qur’āni</i>
2002 M	1423 H	Bassām Nihād Jarrār, <i>Şakhrat Bayt al-Maqdis wa Aşhāb al-Kahf</i>

Tahun		Perkembangan Mashaf al-Quran dan Karya Mukjizat Bilangan
Masihi	Hijrah	
2003 M	1424 H	Lu'ayy Ghāzī Salamah al-Tayyibi, <i>Al-Burhān fī al-A'dād wa al-Arqām 'alā I'jāz Al-Qurān al-Karīm</i>
		Jabrī Muṣṭafā 'Abd al- al-Razzāq, <i>I'jāz al-Raqam 123 fī al-Qur'ān al-Karīm. Al-'Aqīdah al-Raqamiyyah</i>
		'Ali Busakhar, <i>Asrar al-Huruf wa al-A'dād</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Haqā'iq Takshif Asrār al-Qiṣṣah al-Qur'āniyyah</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Mu'jizah Qarn al-Hādi wa al-'Ishrīn</i>
		'Abdullāh Muḥammad al-Baltājī, <i>Sirr al-Wujūd wa al-Raqam 19 fī al-Qur'ān al-Karīm: Awwal Dirāsah 'Ilmiyyah Muhaqqaqah li Asrār 19 fī al-Āyāt al-Qur'āniyyah wa al-Āyāt al-Kawniyyah</i>
2004 M	1425 H	'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Allāh Yatajallā fī Āyātih</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Al-I'jāz al-Qaṣāṣī fī al-Qur'ān al-Karīm</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Asrār I'jāz al-Qur'ān: 70 Haqīqah Raqamiyyah Tashhad 'alā Ṣidq al-Qur'ān</i>
2005 M	1426 H	Karya kedua 'Abd Allāh Ibrāhīm Jalghūm, <i>Asrār Tartīb al-Qur'ān Qirā'ah Mu'āṣirah</i>
		Salmān Naṣīf al-Dahdūh, <i>Qīmah al-'Adad 7 fī al-Qur'ān wa al-Sunnah</i>
		'Abd al-Karīm Aḥmad Kurdiy, <i>Al-I'jāz al-Falakī wa al-Raqamī fī al-Qur'ān al-Karīm</i>
		Labīb Bayḍūn, <i>Al-I'jāz al-'Adadī fī al-Qur'ān</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Mu'jizah Bism Allāh al-Rahmān al-Raḥīm</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Mu'jizah al-Sab' al-Mathānī</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Mu'jizah Alif, Lām, Mīm fī al-Qur'ān al-Karīm</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Mu'jizah Qul Huwa Allāh Aḥad</i>
2006 M	1427 H	Caner Taslaman, <i>The Quran Unchallengeable Miracle</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Mawsū'ah al-I'jāz al-Raqamī</i>
		'Abd al-Dā'im al-Kahīl, <i>Āfāq al-I'jāz al-Raqamī fī al-Qur'ān</i>

Tahun		Perkembangan Mashaf al-Quran dan Karya Mukjizat Bilangan
Masihi	Hijrah	
		‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, <i>Ishrāqāt al-Raqam Sab‘ah fī al-Qur’ān al-Karīm</i>
2007 M	1428 H	Bassām Nihād Jarrār <i>Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadī</i>
		Aḥmad Ḥasan Farḥāt, <i>Al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm</i>
		Ibrāhim Kāmil & Hanā’ Sayyid Aḥmad, <i>Baḥth Nūr al-Īmān li al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān</i>
		Abah Salma Alif Sampayya, Keseimbangan Matematika Dalam al-Quran
		Bassām Nihād Jarrār, <i>Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadī</i>
2008 M	1429 H	‘Umar Aliy Şāliḥ Tāhir al-Disī, <i>Asrār wa I‘jāz al-Raqam 29 fī al-Qur’ān al-Karīm</i>
		‘Ubayd Sulaymān al-Ja‘īdi, <i>Al-Kawākib al-Durriyyah fī Kashf Mu‘jizah Al-Qur’ān al-‘Adadiyyah</i>
2010 M	1431 H	Mohd Arip Kasmo, Kehebatan Susunan al-Quran
		Māhir ‘Umar Amin, <i>Ithbāt al-Mu‘jizah al-‘Adadiyyah fī Tartīb Suwar al-Qur’ān al-Karīm Bi Wāsiṭah al-Hāsūb</i>
2011 M	1432 H	‘Ubayd Sulaymān al-Ja‘īdi, <i>33 Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’āni</i>
		‘Adnān al-Sharīf, <i>Min al-Mu‘jizah al-Raqamiyyah fī Fātiḥah al-Qur’ān al-Karīm wa Āyat al-Aḥruf al-Muqatta‘ah</i>

Jadual kronologi di atas menunjukkan perkembangan kajian mukjizat bilangan yang ketara selepas mashaf al-Quran dicetak dan dicatatkan nombor ayat pada tahun 1342 H / 1923 M. Cetusan idea oleh Nursī tentang pengulangan dalam al-Quran yang dibincangkan sebelum ini berlaku sebelum atau serentak dengan percetakan dan penomboran al-Quran serta penerbitan kamus indeks al-Quran. Ini kerana risalah Nūr ditulis dalam tempoh 40 tahun iaitu antara tahun 1910 M hingga 1950 M. Manakala catatan idea tersebut berada dalam kitab kedua (*al-Maktūbāt*) dari 9 siri *Kulliyāt Rasā'il al-Nūr* pada bab ke-29, bahagian ke-3.

Kamus indeks al-Quran pula diterbitkan 16 tahun selepas itu (tahun 1939 M / 1375 H). Manakala penemuan tentang kiraan selepas itu berlaku pada tahun 1956 M / 1375 H, iaitu 17 tahun kemudian. Akhirnya, istilah mukjizat bilangan mula dipopularkan 20 tahun kemudian oleh Nawfal pada tahun 1976 M. Tiada penulisan tentang mukjizat bilangan sebelum percetakan, penomboran al-Quran dan penerbitan kamus indeks al-Quran berlaku.

Jarak antara penomboran mashaf dan kemunculan idea adalah 33 tahun (1923 M – 1956 M). Ini menunjukkan generasi yang lahir, membesar dan mengenali al-Quran bernombor telah menemui keajaiban angka dalam al-Quran. Namun, antara tahun 1956 M hingga 1980 M, hanya Nawfal menulis tentang mukjizat bilangan. Generasi selepasnya pula yang dapat menerima gagasan teori ini. Ini dapat dilihat pada banyaknya bilangan karya mengenainya dihasilkan mulai tahun 1998. Pada tahun itu sahaja, lima buah karya ditulis tentang mukjizat bilangan.⁸⁴ Tempoh masanya adalah sekitar 18 hingga 22 tahun (1980-1998 atau 1976-1998).

Kajian mukjizat bilangan mulai rancak selepas tahun 1981 M. Hampir setiap tahun, ada karya baru ditulis dan diterbitkan hingga sekarang. Ia kelihatan terputus hanya dalam tempoh tiga tahun iaitu antara tahun 1986 M hingga 1988 M. Kemudian pada tahun 1996 M dan 2009 M. Penyelewengan Rashād nampaknya tidak mengganggu perkembangan kajian dan penghasilan karya mukjizat bilangan, walaupun ia menganggu penerimaan umum terhadap gagasan ini. Ini kerana Rashād bukanlah pelopor teori mukjizat bilangan mahupun pencetusnya. Pencetus gagasan ini adalah Nursī, pelopornya adalah Nawfal. Manakala Rashād dan penyelwengannya mungkin menjadi penggalak kepada kajian mukjizat bilangan yang sebenar dan tepat.

Tahun 2003 M dan 2005 M kelihatan tahun paling rancak dan banyak karya diterbitkan. Sebanyak enam karya dihasilkan oleh lima orang pengarang pada tahun 2003 M. Manakala pada lapan karya pula dihasilkan oleh lima orang pengarang pada tahun 2005 M. ‘Abd al-Dā’im menghasilkan empat dari lapan karya berkenaan. Namun, karya-karya beliau tersebut merupakan buku-buku kecil dengan jumlah halaman di bawah 100 halaman (82, 69 57 dan 52 halaman). Jumlah keseluruhannya iaitu 260 halaman mungkin boleh

⁸⁴ Lihat jadual 6, tahun 1998.

menjadi sebuah buku yang agak besar. Walau bagaimana pun, kronologi ini dibuat berdasarkan karya-karya yang dapat dikesan terutama di dalam bahasa Arab.

3.2.4 Asas Dalam Syariat

Asas gagasan mukjizat bilangan dari segi syariat bermula dengan galakan *mentadabbur* al-Quran. Firman Allah SWT:

﴿أَفَلَا يَتَدَبَّرُونَ الْقُرْءَانَ وَلَوْ كَانَ مِنْ عِنْدِ غَيْرِ اللَّهِ لَوَجَدُوا فِيهِ أَخْتِلَافًا كَثِيرًا﴾

al-Nisā' 4: 82

Maksudnya “Maka patutkah mereka tidak muhū memikirkan isi al-Quran? Kalaualah al-Quran itu (datangnya) bukan dari sisi Allah, nescaya mereka akan dapat perselisihan yang banyak di dalamnya.”

Ayat tersebut bukan sekadar menggalakkan manusia memerhati dan memikirkan tentang al-Quran, bahkan Allah SWT menegaskan ia datang dari Allah dan menjamin al-Quran itu tidak ada perselisihan di dalamnya. Dalam ayat lain pula, Allah SWT menjamin al-Quran itu bebas dari sebarang kepalsuan. Firman-Nya:

﴿لَا يَأْتِيهِ الْبَطْلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ﴾

Fuṣṣilat 41: 42

Maksudnya: “Ia tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari hadapan maupun belakang (mana-mana arah dan seginya). Ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji.”

Ia merupakan jaminan bahawa al-Quran terpelihara dari sebarang kepalsuan. Di samping itu, al-Quran juga mengandungi keajaiban yang tidak pernah habis. Ia dijelaskan dalam hadis Rasulullah SAW yang panjang. Petikannya adalah seperti berikut:

“عَنْ عَلَيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ: ”... وَلَا تَنْفَضِي عَجَائِبُهُ...”

Maksudnya: Dari ‘Aliyy bin Abū Ṭālib: “... keajaibannya (al-Quran) tidak akan habis-habis...”⁸⁵.

Jaminan-jaminan itu menjadikan manusia yang berkecimpung dalam kajian al-Quran melihat segala aspek yang ada termasuk aspek ulangan, bilangan dan kiraan.

⁸⁵ al-Tirmidhi, *Sunan*, Bāb Mā ja'a fī Faḍl al-Qur'añ, no. 2906, 5: 172. Hadis gharīb.

Tambahan pula, al-Quran sendiri menekankan soal kiraan. Contohnya firman Allah SWT tentang ciptaan alam dan cakerawala:

هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَدَرَهُ مَنَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ الْحِسَابِ
وَالْحِسَابُ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِّ يُفَصِّلُ الْأَيَّاتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٥﴾

Yūnus 10: 5

Maksudnya: “Dia lah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya, dan Dia-lah yang menentukan perjalanan tiap-tiap satu itu (berpindah-randah) pada tempat-tempat peredarannya masing-masing) supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayat-Nya (tanda-tanda kebesaran-Nya) satu persatu bagi kaum yang muhlu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikan-Nya).

Ayat ini ternyata menggalakkan manusia membuat kiraan termasuk pada peredaran cakerawala. Ia membantu manusia mengira tahun dan kiraan lain (*wa al-hisāb*). Bahkan dalam ayat lain pula, al-Quran membandingkan kepastasan dan kecekapan kiraan. Firman Allah tentang kisah Aṣḥāb al-Kahf:

ثُمَّ بَعَثَنَا مِنْ لِنَعْمَمْ أَئِي الْجَزِيرَيْنِ أَحْصَى لِمَا لَبِثُوا أَمَدًا ﴿١٢﴾

al-Kahf 18: 12

Maksudnya: “Kemudian Kami bangkitkan mereka (dari tidurnya), untuk Kami menguji siapakah dari dua golongan di antara mereka yang lebih tepat kiraannya, tentang lamanya mereka hidup (dalam gua itu).”

Akhirnya, al-Quran menisbahkan soal kecekapan, ketepatan dan kepastasan kiraan kepada Allah sendiri. Firman-Nya:

ثُمَّ رُدُّوا إِلَى اللَّهِ مَوْلَاهُمُ الْحَقِّ أَلَا لَهُ الْحُكْمُ وَهُوَ أَسْرَعُ الْحَسِيبِينَ ﴿٦﴾

al-An‘ām 6: 62

Maksudnya: “Kemudian mereka (yang diambil nyawanya itu) dikembalikan kepada Allah, Pengawas mereka yang sebenar. Ketahuilah, bagi Allah jualah kuasa menetapkan hukum (pada hari kiamat itu), dan Dialah secepat-cepat penghitung.”

Begitulah, dari galakan men“*tadabbur*” al-Quran kepada galakan mengira dan meyakini bahawa Allah maha pantas dan tepat kiraannya. Maka sebahagian pengkaji al-Quran turut melihat aspek kiraan yang menzahirkan kehebatan susunan al-Quran serta

keagungan Allah SWT sendiri yang Maha Mengira dan yang menamakan diri-Nya sebagai al-Hasib.

3.3 Terminologi Berkaitan Mukjizat Bilangan

Gagasan teori mukjizat bilangan bermula dengan kepercayaan bahawa al-Quran telah disusun rapi oleh Penciptanya dari semua aspek. Penyelidik dan peneliti al-Quran dalam kalangan generasi awal telah merasakan adanya sesuatu yang unik berkenaan dengan kesimbangan bilangan dan kiraan dalam al-Quran. Pengiraan dan pengamatan telah berlaku lebih awal sebelum istilah dan konsep mukjizat bilangan muncul sebagaimana dibincangkan dalam topik sebelum ini. Ungkapan mukjizat bilangan hanya muncul pada abad ke 20 Masihi atau abad ke 15 Hijrah. Orang pertama dipercayai mula menggunakan ungkapan ini adalah ‘Abd al-Razzāq Nawfal. Beliau menulis buku dengan judul *al-I‘jāz al-‘Adadi li al-Qur’ān* (Mukjizat Bilangan Bagi al-Quran). Tempoh penulisannya karya ini adalah antara tahun 1965-1987 M.

3.3.1 Istilah-istilah

Selain dari *i‘jāz ‘adadi*, istilah *i‘jāz raqami*⁸⁶ juga digunakan dalam karya kajian bilangan berbahasa Arab. ‘Abd al-Razzāq Nawfal sendiri menggunakan kedua-dua ungkapan ini

⁸⁶ Kalimah ‘*edad* dan *raqam* disebut dalam al-Quran. Kalimah ‘*edad* disebut berkaitan bilangan tahun melalui beberapa ayat iaitu:

لَتَعْلَمُوا عَدَدَ الْسِّبِّينَ وَالْحِسَابَ

Yūnus 10: 5 dan al-Isrā’ 17: 12

Maksudnya: “... agar kamu mengetahui bilangan tahun dan hisab.”

فَهَضَرَنَا عَلَىٰ إِذَا نِهَمْ فِي الْكَهْفِ سِبِّينَ عَدَدًا

al-Kahf 18: 11

Maksudnya: “Lalu Kami tidurkan mereka dengan nyenyaknya dalam gua itu, bertahun-tahun, yang banyak bilangannya.”

قَنَّا لَهُمْ لِيَتَّمِمُ فِي الْأَرْضِ عَدَدَ سِبِّينَ

al-Mu’minūn 23: 112

Dua lagi berkaitan dengan bilangan penyokong :

bagi menggambarkan konsep yang digagaskan olehnya. Beliau menulis sebuah lagi karya dengan judul *Mu'jizah al-Arqām wa al-Tarqīm fī al-Qur'ān al-Karīm* (1982), yang bererti Mukjizat Nombor-nombor dan Penomboran Dalam al-Quran Yang Mulia. Selain dari beliau, beberapa orang penulis juga menggunakan istilah *i'jāz raqamī* seperti 'Adnān al-Sharīf dalam *Min al-Mu'jizah al-Raqamiyyah fī Fātiḥah al-Qur'ān al-Karīm*, 'Umar Aliy Ṣāliḥ Tāhir al-Dīsī dalam *Asrār wa I'jāz al-Raqam* 29, 'Abd al-Dā'im al-'Abd al-Dā'im al-Kahīl dalam *Mawsū'ah al-I'jāz al-Raqamī*, 'Abd al-Karīm Aḥmad Kūrdī dalam *al-I'jāz al-Falakī wa al-Raqamī*, Jabrī Muṣṭafā 'Abd al- al-Razzāq dalam *I'jāz al-Raqam* 123, Ḥusayn Aḥmad Salīm al-Ḥāj Yūnus dalam *Lughah al-Arqām fī al-Qur'ān* dan Rafīq Abū al-Sa'ūd dalam *I'jāzāt Hadīthah 'Ilmiyyah wa Raqamiyyah fī al-Qur'ān*.⁸⁷

حَتَّىٰ إِذَا رَأُوا مَا يُوعَدُونَ فَسَيَعْلَمُونَ مَنْ أَصْعَفُ نَاصِرًا وَأَقْلَعَ عَدَدًا

al-Jinn 72: 24

Maksudnya: “Sehingga apabila mereka melihat (azab) yang dijanjikan kepada mereka, maka (pada saat itu) mereka akan mengetahui siapakah orangnya yang lemah penolong-penolongnya, dan sedikit jumlah bilangannya.”

لَيَتَلَمَّ أَنْ قَدْ أَبْلَغُوا رِسْلَتِ رَبِّهِمْ وَاحْاطَ بِمَا لَدَيْهِمْ وَأَحْصَى كُلَّ شَيْءٍ عَدَدًا

al-Jinn 72: 28

Maksudnya: “(Tuhan mengadakan malaikat-malaikat itu) supaya ia mengetahui bahawa sesungguhnya rasul-rasul itu telah menyampaikan perutusan-perutusan Tuhan mereka, (dengan sempurna); pada hal ia memang mengetahui dengan meliputi segala keadaan yang ada pada mereka, serta ia menghitung tiap-tiap sesuatu, satu persatu.”

Manakala kalimah *raqam* pula, disebut pecahannya iaitu *al-raqīm* dalam firman Allah SWT:

أَمْ حَسِبَتْ أَنَّ أَصْحَابَ الْكَهْفِ وَالرَّقِيمِ كَانُوا مِنْ ءَايَتِنَا عَجَّابًا

al-Kahf 18: 9

Maksudnya: “Adakah engkau menyangka (Wahai Muhammad), bahawa kisah *Ashāb al-Kahf* dan *al-Raqīm* itu sahaja yang menakjubkan di antara tanda-tanda yang membuktikan kekuasaan Kami?”

Sa'īd bin Jubayr mentafsirkan kalimah *al-Raqīm* dalam ayat ini sebagai batu catatan yang merekodkan nama-nama pemuda *Kahf* itu. Ia diletakkan di hadapan gua tersebut. Sedangkan tafsiran lain menyebut *raqīm* adalah nama lembah, bangunan, bukit atau kampung yang terletak padanya gua itu. (Ibn Kathīr, *Tafsīr*, 5, 139). Ini bererti *raqīm* digunakan dalam al-Quran dengan maksud catatan atau tulisan. Berdasarkan tafsiran ini, para pemuda itu telah dikaitkan oleh al-Quran dengan gua dan batu catatan. Hal ini menjelaskan maksud yang berbeza antara *raqam* dan '*adad*'. '*Adad*' adalah bilangan sedangkan *raqam* adalah catatan yang hampir ertiannya dengan tanda atau simbol.

⁸⁷ Lihat Jadual 6.

Dalam penulisan berbahasa Inggeris pula, istilah yang banyak digunakan adalah *numerical miracle* yang bererti keajaiban nombor. Ada kalanya ‘*numerical inimitability*’ (ketidak-boleh-tandingan pada aspek nombor) digunakan dan ia lebih menepati istilah *i‘jāz* dalam bahasa Arab. Selain dari itu, ‘*mathematical miracle*’ (keajaiban matematik) atau ‘*unchallengeable mathematical miracle*’ (keajaiban matematik yang tidak dapat ditandingi) juga digunakan.

Manakala dalam penulisan bahasa Melayu, istilah mukjizat bilangan, kemukjizatan angka atau kemukjizatan numerik digunakan. Istilah ketidak-boleh-tandingan al-Quran, jika digunakan lebih memenuhi maksud *i‘jāz* dan *mu‘jizah*. Namun ia terlalu panjang dan lebih baik diringkaskan kepada mukjizat sahaja. Ada pula yang menggunakan rangkai kata “keseimbangan matematika” bagi membicarakan topik ini seperti karya Abah Salma Alif Sampayya berjudul Keseimbangan Matematika Dalam al-Quran.⁸⁸

3.3.2 Pertikaian Tentang Istilah

Konsep dan mukjizat bilangan belum diterima secara menyeluruh, khususnya dalam kalangan para sarjana dan umumnya, dalam kalangan umat Islam. Namun pada hakikatnya, kewujudan sesuatu yang menarik tentang bilangan, hitungan dan susunan memang ada dalam al-Quran. Terdapat perbahasan pada kedua-dua kalimah mukjizat dan bilangan.

3.3.2.1 Istilah Mukjizat

Sudut pertikaian yang pertama adalah kedudukan penemuan-penemuan aspek bilangan ini sebagai salah satu mukjizat al-Quran. Dengan kata lain, persoalan yang lebih didebatkan bukan pada sifat bilangan atau hitungan. Sebaliknya pada konsep dan penggunaan kata mukjizat atau ketidak-boleh-tandingan. Justeru ada andaian bahawa keseimbangan nombor boleh sahaja berlaku dalam mana-mana karya manusia, jika mereka mahu melakukannya.

Oleh kerana itu, timbul anggapan bahawa penyelidik mukjizat bilangan berlebihan dalam mencetuskan satu bentuk mukjizat baru. Bagi mereka, kajian bilangan hanya

⁸⁸ Abah Salma Alif Sampayya, *Keseimbangan Matematika Dalam Al-Qur'an* (Jakarta: Republika, 2007).

menunjukkan suatu keseimbangan dan keindahan aspek bilangan dalam al-Quran. Ia tidak dapat mencapai tahap mukjizat kerana mungkin sahaja boleh dibuat pada karya-karya manusia. Justeru, ramai juga pengkritik mencadangkan agar istilah mukjizat tidak digunakan. Ia mungkin berpada dengan istilah keindahan atau kehebatan kerana aspek ‘tidak boleh ditiru’ masih dipertikaikan. Persidangan mukjizat bilangan pada 2013 sendiri, dalam resolusinya telah menegaskan perlunya hasil kajian bilangan (*‘adad*) dikategorikan kepada *i‘jāz* (mukjizat), *tawāfiqāt* (keseimbangan dan keharmonian), *laṭā’if* (kehalusan), *milh* (keindahan) dan lain-lain.⁸⁹ Ia dikira sebagai salah satu jalan keluar dari perselisihan dan pertikaian yang masih berpanjangan.⁹⁰ Namun, kata umum bagi semua perbahasan itu tentu diperlukan dan terma mukjizatlah yang paling sesuai merangkumi kesemuanya. Ia seiring dengan terma dalam bahasa Inggeris *miracle* yang banyak digunakan berbanding terma *inamitability*. Begitu juga, terma mukjizat telah digunakan sebagai istilah dalam banyak penulisan bahasa Arab tentang kehebatan al-Quran, meninggalkan istilah *āyah* dan *āyāt* seperti dibincangkan dalam subtajuk 2.3 yang lalu.

⁸⁹ Ahmad Qāsim Kassār, Resolusi dari *The 3rd International Conference On Numerical Miracles In The Quran*, 22-23 September 2012, Kuala Lumpur, Malaysia.

⁹⁰ Beberapa istilah dalam ilmu lain turut mengalami perdebatan sebelum ia diterima sebagai istilah terpakai. Contohnya terminologi ilmu tasawwuf. Ia bukan diambil dari mana-mana nas al-Quran atau hadis. Para ulama membahaskan sekurang-kurangnya tujuh asal kata dasar tasawwuf. Akhirnya, ia disimpulkan berasal dari pakaian ‘*sūf*’ atau kain bulu yang sering dipakai oleh golongan sufi.

Ibn Khaldun menyebut bahawa tasawwuf adalah antara ilmu *syar‘ī* yang diada-adakan dalam agama. Teks asalnya berbunyi:

هذا العلم من العلوم الشرعية الحادثة في الملة

Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, 281.

Dengan kata lain, ilmu tasawwuf adalah ilmu akal yang dicetuskan oleh manusia, namun kemudian dianggap sebagai sebahagian ilmu *shar‘ī* atau ilmu agama.

Begitu juga dengan konsep mukjizat bilangan yang boleh dikiaskan dengan kemunculan ilmu tasawwuf. Mukjizat bilangan tidak termasuk dalam kajian utama yang dituntut berdasarkan nas al-Quran dan hadis. Kedua-dua istilah mukjizat bilangan dan tasawwuf tidak terdapat dalam al-Quran mahupun hadis Rasulullah SAW. Justeru itu, ia merupakan ilmu *aqlī* yang direka oleh manusia sendiri kemudian dimasukkan ke dalam koleksi ilmu-ilmu *shar‘ī*.

Oleh kerana ia bukanlah terma yang diambil secara langsung dari al-Quran, kajian *i‘jāz* (termasuk *i‘jāz ‘adadī*) dikira sebagai kajian yang bersifat *aqlī* tentang subjek yang bersifat *naqlī*. Justeru itu, ia terbuka kepada pelbagai pandangan dan kritikan. Menurut penulis, meletakkan kajian *i‘jāz* dan *i‘jāz ‘adadī* sebagai ilmu *aqlī* dapat meredakan konflik dan polemik mengenainya. Ia menjadikan *i‘jāz* sebagai salah satu perspektif atau cara manusia melihat al-Quran.

3.3.2.2 Istilah Bilangan

Sudut kedua pula adalah nama bilangan atau angka. Rujukan kepada kajian bahasa Arab mendapati kedua-dua *i'jāz 'adadi* dan *raqamī* digunakan secara terbuka walaupun *i'jāz 'adadi* lebih banyak digunakan. Ini dapat dilihat pada judul buku dan tajuk pelbagai artikel yang dipaparkan dalam subtajuk 3.9 selepas ini. Demikian juga semakan kepada penulisan dalam bahasa Inggeris, terma *numerical miracle* (keajaiban nombor), *numerical inimitability* (ketidak-boleh-tandingan pada aspek bilangan atau nombor) digunakan selain dari '*mathematical miracle*' (keajaiban matematik).

Penulis mendapati wujud kesan perbezaan bahasa dalam menentukan terma yang paling sesuai. Dalam konteks bahasa Arab, terma yang tepat adalah *i'jāz 'adadi* yang diterjemahkan sebagai mukjizat bilangan. Ini kerana '*adad*' dan bilangan adalah makna bersifat abstrak, sedangkan angka dan *raqam* adalah tanda dan simbol yang direka manusia bagi mewakili bilangan dan dapat dilihat bentuk rupanya. Al-Quran memang menyebut tentang beberapa bilangan dalam ayat-ayatnya. Hitungan untuk menghasilkan bilangan juga dapat dilakukan ke atas teks al-Quran, termasuk teks asalnya yang paling asas atau ringkas, tanpa tanda-tanda tambahan. Sebaliknya, angka tidak ada dalam teks asal al-Quran. Ia hanya ditulis pada *fawāṣil* dan lembaran muka surat al-Quran pada zaman mutakhir ini. Ia tidak dapat dikira sebagai sebahagian dari kandungan al-Quran kerana dimasukkan terkemudian, bukan semasa zaman ia diturunkan dan ditulis di hadapan Rasulullah SAW.

Namun penulisan dalam bahasa Inggeris telah mempengaruhi terjemahan kepada bahasa Melayu. '*Numeral miracle*' boleh diterjemahkan kepada kedua-dua maksud sama ada mukjizat bilangan atau mukjizat angka. Ini kerana kata nama '*number*' dan kata sifatnya '*numeral*' digunakan dengan kedua-dua maksud bilangan ('*adad*') dan angka (*raqam*). Menurut New Standard Encyclopedia:

"Number in mathematics, a quantity or position in a series. Numbers are ideas; they have no physical existence. They can, however, be represented by written symbols. Such symbols are properly called numerals, although in common usage they are also called 'numbers'."⁹¹

⁹¹ *New Standard Encyclopedia*, (Chicago: Standard Educational Corporation, 1992), 12, N 454.

Selain itu, kamus Inggeris – Arab juga menterjemahkan ‘*number*’ dan ‘*numeral*’ sebagai ‘*adad*’ dan ‘*raqam*.⁹² Begitu juga terjemahannya kepada bahasa Melayu menjadi nombor, bilangan dan lain-lain.⁹³ Ini tidak sama dengan kata ‘angka’ dalam bahasa Melayu yang bererti tanda atau lambang yang menunjukkan bilangan atau jumlah sesuatu. Ia sinonim dengan nombor.⁹⁴ Hal ini mempunyai hubungan dengan sejarah Melayu yang telah memiliki tanda atau lambang tersendiri untuk bilangan sejak zaman pra-Islam. Simbolnya pula berlainan sekali dengan angka Hindu Purba.⁹⁵ Ini adalah untuk menegaskan bahawa terma ‘angka’ adalah bermaksud simbol dan lambang bagi bilangan, tetapi bukan bilangan itu sendiri.

3.4 Keprihatinan Umat Terhadap Mukjizat Bilangan

Walaupun kajian dan mukjizat bilangan masih berdepan dengan pelbagai kritikan dan polemik, namun sejak terminologi itu diperkenalkan oleh Abd al-Razzaq Nawfal, pelbagai bentuk kajian dan penulisan mengenainya dilakukan dan diterbitkan. Terdapat lebih 40 judul karya yang dikesan oleh penulis yang telah diterbitkan dalam bentuk buku. Ia termasuk pengarang seperti ‘Adnān al-Rifā’ī, Ibn Khalīfah ‘Ulaywī al-Azhārī, ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, Bassām Nihād Jarrār, ‘Abdullāh Jalghūm dan lain-lain. Majoriti karya tersebut adalah dalam bahasa Arab.⁹⁶ Namun, terdapat juga karya-karya lain dalam bahasa Inggeris, bahasa Turki seperti karya Caner Taslaman, bahasa Melayu seperti Mohd Arip Kasmo dan bahasa Indonesia seperti Abah Salma Alif Sampayya.

Selain dari buku, karya dalam bentuk ensiklopedia dan kamus iaitu *Mu‘jam al-Arqām fī al-Qur‘ān al-Karīm* oleh Muḥammad al-Sa‘īd al-Dāwūdī dan *Mawsū‘ah al-I‘jāz al-Raqamī* oleh ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl. Beberapa laman web juga dikendalikan oleh pendukung mukjizat bilangan bagi mengetengahkan penemuan mereka. Ini termasuk laman sesawang *Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah* (www.islamnoon.com) oleh

⁹² N.S. Doniach, *The Concise Oxford English – Arabic Dictionary of Current Usage*, (Oxford University Press, 1985), 258. *Oxford Wordpower* (Oxford University Press, 2009), 528.

⁹³ *Kamus Inggeris Melayu Dewan*, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1992), 1041.

⁹⁴ Noresah, *Kamus Dewan*, hlm 48.

⁹⁵ Shaharir Md Zain, “Angka Melayu Sebelum Kedatangan Islam”, *Bulletin Of The Malaysian Mathematical Sciences Society*, (23, 2000), 199, dalam European Mathematical Information Service, akses 31 Mei 2017, <http://emis.ams.org/journals/BMMSS/pdf/v23n2/v23n2p10.pdf>.

⁹⁶ Dhū al-Kifl, *Manhajiyah* 6-17.

Bassām Nihād Jarrār, laman sesawang ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl li al-Ijāz al-‘Ilmī fī al-Qur’ān wa al-Sunnah (www.kaheel7.com) oleh ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl dan laman sesawang Al-Arqām Abhāth wa Dirāsāt ‘an al-Arqām (www.alargam.com) oleh ‘Abdullāh Jalghūm. Dua laman yang pertama menghimpunkan penemuan dan tulisan mengenai mukjizat saintifik dan mukjizat bilangan, manakala laman ketiga memang menumpukan kepada penemuan mukjizat bilangan sahaja.

Selain dari itu, kursus intensif, simposium dan persidangan peringkat antarabangsa juga telah diadakan secara khusus bagi membincangkan topik ini. Program pertama adalah Simposium Mukjizat Dalam al-Quran al-Karim Kali Kedua. Tema simposium ini adalah mukjizat bilangan. Inilah buat kali pertama pengkaji-pengkaji mukjizat bilangan dihimpunkan. Ia dianjurkan oleh Anugerah Antarabangsa Dubai bagi al-Quran al-Karim pada 3 Mac 2007 di Emiriah Arab Bersatu (UAE).⁹⁷

Persidangan peringkat antarabangsa kali pertama dan kedua pula telah diadakan di Rabat, Maghribi pada 7-9 November 2008 dan 16-17 Oktober 2010. Manakala persidangan yang ketiga telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 22-23 September 2012. Dengan adanya seminar atau persidangan tersebut, puluhan kajian dan penulisan tentang mukjizat bilangan telah dibentangkan untuk membincangkan tentang komentar terhadap mukjizat bilangan serta penemuan-penemuan mukjizat bilangan yang baru.

Kursus intensif pula dijalankan oleh ‘Ubayd Sulaymān, seorang penyelidik dan jurulatih mukjizat bilangan dari United Arab Emirates. Kursus ini mendedahkan asas-asas mukjizat bilangan, kaedah pengiraan yang sistematik dan beberapa bahan bantuan untuk memudahkan kiraan.

⁹⁷ Simposium Mukjizat Al-Quran kali pertama diadakan oleh Anugerah Dubai adalah pada tahun sebelumnya (2006) tetapi bertemakan mukjizat dalam perubatan. Laman Wakālah Anbā’ al-Imārāt, akses 29 Januari 2015, <http://www.wam.ae/ar/news/emirates/1395234891512.html>.

3.5 Rasm ‘Uthmānī, Susunan Ayat dan Surah serta Hubungannya Dengan Mukjizat Bilangan

Pengiraan adalah asas paling penting dalam mukjizat angka. Pengiraan ini merangkumi bilangan surah, ayat, kalimah, huruf dan tanda-tanda lain dalam al-Quran. Justeru ia amat berkait rapat dengan mashaf al-Quran sendiri dan *rasmnya*.

Rasm atau bentuk tulisan al-Quran dikenali sebagai *rasm Uthmānī*. Ia dinisbahkan kepada Khalifah ‘Uthmān bin ‘Affān kerana al-Quran telah diselaraskan dalam mashaf pada zaman pemerintahannya. Bahkan, penyelarasannya berlaku dengan arahan beliau dan pemantauan darinya sendiri. Ia dibuat berdasarkan rujukan kepada penulisan teks al-Quran khusus oleh para penulis wahyu yang dilantik oleh Rasulullah SAW serta merujuk kepada kaedah bacaan yang sabit dari baginda SAW. Ia mengenepikan koleksi catatan peribadi oleh mana-mana sahabat yang dibuat tanpa seliaan dan semakan oleh Rasulullah SAW.

Namun, berlaku perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang *rasm ‘Uthmānī*. Jumhur ulama termasuk Ya‘yā bin Ya‘mar (m.89), al-Khalīl al-Farāhīdī (m.170) dan Abū ‘Amr al-Dānī (m.444) berpendapat bahawa bentuk dan cara ayat-ayat al-Quran itu ditulis hendaklah berdasarkan cara ia ditulis pada zaman Sayyidina ‘Uthmān RA. Kaedah ini yang dikenali sebagai *rasm ‘Uthmānī* wajib dipegang dan digunakan semasa menulis ayat-ayat al-Quran, khususnya dalam mashaf. Walau bagaimanapun, beberapa orang ulama seperti ‘Izz al-Dīn ‘Abd al-Salām (m.660) dan Badr al-Dīn al-Zarkashī (m.794) membolehkan ia ditulis berdasarkan *rasm qiyāsī* atau *imlā’ī* jika bukan pada mashaf (pada petikan ayat dalam makalah atau karya lain). Hanya segelintir kecil ulama iaitu Ibn Khaldūn, Ibn Qutaybah dan al-Bāqillānī yang menolak *rasm ‘Uthmānī*⁹⁸ dan menegaskan perlunya *rasm qiyāsī* digunakan.⁹⁹

Perbezaan pandangan timbul kerana hujah dan dalil tentang hukum berpegang kepada *rasm* ini tidak *qat‘ī*. Tidak ada nas al-Quran atau hadis sahih yang menunjukkan

⁹⁸ Mereka berpandangan bahawa *rasm Uthmānī* hanyalah cara tulisan zaman Sayyidina ‘Uthmān yang masih belum maju dalam ilmu penulisan bahasa Arab. Justeru itu menurut mereka, *rasm qiyāsī* (berdasarkan ilmu bahasa) perlu digunakan bagi mengelakkan kesilapan dalam bacaan.

⁹⁹ Ab Rahman bin Ab Ghani (2003), Sejarah *Rasm* al-Quran: Tumpuan Kepada *Rasm Uthmānī*, Disertasi Sarjana Universiti Malaya. 103-104.

wajibnya berpegang dengan mana-mana kaedah penulisan al-Quran.¹⁰⁰ Ia adalah berdasarkan arahan Khalifah ‘Uthmān ketika menyelaraskan mashaf dan kaedah penulisannya. Arahan atau ijtihad ‘Uthmān ini pula ditafsirkan dengan pelbagai pandangan ulama. Ada yang berpegang bahawa ia adalah wajib dan ada pula yang menganggapnya sekadar penentuan berdasarkan kaedah penulisan zaman itu. Manakala bagi golongan yang menganggap bahawa ia adalah wajib, dua hujah mereka yang paling kuat adalah ijmak para sahabat pada mashaf ‘Uthman (menerima mashaf ini dan memusnahkan catatan lain) dan kewajipan berpegang kepada sunnah *khulafā’ rāshidīn*.

Dari diskusi di atas, dapat difahami satu kiasan mudah. Jika dalam soal *rasm* sendiri telah wujud *khilāf*, maka tidak hairanlah *i’jāz rasm* serta *i’jāz* lain yang dibina di atasnya (termasuk *i’jāz ‘adadi*) juga menjadi *khilāf*.

3.6 Bentuk-bentuk Kajian Bilangan

Kajian-kajian berkaitan bilangan dalam al-Quran dan mukjizat bilangan merangkumi beberapa bentuk kajian. Data-data yang diperolehi hasil kiraan yang digunakan oleh para pengkaji bilangan dalam al-Quran dapat dibahagikan kepada kategori berikut:

- i. Bilangan surah, ayat, kalimah dan huruf.
- ii. Susunan surah dan ayat.
- iii. Kalimah-kalimah yang berulang.
- iv. Nilai angka abjad (*hisāb jummal*)
- v. Bilangan tertentu dalam al-Quran.
- vi. Huruf-huruf pembukaan (*fawātiḥ*) surah.

¹⁰⁰ Satu-satunya hadis yang diriwayatkan tentang *rasm* adalah sabda baginda SAW kepada Mu‘āwiyah:

يَا معاوِيَة، أُنْقِلَ الدُّوَاهُ وَحْرَفُ الْقَلْمَنْ، وَانْصَبِ الْبَاءُ وَفَرَقُ السِّينِ وَلَا تَعُورِ الْمِيمُ وَحْسَنِ اللَّهِ وَمَدِ الرَّحْمَنِ
وَجُودِ الرَّحِيمِ، وَضَعِ قَلْمَكَ عَلَى أَذْنَكَ الْبِسْرِيِّ، فَإِنَّهُ أَذْكُرُ لَكَ.

Maksudnya: “Wahai Mu‘āwiyah. Jauhkanlah bekas dakwat, serongkanlah mata pena. Tegakkan huruf ba’, pisahkan (gigi) huruf sin, jangan butakan mim, elokkan (tulisan) Allah, panjangkan al-Rahmān, elokan al-Rahīm. Letakkan penamu pada telingamu sebelah kiri. Itu lebih mengingatkanmu.”

Hadis ini disebut berserta sanadnya dalam karya Abū Sa‘īd ‘Abd al-Karīm bin Muḥammad al-Sam‘ānī, *Adab al-Imlā’ wa al-Istimlā*’ (Beirut: Dār wa Maktabah Hilāl, 1989), 188. Walau bagaimanapun, ia dihukum sangat *da’īf* oleh para ulama.

3.6.1 Bilangan Surah, Ayat, Kalimah dan Huruf

Kategori pertama adalah kajian dan pengiraan yang melibatkan jumlah surah, jumlah ayat, jumlah kalimah dan jumlah huruf sama ada secara keseluruhan atau mengikut pecahan surah, ayat dan kalimah.

i. Bilangan Surah

Bilangan surah al-Quran adalah 114 surah. Ia adalah bersifat *tawqīfī* kerana setiap surah al-Quran ditentukan oleh Rasulullah SAW berdasarkan apa yang dikhabarkan oleh Jibril AS kepada baginda SAW. Ia juga berdasarkan ijmak para sahabat pada zaman Khalifah ‘Uthmān r.a. ketika beliau menyelaraskan mashaf al-Quran. Kajian bilangan menggunakan data 114 sebagai bilangan penting yang dikaitkan dengan kiraan seperti hubungannya dengan bilangan 19 yang disebut dalam surah al-Muddaththir. 114 dibahagi dengan 19 adalah genap 6. Ia menjadi suatu yang harmoni bila bilangan surah ini mempunyai kaitan dengan bilangan 19 tadi.¹⁰¹

ii. Bilangan Ayat

Seperti dibincangkan sebelum ini, bilangan ayat al-Quran bergantung kepada ilmu *fawāṣil* ayat. Walaupun ia bersifat *tawqīfī* (ditentukan oleh nas), namun terdapat perbezaan pendapat (*khilāf*) mengenai beberapa puluh *fāṣil* ayat. Terdapat 7 bilangan berbeza berdasarkan riwayat negeri iaitu 6217 (menurut Madanī Awwal), 6214 (menurut Madanī Akhir), 6210 (menurut Makki), 6204 (menurut Başriyyūn), 6226 (menurut Dimashqī), 6232 (menurut Himsī) dan 6236 (menurut Kūfi).¹⁰²

Kajian bilangan paling banyak dibuat berdasarkan bilangan Kūfi, iaitu 6236 ayat. Ia adalah bilangan yang digunakan dalam mashaf riwayat Imam Ḥafṣ dari Imam ‘Āsim. Riwayat dan bilangan ini telah digunakan dalam mashaf Madinah yang dicetak oleh Kerajaan Arab Saudi. Ia merupakan mashaf yang digunakan oleh majoriti umat Islam. Selain dari mashaf ini, terdapat juga kajian yang dibuat

¹⁰¹ Bassām Jarrār, *I‘jāz al-Raqam 19 fī al-Qur‘ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir Natā‘ij*, (Beirut: Dār al-Nafrā‘is / al-Mu‘assasah al-Islāmiyyah, 2003), 66.

¹⁰² ‘Abd al-Fattāḥ, *Tārīkh al-Muṣhaf*, 6-7.

berdasarkan riwayat Imam Warsh yang banyak digunakan oleh umat Islam di utara Afrika. Qiraat ini adalah qiraat yang kedua banyak digunakan oleh umat Islam.

iii. Bilangan Kalimah

Bilangan kalimah al-Quran telah dihitung oleh ulama ‘*adad* sejak dahulu. Kalimah-kalimah yang dikira menghasilkan hitungan sama ada jumlah kalimah atau kedudukan kalimah berada pada bilangan ke berapa. Hasil hitungan itu akan dilihat sama ada mempunyai hubungan dengan kiraan perkara lain atau mempunyai keistimewaan dari segi fakta sejarah atau fakta sains. Namun, pengiraan kalimah ini berkait dengan ilmu qiraat dan definisi kalimah yang digunakan oleh seseorang penyelidik.

iv. Bilangan Huruf

Bilangan huruf al-Quran dikira berdasarkan huruf yang membentuk kalimah-kalimah al-Quran dan huruf-huruf *fawātiḥ* di awal surah. Kajian bilangan menghitung jumlah keseluruhan huruf yang ada dalam satu kalimah atau ayat. Mereka juga menghitung jumlah huruf tertentu dalam satu ayat atau surah. Hasil kiraan itu dibandingkan dengan bilangan lain atau fakta tertentu.

3.6.2 Susunan Surah dan Ayat.

Susunan surah dan ayat dalam al-Quran adalah bersifat *tawqīfi*. Semua kedudukan surah dan ayat telah disusun dalam mashaf berdasarkan penentuan yang dikhabarkan oleh Jibrīl AS kepada Rasulullah SAW termasuk pada dua kali semakan terakhir pada tahun kewafatan baginda SAW.¹⁰³ Walaupun terdapat pandangan bahawa surah-surah al-Anfāl, al-Tawbah dan Yūnus disusun berdasarkan ijtihad ‘Uthmān, namun ia telah menjadi ijmāk apabila para sahabat meninggalkan susunan peribadi mereka yang berbeza dan berpegang dengan mashaf susunan ‘Uthmān.¹⁰⁴

¹⁰³ Al-Zarkashī, *al-Burhān*, 1, 259.

¹⁰⁴ Al-Zarqānī, *Manāhil*, 1, 356-358.

Kajian bilangan bukan sahaja menghitung bilangan, tetapi melihat juga aspek susunan dan turutan surah dan ayat. Oleh kerana susunan surah tidak ada perbezaan pendapat mengenainya, penemuan angka yang berdasarkan susunan mempunyai kekuatan yang lebih berbanding dengan bilangan ayat, kalimah atau huruf. Kajian tentang susunan surah dibuat dalam konteks kajian bilangan, antaranya untuk menunjukkan keseimbangan susunannya.¹⁰⁵ Ia dibincangkan bagi menegaskan bahawa al-Quran itu bukan rekaan Nabi SAW. Bahkan ia adalah kitab yang disusun oleh Allah SWT dengan penuh keseimbangan dan ketepatan, sebagaimana Dia juga telah mencipta alam semesta dengan penuh keseimbangan dan ketepatan.

3.6.3 Kalimah-kalimah Yang Berulang

Hitungan kalimah yang berulang dalam al-Quran bererti penyelidik mengira sesuatu kalimah tertentu dari sudut berapa kali ia disebut dalam al-Quran atau dalam surah tertentu.

Kiraan ini banyak dibantu oleh kamus indeks atau mu‘jam lafaz al-Quran yang dikarang oleh beberapa sarjana, khususnya Dr Muḥammad Fu’ād ‘Abd al-Bāqī. Kamus yang dihasilkan oleh Dr Fu’ād merupakan indeks yang menyenaraikan kalimah-kalimah al-Quran mengikut urutan ejaan abjad. Kemudian, beliau mencatatkan ayat-ayat di mana kalimah tersebut ditemui. Pengkaji angka boleh membilang jumlah sesuatu kalimah dan sekaligus menyemak kedudukannya dalam mashaf al-Quran. Dalam edisi keduanya, Dr Fu’ād turut mencatatkan bilangan sesuatu kalimah itu berulang.

Proses pengiraan dalam al-Quran juga dipercepatkan dengan perisian-perisian komputer dan fail digital yang boleh membuat carian dan kiraan kalimah al-Quran. Antara perisian yang berkenaan adalah *al-Muṣṭafāt al-Raqamī* (al-Quran Digital), sebuah perisian percuma dalam *Silsilah Ḥaqībah al-Muslim* yang diterbitkan pada tahun 1425H. Ia diterbitkan oleh Pejabat Pendidikan Daerah Zulfi, Arab Saudi. Manakala fail digital pula, terdapat dalam beberapa format, sama ada format Microsoft Word atau Microsoft Excel. ‘Abdullāh Jalghūm menghasilkan kamus kiraan (*al-Mu‘jam al-Iḥsā’i*) dalam format Word. Ia merupakan senarai susunan surah al-Quran beserta jumlah ayat, jumlah kalimah dan

¹⁰⁵ Mohd Arip Kasmo, *Kehebatan Susunan Al-Quran*, (Itqan Ent., 2010), 34-37.

jumlah angka ayat-ayat. ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl pula menggunakan teks lengkap ayat-ayat al-Quran yang telah ditaip dalam format Word. Pengkaji perlu menggunakan kekunci carian perkataan dalam Word bagi membuat kiraan. Manakala *Markaz Nūn* pula telah menghasilkan jadual kiraan ayat, kalimah dan huruf bagi setiap surah al-Quran. Ia membolehkan kiraan dibuat termasuk aspek kedudukan (bilangan ayat atau kalimah ke berapa). Ia disediakan dalam format Microsoft Excel dan Pdf (Acrobat Reader).

Kiraan komputer ini bergantung kecanggihan perisian kerana perisian yang primitif mungkin sahaja mengira susunan huruf tanpa mengambil kira baris huruf, cara bacaan dan yang lebih penting pengertian kalimah.

Kiraan itu pula boleh dibuat pada kalimah yang sama sepenuhnya atau berdasarkan kata asal atau akar kata kalimah tersebut. Contohnya hari dalam bahasa Arab *yawm* (يَوْمٌ) dihitung jumlahnya iaitu sebanyak 365 kali. Manakala kalimah yang berkembang dari kata dasar *yawm* seperti *ayyām* (أَيَّامٌ) dan *yawmayn* (يَوْمَيْنَ) boleh dihitung bersama, menjadikan jumlah seluruhnya adalah 475.¹⁰⁶

Walaupun hitungan kalimah berulang akan selaras pada hampir keseluruhan kalimah, namun pengecualian tetap ada. Kalimah-kalimah yang terlibat dengan perbezaan qiraat akan menghasilkan perbezaan hitungan. Walau bagaimanapun, perbezaan itu tidak jauh kerana kebanyakan qiraat tidak berbeza dari segi pengertiannya.

3.6.4 Nilai Angka Abjad

Angka Abjad ialah sistem angka perpuluhan yang memberikan nilai angka kepada 28 huruf abjad Arab. Sistem ini telah lama digunakan di dunia Arab, lama sebelum pengenalan angka Arab pada abad kelapan. Dalam sistem Abjad ini, huruf pertama abjad Arab iaitu *alif* digunakan untuk mewakili bilangan satu; huruf kedua, *bā* (ب) digunakan untuk mewakili bilangan dua, dan seterusnya. Ada juga huruf yang mewakili gandaan 10 dan 100: contohnya *yā* (ي) untuk 10, *kāf* (ك) untuk 20, *qāf* (ق) untuk 100, dan seterusnya.¹⁰⁷

¹⁰⁶ Caner Taslaman, *The Quran Unchallengeable Miracle*, USA: Nettleberry / Turkey: Citelembik Publications, 2006), 272-275.

¹⁰⁷ Laman Wikipedia, *Ensiklopedia Bebas*, http://ms.wikipedia.org/wiki/Angka_Abjad, akses 26 Mac 2012.

Oleh kerana sistem nilaiannya ini telah wujud (terutama dalam kalangan kaum Yahudi) sebelum turunnya al-Quran, maka penggunaannya tentu mempunyai justifikasi atau konotasi tertentu. Ia tidak sama dengan perkara baru yang dicipta selepas terhentinya wahyu atau wafatnya Rasulullah SAW. Apatah lagi, ada riwayat menyebut tentang orang-orang Yahudi memberi nilai kepada huruf-huruf *fawātiḥ* dan menghitung nilai umur agama Muhammad SAW. Namun, selain riwayat yang lemah seperti kritikan oleh al-Ṭabārī¹⁰⁸ dan Ibn Kathīr, ia juga tidak menggambarkan sebarang perakuan (*iqrār*) oleh Rasulullah SAW mengenainya. Walaupun beberapa ulama seperti al-Suyūṭī dan Ibn ‘Ashūr menolak hubungan kiraan ini dengan usia umat Muhammad SAW¹⁰⁹, riwayat itu juga tidak menggambarkan Rasulullah SAW menolak hitungan tersebut. Oleh kerana kedua-dua hujah menerima dan menolak tidak *qat’i*, ia menjadikan isu hitungan ini kekal sebagai rahsia buat masa ini.

Apa yang menjadi bantahan adalah menghubungkan kiraan ini dengan ramalan tentang sesuatu yang ghaib. Kaedah kiraan dan nilai abjad itu tidak menjadi subjek tegahan.

3.6.5 Bilangan Tertentu Dalam Al-Qur'an

Bilangan tertentu di sini bermaksud bilangan yang disebut sendiri oleh al-Quran, bukan hasil dari mana-mana hitungan. Lalu, penyelidik mukjizat bilangan membuat pentafsiran terhadap rahsia di sebalik pemilihan bilangan itu. Antara bilangan yang dimaksudkan adalah 5, 7, 11, 12, 19 dan 99. Berikut adalah contoh bilangan yang terdapat dalam al-Quran:

Jadual 7: Bilangan yang ada dalam teks al-Quran.

Nombor		Kekerapan	Surah, no. dan ayat
5	<i>khamsah/khams</i>	خمس/خمسة	4 Āli ‘Imrān 3: 125, al-Kahf 18: 22, al-Mujādalah 58: 7,
7	<i>sab' /sab'ah</i>	سبع/سبعة	Lebih 11 al-Baqarah 2: 29, 196, 261, Yūsuf 12: 43, 46, 47, al-Hijr 15: 22, al-Isrā' 17: 44, al-Kahf 18: 44, al-Mu'minūn 23: 17,

¹⁰⁸ Al-Ṭabārī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 1: 208.

¹⁰⁹ Bahjat, “Nazariyyah”, 3.

				86 dan banyak lagi.
11	<i>ahad ‘ashar</i>	أحد عشر	1	Yūsuf 12: 4.
12	<i>ithnā ‘ashar/ ithnatā ‘ashr</i>	اثنا عشر / اثنتا عشرة	4	al-Baqarah 2: 60, al-A‘rāf 7: 160, al-Mā’idah 5: 12, al-Tawbah 9: 36.
19	<i>tis‘ah ‘ashar</i>	تسعة عشر	1	al-Muddaththir 74: 30.
99	<i>Tis‘ah wa tis‘ūn</i>	تسعة وتسعون	1	Şād 38: 23.

Namun, bilangan yang paling banyak dibahaskan adalah 19 lantaran ia telah dipromosikan dan dieksplorasi oleh agama Bahai dan Rashād Khalīfah. Bagi setengah penyelidik pula, bilangan tujuh banyak dibahaskan kerana ia merupakan nombor yang paling kerap berulang dalam al-Quran.

Perbahasan tentang hikmah nombor ini mungkin sama dengan perbahasan tentang beberapa benda yang terpilih disebut oleh al-Quran tanpa diketahui tujuannya secara zahir. Ia menyamai perbahasan tentang buah-buah tertentu (seperti kurma, anggur, delima, tin dan zaitun) sedangkan masih banyak buah-buahan yang ada di muka bumi ini. Mungkin juga seperti makanan tertentu (seperti burung puyuh, madu, bawang merah, bawang putih dan kacang dal) yang disebut, sedangkan masih banyak makanan lain yang ada di muka bumi.

Rahsia bilangan tujuh dibincangkan kerana ia kerap berulang di dalam al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Manakala nombor 19 adalah nombor yang pertama disebut oleh al-Quran berdasarkan turutan penurunan wahyu. Namun, isu-isu yang dibahaskan banyak berkait terlebih dahulu kepada soal cara kiraan dibuat. Terdapat penyelidik yang mengubah suai cara mengira kalimah dan menghitung huruf demi memenuhi teori yang mereka percaya.¹¹⁰ Justeru, ia menggambarkan sifat berlebihan yang kurang sihat yang disebut sebagai *takalluf*, *ta‘assuf* apatah lagi *taqawwul* (mengada-ada atau memandai-mandai).

¹¹⁰ Bahjat, “Nazariyyah”, 13.

3.6.6 Huruf-huruf Pembukaan Surah(*Fawātiḥ Suwar*)

Huruf-huruf *fawātiḥ* adalah huruf-huruf potong di awal surah yang dibaca dengan nama huruf dan tidak membentuk sebarang kalimah yang memberi makna. Ia terdiri dari *alif lām mīm* (الْم), *alif lām mīm ṣād* (الْص), *alif lām rā* (الْر), *alif lām mīm rā* (الْمِر), *kāf hā yā ‘ayn ṣād* (كَهْيَعْص) (كَهْيَعْص), *tā hā* (طَ), *tā sīn mīm* (طَسْم), *tā sīn* (طَسْ), *yā sīn* (يَسْ), *ṣād* (صَ), *hā mīm* (حَمَ), *hā mīm ‘ayn sīn qāf* (حَمَ عَسْقَف) (قَ), *qāf* (قَ) dan *nūn* (نَ).

Kajian mengenai huruf-huruf ini menyentuh aspek pengertiannya, jumlah huruf-hurufnya, surah-surah yang terlibat, susunan kedudukan huruf ini dalam al-Quran, susunan kedudukan surah yang mengandungi huruf-huruf ini dan nombor bilangan surah, imbangian huruf-huruf, kategori sifat-sifat huruf, jumlah setiap huruf berkenaan termasuk dalam kalimah lain dalam seluruh al-Quran¹¹¹ dan nilai abjad huruf berdasarkan angka abjad (*hisāb jummal*).

Tidak timbul isu perbezaan kiraan pada huruf-huruf *fawātiḥ* kerana tiada perbezaan qiraat mahupun *rasm* mengenainya. Cuma jumlah setiap huruf berkenaan dalam seluruh kalimah al-Quran akan menghasilkan natijah berbeza berdasarkan qiraat dan *rasmnya* seperti dibincangkan dalam subtopik bilangan huruf.

3.7 Piawai Dalam Kajian Mukjizat Bilangan

Perselisihan pendapat antara menerima dan menolak konsep mukjizat bilangan banyak berkaitan dengan sikap terlalu longgar atau terbuka untuk menerima apa sahaja yang dianggap sebagai penemuan angka. Justeru, terdapat usaha untuk meletakkan piawai dan syarat dalam menerima sesuatu penemuan angka sebagai mukjizat. Sebahagian dari piawai atau *dawābit* itu diletakkan oleh para pengkaji angka sendiri. Manakala piawai yang lebih kondusif adalah yang ditentukan oleh pihak berautoriti atau kumpulan tertentu. Sehingga kini, piawai paling dipercayai adalah piawai yang diterbitkan oleh Lembaga Mukjizat Saintifik Dalam al-Quran dan al-Sunnah, Maghribi:

¹¹¹ Bassām, *Ijāz* 19, 65-71.

- i. Menggunakan *rasm* ‘Uthmānī sebagai asas pengiraan ayat, kalimah dan huruf al-Quran.
- ii. Dalam satu kajian, hanya satu kaedah pengiraan digunakan, sama ada berdasarkan bentuk tulisan atau berdasarkan lafaz bacaan.
- iii. Sentiasa berpegang kepada susunan ayat dan surah dalam mashaf.
- iv. Sentiasa berpegang pada satu riwayat qiraat bagi setiap kajian. Tidak boleh menggabungkan beberapa qiraat kecuali untuk perbandingan.
- v. Mematuhi perkara asas yang jelas dalam akidah Islam dan syariat.
- vi. Sentiasa berpegang pada kaedah-kaedah bahasa Arab dalam memahami, mengistinbat dan membuat kiraan.
- vii. Sentiasa berpegang pada perkara asas dalam ‘ulūm al-Qur’ān dan ilmu tafsir.
- viii. Sentiasa bersikap objektif dan saintifik serta menghindari pengaruh emosi, sikap bias dan idea yang mencetus perbalahan.
- ix. Menyebut perkara yang benar dengan penuh amanah dan mengelakkan sifat berlebih-lebihan serta andaian yang menyeleweng.
- x. Menggunakan pendekatan deduktif iaitu mengkaji semua data agar dapat menghasilkan penemuan yang benar.
- xi. Mematuhi asas dan sistem dalam ilmu matematik.
- xii. Menjalankan kajian berdasarkan premis yang betul agar hasilnya juga betul dan diterima.
- xiii. Memastikan kesahihan sebarang maklumat saintifik dan sejarah serta tidak menggunakan hipotesis yang bercanggah dengannya.
- xiv. Memastikan ketelitian dapatan hasil pengiraan.
- xv. Menjauhi sikap berlebihan dan berdalih yang akan memberikan gambaran negatif terhadap kajian.
- xvi. Membezakan antara perkara kebetulan dengan perkara yang konsisten dan harmoni.
- xvii. Boleh menggunakan alat statistik untuk mengira kemungkinan kebetulan.¹¹²

¹¹² al-‘Ibādalah, “Ta’ṣīl Fikrah”, 98.

Namun, oleh kerana majoriti golongan pakar al-Quran belum sepakat menerima konsep mukjizat bilangan, tidak banyak rujukan dapat dibuat dari sumber para ulama' dalam bidang kajian al-Quran atau '*ulūm al-Qur'ān*.

3.8 Kritik Terhadap Teori Mukjizat Bilangan

Dalam sejarah perkembangan pemikiran manusia, adalah satu lumrah bila sesuatu idea baru tidak mudah diterima dan mendapat tentangan. Ia mungkin berpunca dari masyarakat yang belum memahami idea tersebut atau cara olahan idea itu sendiri belum tersusun. Kajian mukjizat bilangan juga mengalami proses yang sama. Ia menghadapi banyak kritikan dari kalangan ilmuwan bidang al-Quran dan juga pihak lain. Antara kritikan yang terhadap teori mukjizat bilangan adalah berikut:

3.8.1 Kritik Terhadap Istilah *I'jāz*.

Mukjizat bilangan atau *i'jāz 'adadī* muncul sebagai lanjutan dari perbahasan tentang *i'jāz* al-Quran. Ia bermula dengan *i'jāz bayāni*, diikuti *i'jāz ghaybi*, *i'jāz tashri'i* dan *i'jāz 'ilmī*. Perbahasan tentang *i'jāz 'ilmī* telah membawa dan membuka jalan kepada gagasan *i'jāz 'adadī* atau mukjizat bilangan. Bahkan setengah penyelidik meletakkan mukjizat bilangan sebagai sebahagian dari *i'jāz 'ilmī* (mukjizat saintifik). Ini kerana sebahagian dari data bilangan al-Quran memang berkait dengan penemuan-penemuan sains. Namun, banyak lagi penemuan kajian bilangan yang tidak berkait dengan mukjizat saintifik. Ia dikira sebagai sudut baru keindahan al-Quran tetapi belum mencapai tahap *i'jāz* iaitu melemahkan atau tidak dapat ditandingi. Perbahasan mengenai kritikan ini telah dibincangkan dalam subtajuk 3.3.2 yang lalu.

3.8.2 Kritik Terhadap Kaedah Pengiraan

Aspek paling penting dalam kajian bilangan adalah kaedah pengiraan, sama ada menghitung jumlah surah, ayat, kalimah dan huruf atau menghitung kedudukannya. Rata-rata penyelidik mempunyai kaedah pengiraan masing-masing yang mereka gunakan untuk menghasilkan bilangan. Oleh itu, kritikan banyak berkait kepada soal cara kiraan dibuat.

Apatah lagi, terdapat penyelidik yang mengubah-suai cara mengira kalimah dan menghitung huruf demi memenuhi teori yang mereka percaya.¹¹³ Justeru, ia menggambarkan sifat berlebihan yang kurang sihat yang disebut sebagai *takalluf*, *ta‘assuf* apatah lagi *taqawwul* (mengada-ada atau memandai-mandai).

Sebagai contoh, pengiraan kalimah tertakluk kepada terminologi kalimah yang digunakan oleh penyelidik. Unsur percakapan dalam Bahasa Arab yang menjadi bahasa al-Quran dibahagikan tiga kategori iaitu kata nama, kata kerja dan *harf* (huruf). Bagi dua kategori; kata nama dan kata kerja, hitungan boleh dibuat dengan mudah kerana satu kalimah (untuk kata nama dan kata kerja) dieja dan ditulis secara berasingan dari kalimah lain.

Persoalan yang timbul adalah pada hitungan *harf*. *Harf* tidak dapat diterjemah dengan mudah sebagai huruf kerana *harf* dalam konteks tatabahasa Arab mungkin terdiri dari beberapa huruf. Ada *harf* yang merupakan satu huruf seperti *harf jarr* “*lām*” (ل) atau *harf ‘ataf* “*wāw*” (و). Ada pula yang terdiri beberapa huruf seperti ‘*alā* (عل) dan *fī* (في).

Namun, isu hitungan *harf* ini selesai pada kebanyakan penyelidik dengan mengira setiap *harf* yang terdiri dari beberapa huruf sebagai satu kalimah. Manakala *harf* yang merupakan satu huruf sahaja dikira bersama kalimah (kata nama atau kata kerja) yang bersambungan dengannya. Ia dapat dilihat dengan mudah berdasarkan *rasm* ayat (cara kalimah-kalimah ditulis). Secara umum, mashaf moden hari ini menggunakan kaedah ini, sama seperti kaedah penulisan bahasa Arab moden.

Walau bagaimanapun, terdapat juga kajian yang tidak konsisten dengan satu cara pengiraan. Ia mengira “*wāw*” sebagai satu kalimah pada sesetengah keadaan untuk mendapatkan hasil yang dikehendaki.¹¹⁴

Umumnya masyarakat Islam mengetahui bahawa al-Quran mengandungi 114 surah, 30 juzuk dan 6 ribu lebih ayat (atau 6,236 ayat). Namun, sebenarnya terdapat perbezaan

¹¹³ Bahjat, “Nazariyyah”, 13.

¹¹⁴ Bahjat, “Nazariyyah”, 12 dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Ishrāqāt al-Raqm al-Sab‘ah fī al-Qur’ān al-Karīm* (Dubai: Jā’izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur’ān al-Karīm, 2006), 46.

pendapat dan riwayat tentang bilangan-bilangan ini. Ini menjadikan perbahasan tentang angka dan bilangan dalam al-Quran perlu mengambil kira hakikat ini.

Setakat ini, kaedah yang digunakan oleh para penyelidik angka adalah menisbahkan kajian bilangan mereka pada mashaf tertentu, qiraat tertentu dan pendapat tertentu. Soal kiraan dan bilangan yang berbeza pada mashaf lain, qiraat lain dan pendapat lain dianggap sebagai keperluan untuk kajian akan datang.¹¹⁵ Bahkan, mereka menjangkakan bahawa setiap qiraat akan melahirkan mukjizat bilangannya yang tersendiri dan pelbagai qiraat akan lebih banyak mukjizat. Tambahan pula, perbezaan qiraat tidak membezakan *rasm* al-Quran kecuali pada beberapa kalimah.¹¹⁶ Berikut adalah perincian isu struktur:

a. Bilangan ayat

Bilangan ayat al-Quran berkait rapat dengan ilmu *fawāṣil*. Ia adalah ilmu yang membincangkan tentang tempat berhenti bacaan berdasarkan bacaan malaikat Jibril AS ketika menyampaikannya kepada Rasulullah SAW. Tempat berhenti membaca itu menentukan bahawa bacaan itu menjadi satu ayat.

Walaupun ia bersifat *tawqīfī* (ditentukan oleh nas), namun terdapat perbezaan pendapat (*khilāf*) mengenai beberapa puluh *fāṣil* ayat. *Khilāf* inilah yang menghasilkan perbezaan jumlah ayat al-Quran dalam kalangan ulama ‘*adad* (ulama yang membahaskan tentang bilangan ayat) pada beberapa surah dan seterusnya jumlah keseluruhan ayat al-Quran. Terdapat tujuh jumlah bilangan berbeza berdasarkan riwayat negeri iaitu 6217 (menurut kiraan pertama para qari Madinah - *Madani Awwal*), 6214 (menurut *Madani Akhir*), 6210 (menurut *Makki*), 6204 (menurut *Baṣriyyūn*), 6226 (menurut *Dimashqī*), 6232 (menurut *Himṣī*) dan 6236 (menurut *Kūfi*).¹¹⁷

Ini menjadikan data mengenai bilangan ayat al-Quran tidak bersifat *qatī* pada mana-mana jumlah. Justeru, bagi para pengkritik kajian bilangan, apa-apa

¹¹⁵ Reaksi oleh Muḥamad bin Jamīl al-Wahīdī, dalam The 3rd International Conference on Numerical Miracles in the Quran. 22 September 2012.

¹¹⁶ Bassām Nihād Jarrār, “al-Ī‘jāz al-‘Adadi Bayn al-Ḥaqīqah wa al-Wahm”, Markaz Nūn, akses 13 April 2015, <http://www.islammoon.com/Nashrat/e3jaz1.htm>.

¹¹⁷ ‘Abd al-Fattāḥ, *Nafā’is al-Bayān*, 6-7.

huraian berdasarkan jumlah ayat sesuatu surah yang diperselisihkan tidak dapat dijadikan sandaran untuk sesuatu isu. Begitu juga, kajian mengenai kedudukan angka sesuatu ayat al-Quran yang dikira dari permulaan al-Quran tidak dapat dijadikan sandaran yang pasti untuk kajian bilangan. Bilangan atau kedudukan ayat hanya boleh dijadikan sandaran pada surah yang mempunyai jumlah ayat (serta *fawāsil*) yang tidak diperselisihkan.

b. Qiraat

al-Quran mempunyai tujuh qiraat atau cara bacaan yang berbeza.¹¹⁸ Perbezaan qiraat ini turut memberi kesan kepada aspek pengiraan dalam al-Quran, khususnya aspek bilangan huruf dan kalimah.

Sama seperti isu dalam kiraan bilangan kalimah al-Quran, bilangan huruf akan berbeza antara satu qiraat dengan qiraat yang lain. Walaupun kiraan dibuat berdasarkan mashaf ‘Uthmānī, namun mashaf ‘Uthmānī sendiri terdiri dari beberapa naskah yang berbeza pada beberapa kalimah berdasarkan perbezaan qiraat yang diriwayatkan dari Rasulullah SAW. Perbezaan ini akan melibatkan pertambahan huruf (seperti huruf “*alif*” - *mad*), pengurangan huruf (seperti huruf “*hamzah*” yang dihazaf dalam qiraat tertentu) dan penukaran huruf (seperti huruf “*sād*” kepada “*śīn*”).

Sebagai contoh, kajian bilangan yang menemui bahawa ada 34 huruf *tā'* (ت) dalam surah Nūh. Bilangan ini terhasil berdasarkan riwayat Hafṣ dan yang serupa kerana mereka membaca *khaṭī’ātihim* (خطيّاتهم) dalam ayat 25 dengan *tā'*. Sedangkan riwayat Abu ‘Amr membacanya *khaṭayāhūm* (خطيّتهم) dengan menambah satu *alif* dan membuang *hamzah* dan *tā'*. Ia menjadikan jumlah *tā'* dalam surah Nūh ini 33, bukan 34.¹¹⁹

¹¹⁸ Yang disepakati.

¹¹⁹ Shukrī, “Maqūlah al-I‘jāz al-‘Adadī”.

Ini berdasarkan perbezaan qiraat yang tidak menambah kalimah. Jika perbezaan qiraat melibatkan penambahan kalimah, tentulah lebih banyak perbezaan bilangan huruf.

c. Juzu'

Manakala juzu' al-Quran pula juga dilibatkan dalam kajian bilangan oleh sesetengah penyelidik. Sedangkan al-Quran adalah susunan yang dibuat oleh para ulama untuk memudahkan hafalan. Ia bukan penentuan dari Allah SWT atau rasul-Nya SAW. Justeru, data dan penemuan berdasarkan bilangan dan kedudukan juzuk tertentu dalam al-Quran tidak dapat memberi nilai kemukjizatan dan ketuhanan lantaran ia adalah rekaan manusia.

Paling jauh pun, faktor *tawfiqi* sahaja yang dapat memberikan nilai padanya. Ia bermaksud kesepakatan dalam kalangan ulama untuk mengguna-pakai kaedah pembahagian 30 juzu' al-Quran adalah suatu hikmah yang diilhamkan oleh Allah SWT. Namun, hakikatnya umat Islam tidak terikat dengan pembahagian 30 juzu' berbanding pembahagian 114 surah yang memang ditentukan oleh Allah SWT sendiri.

3.8.3 Kurang Dukungan Pakar Bidang

Salah satu cabaran utama adalah kurangnya dukungan para sarjana yang pakar dalam bidang. Kajian mukjizat bilangan dalam al-Quran sepatutnya melibatkan dua golongan pakar berkaitan iaitu pakar tentang al-Quran dan pakar tentang matematik atau statistik (melibatkan bilangan dan kiraan).

Namun, kebanyakan penyelidik dan pendukung mukjizat bilangan bukan dari bidang berkenaan. Sebaliknya, kebanyakan pendukung adalah dalam kalangan jurutera, khususnya dan saintis amnya. Sebagai contoh, tokoh awal dan orang pertama menggunakan istilah mukjizat bilangan, 'Abd al-Razzāq Nawfal, adalah seorang graduan bidang pertanian. Namun, beliau berkecimpung dengan pengajian al-Quran secara tidak formal

selepas itu.¹²⁰ Rashād Khalīfah¹²¹ (1935-1990) pula adalah seorang ahli biokimia. ‘Adnān al-Rifā‘ī¹²² (lahir 1961 M), pula adalah seorang graduan bidang kejuruteraan awam.

Manakala penyelidik semasa yang banyak membuat kajian bilangan dan menerbitkan buku berkaitannya pula adalah ‘Abdullāh Jalghūm, seorang pegawai pendidikan yang bukan berlatar belakang bidang al-Quran.¹²³ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl pula seorang jurutera¹²⁴, ‘Ubayd Sulaymān¹²⁵ pula adalah seorang jurulatih berlatar belakangkan sarjana muda dari Fakulti Sains Kemanusiaan, University of Emirates. Muhammad Zakiyy Muhammad Khiḍir¹²⁶ pula berlatar belakang bidang elektronik. Manakala Caner Taslamān¹²⁸, seorang profesor di Turki dengan latar belakang sains dan falsafah.

Analisis latarbelakang penyelidik ini bukan bermaksud membataskan autoriti mengkaji al-Quran pada pakar bidang sahaja. Bahkan, pandangan baru yang memperkaya khazanah ilmu mengenai al-Quran adalah sangat dialu-alukan. Namun, kekurangan pengetahuan mengenai al-Quran dan ‘ulūm al-Qur’ān mungkin mendorong kesilapan dalam membuat hitungan dan kesimpulan penting. Pada masa yang sama, dukungan dari pakar bidang akan memudahkan penerimaan dan memastikan kajian yang dibuat tidak menolak perkara-perkara asas yang telah disepakati oleh para ulama berkenaan al-Quran. Begitu juga kepakaran dalam matematik dan statistik. Boleh jadi, penemuan angka yang dianggap menakjubkan dalam al-Quran, rupa-rupanya adalah perkara normal dalam ilmu angka, kriptologi dan sistem nombor. Dengan kata lain, apa yang menjadi titik ketakjuban

¹²⁰ Laman Majallah al-Wā‘y al-Islāmī, Kementerian Wakaf & Hal Ehwal Islam Kuwait, akses 7 Oktober 2013, <http://www.alwaei.com/site/index.php?cID=97>.

¹²¹ Pengarang buku *The Computer Speaks*, (Arizona, USA: Renaissance Productions, 1981).

¹²² Antara karyanya: *al-Mu‘jizah* dan *Ihdā al-Kubar Nazariyyah Qur’āniyyah fī Mu‘jizah Ihdā al-Kubar Mu‘jizah al-‘Adad 19 Tu‘rad li Awwal Marrah fī al-‘Ālam*.

¹²³ Dalam termuramah bersamanya, beliau menjelaskan bahawa antara titik tolak penglibatannya dalam kajian bilangan adalah kejutan selepas membaca buku agama yang menyentuh perbezaan pendapat tentang bilangan ayat surah al-Baqarah sama ada 286, 287 atau 285 ayat.

Yahyā al-Saqqāf, laman Al-Arqām Abhāth wa Dirāsāt ‘an al-Arqām, akses 10 Oktober 2013, <http://www.alargam.com/sorts/jalghoom/16.htm>.

¹²⁴ Antara karyanya adalah *Mawsū‘ah al-I‘jāz al-Raqamī*, akses 18 Oktober 2013, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/2010-02-02-22-46-15/91-2010-02-27-02-03-52>.

¹²⁵ Beliau merupakan penyelidik dan jurulatih mukjizat bilangan. Antara karyanya: *33 Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’āni*. Beliau merupakan setiausaha Biro Penilaian Kajian Bilangan, kaunselor di Jabatan Strategik, International Arab Academy for Training and Development (IAATD), New York.

¹²⁶ Profesor di University of Jordan. Antara karyanya: *The General Rules of The Numerical Miracle of Al-Qur'an*.

¹²⁸ Pengarang buku *The Al-Qur'an Unchallengeable Miracle* yang turut memuatkan penemuan angka dalam bukunya. Terjemahan oleh Ender Gurol, terbitan Nettleberry/Citlembik Publications. Buku asal dalam bahasa Turki.

dalam sesetengah penemuan tertentu sebenarnya adalah pada sistem nombor, bukan konteksnya dalam al-Quran.

Malangnya, penglibatan pakar-pakar yang lebih signifikan iaitu bidang al-Quran dan matematik dalam mendukung konsep mukjizat bilangan adalah amat minima. Sebenarnya, pakar-pakar bidang al-Quran termasuk yang alim tentang sejarah al-Quran, mahir dalam bahasa Arab, cara bacaan dan pentafsiran al-Quran turut terlibat dalam beberapa siri wacana dan seminar berkaitan kajian bilangan. Namun, penglibatan mereka dalam penulisan dan perbincangan banyak berbentuk penilaian, kritikan atau penolakan konsep mukjizat bilangan. Bukan mendukung atau menjalankan penyelidikan yang menghasilkan penemuan-penemuan angka.

Sebagai contoh, Mujāhid Bahjat, profesor dalam pengajian al-Quran & tafsir.¹²⁹ Beliau menulis artikel jurnal berjudul *Nazariyyah al-I'jāz al-'Adadī Bayn al-Quḍamā wa al-Muḥaddithīn (Dirāsah wa Taḥlīl)*. Ia mengkritik beberapa aspek dan amalan para penyelidik kajian bilangan. Manakala Abu Ameenah Bilal Philips¹³⁰ pula adalah berlatar belakang sarjana muda Usuluddin dan sarjana Falsafah Islam. Beliau menulis buku *The Quran's Numerical Miracle: Hoax and Heresh*. Tajuknya sahaja sudah menggambarkan kritikan kepada mukjizat bilangan. Manakala Aḥmad Khālid Shukrī pula adalah profesor pengajian Islam di University of Emirates yang menulis kritikan terhadap kajian bilangan.¹³¹ Artikelnya berjudul *Maqūlah al-I'jāz al-'Adadī Dirāsah Naqdīyyah* dimuatkan di laman *Multaqā Rābitah al-Wāḥah al-Thaqāfiyyah*.

Sarjana bidang pengajian Islam yang ketara mendukung idea mukjizat bilangan adalah Bassām Nihād Jarrār dan Ḥasan al-'Ibādalah. Bassam adalah graduan bidang syariah dari Palestin yang banyak menulis tentang mukjizat bilangan dan dimuatkan di laman web Markaz Nūn.¹³² Manakala Ḥasan 'Abd al-Jalīl 'Abd al-Raḥīm 'Aliyy al-'Ibādalah adalah profesor (madya) dalam bidang '*ulūm al-Qur'ān* Universiti Balqā', Jordan. Beliau menulis

¹²⁹ Seorang profesor di Universiti Islam Malaysia. Laman Pejabat Pendaftar Universiti Islam Malaysia, akses 5 Jun 2017, <http://hr.uim.edu.my/index.php/direktori-staff?view=employee&id=55>.

¹³⁰ Seorang pendidik di Riyadh High School.

¹³¹ Laman Multaqā Rābitah al-Wāḥah al-Thaqāfiyyah, akses 21 Mei 2012, <http://www.rabitat-alwaha.net/moltaqa/showthread.php?t=34525>.

¹³² Laman Markaz Nūn li al-Abḥāth wa al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, <http://www.islamnoon.com>

artikel jurnal *Ta'sil Fikrah al-I'jaz al-'Adadi fi al-Qur'an al-Karim*, dalam *Majallah al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah*.¹³³

Secara keseluruhannya, buat masa ini, konsep mukjizat bilangan belum mendapat dukungan secukupnya dari pakar dalam bidang. Sebaliknya, ia banyak didukung oleh penyelidik dari pelbagai bidang lain, kebanyakannya adalah jurutera.

3.8.4 Terpalit dengan Ajaran Sesat dan Agama Lain

Aspek yang turut menjadi tumpuan kritikan dan memberi kesan negatif kepada gagasan mukjizat bilangan adalah keterkaitannya dengan ajaran sesat. Ini kerana aspek pengiraan dalam al-Quran telah dimanipulasi oleh kumpulan-kumpulan tertentu, khususnya gerakan al-Bābiyyah dan lanjutannya Bahai (al-Bahā'iyyah) untuk menyesatkan manusia. Gerakan ini yang bermula dengan 18 orang pengikut memuja nombor 19 lalu diadunkan dengan kaedah kiraan nilai huruf Yahudi (*hisāb jummāl*) kemudian menghubungkannya dengan segala perkara yang berkait dengan Mirza Ali Muhammad, pengasas kumpulan ini (seperti tarikh lahir beliau, iaitu 1819M).¹³⁴ Nombor 19 telah dijadikan asas untuk mendakwa kebenaran dan keistimewaan ajaran baru mereka yang dipesongkan dari ajaran Islam yang asal sehingga ke tahap mengubah kalender setahun dari 12 bulan kepada 19 bulan.¹³⁵

Kumpulan yang lahir pada era kolonial ini ditaja pula oleh penjajah Rusia dan British yang berdepan dengan umat Islam di Iran untuk menyesatkan dan melemahkan mereka.¹³⁶ Antara pendekatan ajaran mereka adalah menghubungkaitkan kiraan angka-angka ini dengan al-Quran.

¹³³ Laman al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Ghazzah, akses 29 Jan 2016, <http://www.iugaza.edu.ps/ar/periodical>.

¹³⁴ Husayn Nājī Muḥammad Muhyī al-Dīn, *Tis'ah 'Ashar Malakan 'Ard li al-Tawā'if al-Khārijah 'Ala al-Islām Qadīman wa Ḥadīthan wa li al-Bahā'iyyah al-Latī Tuqaddis al-Raqam 19*, (Qāhirah: al-Zahrā' li al-I'lām al-'Arabi, 1984), 34-36.

¹³⁵ Maḥmūd Thābit al-Syādhili, *al-Bahā'iyyah: Ṣalibiyah al-Ghāry, Isrā'ilīyyah al-Tawjīh*, (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990), 58.

¹³⁶ al-Bābiyyah wa al-Bahā'iyyah, akses 9 Jun 2017, www.ahlalhdeeth.com/vb/attachment.php?attachmentid=6067.

Salah satu sumber Bahai, Qarn-e Badi menyebut:

“Colonel Arnold Combal was the consul general of the British government in Baghdad. Noticing the sublime personality of Master Bahaullah, he wrote a friendly note to him asking him to accept the support and citizenship of his government. Being received in audience, he undertook the responsibility of making the required efforts in sending

Justeru, kebanyakan pandangan, kajian dan komentar di peringkat awal bersifat mengkritik keras dan menolak kajian mukjizat bilangan. Apatah lagi, apabila terdapat kesilapan dan kelemahan dalam kiraan dan asas penemuan angka. Contoh kritikan dan penolakan yang mengaitkannya dengan ajaran sesat adalah beberapa penyelidikan akademik dan buku. Antaranya termasuk buku Abu Ameenah Bilal Philips pada tahun 1987¹³⁷, disertasi sarjana oleh Muṣṭafā ‘Umar ‘Aliyy al-Kindī pada tahun 1989¹³⁸ dan disertasi sarjana oleh Lindā Turki Jibrīl pada tahun 2011.¹³⁹

Abu Ameenah mengkritik teori mukjizat bilangan dengan jelas dan keras sehingga judul bukunya tertulis *The Quran’s Numerical Miracle: Hoax and Heresy* (bermaksud Mukjizat Bilangan al-Quran: Penipuan dan Perkara Yang Diada-adakan). Namun kajian ini hanya difokuskan kepada karya-karya Rashād Khalīfah tanpa melihat kepada sekurang-kurangnya empat karya lain yang sudah ada pada ketika itu. Dalam senarai bibliografi rujukannya, Abu Ameenah menyenaraikan karya-karya Rashād iaitu:

- i. *Mu’jizah Al-Quran al-Karim*, Tucson, Arizona: Masjid Tucson, 1980.
- ii. *Quran, Hadith and Islam*, Arizona: Islamic Productins, 1982.
- iii. *The Final Scripture*, Arizona: Islamic Productins, 1981.
- iv. *Visual Presentation of the Miracle*, Arizona: Islamic Productins, 1982.
- v. dan *Perpetual Mirac of Muhammad*, Arizona: Islamic Productins, 1976.¹⁴⁰

Empat buah karya lain yang sudah ada pada ketika itu adalah:

- i. Karya ‘Abd al-Razzāq Nawfal iaitu *al-I’jāz al-‘Adadī li al-Qur’ān al-Karīm*, terbit pada tahun 1976.

Bahaullah’s letter to the British court if the Master desired to correspond with Queen Victoria. He even proposed that he was ready to provide facilities for the transfer of the residence of the Master to India or wherever he desired.”

- Bahai Facts, akses 9 Jun 2017, <https://bahaifact.wordpress.com/2008/07/07/27/>

¹³⁷ Abu Ameenah Bilal Philips, *The Quran’s Numerical Miracle: Hoax and Heresy*, (Riyadh: Al Furqan Publications, 1987).

¹³⁸ Muṣṭafā ‘Umar ‘Aliyy al-Kindī, *Dirāsāt fī al-I’jāz al-‘Adadī Bayn al-Mađī wa al-Ḥādir fī Ḏaw’ al-Kitāb wa al-Sunnah* (Makkah al-Mukarramah: Universiti Umm al-Qurā, 1989).

¹³⁹ Disertasi ini siap dikemukakan pada tahun 2006 dan diterbitkan pada tahun 2011.

¹⁴⁰ Abu Ameenah, *Numerical Miracle*, 67.

- ii. Karya ‘Abd al-Razzāq Nawfal juga iaitu *Mu‘jizah al-Arqām wa al-Tarqīm*, terbit pada tahun 1982.
- iii. Karya Ibn Khalīfah ‘Ulaywī al-Azharī (*Mu‘jizah al-Qarn al-Ishrīn fī Kashf Subā’iyyah wa Thulāthiyah Awāmir al-Al-Qur’ān al-Karīm*, terbit pada tahun 1982.
- iv. dan karya Idrīs al-Khirshāf (*Al-Manhaj al-‘Ilmi al-Riyādī fī Dirāsa Al-Qur’ān al-Karīm*, terbit pada tahun 1984.

Dengan kata lain, kritikan Abu Ameenah sebenarnya terfokus pada Rashād Khalīfah dan teori kod 19-nya sahaja, bukan kepada keseluruhan karya mukjizat bilangan pada zamannya.

Manakala kajian oleh Muṣṭafā al-Kindī pula lebih luas sedikit lantaran ia adalah penyelidikan di peringkat sarjana. Kajian beliau telah menyimpulkan kaitan yang kuat antara teori mukjizat bilangan dan ajaran sesat. Antara kesimpulan disertasi beliau adalah seperti berikut:

- i. Pemikiran Bāṭiniyyah telah menyerap masuk ke dalam pemikiran umat Islam dari pelbagai sumber asing yang bertentangan dengan Islam seperti falsafah Yunani, India dan Yahudi serta lain-lain falsafah yang merosakkan fikiran.
- ii. Dalam Islam dan agama samawi yang lain, tiada pemujaan bilangan dan ia tidak memberikan maksud tertentu. Ia tidak ada dalam ajaran para nabi dan rasul. Sebaliknya, ia adalah bid’ah munkar yang disusupkan ke dalam Islam dari sumber asing.
- iii. Teori *hisāb jummal* memainkan peranan besar dalam penipuan ‘mukjizat bilangan’. Ia adalah pemikiran yang disusupkan ke dalam Islam melalui Yahudi. Mereka mengadaptasinya dari tamadun-tamadun purba yang berjiran dengan mereka. Kemudian ia dikembangkan oleh para rahib sepanjang beberapa kurun. Lalu ia menghasilkan beberapa kaedah sesat untuk mentafsirkan teks kitab-kitab suci mereka. Kaedah ini dikenali sebagai al-Qabbālah (Kabbala). Sebahagian dari

kumpulan sesat juga mengambil teori *ḥisāb jummal* seperti kumpulan Bātiniyyah, sufi dan lain-lain. Mereka mengaku Islam secara zahir. Teori ini tersebar dalam kalangan umat Islam sehingga mempengaruhi pelbagai ilmu termasuk tafsir, akidah, sejarah dan lain-lain dengan jelas.¹⁴¹

Apa yang berbeza dengan Abu Ameenah adalah rujukan mereka. Selain dari karya-karya Rashād Khalīfah, Muṣṭafā al-Kindī juga merujuk kepada karya lain tentang mukjizat bilangan iaitu karya ‘Abd al-Razzāq Nawfal dan Ibn Khalīfah ‘Ulaywī al-Azharī. Karya lain yang dirujuk itu adalah:

- i. *al-I'jāz al-'Adadī* oleh ‘Abd al-Razzāq Nawfal, terbit pada tahun 1976.
- ii. *Mu'jizah al-Qarn al-'Ishrīn fī Kashf Subā'iyyah wa Thulāthiyah Awāmir al-Al-Qur'ān al-Karīm*, oleh Ibn Khalīfah ‘Ulaywī terbit pada tahun 1983.

Namun, beliau tidak pula merujuk kepada dua karya lagi yang terbit pada tahun 1984 iaitu *Al-Manhaj al-'Ilmī al-Riyāḍī fī Dirāsah Al-Qur'ān al-Karīm* oleh seorang ahli matematik Morocco, Idrīs al-Khirshāf dan pada tahun 1985 iaitu *Tis'ah 'Ashar Malakan* oleh Ḥusayn Nājī Muḥammad Muḥyī al-Dīn.

Walau bagaimanapun, fokus utama yang menjadi perbahasan dalam bab ketiga (bab terakhir disertasi beliau) adalah tentang metodologi Rashād Khalīfah dan kod 19 nya sahaja. Ini menunjukkan faktor Rashād Khalīfah memang menjadi gangguan besar dalam kronologi perkembangan angka sehingga ia mendapat fokus utama kajian-kajian awal yang mengkritik keras teori mukjizat bilangan.

Sebuah lagi disertasi sarjana yang mengkritik dan menolak teori mukjizat bilangan adalah disertasi di Universiti al-Quds berjudul *Nazariyyah al-I'jāz al-'Adadī Dirāsāh Naqdiyyah* oleh Lindā Turki Jibrīl pada tahun 2006 dan terbit pada tahun 2011. Lindā menyimpulkan bahawa mukjizat bilangan merupakan idea yang baharu muncul dan memiliki akar sejarahnya. Ia dikaitkan dengan tafsiran al-Quran yang simbolik dan *ishārī*

¹⁴¹ Muṣṭafā al-Kindī, *Dirāsāt*, 293 - 294.

yang berbaur dengan pandangan falsafah terhadap bilangan dan ilmu Yahudi lama, *gematria* (*hisāb jummal*).¹⁴²

Lindā juga mengkritik mukjizat bilangan kerana digunakan untuk beberapa ramalan seperti ramalan kejatuhan Israel, kejatuhan Amerika Syarikat dan kemunculan imam Mahdi. Selain itu, beliau mengkritik kaedah pengiraan yang tidak konsisten yang menghasilkan pula kesimpulan yang bertentangan. Juga kritikan terhadap kajian yang bertentangan dengan ilmu akidah, tafsir al-Quran, bahasa Arab dan usul fiqh. Begitu juga dikritik kesimpulan yang dibina bertentangan dengan ilmu qiraat, ilmu kiraan ayat al-Quran dan ilmu *rasm ‘Uthmāni*.¹⁴³

Namun, kesimpulan beliau kelihatan dibuat secara pukul rata. Ini kerana, tidak semua karya mukjizat bilangan merujuk kepada *hisāb jummal* dan falsafah. Begitu juga, bukan semua kajian mukjizat meramalkan masa depan atau menyentuh perkara ghaib. Bahkan, ramai penyelidik dan banyak kajian mukjizat bilangan sepakat menolak ramalan dan tafsiran perkara ghaib. Ia dimasukkan dalam piawai yang dirumuskan bersama melalui seminar dan perbincangan.

Walau bagaimanapun, Lindā mengakui kemungkinan wujudnya keselarasan angka dalam al-Quran. Beliau meletakkannya sebagai sebahagian dari mukjizat *balāghī* tetapi bukan mukjizat bilangan yang berdiri sendiri.¹⁴⁴

Justeru itu, kajian lanjut berdasarkan karya-karya lain tentang mukjizat bilangan memang perlu dilakukan. Apatah lagi, kedua-dua kajian akademik yang dilakukan pada tahun 1980-an ini tentu tidak dapat melibatkan banyak lagi penulisan dan karya mukjizat bilangan yang ditulis selepas itu. Justeru itu juga, dalam penyelidikan ini, penulis telah memberi tumpuan kepada sejarah kajian bilangan dalam al-Quran dalam bab dua (sub topik 2.1 dan 2.2) dan melihat semula sejarah *hisāb jummal* dalam bab empat (sub topik 4.4.3).

¹⁴² Lindā Turki Jibrīl, *Nażariyyah al-I‘jāz al-‘Adadī Dirāsāh Naqdiyyah*, (‘Ammān: Dār al-Ma’mūn li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2011), 308.

¹⁴³ Lindā, *Nażariyyah*, 309.

¹⁴⁴ Lindā, *Nażariyyah*, 309.

3.8.5 Eksplorasi dan Penyelewengan Dalaman

Seiringan dengan ajaran sesat dan pengaruh agama lain, kajian bilangan juga dikritik kerana berlakunya penyelewengan dalaman. Ia bermaksud penyelewengan yang dilakukan oleh penyelidik Muslim sendiri tanpa melibatkan pengaruh luar. Antaranya adalah isu ramalan, mengangkat diri atau mazhab.

- i. Terdapat penyelidik angka mengaitkan penemuan mereka dengan sesuatu ramalan. Ramalan yang sering ditonjolkan dari penemuan angka adalah tentang tarikh berlakunya kiamat.¹⁴⁵ Terdapat juga ramalan tarikh berlakunya peristiwa besar dibuat berdasarkan kajian bilangan seperti pembebasan Baitul Maqdis ke tangan kaum Muslimin pada era Ṣalāḥ al-Dīn al-Ayyūbī¹⁴⁶ dan kejatuhan kerajaan Israel pada abad ini¹⁴⁷. Persoalan yang menjadi perbahasan adalah soal meramalkan sesuatu, sedangkan kejadian masa depan adalah sebahagian dari perkara ghaib yang hanya diketahui oleh Allah SWT. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ عِلْمُ الْسَّاعَةِ وَيُنَزِّلُ الْغَيْثَ وَيَعْلَمُ مَا فِي الْأَرْضِ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ مَّا ذَادَتْ كَسِيبٌ غَدَّاً وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ ﴿٣٤﴾

(Luqmān 31: 34)

Maksudnya: “Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat, dan Dia-lah jua yang menurunkan hujan, dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu yang mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorang pun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuan-Nya.”

¹⁴⁵ Rasyād Khalīfah telah meramalkan dengan pasti bahawa kiamat akan berlaku pada tahun 2280 M. Rashad Khalifa, *The Computer Speaks: God's Message To The World*, (Renaissance Productions, 1981), 207.

¹⁴⁶ Pada tahun 520 H, Ibn Burjān telah meramalkan bahawa Ṣalāḥ al-Dīn akan menakluk Baitul Maqdis pada bulan Rejab tahun 579 H berdasarkan pengamatannya terhadap surah al-Rūm. Aḥmad Khālid Syūkri, “Maqūlūh al-‘Ijāz al-‘Aqdādī”, 2.

¹⁴⁷ Kejatuhan negara Israel diramalkan akan berlaku pada tahun 2022 Masihi. Ia adalah hasil kiraan terhadap ayat-ayat al-Quran tentang Bani Isra’il di awal surah al-Isrā’.

Ramalan oleh Syaykh Aḥmad al-Syaymī, akses 25 Oktober 2013, <http://forum.sh3bwah.maktoob.com/t39882.html>.

Juga oleh Bassām Nihād Jarrār, *Zawāl Isrā’il ‘Ām 2022 Masīḥī Nubū’ah Am Ṣudaf Raqmīyyah*, (Lubnān: Dār al-Biqā’ al-Hadīthah, 1993).

Satu lagi buku yang meramalkan peristiwa yang sama adalah Bashīr al-Burghūthī, *Zawāl Isrā’il Hatmiyyah al-Tārīkh Dirāsah Muqāranah*, (‘Ammān: Dār Zahrān, 2000).

- ii. Tindakan mengangkat diri pula adalah seperti menonjolkan kelebihan seseorang atau kekeramatannya. Puncaknya adalah dakwaan sebagai nabi atau rasul utusan Tuhan. Selain dari kelompok ajaran sesat yang jelas, Rashād Khalīfah (yang meramalkan kiamat) juga mendakwa dirinya sebagai rasul. Beliau mendakwa bahawa namanya, ‘Rashād’ telah disebut dalam al-Quran sebanyak 19 kali.¹⁴⁸ Beliau juga menjadikan penemuan kod 19 dan kajian bilangannya sebagai mukjizatnya yang lebih hebat dari mukjizat Nabi Mūsā dan Dakwaan ini tentu sekali bercanggah dengan konsep *khatam al-anbiyā'* bagi Nabi Muhammad SAW yang sudah jelas dalam akidah Islam.
- iii. Percubaan mengangkat mazhab adalah seperti dilakukan oleh seorang penyelidik bermazhab Syiah Imāmiyyah yang mendakwa bahawa akidah tentang 12 orang imam telah dibuktikan secara kiraan dalam al-Quran. Mereka mendakwa kalimah imam di dalam al-Quran telah diulang sebanyak 12 kali.¹⁴⁹ Ini menunjukkan bahawa kepercayaan terhadap konsep itu bukan rekaan ulama syiah, tetapi suatu perkara yang telah diisyaratkan oleh al-Quran. Namun, semakan semula terhadap al-Quran mendapati bahawa kalimah imam hanya diulang sebanyak tujuh kali (iaitu dalam surah-surah al-Baqarah 2: 124, Hūd 11: 17, al-Hijr 15: 79, al-Isrā' 17: 71, al-Furqān 25: 74, Yāsīn 36: 12, dan al-Aḥqāf 46: 12). Itu belum mengambil kira maksud imam dalam ayat yang berbeza-beza. Ada yang bermaksud pemimpin, kitab catatan dan panduan. Kalimah imam itu hanya menjadi 12 apabila dicampur dengan kata jamaknya, *a'imma* (أئمّة) yang disebut sebanyak lima kali (iaitu dalam surah-surah al-Tawbah 9: 12, al-Anbiyā' 21: 73, al-Qaṣāṣ 28: 5, 41; dan al-Sajdah 32: 24).

3.9 Karya dan Kajian Tentang Mukjizat Bilangan

Walaupun terdapat pelbagai kritikan dan cabaran dalam perkembangan konsep mukjizat bilangan, kajian dan penulisan mengenainya terus berkembang. Sehingga hari ini, terdapat pelbagai karya dan penulisan tentang mukjizat bilangan yang membawa temanya. Ini tidak

¹⁴⁸ Laman Arab Times, akses 25 Oktober 2013, <http://www.arabtimes.com>this%20man/rashad.htm>.

¹⁴⁹ Laman Multaqā Ahl al-Tafsīr, akses 25 Oktober 2013, <http://vb.tafsir.net/tafsir6537/>.

termasuk penulisan yang sekadar menilai atau mengkritiknya. Antara pendukung dan penyelidik mukjizat bilangan serta karya mereka adalah berikut:

Jadual 8: Pengarang dan karya dalam mukjizat bilangan

Bil	Nama	Karya
1.	‘Abd al-Razzāq Nawfal	i. <i>Allāh wa al-‘Ilm al-Hadīth</i> (1956). ii. <i>al-I‘jāz al-‘Adadī li al-Qur’ān al-Karīm</i> (1976). iii. <i>Mu‘jizah al-Arqām wa al-Tarqīm</i> (1982).
2.	Ibn Khalīfah ‘Ulaywī al-Azhārī	<i>Mu‘jizah al-Qarn al-‘Ishrīn fī Kashf Subā‘iyah wa Thulāthiyyah Awāmir al-Al-Qur’ān al-Karīm</i> (1983).
3.	Idrīs al-Khirshāf	<i>al-Manhaj al-‘Ilmī al-Riyādī fī Dirasah al-Qur’ān al-Karīm</i> (1984).
4.	Husayn Nājī Muḥammad Muhyī al-Dīn	<i>Tis‘ah ‘Ashar Malakan</i> (1985).
5.	Mahmūd ‘Abd al-Razzāq al-Himṣī	<i>Dirāsaḥ Istiqrā‘iyah li Raqam 7</i> (1989).
6.	Muḥammad Kāzim Ḥabīb	<i>Silsilah Mawsū‘ah al-Taqwīm al-Abadiy al-Muqāran</i> (1989).
7.	Rafīq Abū al-Sa‘ūd	<i>I‘jāzāt Ḥadīthah ‘Ilmiyyah wa Raqamiyyah fī al-Qur’ān</i> (1990)
8.	Bassām Nihād Jarrār	Karya terawal: <i>Ajībah Tis‘ah ‘Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimīn wa Dalālāt al-Mudda‘īn</i> (1990). Karya utama: <i>Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadī</i> (2007). Terdapat lebih 11 karya lagi yang akan disenaraikan dalam bab ketiga.
9.	Kurayyim Kshakish	<i>Iktishāf I‘jāzī fī Muḍā‘afāt al-‘Adad 4 fī al-Qur’ān al-Karīm Ithbāt ‘Iżamah al-Khāliq min Khilāl ‘Ilm al-‘Adad</i> (1992).
10.	Sa‘dāwī al-Bannā	<i>al-Dalā‘il al-‘Adadiyyah wa Ishārātuhā ilā al-Wahdāniyyah</i> (1993).
11.	Aḥmad Muḥammad Ismā‘il	<i>Anżimah Riyādiyyah fī Barmajah Hurūf al-Al-Qur’ān</i> (1993)
12.	‘Umar al-Najdī	<i>Mu‘jizah al-Qur’ān al-Jadīdah: (Bunyah al-Āyāt wa al-Suwar)</i> (1994).
13.	‘Abd Allāh Ibrāhīm Jalghūm	i. <i>Asrār Tartīb al-Qur’ān</i> (1994) ii. <i>Asrār Tartīb al-Qur’ān Qirā‘ah Mu‘āşirah</i> (2005)
14.	Ṭalḥah Jawhar	<i>al-I‘jāz al-‘Adadī fī Sūrah al-Fātiḥah</i> (1997).
15.	Husayn Aḥmad Salīm al-Hāj Yūnus	<i>Lughah al-Arqām fī al-Qur’ān</i> (1998)

16.	'Abduh Şâlih Bakîrât	<i>Haqîqah Fikrah al-I'jâz al-'Adadî fî al-Qur'ân al-Karîm</i> , disertasi sarjana di Universiti al-Jazîrah, Sudan menyokong idea mukjizat bilangan.
17.	Farîd 'Abbâs Rajâ' Qabîtanî	<i>al-Şudfah al-Munazzamah: al-I'jâz al-'Adadî li al-Qur'ân</i> (1998) (buku asal dalam bahasa Perancis Terjemah ke Arab: Aḥmad Amin Hajjâj Awwal)
18.	'Adnân al-Rifâ'i	i. <i>al-Haqq al-Muṭlaq: Nazariyyah Qur'āniyyah fî al-Rûh al-Qur'āniyyah Tu'râd li Awwal Marrah fî al-'Ālam</i> (1419H). ii. <i>al-Hikmah al-Muṭlaqah Nazariyyah Qur'āniyyah fî Itlâq al-Nâṣṣ al-Qur'āni</i> (1999). iii. <i>Ihdâ al-Kubar Nazariyyah Qur'āniyyah fî Mu'jizah Ihdâ al-Kubar Mu'jizah al-'Adad 19 Tu'râd li Awwal Marrah fî al-'Ālam</i> (2001).
19.	Muhammad Jamîl al-Habbâl	<i>al-Manzûmah al-Subâ'iyyah fî al-Qur'ân al-Karîm</i> (1999, cetak 1425H)
20.	Khâlid Fâ'i'q al-'Ubaydî	<i>al-Minzâr al-Handâsî li al-Qur'ân al-Karîm</i> (2000)
21.	Atyâf Muhsin Mâdi	<i>Athqal Âyah fî al-Qur'ân al-Karîm</i> (2001). <i>al-Sab' al-Mathâni wa al-Qur'ân al-'Ażîm</i> (2001).
22.	'Abd al-Dâ'im al-Kahîl	Karya awal: <i>Mu'jizah al-Qur'ân fî 'Asr al-Ma'lûmâtîyyah</i> (2002) Karya utama: <i>Mawsû'ah al-I'jâz al-Raqamî</i> (2006) Terdapat 11 karya lagi yang akan disenaraikan dalam bab ketiga.
23.	Muhammad Sa'id 'Abd al-Qâdir	<i>Min Mu'jizah al-Qur'ân: Lughah al-Raqam Sab'ah</i> (2002).
24.	Lu'ayy Ghâzi Salamah al-Tayyibi	<i>Al-Burhân fî al-A'dâd wa al-Arqâm 'alâ I'jâz al-Qur'ân al-Karîm</i> (2003).
25.	Jabri Muṣṭafâ "Abd al-Razzâq	<i>I'jâz al-Raqam 123 fî al-Qur'ân al-Karîm. al-'Aqîdah al-Raqamîyyah.</i> (2003)
26.	'Ali Busakhar	<i>Asrâr al-Hurûf wa al-A'dâd</i> (2003)
27.	'Abdullâh Muhammad al-Baltâjî	<i>Sîrr al-Wujûd wa al-Raqam 19 fî al-Qur'ân al-Karîm: Awwal Dirâsah 'Ilmiyyah Muhaqqaqah li Asrâr 19 fî al-Âyât al-Qur'âniyyah wa al-Âyât al-Kawnîyyah</i> (2003).
28.	Salmân Naṣîf al-Dahdûh	<i>Qîmah al-'Adad 7 fî al-Qur'ân wa al-Sunnah</i> (2005)
29.	'Abd al-Karîm Aḥmad Kurdi	<i>Al-I'jâz al-Falaki wa al-Raqamî fî al-Qur'ân al-Karîm</i> (2005)
30.	Labîb Baydûn	<i>Al-I'jâz al-'Adadî fî al-Qur'ân</i> (2005)

31.	Caner Taslaman	<i>The Quran Unchallengeable Miracle</i> (2006)
32.	Aḥmad Ḥasan Farḥāt	<i>Al-I‘jāz al-‘Adadi fī al-Qur’ān al-Karīm</i> (2007)
33.	Ibrāhim Kāmil dan	<i>Baḥth Nūr al-Īmān li al-I‘jāz al-‘Adadi fī al-Qur’ān</i>
34.	Hanā’ Sayyid Aḥmad	(2007)
35.	Abah Salma Alif Sampayya	Keseimbangan Matematika Dalam al-Quran (2007)
36.	‘Umar Aliy Şāliḥ Tāhir al-Dīsī	<i>Asrār wa I‘jāz al-Raqam 29 fī al-Qur’ān al-Karīm</i> (2008)
37.	‘Ubayd Sulaymān al-Ja‘īdī	<i>Al-Kawākib al-Durriyyah fī Kashf Mu‘jizah al-Qur’ān al-‘Adadiyyah</i> (2008) <i>33 Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’āni</i> (2011)
38.	Mohd Arip Kasmo	Kehebatan Susunan al-Quran (2010)
39.	Māhir ‘Umar Amīn	<i>Ithbāt al-Mu‘jizah al-‘Adadiyyah fī Tartīb Suwar al-Qur’ān al-Karīm Bi Wāsiṭah al-Hāsūb</i> (2010)
40.	‘Adnān al-Sharīf	<i>Min al-Mu‘jizah al-Raqamiyyah fī Fātiḥah al-Qur’ān al-Karīm wa Āyat al-Ahruf al-Muqatṭa‘ah</i> (2011)

Dari senarai di atas, dapat diperhatikan bahawa penyelidik yang paling banyak menulis tentang mukjizat bilangan adalah Bassām Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl.

3.10 Kesimpulan

Berdasarkan huraian-huraian tadi, penulis membuat dua kesimpulan. Pertama, banyak penyelidikan menjadikan mashaf terbitan tertentu, khususnya Mujamma’ al-Malik Fahd dengan riwayat Imam Ḥafṣ dari Imam ‘Āsim sebagai sandaran kiraan angka mereka. Mereka seolah-olah tidak menyedari bahawa mashaf itu hanya salah satu dari mashaf yang diiktiraf benar dari aspek periwayatan. Namun, ia bukan satu-satunya mashaf yang benar dan menafikan kesahihan mashaf atau riwayat-riwayat yang lain (berkenaan ayat dan surah). Bahkan setiap imam qiraat ada mashaf masing-masing yang diterbitkan sehingga sekarang. Cuma, ia hanya digunakan di kawasan tertentu dan tidak menyeluruh seperti riwayat Ḥafṣ dari ‘Āsim. Semua mashaf tersebut adalah berdasarkan mashaf dan *rasm* ‘Uthmāni, tetapi berbeza dari aspek *fawāṣil* (yang mempengaruhi bilangan ayat), aspek huruf berdasarkan qiraat dan tanda bacaan.

Justeru, kewujudan mashaf lain itu perlu diambil kira oleh para penyelidik. Nampaknya *rasm ‘Uthmāni* yang menjadi sandaran untuk kiraan dalam kajian bilangan, masih mengandungi perbezaan pada qiraat dan *fawāṣil*. Untuk membataskan kajian bilangan pada konteks yang tiada perbezaan qiraat dan *fawāṣil* sahaja pula adalah sukar kerana memerlukan semua penyelidik menguasai kedua-dua cabang ‘*ulūm al-Qur’ān* ini. Apa yang penting dijadikan pegangan adalah adab dalam menjalankan penyelidikan, iaitu al-Quran tidak sepatutnya dijadikan buku mainan nombor sewenang-wenangnya, walaupun dengan niat yang baik. Ini kerana dalam dunia digital yang berasaskan nombor dan bilangan, perbezaan satu nombor sahaja sudah menghasilkan tafsiran yang sangat jauh.

Oleh kerana mashaf yang berdasarkan qiraat dan *fawāṣil* lain juga benar, maka input darinya juga perlu dihasilkan. Belum dapat diketahui adakah mashaf lain akan memberi input yang lebih baik lain sehingga kajian-kajian bilangan berdasarkan mashaf-mashaf itu dijalankan secara besar-besaran. Pilihan yang terbaik adalah pengiraan kajian bilangan dibuatkan berdasarkan semua qiraat dan mengambil kira perbezaan *fawāṣil*. Cuma, sudah tentu ia akan melibatkan lebih banyak kiraan, masa dan teknologi. Walau bagaimanapun, memang sudah ada penyelidik yang berusaha ke arah itu. Bahkan pandangan inilah yang dominan dalam kalangan para penyelidik mukjizat bilangan pada hari ini.

Kaedah “lebih kurang” tidak boleh sama sekali digunakan dalam soal hitungan. Apatah lagi, kebanyakan penyelidik kajian bilangan menjadikan penemuan mereka sebagai hujah bahawa al-Quran tidak boleh diubah walaupun satu huruf. Tentunya ia memerlukan sandaran data yang juga tidak dapat diubah walaupun satu bilangan.

Kedua, sebahagian penemuan kajian bilangan memang mempunyai nilai tertentu yang menunjukkan keistimewaan dan keajaiban al-Quran. Kritikan terhadapnya dan cabaran-cabarannya yang lain perlu ditangani bagi memastikan penemuan-penemuan yang bernilai tidak terbuang hanya kerana beberapa pertikaian dan kelemahan dalam mempersesembahkannya. Cabaran dan kritikan boleh diatasi dengan pengamatan yang lebih selektif dilakukan oleh para penyelidik angka yang objektif. Jika ini dapat dilakukan, maka masa depan gagasan mukjizat bilangan yang lebih baik akan dapat dilihat oleh generasi akan datang.

Dalam konteks ini, pengalaman yang dilalui oleh tafsir ‘ilmī dan mukjizat saintifik (*i’jāz ilmī*) memperlihatkan bahawa akhirnya ia dapat berdiri sebagai salah satu cabang tafsir al-Quran. Ia berjaya setelah kematangan pemikiran dan kajian berlaku. Maka, pentafsiran yang benar-benar jitu terus terpakai, manakala percubaan pentafsiran yang tidak menepati piawai yang disepakati akan terbiar dan tidak dibicarakan lagi.

Allah SWT sendiri memberikan perumpamaan dalam al-Quran tentang kebenaran dan kebatilan yang dihadapi oleh manusia. Ia umpsama air hujan yang turun atau logam galian yang dibakar. Proses banjir dan bakaran logam itu mengasingkan bahan yang bermanfaat kepada manusia dengan buih dan sampah sarap yang tidak bernilai.

Firman Allah SWT:

أَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَسَالَتْ أَوْدِيَةٌ بِقَدَرِهَا فَاحْتَمَلَ السَّيْلُ زَبَدًا رَّابِيًّا وَمِمَّا
يُوقِدُونَ عَلَيْهِ فِي الْأَرْضِ أَبْتِغَاءَ حِلْيَةً أَوْ مَتَعَ زَبَدٌ مِثْلُهُ كَذَلِكَ يَضْرِبُ اللَّهُ الْحَقَّ
وَالْبَطْلَ فَأَمَّا الْزَبَدُ فَيَذَهُبُ جُفَاءً وَأَمَّا مَا يَنْفَعُ النَّاسَ فَيَمْكُثُ فِي الْأَرْضِ كَذَلِكَ
يَضْرِبُ اللَّهُ الْأَمْثَالَ

al-Rā‘d 13: 17

Maksudnya: “Dia menurunkan air (hujan) dari langit, lalu membanjiri tanah-tanah lembah (dengan airnya) menurut kadarnya yang ditetapkan Tuhan untuk faedah makhluk-Nya, kemudian banjir itu membawa buih yang terapung-apung. Dan dari benda-benda yang dibakar di dalam api untuk dijadikan barang perhiasan atau perkakas yang diperlukan, juga timbul buih seperti itu. Demikianlah Allah memberi misal perbandingan tentang perkara yang benar dan yang salah. Adapun buih itu maka akan hilang lenyaplah ia hanyut terbuang. Manakala benda-benda yang berfaedah kepada manusia, maka ia tetap tinggal di bumi. Demikianlah Allah menerangkan misal-misal perbandingan.”

Justeru diharapkan agar kajian mukjizat yang benar dan jitu akan kekal memberi manfaat kepada manusia dalam ilmu dan imannya. Sedangkan kajian yang tidak jitu dan jauh dari kebenaran akan ditinggalkan kerana ia tidak memberi manfaat kepada manusia.

BAB 4: BIOGRAFI BASSĀM NIHĀD JARRĀR DAN ‘ABD AL-DĀ’IM AL-KAHĪL

Pendahuluan

Dalam kalangan para penyelidik mukjizat bilangan yang disenaraikan dalam bab yang lalu, terdapat dua orang penyelidik yang banyak menjalankan kajian dan menulis mengenainya. Mereka adalah Bassām Nihād Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl. Mereka bukan sahaja mengkaji dan menulis, bahkan menerbitkan karya mereka dengan kaedah konvensional (mencetak buku) dan kaedah masa kini iaitu melalui teknologi alam maya. Kedua-dua tokoh ini memiliki laman web khusus mengenai mukjizat al-Quran, memuat naik karya-karya mereka (dan dapat dimuat turun secara percuma) serta menggunakan aplikasi *Youtube* dan *Facebook* untuk menyebarkan idea serta penemuan mereka. Ini menjadikan mereka sebagai tokoh utama dalam kajian bilangan. Menariknya, mereka mempunyai latar belakang pengajian yang berbeza iaitu bidang syariah dan kejuruteraan.

4.1 Bassām Jarrār

Bassām Nihād Jarrār banyak menyelidik dan menulis tentang mukjizat bilangan dan hasilnya dipaparkan melalui laman sesawang *Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah* yang boleh diakses di alamat www.islamnoon.com. Laman ini juga pernah dikenali sebagai laman Markaz Nūn.

4.1.1 Kelahiran

Bassām dilahirkan pada tahun 1948 M bersamaan tahun 1367 H di al-Bīrah, Palestin, sebuah bandar yang bersebelahan dengan Ramallāh¹. Jalan-jalan dan bangunan di kedua-dua bandar ini saling bersambung hingga kelihatan seperti sebuah bandar sahaja. al-Bīrah lebih besar tetapi Ramallāh yang lebih masyhur. Namun menurut Bassam, Ramallāh itulah al-Bīrah. Orang ramai memanggilnya Ramallāh.

¹ Laman Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, akses 13 Jan 2014, <http://ar.wikipedia.org/wiki/رام الله>



Gambar 11: Bassām Nihād Jarrār dalam salah satu ceramahnya.

4.1.2 Keluarga Jarrār

Beliau berasal dari keluarga Jarrār, sebuah keluarga yang terkenal di Palestin dan Jordan. Asal-usul keluarga ini adalah dari Yaman. Mereka berhijrah ke Syam selepas kemasuhan empangan Ma'rib. Hari ini, mereka menjadi antara keluarga terbesar di kawasan pergunungan Nablus. Keluarga ini banyak terlibat dalam sejarah perjuangan menentang kuasa luar.³ Mereka terlibat dalam mempertahankan Palestin ketika serangan Napolean Bonaparte pada kurun ke 18. Begitu juga dalam Perang Palestin 1948 menentang British. Keluarga ini juga terlibat dalam pembentukan negara Jordan.⁴

4.1.3 Pendidikan

Bassām mula berkecimpung dalam al-Quran dan pemikiran Islam sejak berumur 13 tahun. Sebelum memasuki universiti, Bassām berguru dengan para ulama melalui penulisan dan kitab mereka. Beliau telah menyambung pengajian dalam bidang syariah di Universiti Damsyik dan memperoleh ijazah syariah pada tahun 1973 M. Selain itu, beliau turut berguru dengan beberapa orang ulama di Syria.

³ Wikipedia, akses 13 Jan 2014, [http://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%AC%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D8%A1_\(%D8%A7%D9%84%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D8%A1\)](http://ar.wikipedia.org/wiki/%D8%AC%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D8%A1_(%D8%A7%D9%84%D8%A7%D8%A1%D8%A7%D8%A1))

⁴ Laman Falasīn fī al-Dhākirah, akses 2 Oktober 2014, http://www.palestineremembered.com/GeoPoints/Burqin_931/Article_17926.html.

4.1.4 Guru-guru

Semasa berada di Universiti Damsyik selama beberapa tahun, beliau sempat berguru dengan ulama-ulama Syria seperti:

- i. Shaykh Dr. Muḥammad Adīb al-Ṣāliḥ.
- ii. Shaykh Dr. ‘Adnān Zarzūr.
- iii. Shaykh Dr. Fathī al-Darīnī.
- iv. Shaykh Dr. Nūr al-Dīn ‘Itr.
- v. Shaykh Dr. Wahbah al-Zuḥaylī.
- vi. Shaykh Dr. Muḥammad al-Zuḥaylī.
- vii. Shaykh Dr. Muḥammad Sa‘īd Ramaḍān al-Būṭī.
- viii. dan Shaykh Muḥammad Hishām Burhānī.

4.1.5 Kerjaya

Kerjaya awal Bassām adalah sebagai guru. Pada tahun 1976 M, beliau telah menubuhkan Dār al-Qur’ān di bandar al-Bīrah dan mengajar ilmu tajwid dari tahun berkenaan hingga tahun 1988 M. Dār al-Quran ini merupakan pusat pengajian al-Quran kedua di Tebing Barat. Ia bertahan selama 11 tahun dan tergendala ketika berlakunya Intifadah Palestin. Ketika itu beliau terpaksa keluar-masuk penjara Israel.

Beliau juga pernah menjadi pensyarah bidang Kebudayaan dan Pemikiran Islam di Kolej Pendidikan Ramallāh pada tahun 1977 M. Sejak itu hingga tahun 2009 M, beliau mengajar subjek-subjek pemikiran Islam, syariah dan akidah.

4.1.6 Kesarjanaan dan Aktiviti Akademik

Beliau menjadi anggota Badan Kerjasama Kebajikan dan Ikatan Ulama Palestin. Pada tahun 1998 M, beliau menubuhkan Markaz Nūn iaitu sebuah pusat pengajian dan penyelidikan al-Quran di bandar al-Bīrah, Palestin. Beliau sendiri menjadi pengarahnya

sehingga kini. Melalui pusat ini, beliau menjalankan banyak kajian dan menghasilkan pelbagai penulisan.

4.1.7 Markaz Nūn dan Laman Webnya

Markaz Nūn (Pusat Nun) adalah sebuah pusat kajian yang diasaskan pada tahun 1998 M. Nama penuhnya adalah Markaz Nūn li al-Dirāsāt wa al-Abhāth al-Quraniyyah. Ia dibina oleh Bassām dengan tujuan untuk menjalankan penyelidikan dan menyebarkan hasil kajian tentang mukjizat al-Quran secara umum dan dengan tumpuan khusus kepada mukjizat matematik atau mukjizat bilangan.

Nama Nūn diambil sempena huruf fātiḥ yang terdapat di awal surah al-Qalam, iaitu huruf Nūn. Menurut Bassam, terdapat beberapa keistimewaan tentang Nūn dan surah tersebut, iaitu:

- i. Terdapat 29 surah dalam al-Quran yang mengandungi huruf fātiḥ. Dalam kalangan surah-surah ini, surah al-Qalam merupakan surah yang pertama diturunkan.
- ii. Dari segi susunan al-Quran pula, surah al-Qalam adalah surah terakhir yang mengandungi huruf fātiḥ.
- iii. Jika 114 surah al-Quran dibahagikan kepada dua bahagian (satu bahagian 57 surah), surah al-Qalam merupakan satu-satunya surah dalam bahagian kedua surah-surah al-Quran yang dimulakan dengan huruf fātiḥ.
- iv. Surah al-Qalam dimulai dengan huruf fātiḥ Nūn. Selepas huruf *Nūn*, ia diikuti sumpah dengan pena (*al-qalam*) dan tulisan (*mā yaṣṭurūn*). Kajian bilangan pula memang melibatkan huruf dan tulisan, bukan sebutan dan bacaan. Maka, Nun yang di awal surah pena ini dijadikan simbol kepada mukjizat bilangan dan pusat penyelidikan beliau yang memberi fokus kepada kajian bilangan.

- v. Ketika menyelidik tentang *fawāṣil* ayat (kalimah terakhir dalam setiap ayat al-Quran), mereka mendapati lebih 50% *fawāṣil* al-Quran berakhir dengan huruf Nūn. Begitu juga *taṣrīf* (morfologi) bahasa Arab, ia juga berasaskan huruf Nūn.⁵

Markaz Nūn digerakkan sebagai sebuah pustaka yang menghimpunkan bahan-bahan berkaitan kajian al-Quran. Ia termasuklah bahan bacaan, rakaman audio dan bahan digital sebagai rujukan yang dapat dicapai oleh para penyelidik. Pusat ini juga berperanan menyebarkan hasil kajian dan penyelidikan dengan pelbagai cara. Ia juga menjalankan bengkel dan seminar yang berkaitan, selain mengadakan kerjasama dengan pihak universiti atau kolej yang menjalankan pengajian al-Quran.

Markaz Nūn telah mewujudkan laman sesawang yang menjadi saluran utama penyebaran idea dan hasil kajian bilangan mereka. Ia menjadi sumber utama kajian ini lantaran kebanyakan bahan tentang karya Bassām diperolehi dari laman ini.



Gambar 12: Laman sesawang *Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah*

Laman web ini menggunakan empat bahasa iaitu bahasa Arab, Inggeris, Russia dan Itali.

⁵ Bassām Jarrār. Emel kepada penulis, 20 September 2014.

4.1.8 Perjuangan Palestin

Sebagai warga Palestin dan sebagai seorang alim dalam bidang agama, Bassām juga terlibat dengan perjuangan rakyat Palestin. Ketika berlakunya kebangkitan Intifadah, beliau turut berulang-alik, masuk dan keluar penjara Israel. Markaz Nūn sendiri pernah ditutup oleh tentera Israel beberapa kali. Ia pernah ditutup selama dua tahun genap. Namun, Bassām membangunkannya semula. Setiap kali diserbu tentera Israel, segala buku, peralatan dan bahan-bahan kajian dirampas. Bahkan tentera Israel pernah merampas ribuan buah buku dan bahan dapur yang disediakan untuk tetamu. Namun, mereka tetap membina semula Markaz Nūn, seolah-olah ia baru dibina.

Beliau juga menjadi sasaran regim Israel dan merupakan salah seorang dari kumpulan 416 orang yang dibuang daerah oleh regim dalam Peristiwa Maraj al-Zuhūr pada tahun 1992 M. Maraj al-Zuhūr adalah sebuah kawasan subur berhampiran sempadan Palestin di selatan Lubnan. Kumpulan aktivis Palestin ini (dari pergerakan HAMAS dan Jihad) diusir atas perancangan Israel untuk melemahkan gerakan penentangan. Mereka sebenarnya diusir ke Selatan Lubnan, tetapi mereka enggan memasuki Lubnan. Sebaliknya, mereka berkhemah di Maraj al-Zuhūr selama hampir sembilan bulan (17 Disember 1992 M hingga 7 September 1993 M). Ia kemudian menjadi medan mereka berkerjasama dan berkongsi ilmu serta pengalaman selama tempoh pembuangan. Bahkan mereka mengasaskan sebuah universiti di sana sebagai institusi yang meningkatkan keupayaan dan keilmuan mereka. Antara tokoh besar yang terlibat dibuang daerah bersama Bassām adalah Dr Abdul Aziz Rantisi (Pemimpin tertinggi HAMAS yang dibunuh syahid pada 17 April 2004 M) dan Ismail Haniyah (Perdana Menteri Palestin 2006-2007 M dan Perdana Menteri bagi Gaza hingga sekarang).⁶

4.1.9 Karya

Sebagai seorang pendidik dan penyelidik, Bassām telah menghasilkan beberapa penulisan ilmiah seperti:

⁶ Laman Wikipedia, akses 5 Jun 2017, http://ar.wikipedia.org/wiki/مبعدو_موج_الزهور

- i. *Rasā'il Nūn* (Perutusan-perutusan Nun).

Buku setebal 43 halaman ini diterbitkan pada tahun 2000 M. Ia merupakan risalah yang menyentuh beberapa isu pemikiran yang kadang-kadang mengelirukan para intelektual dan turut digunakan oleh musuh untuk meragukan tentang Islam. Bassām mengupasnya secara ringkas dan tidak panjang. Isu-isu tersebut adalah kepimpinan Quraish, fitnah zaman ‘Uthmān, teori-teori dalam sistem pemerintahan Islam, Islam dan perhambaan, kenapa manusia diciptakan dan isu (*riddah*) murtad.⁷

- ii. *Min Asrār al-Asmā' fī al-Qur'ān al-Karīm* (Antara Rahsia Nama-nama dalam al-Quran).

Buku ini dihasilkan pada tahun 2003 M dan mengandungi 118 halaman. Ia merupakan pentafsiran Bassām terhadap beberapa nama yang disebut dalam al-Quran. Antaranya nama *Aḥmad*, *sūrah*, *Zabūr*, *Sulaymān*, *īmān*, *al-Šāfiṇāt al-Jiyād*, *al-Aqṣā*, *al-Shahīd*, *al-Wakīl*, *Makkah*, *al-Ka'bāh*, *al-Rūm*, *Umm al-Qurā*, *al-Tābūt*, *al-Sabt* dan lain-lain.⁸

- iii. *Naẓarāt fī Kitāb Allāh al-Hakīm* (Beberapa Pandangan Semula Dalam Kitab Allah Yang Maha Bijaksana).

Kitab yang berjumlah 117 halaman ini dihasilkan pada tahun 2004 M. Ia merupakan pentafsiran semula beberapa ayat dari beberapa surah dalam al-Quran. Antaranya adalah ayat-ayat tentang kisah Ādam diberi ilmu, Ya'jūj dan Ma'jūj, kisah Nabi Ibrāhīm AS dengan burung dan kisah Nabi Yūsuf AS dengan adik-beradiknya.⁹

- iv. *Dirāsāt fī al-Fikr al-Islāmī* (Pengajian Pemikiran Islam)

Buku setebal 391 halaman ini diterbitkan pada tahun 2004 M. Sebelum itu, ia merupakan nota untuk siswa di kolej yang Bassām bertugas sebagai pensyarah.¹⁰

⁷ *Nūn*, akses 9 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Derasat/Rasael/index.html>.

⁸ Bassām Jarrār, *Min Asrār al-Asmā' fī al-Qur'ān al-Karīm*, (al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abḥāth wa al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, 2003).

⁹ Bassām Jarrār, *Naẓarāt fī Kitāb Allāh al-Hakīm*, (al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abḥāth wa al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, 2004).

¹⁰ Bassām Jarrār, Emel kepada penulis, 11 Oktober 2014.

Cetakan pertama tidak dapat dikenalpasti. Ia membincangkan tentang konsep pemikiran Islam dan sumber-sumbernya iaitu al-Quran dan hadis. Turut diselitkan adalah mukjizat bilangan sebagai subtopik dalam mukjizat al-Quran. Buku ini membincangkan tentang akidah, syariat, ekonomi, akhlak, udang-undang jenayah, ibadah, sistem pemerintahan, peradaban Islam, isu semasa seperti isu wanita, isu perancang keluarga, bukan Muslim dalam masyarakat Islam, sikap terhadap tamadun Barat, isu perbankan dan isu sakral dan historikal.¹¹

- v. *Siyāḥah al-Fikr, Maqālāt fī al-Tafsīr* (Eksplorasi Pemikiran, Beberapa Artikel Dalam Tafsir al-Quran).

Ini adalah kitab Bassām yang terkini setebal 484 halaman dan dihasilkan pada tahun 2013 M. Ia merupakan beberapa artikel tentang tafsiran ayat-ayat al-Quran, yang ditulis lebih awal lalu dihimpunkan dalam karya yang lebih besar. Ia merangkumi artikel-artikel yang diolah sedikit dari kitab-kitab kecil sebelumnya seperti *Min Asrār al-Asmā' fī al-Qur'ān al-Karīm*, *Nazārāt fī Kitāb Allāh al-Hakīm* dan *Hasad al-Nazar*, *Maqālāt fī al-Tafsīr*.¹²

4.1.10 Karya Dalam Mukjizat Bilangan

Mulai penghujung tahun 1980-an Masihi, Bassām memberi tumpuan kepada kajian bilangan. Karya-karya beliau yang menyentuh kajian bilangan adalah:

- i. *'Ajībah Tis'ah 'Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimīn wa Dalālāt al-Mudda 'īn* (Keajaiban Bilangan 19 Antara Keciciran Kaum Muslimin dan Kesesatan Para Pendakwa)

¹¹ Bassām Jarrār, *Dirāsāt fī al-Fikr al-Islāmī*, (al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, 2006) Cetakan kedua.

¹² Bassām Jarrār, *Siyāḥah al-Fikr, Maqālāt fī al-Tafsīr*, (al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, 2004).

Buku ini merupakan kajian pertamanya tentang mukjizat bilangan. Ia diterbitkan pada tahun 1990M.¹³ Ia tidak diulang cetak tetapi merupakan edisi asal buku berikutnya, iaitu *I'jāz al-Raqam 19 Muqaddimāt Tantażir al-Natā'ij*. Sebahagian kandungan buku ini turut dibawakan semula dalam buku terkininya *Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I'jāz al-'Adadī* pada tahun 2007 M.

- ii. *I'jāz al-Raqam 19 fī al-Qur'ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir al-Natā'ij* (Mukjizat Nombor 19 dalam al-Quran al-Karim, Pendahuluan Yang Menanti Kesimpulan).

Buku ini diterbitkan pada tahun 1990 dan merupakan edisi baru buku sebelumnya, iaitu *'Ajibah Tis 'ah 'Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimin wa Dalālāt al-Mudda 'īn*. Ia diulang cetak beberapa kali dan mengandungi 175 halaman. Ia merupakan kajian dan semakan Bassām ke atas kiraan yang dibuat oleh Rashād Khalīfah dalam karya-karyanya, khususnya yang berkaitan dengan bilangan 19. Buku ini menegaskan kemukjizatan bilangan 19 yang disebut dalam al-Quran tetapi menolak dakwaan-dakwaan Rashād Khalīfah berkaitan dengan kerasulan dan ramalan hari kiamat. Bassām mengkritik Rashād Khalīfah secara adil dan mendedahkan beberapa kesilapan pengiraannya demi mengelakkan umat Islam dari memerangi nikmat mukjizat bilangan kerana kesilapan Rashād Khalīfah. Buku ini turut melampirkan temu bual sebuah akhbar dengan Rashād Khalīfah yang menunjukkan kesesatannya.¹⁴

- iii. *Wa Lita 'lamū 'Adad al-Sinīn wa al-Hisāb*, 309 (Agar Kamu Mengetahui Bilangan Tahun dan Hitungan, 309).

Buku ini mengandungi 52 halaman dan dicetak pada tahun 1991.¹⁵ Naskah yang dimuat-naik dalam laman Nun tidak disertakan halaman awal dan kulit depan buku. Buku ini mengemukakan teori-teori baru tentang kisah Aṣḥab al-Kahf. Ia merupakan kajian bilangan yang mencerahkan pengertian kalimah *al-raqīm* (الرقم) dalam ayat 9,

¹³ Bassām Jarrār, *'Ajibah Tis 'ah 'Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimin wa Dalālāt al-Mudda 'īn*, (Beirut: Dār al-Nafā'is, 1990).

¹⁴ Bassām Jarrār, *I'jāz al-Raqam 19 fī al-Qur'ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir Natā'ij*, (Beirut: Dār al-Nafā'is / al-Mu'assasah al-Islāmiyyah, 2003).

¹⁵ Berdasarkan catatan nota kaki dalam bukunya yang lain, iaitu Bassām Jarrār, *al-Miṣān 456 Buḥūth fī al-'Adad al-Qur'āni*, (al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abḥāth wa al-Dirāsāt al-Qur'āniyyah, 2002).

surah al-Kahf. Ia juga menjelaskan beberapa rahsia bilangan 309 yang mempunyai kaitan dengan buku *Zawāl Isrā’īl*. Kandungan lain adalah tentang kisah ‘Uzayr dan kaedah kiraan masa dalam al-Quran.¹⁶

- iv. *Zawāl Isrā’īl 2022 Milādī Nabū’ah Am Ṣudaf Raqmiyyah* (Kejatuhan Negara Israel Pada Tahun 2022M, Berita Kenabian Atau Kebetulan Angka).

Buku 105 halaman ini diterbitkan pada tahun 1995 M. Ia merupakan kajian tentang sejarah jatuh bangunnya kerajaan Bani Israil selepas era Nabi Sulaiman AS, tafsiran ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengannya dan kemunculan kerajaan mereka kembali (Regim Israel) sejak tahun 1948 M. Dengan merujuk kepada sumber sejarah, Perjanjian Lama dan Baru, membuat kiraan angka dalam ayat-ayat al-Quran, Bassām memberitahu kemungkinan kejatuhan kerajaan Israel akan berlaku pada tahun 2022 Masihi. Buku ini dicetak semula dengan penambahan dan tapisan pada tahun 2002 M.¹⁷

- v. *Irhāṣāt al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm* (Petanda Mukjizat Bilangan dalam al-Quran).

Buku setebal 74 halaman ini diterbitkan pada tahun 1998 M. Ia memberikan idea umum tentang mukjizat bilangan dalam al-Quran. Penulis membawakan beberapa contoh mengenainya. Buku ini diolah dengan kaedah yang memudahkan pembaca memahami idea pengarang tanpa huraian panjang yang berbelit-belit. Ia menyentuh tentang susunan surah, susunan surah *fawātiḥ*, *hisāb jummāl*, hubungan mukjizat bilangan dengan ilmu falak dan bilangan-bilangan dalam surah al-Jinn.¹⁸

- vi. *Al-Mizān 456 Buhūth fī al-‘Adad al-Qur’āni* (Neraca 456 Kajian-kajian dalam Mukjizat Bilangan al-Quran).

Buku setebal 67 halaman ini diterbitkan secara maya (*e-book*) pada tahun 2002 M. Ia mendedahkan tentang bilangan 456 dan fungsinya sebagai neraca sejarah, secara khusus

¹⁶ Nūn, akses 9 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Derasat/Ta3lmo/index.html>

¹⁷ Bassām Nihād Jarrār, *Zawāl Isrā’īl 2002 Milādī Nabū’ah Am Ṣudaf Raqmiyyah*, (2002), cetakan ke 3.

¹⁸ Bassām Jarrār, *Irhāṣāt al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm*, (al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah, 2004).

berkaitan dengan sejarah al-Masjid al-Aqsa. Data-data bilangan dalam buku ini bertepatan dengan data-data dalam buku *Zawāl Isrā’īl*. Namun, ia berbeza dari segi banyaknya bilangan-bilangan yang dibincangkan dan kejutan-kejutan lain. Bassām mengaitkan ibadah haji, ayat-ayat berkenaan dengan angka 456 dan sejarah al-Masjid al-Aqsa.¹⁹

vii. *Sakhrah Bayt al-Maqdis wa Aṣḥāb al-Kahf* (Batu Baitulmaqdis dan Penghuni Gua)

Buku kecil ini mengandungi 35 halaman dan diterbitkan secara maya (*e-book*) pada tahun 2002 M. Ia juga dicatat dengan judul berbeza dalam senarai lain iaitu *al-Kahf wa Sakhrah Bayt al-Maqdis* (Gua ‘al-Kahf’ dan Batu Baitulmaqdis). Buku ini membuat kejutan tentang kedudukan gua Aṣḥāb al-Kahf yang diceritakan dalam surah al-Kahf. Bassām menyimpulkan bahawa gua terletak di bawah batu besar, di bawah Kubah Batu (*Dome of Rock*) di Baitulmaqdis, Palestin. Selain berhujah dengan tafsiran ayat al-Quran dan sejarah, beliau juga menggunakan kiraan bilangan-bilangan al-Quran untuk menyokong pandangannya.²⁰

viii. *Al-Muqtāṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadi* (Penjelasan Terpilih Mengenai Mukjizat Bilangan)

Buku ini dengan 118 halaman ini diterbitkan pada tahun 2007 M. Ia merupakan tulisan yang dipetik dan diolah dari buku-buku sebelumnya, khususnya buku *Irhaṣāt* (1998 M). Selain itu, dimuatkan juga kajian yang belum diterbitkan dalam mana-mana buku. Selepas menjelaskan tentang kajian bilangan serta konsep mukjizat bilangan berdasarkan surah al-Mudaththir dan bilangan 19, Bassām meneruskan bicara tentang surah al-Jinn, mukjizat susunan surah, susunan surah *fawātiḥ* dan *hisāb jummal*. Kemudian diikuti dengan beberapa contoh mukjizat bilangan dari surah al-Naml, al-Naḥl, lafaz al-Jalālah (Allah), surah Nūḥ, surah al-Hajj dan perbandingan Adam dengan Isa AS. Ia diakhiri dengan perbincangan mukjizat bilangan antara pendukung dan penentang.

¹⁹ Bassām Jarrār, *Al-Mizān 456 Buḥūth fī al-‘Adad al-Qur’āni*, (al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abḥāth wa al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah, 2002).

²⁰ Nūn, akses 10 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Derasat/Sakhra/index.html>.

Pengarang turut melampirkan piawai kiraan Markaz Nūn dan jadual kiraan ayat dan surah al-Quran. Buku ini turut disemak oleh seorang peguam, Bahā’ al-Bakrī dan seorang jurutera, Muḥammad Abū Libdah.

4.1.11 Artikel Berkaitan Mukjizat Bilangan

Selain karya dalam bentuk buku, Bassām juga menulis beberapa artikel berkaitan mukjizat bilangan. Antaranya adalah:

- i. *al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm* (Mukjizat Bilangan Antara Realiti dan Keraguan).

Artikel 16 halaman ini merupakan tulisan Bassām yang mempertahankan mukjizat bilangan dari para pengkritiknya. Menurut beliau, kebanyakan pengkritik tidak mendalamai kajian-kajian mukjizat bilangan. Dengan kritikan objektif walaupun agak keras, beliau menegaskan bahawa terdapat kajian mukjizat bilangan yang lemah dan ada pula yang baik. Kelemahan pada kajian tertentu tidak sepatutnya menyebabkan keseluruhan konsep mukjizat bilangan ditolak, sebagaimana halnya dengan mukjizat yang lain sejak dari zaman awal Islam. Ada sahaja tulisan tentang mukjizat al-Quran (secara umum) dan mukjizat saintifik yang lemah dan ada pula yang jitu. Ia tidak menyebabkan konsep mukjizat tersebut ditolak secara borong. Beliau tidak menafikan kewujudan kajian bilangan yang lemah, namun mengharapkan agar para pengkritik bersikap objektif dan teratur. Secara khusus, artikel ini adalah reaksi menjawab buku yang ditulis oleh Fātiḥ Ḥusnī Maḥmūd dengan judul yang sama.²¹

- ii. *al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Mādī wa al-Hādir* (Mukjizat Bilangan Antara Dahulu dan Masakini)

Artikel ringkas lima halaman ini menerangkan tentang asal-usul mukjizat bilangan yang bermula dengan pengiraan dan bilangan (ayat, kalimah dan lain-lain) dalam al-Quran

²¹ Bassām Jarrār, “al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm.” Laman Nūn, akses 12 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/e3jaz1.htm>.

sejak zaman awal Islam. Bassām menjelaskan juga sebab-sebab mukjizat bilangan sukar diterima dan mengemukakan hujah kepada golongan yang menolaknya.²²

- iii. *Al-Radd ‘alā Shubhah Idāfah al-Āyatayn 128 wa 129 min Sūrah al-Tawbah*
(Menolak Kekeliruan Gabungan Dua Ayat al-Quran 128 dan 129 dari Surah al-Tawbah)

Artikel sembilan halaman ini menerangkan tentang kekeliruan yang ditimbulkan oleh orientalis, penganut Bahai dan pengikut Rashād Khalīfah tentang dua ayat terakhir dalam surah al-Tawbah. Mereka menganggap dua ayat itu bukan ayat al-Quran, tetapi tambahan yang dimasukkan pada zaman Khalifah ‘Uthmān. Bassām mempertahankan kedua-dua ayat tadi sebagai ayat al-Quran dengan mengemukakan hujah sejarah (kaedah riwayat dan sanad) dan hujah berdasarkan nas al-Quran sendiri (dengan membuat kiraan). Kiraan yang dibuat menunjukkan ada keseragaman antara kedudukan dua ayat tersebut dengan ayat-ayat lain dan surah-surah dalam al-Quran.²³

Antara artikel-artikel Bassām dengan tema lain pula adalah:

- i. *Al-Qur’ān wa Manhajīyyah al-Fikr* (al-Quran dan Metodologi Berfikir)

Artikel sembilan halaman ini berkaitan dengan cara berfikir yang dianjurkan oleh al-Quran. Bassām melihat cara susunan surah al-Quran, himpunan ayat-ayat yang membahaskan sesuatu perkara dan pengulangan kisah tetapi dengan pembentangan yang berbeza. Ini semua membentuk cara berfikir yang sesuai dalam menghadapi pemikiran manusia.²⁴

- ii. *Fī Fiqh al-Adhkār* (Memahami Zikir)

Tulisan 18 halaman dan terbit pada tahun 2003 M ini menyentuh isu-isu berkaitan zikir (*dhikr Allāh*) dan tatacaranya. Beliau membahagikan zikir kepada tiga iaitu zikir dengan

²² Bassām Jarrār, *al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Mađī wa al-Hādir*, akses 14 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/e3jaz.htm>.

²³ Bassām Jarrār, akses 14 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/alrad.htm>.

²⁴ Bassām Jarrār, akses 14 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/quran.htm>.

lidah, zikir dengan hati dan zikir tafakkur (ingat dan memikirkan kebesaran Allah). Kelebihan zikir, bentuk zikir, zikir yang utama, adab-adab, zikir berkumpulan dan menggunakan biji tasbih juga dibincangkan.²⁵

iii. *Al-Hadāthah wa al-Tafsīr* (Modernisme dan Tafsir al-Quran)

Tulisan sembilan halaman ini membincangkan tentang pemikiran modernisme yang cuba merombak pemikiran umat termasuk dalam aspek al-Quran dan tafsirannya. Bassām menolak modernisme dan mengetengahkan mukjizat sebagai salah satu cara menghadapi fahaman ini. Beliau mengemukakan konsep pembaharuan tafsir yang wajar dengan asas-asasnya. Turut disertakan adalah pengalaman *Markaz Nūn* dalam menegaskan kemukjizatan al-Quran khususnya dalam aspek mukjizat bilangan.²⁶

4.2 ‘Abd al-Dā’im al-Al-Kaḥīl

‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl juga adalah antara tokoh kajian bilangan yang banyak menyelidik dan menulis bukan sahaja tentang kajian bilangan, bahkan aspek mukjizat yang lain. Hasil kajian dan tulisan beliau dipaparkan bersama pelbagai kajian lain melalui laman sesawang *Mawqi‘ al-Kaḥīl li al-I‘jāz al-‘Ilmi* yang boleh diakses di alamat www.kaheel7.com.

4.2.1 Kelahiran

‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl dilahirkan pada tahun 1966 M di bandar Ḥimṣ²⁷, sebuah bandar di barat Syria, 162 kilometer di utara Damsyik. Al-Kaḥīl adalah nama keluarga beliau.

²⁵ Bassām Jarrār, akses 15 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/thikr.htm>.

²⁶ Bassām Jarrār, akses 15 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/7adatha.htm>,

²⁷ Atau Homs



Gambar 13: ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl dalam salah satu rancangan televisyen.

4.2.2 Pendidikan

Beliau adalah seorang hafiz al-Quran dan berkelulusan sarjana muda kejuruteraan mekanikal dari Universiti Damsyik, Syria pada tahun 1995 M. Selepas itu, beliau melanjutkan pengajian dan memperoleh diploma kejuruteraan cecair pada tahun 1997 M. Beliau juga memperoleh diploma pendidikan pada tahun 2000 M dari universiti yang sama. Beliau bertutur dengan fasih dalam bahasa Arab dan Inggeris.²⁹ Beliau turut mengaji secara khusus tentang tafsir, qiraat dan bahasa Arab, selain membaca sendiri.³⁰

4.2.3 Kesarjanaan dan Aktiviti Akademik

‘Abd al-Dā’im merupakan penyelidik sepenuh masa dalam bidang mukjizat saintifik al-Quran dan sunnah. Beliau juga merupakan anggota Badan Antarabangsa Mukjizat Sains al-Quran dan Sunnah. Sebelum itu, beliau pernah bertugas di Kementerian Keadilan Syria dalam bidang pengawasan kejuruteraan. Beliau juga merupakan pakar dalam undang-undang perbicaraan berjuri dalam sistem kehakiman Syria.³¹

²⁹ Laman ‘al-‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, akses 21 Mei 2014, <http://www.kaheel7.com/modules.php?name=news&file=article&sid=187>.

³⁰ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Asrār Mu’jizah Alif Lām Mīm*, 56, akses 11 Jun 2014, <http://www.kaheel7.com/book/ALIFLAMMEEEMNEW.doc>.

³¹ Laman al-Kahīl li al-I‘jāz al-Ilmī, “al-Sīrah al-Dhātiyyah”, akses 13 Mac 2014, http://www.kaheel7.com/ar/index.php?option=com_content&view=article&id=86:2010-02-26-21-45-26&catid=48:2010-02-03-00-24-46&temid=1.

4.2.4 Karya Dalam Mukjizat Bilangan

Beliau banyak melakukan penyelidikan dan telah menghasilkan lebih dari 1500 penulisan.³² Ia termasuk lebih dari 50 buah buku yang memuatkan isu mukjizat al-Quran dan sunnah, khususnya mukjizat bilangan. Antara karya dalam mukjizat bilangan adalah:

- i. *Mu'jizah al-Qur'an fi 'Asr al-Ma'lumatiyyah* (Mukjizat al-Quran Pada Era Informasi)

Buku setebal 96 halaman ini diterbitkan pada tahun 2002 M. Ia mendedahkan tentang mukjizat bilangan sebagai mukjizat terkini al-Quran dengan ribuan dapatan angka yang menakjubkan. Kesemuanya dapat diharmonikan dengan angka tujuh. Ini menunjukkan bahawa al-Quran itu telah diturunkan oleh Tuhan yang mencipta tujuh langit.

Beliau memulakan buku ini dengan fasal mengenai perkembangan mukjizat al-Quran, dari mukjizat *bayāni*, *nafsi*, *tashri'i* sehingga mukjizat-mukjizat saintifik dengan cabang-cabang astronomi, geologi, oseanografi, botani dan perubatan. Ia diikuti dengan perkongsian pengalaman bagaimana beliau terlibat dengan kajian mukjizat bilangan, walaupun beliau juga pernah menolaknya. Ia tercetus selepas dialognya dengan seorang atheis yang tidak mahu menerima hujah mukjizat bahasa dan tidak mampu memahami mukjizat saintifik. Dari situlah, beliau memulakan kajian selama dua tahun. Ia diikuti pula dengan fasal menjawab persoalan-persoalan berkaitan mukjizat bilangan. Kemudian mengenai asas dan piawai kajian. Selepas itu, beliau mengemukakan beberapa contoh dapatan kajian bilangan termasuk kajian tentang Alif Lam Mim dan surah Yasin. Akhir sekali, beliau mengemukakan kesimpulan dan penutup kajian.³³ Buku ini menjelaskan pengalaman peribadi beliau sebagai penyelidik mukjizat bilangan.

³² Banyak tulisan beliau dalam laman webnya didapati merupakan catatan pendek sepanjang satu atau dua perenggan sahaja yang disertakan dengan gambar atau video.

³³ 'Abd al-Dā'im al-Kahīl, *Mu'jizah al-Qur'an fi 'Asr al-Ma'lumatiyyah*, (Dimasyq: Dār al-Fikr, 2002), akses 21 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/koranmiraclenew.doc>.

ii. *Allāh Yatajallā fī Āyātih* (Allah Hadir Pada Ayat-Ayat-Nya)

Buku setebal 54 halaman ini diterbitkan pada tahun 2004 M. Ia menjelaskan tentang mukjizat bilangan sebagai mukjizat masa kini. ‘Abd al-Dā’im memulakannya dengan topik mukjizat para nabi yang bersesuaian dengan zaman mereka. Begitu juga al-Quran sebagai mukjizat pada zaman sekarang. Ia tetap sesuai dengan zaman digital dan zaman ramainnya golongan atheis. Penegasan ini dihujahkan dengan jaminan Allah bahawa Dia akan memperlihatkan tanda-tanda-Nya kepada manusia. Beliau menjelaskan bahawa mukjizat terkini adalah mukjizat bilangan dan ia terbina atas asas angka tujuh. Beliau membahagikan buku ini kepada topik besar, iaitu Tanda-tanda Allah Pada Ufuk Bilangan, Nama ‘Allah’ Dalam al-Quran dan al-Asmā’ al-Ḥusnā.³⁴

iii. *al-I‘jāz al-Qaṣaṣī fī al-Qur’ān al-Karīm* (Mukjizat Pengisahan dalam al-Quran)

Buku setebal 42 halaman ini diterbitkan pada tahun 2004 M. Ia ditulis untuk menjawab persoalan apakah rahsia pengulangan kisah-kisah dalam al-Quran? Kajian ini juga dikaitkan dengan angka tujuh dan susunan surah dalam al-Quran. Beliau memperakukan tiga tujuan pengulangan kisah yang dijelaskan oleh para ulama dan membawakan tujuan yang keempat yang berdasarkan bahasa angka. Menurutnya, balaghah angka juga menyamai balaghah kalimah. Beliau memetik beberapa kalimah dari kisah-kisah al-Quran, kemudian melihat kedudukan surah dan ayat. Hasil nombor yang diperolehi disusun dalam matrik yang menghasilkan nombor besar yang dapat dibahagi dengan angka tujuh.

Antara kisah yang dijadikan contoh adalah kisah Nabi Ibrāhīm AS, kisah Bani Israil, kisah Nabi Ṣāliḥ AS, bintang dalam kisah Nabi Ibrāhīm AS dan Nabi Yūsuf AS, ungkapan empat orang nabi (Ya‘qūb, Mūsā, Sulaymān dan ‘Isā alayhim al-salām), ucapan Nabi Nūh AS, kisah Nabi Yūnus AS, ungkapan malaikat, kisah ahli sihir Firaun, kisah Nabi ‘Isā AS dan ungkapan Allah kepada Nabi Muḥammad SAW.³⁵

³⁴ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Allāh Yatajallā fī Āyātih*, (Halab: Dār al-Ridwān, 2004), akses 20 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/ALLAHYATAJALLA.doc>.

³⁵ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Al-I‘jāz al-Qaṣaṣī fī al-Qur’ān al-Karīm*, (Halab: Dār al-Ridwān, 2004), akses 21 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/kasasimiracle.doc>.

- iv. *Asrār I'jāz al-Qur'ān*: 70 *Haqīqah Raqamiyyah Tashhad 'alā Sidq al-Qur'ān*
(Rahsia-rahsia Mukjizat al-Quran: 70 Penemuan Angka Yang Membuktikan Kebenaran al-Quran)

Buku setebal 59 ini diterbitkan oleh Dār al-Riḍwān, Ḥalab pada tahun 2004 M. Melalui buku ini, ‘Abd al-Dā’im memaparkan mukjizat bahasa dan angka pada al-Quran. Ia menegaskan bahawa al-Quran tidak akan dapat ditiru walaupun pelbagai usaha dilakukan manusia dan teknologi mereka juga berkembang. Buku ini mendedahkan sistem nombor yang lengkap merangkumi setiap kalimah, ayat dan surah al-Quran. Semuanya tersusun dan selaras dengan angka tujuh. Keserasian tersebut turut didedahkan pada ungkapan yang berulang di dalam al-Quran. Beliau mengaitkan penemuan ini dengan hadis Rasulullah SAW bahawa al-Quran diturunkan di atas tujuh huruf.³⁶ Kajian beliau diharap menjadi langkah awal untuk memahami hadis tersebut.³⁷

- v. *Mu'jizah Qul Huwa Allāh Aḥad* (Mukjizat ‘Qul Huwa Allāh Aḥad’)

Buku setebal 52 halaman ini diterbitkan oleh Dār Manār, Damsyik pada tahun 2005 M. Ia juga terbit sebagai *e-book* dengan pautan pada laman web beliau. Melalui buku ini, ‘Abd al-Dā’im menghuraikan kelebihan surah al-Ikhlāṣ (surah *Qul Huwa Allāh Aḥad*) dengan bahasa angka. Dengan bersandarkan hadis Rasulullah SAW tentang kedudukan surah ini sebagai sepertiga al-Quran ($1/3$), beliau menegaskan bahawa al-Quran tidak dapat ditandingi atau ditiru walaupun satu surah yang pendek. Kiraan yang beliau lakukan pada surah ini dikaitkan juga dengan angka tujuh (7). Selain itu, ia juga dikaitkan dengan al-Asmā’ al-Ḥusnā (nama-nama Allah yang baik). Beliau

³⁶ Hadis tersebut adalah:

إِنَّ هَذَا الْقُرْآنُ أَنْزَلٌ عَلَى سَيِّدِهِ أَخْرِيفٍ فَاقْرُءُوا مَا تَيَسَّرَ مِنْهُ

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Quran ini diturunkan di atas tujuh huruf. Maka bacalah mana-mana yang mudah darinya.” (Muttafaq ‘alayh).

al-Bukhārī, Ṣahīḥ, Kitāb Faḍā'il al-Qur'ān, Bāb 'Ūnzila al-Qur'ān 'alā Sab'ah Aḥruf, no. 4608.

³⁷ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Asrār I'jāz al-Qur'ān*, (Ḥalab: Dār al-Riḍwān, 2004), akses 20 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/books/basmalamiracle.doc>.

mengeluarkan angka matrik berdasarkan huruf-huruf dalam surah ini dan dikaitkan dengan angka tujuh juga.³⁸

vi. *Mu'jizah Bism Allāh al-Rahmān al-Rahīm* (Mukjizat Basmalah)

Buku dengan 82 halaman ini diterbitkan oleh Dār al-Riḍwān, Ḥalab pada tahun 2005 M. Ia juga terbit sebagai *e-book* dengan pautan pada laman web beliau. Buku ini menjelaskan bahawa Basmalah telah disusun oleh Allah SWT dengan cara menakjubkan yang melemahkan sesiapa sahaja untuk menirunya. Kaedah untuk membuktikannya adalah menggunakan bahasa nombor, khususnya nombor tujuh (7). Beliau mengeluarkan bilangan-bilangan berdasarkan bilangan huruf, kedudukan ayat dan surah, kemudian membentuk matrik dari angka-angka itu. Bilangan-bilangan yang terhasil itu dibuktikan semuanya boleh dibahagi tujuh tanpa meninggalkan sebarang baki. Kiraan dibuat dan dikaitkan dengan surah pertama dalam al-Quran (al-Fātiḥah), surah terakhir, ayat al-Kursī dan al-Asmā' al-Ḥusnā. Selain tujuh, beliau juga membuat sedikit kiraan dengan bilangan 11.³⁹

vii. *Mu'jizah al-Sab' al-Mathāni* (Mukjizat Tujuh Yang Diulang).

Buku setebal 69 halaman ini diterbitkan oleh Dār al-Riḍwān, Ḥalab. pada tahun 2005 M. Ia juga terbit sebagai *e-book* dengan pautan pada laman web beliau. Buku ini mendedahkan rahsia-rahsia berkaitan angka dalam surah al-Fātiḥah yang juga dinamakan *al-Sab' al-Mathāni*, surah pertama dan surah paling agung dalam al-Quran. 'Abd al-Dā'im mengemukakannya sebagai hujah terkini bahawa al-Quran adalah wahu dari Tuhan, bukan rekaan manusia dan tidak dapat ditandingi atau ditiru oleh sesiapa pun. Walaupun tidak begitu tebal, buku ini mengandungi 52 subtopik. Hampir keseluruhannya mendedahkan kiraan yang menunjukkan susunan, keseimbangan serta

³⁸ 'Abd al-Dā'im al-Kaḥīl, *Mu'jizah Qul Huwa Allāh Aḥad* (Dimasyq: Dār Manār, 2005), akses 20 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/books/ikhlas.doc>.

³⁹ 'Abd al-Dā'im al-Kaḥīl, *Mu'jizah Bism Allāh al-Rahmān al-Rahīm*, (Dimasyq: Dār Manār, 2005) , akses 20 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/books/basmalamiracle.doc>.

saling keterkaitan antara ayat dan surah yang terdapat dalam al-Quran yang berkaitan dengan surah al-Fātiḥah.⁴⁰

viii. *Asrār Mu'jizah Alif, Lām, Mīm fī al-Qur'ān al-Karīm* (Rahsia-rahsia Mukjizat Alif, Lām, Mīm Dalam al-Quran).

Buku setebal 57 halaman ini diterbitkan pada tahun 2005 M oleh Dār al-Riḍwān, Ḥalab. Ia mendedahkan tentang rahsia huruf-huruf *fawātiḥ* di awal sebahagian surah al-Quran, secara khusus huruf-huruf alif, lam dan mim. Seawal ayat pertama selepas surah al-Fātiḥah, manusia telah dihadapkan dengan tiga huruf ini bila membaca al-Quran. Dalam buku ini, seperti buku-buku lain juga, beliau menggunakan kaedah matrik. Kali ini dengan menyusun bilangan huruf alif, lam dan mim pada setiap kalimah. Susunan bilangan huruf-huruf itu kemudian didapati dapat dibahagi dengan tujuh tanpa meninggalkan baki. Ujikaji ini dilakukan dalam banyak ayat dan potongan yang munasabah. Ia tetap menghasilkan keputusan yang sama iaitu dapat dibahagi dengan tujuh. Ini menunjukkan al-Quran telah disusun oleh Allah SWT dengan kesimbangan yang berdasarkan bilangan tujuh. ‘Abd al-Dā’im membandingkan antara binaan alam semesta dengan binaan al-Quran yang mempunyai kaitan dengan angka tujuh. Menurut beliau, ia menjadi bukti kebenaran al-Quran pada abad ini.⁴¹ Sebahagian subtajuk dan kandungan buku ini didapati mengulang subtajuk dan isi kandungan buku sebelumnya, iaitu *Mu'jizah al-Sab‘ al-Mathāni*.

ix. *Ishrāqāt al-Raqam Sab‘ah fī al-Qur'ān al-Karīm* (Nombor Tujuh Menyerlah dalam al-Quran)

Buku setebal 400 halaman ini diterbitkan oleh Anugerah Antarabangsa Dubai bagi al-Quran al-Karim pada tahun 2006 M. Ia dibiaya oleh Shaykhah Hind binti Maktūm bin Jum‘ah al-Maktūm, isteri Perdana Menteri Emiriah Arab Bersatu (UAE). Buku ini membentangkan mukjizat bilangan sebagai salah satu mukjizat al-Quran dengan tumpuan kepada kaitan dengan bilangan atau angka tujuh (7). Banyak kiraan dalam al-

⁴⁰ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Mu'jizah al-Sab‘ al-Mathāni*, (Halab: Dār al-Riḍwān, 2005), akses 20 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/books/mathani.doc>.

⁴¹ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Asrār (Alif, Lām, Mīm) fī al-Qur'ān al-Karīm*, (Halab: Dār al-Riḍwān, 2005), akses 26 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/ALIFLAMMEEEMNEW.doc>.

Quran dapat dikaitkan dengan nombor tujuh. Sekaligus ‘Abd al-Dā’im menegaskan dalam buku ini tentang keselarasan antara kitab Allah al-Quran dengan kejadian alam semesta (seperti tujuh langit) yang juga banyak berdasarkan kepada kiraan tujuh.⁴²

x. *Āfāq al-I‘jāz al-Raqamī fī al-Qur’ān* (Ufuk Mukjizat Nombor Dalam al-Quran)

Buku setebal 189 halaman ini diterbitkan oleh Dār Wahy al-Qalam pada tahun 2006 M. Dalam buku ini, ‘Abd al-Dā’im menjawab beberapa keraguan yang timbul terhadap konsep mukjizat bilangan. Beliau juga mengemukakan piawai yang diperlukan dalam menilai sesuatu kajian bilangan sama ada ia benar-benar mukjizat atau sebaliknya hanya kebetulan. Antara topik dibincangkan juga adalah sistem berdasarkan tujuh pada huruf-huruf al-Quran, tujuh yang diulang-ulang, nama Allah dalam al-Quran, huruf-huruf tunggal (*fawātiḥ*), mukjizat huruf-huruf Basmalah dan kepelbagaiannya sistem nombor dalam al-Quran.⁴³

xi. *Mawsū‘ah al-I‘jāz al-Raqamī* (Ensiklopedia Mukjizat Bilangan)

Karya ini dengan 573 halaman ini adalah dalam bentuk *e-book* diterbitkan pada tahun 2006 M. Ia boleh dimuat turun dari laman web beliau dan merupakan karya yang paling besar. Buku ini disusun dengan 12 tajuk bermula dengan mukadimah, keistimewaan nombor tujuh, piawai mukjizat bilangan, penelitian angka pada Basmalah, kalimah Allah, surah al-Fātiḥah, rahsia huruf *fawātiḥ*, al-Asmā’ al-Husnā dalam Surah al-Ikhlas, mukjizat huruf-huruf al-Quran berkaitan bilangan tujuh, mukjizat ayat pada susunan dan peromboran, mukjizat susunan surah-surah serta pengulangan ayat, rahsia pengulangan kisah dalam al-Quran dan keindahan angka pada sebutan Isa dan Adam.⁴⁴ Sebahagian kecil kandungan buku ini adalah ulangan dan olahan semula dari buku-buku kecil sebelumnya seperti *Mujizah Qul Huwa Allāh Aḥad*, *Mujizah Bism Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm*, *Mujizah al-Sab‘ al-Mathānī* dan *Asrār Mu‘jizah(Alif, Lām, Mīm) fī al-Qur’ān al-Karīm*.

⁴² ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Ishrāqāt al-Raqam Sab‘ah fī al-Qur’ān al-Karīm*, (Jā’izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur’ān al-Karīm, 2006).

⁴³ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Āfāq al-I‘jāz al-Raqamī fī al-Qur’ān*, (Dimasyq: Dār Wahy al-Qalam, 2006).

⁴⁴ al-Kahīl, *Āfāq al-I‘jāz*.

Selain dari sebelas buah buku tersebut, terdapat dua lagi buku yang dipercayai menyentuh mukjizat bilangan tetapi naskahnya tidak diperolehi sama ada dalam bentuk bercetak mahupun *e-book*. Buku-buku tersebut adalah:

- xii. *Haqā'iq Takshif Asrār al-Qiṣṣah al-Qur'āniyyah* (Realiti Yang Mendedahkan Rahsia Kisah-kisah al-Quran)

Ia terbitkan oleh Dār Ibn al-Qayyim, Damsyik pada tahun 2003 M. Naskah buku ini tidak diperolehi dan tidak disediakan untuk dimuat turun seperti buku-buku lain karya beliau.

- xiii. *Mu'jizah Qarn al-Hādi wa al-'Ishrin* (Mukjizat Kurun ke 21)

Ia diterbitkan oleh Dār al-Riḍwān, Ḥalab pada tahun 2003 M. Naskah buku ini juga tidak diperolehi dan tidak disediakan untuk dimuat turun seperti buku-buku lain karya beliau.

4.2.5 Karya Lain

Selain dari itu tajuk-tajuk dalam kategori mukjizat bilangan, al-Kahīl juga menulis karya lain tetapi masih dalam lingkungan al-Quran dan mukjizatnya, terutama mukjizat saintifik. Beberapa penulisan tersebut diterbitkan dalam bentuk elektronik (*e-book*) yang boleh dimuat turun secara percuma dari laman beliau. Antaranya adalah:

- i. *Asrār al-Kawn Bayn al-'Ilm wa al-Qur'ān* (Rahsia-rahsia Alam Antara Sains dan al-Quran).

Buku dengan 69 halaman ini diterbitkan pada 2006 M dengan diselia oleh laman web Kaheel7. Ia membincarakan tentang penemuan-penemuan terkini dalam kosmologi dan astronomi. Ia mendedahkan bahawa kajian tentang angkasa, konsep struktur alam semesta, binaan langit yang bersifat tekstur, kewujudan awan, debu dan asap kosmik menunjukkan dengan jelas ketepatan penerangan al-Quran mengenai alam dan langit.

Apa yang ditemui oleh para saintis bukan Muslim telah mengesahkan kemukjizatan al-Quran sebagai wahyu yang datang dari Tuhan pencipta alam semesta.⁴⁵

ii. *Rawā'i' al-I'jāz al-Tibbi* (Kehebatan Mukjizat Perubatan) (2007 M).

Buku 64 halaman ini diterbitkan sebagai *e-book* secara percuma dan boleh dimuat-turun dari laman Kaheel⁷. Ia mendedahkan tentang penemuan-penemuan baru dalam bidang biologi dan perubatan yang berkaitan dengan mukjizat al-Quran. Penemuan tersebut termasuk fungsi ubun-ubun dalam otak, memori bau dalam otak, rahsia rawatan dengan buah tamar, puasa sebagai rawatan, bagaimana al-Quran menangani fenomena bunuh diri, mati mengejut, penyusuan sempurna dan amaran nabawi tentang AIDS.⁴⁶

iii. *Zawāhir Kawniyyah Bayn al-'Ilm wa al-Imān* (Fenomena Alam Semesta Antara Sains dan Iman)

Buku 157 halaman ini diterbitkan oleh Anugerah Antarabangsa al-Quran al-Karim Dubai pada tahun 2008 M. Ia memaparkan fenomena alam semesta termasuk fenomena kilat, kitaran air dan struktur tenunan alam semesta. Tiga fenomena ini dibincangkan panjang lebar. Fakta-fakta saintifik tentang fenomena-fenomena itu dibandingkan dengan apa yang terdapat dalam nas al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW. Kesemuanya menunjukkan bahawa ucapan Rasulullah SAW bukan berdasarkan pengetahuan manusia pada zaman itu. Bahkan, baginda memperbetulkan apa yang difahami dan dipercayai oleh manusia pada zaman itu dengan kefahaman yang sebenar. Kefahaman yang dijelaskan oleh baginda itu menepati apa yang ditemui oleh penyelidikan sains pada hari ini. Buku ini juga membincangkan beberapa kekeliruan yang ada dalam fahaman manusia tentang fenomena-fenomena tersebut. Sebaliknya, al-Quran dan hadis telah mengemukakan konsep yang tepat mengenainya. Ini semua

⁴⁵ 'Abd al-Dā'im al-Kahīl, *Asrār al-Kawn Bayn al-'Ilm wa al-Qur'ān*, Dimasyq: Mawqi‘ah Mawsū‘ah al-I‘jāz al-Ilmī fī al-Qur'ān wa al-Sunnah, (2006), akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/ASRARNEW.doc>.

⁴⁶ 'Abd al-Dā'im al-Kahīl, *Rawā'i' al-I'jāz al-Tibbi fī al-Qur'ān wa al-Sunnah*, (t.pt: t.pt, 2006), akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/medicine-miracles.rar>.

adalah mukjizat yang ada pada baginda sebagai rasul dan pada al-Quran sebagai wahyu dari Tuhan.⁴⁷

iv. *Tariqah Ibdā’iyyah fī Hifz al-Qur’ān* (Kaedah Kreatif Untuk Menghafaz al-Quran)

Buku ini mengandungi 80 halaman dan diterbitkan pada tahun 2008 M sebagai *e-book*. Melalui buku ini, beliau memberikan motivasi agar pembaca menghafaz al-Quran dan menjelaskan kaedah hafazan berdasarkan pengalaman yang beliau lalui sendiri tanpa perlukan guru. Beliau juga memberikan alasan saintifik bagi setiap langkah yang diperlukan dalam proses hafazan itu. Beliau menekankan pentingnya otak manusia dibiasakan dengan gaya al-Quran yang tersendiri. Menurutnya, antara halangan utama bagi setengah orang adalah kegagalan otaknya menerima gaya bahasa al-Quran. Tiga peringkat hafazan yang digariskan adalah peringkat mendengar bacaan al-Quran secara murattal; peringkat memahami, *mentadabbur* serta mendalami kalam yang didengar dan peringkat mengukuhkan hafazan dari mashaf.⁴⁸

v. *Rawā’i‘ al-I‘jāz fī al-Kawn* (Kehebatan Mukjizat Di Alam Semesta)

Buku 137 halaman ini diterbitkan pada tahun 2009 M. Ia merupakan koleksi kajian-kajian yang merangkumi penemuan-penemuan terkini tentang alam semesta. Ia dibincangkan berdasarkan perspektif al-Quran. Topik pertama adalah berkenaan pengembangan alam, sungai kosmik, struktur kosmik, lubang hitam, kehidupan di planet jauh, debu kosmik, benda gelap, bintang neutron, tenunan kosmik, pergerakan matahari, langit bercakap dan binaan kosmik. Kesemua topik ini dijelaskan beserta bandingan dengan ayat-ayat al-Quran yang berkaitan. Ia menunjukkan bahawa al-Quran telah mendahului kajian manusia dalam mengetengahkan konsep dan penggunaan kalimah yang tepat menggambarkan hakikat kosmologi yang baru difahami oleh manusia mutakhir ini.⁴⁹

⁴⁷ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Zawāhir Kawniyyah Bayn al-‘Ilm wa al-Īmān*, (UAE: Ja’izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur’ān al-Karīm, 2008), akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/cosmic-phenomena.pdf>.

⁴⁸ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Tariqah Ibdā’iyyah fī Hifz al-Qur’ān*, (t.tpt: t.pt, 2008) http://www.quransite.com/new_quran_method.doc, akses 21 Oktober 2014.

⁴⁹ al-Kahīl, akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/wonders-cosmic.pdf>.

vi. ‘Ālij Nafsak bi al-Qur’ān (Rawat Dirimu dengan al-Quran)

Buku 182 halaman ini diterbitkan pada tahun 2009 M. Ia merupakan kajian saintifik tentang rawatan menggunakan al-Quran yang turut dialami oleh ‘Abd al-Dā’im sendiri. Beliau juga mengaitkan fungsi al-Quran sebagai penawar dengan penemuan saintifik tentang perubatan alternatif, termasuk rawatan menggunakan bunyi (*sound healing*). Beliau menghuraikan fungsi telinga, deria pendengaran dan hubungan dengan sistem saraf manusia. Beberapa kajian saintifik didedahkan menunjukkan bahawa sel-sel badan, virus dan lain-lain mempunyai getaran bunyi tersendiri dan bertindak balas terhadap getaran bunyi. Suara manusia pula membawa deringan rohani. Seterusnya beliau mengaitkan penemuan-penemuan tersebut dengan fungsi al-Quran sebagai penyembuh seperti dijelaskan dalam beberapa ayat al-Quran. Bacaan al-Quran sendiri memberi kesan kepada penyakit kerana sel tubuh terdiri dari atom-atom. Atom pula terdiri dari tujuh lapisan. Kemudian beliau mengaitkannya dengan mukjizat al-Quran yang disusun dengan bilangan tujuh.⁵⁰

Selain dari bacaan al-Quran, beliau juga membincangkan tentang rawatan dengan puasa, al-asmā’ al-ḥusnā, istighfar, tafakkur, madu, zaitun, herba, ubatan kimia, bacaan pada air, solat, sedekah, belas kasihan, kasih sayang, khusyuk, doa-doa nabi SAW dan selawat.

vii. *Rawā'i 'al-I'jāz al-Nafsi* (Kehebatan Mukjizat Psikologi)

Buku setebal 145 halaman ini diterbitkan pada 2009 M. Ia merupakan beberapa artikel dan hasil kajian yang berkaitan ilmu psikologi. ‘Abd al-Dā’im menjelaskan bahawa hasil penemuan-penemuan oleh saintis psikologi itu sudah dibicarakan oleh al-Quran sejak 14 kurun lampau. Beliau membincangkan tentang Neuro Lingustic Programming, bagaimana mengawal emosi, kaedah merawat emosi kronik dengan al-Quran, rawatan emosi negatif dan kuasa keberanian. Selain itu, topik-topik lain adalah daya untuk berubah, rahsia kebahagiaan, ihsan dan kebahagiaan, terapi dengan belas kasihan, daya mempengaruhi orang lain, pentingnya sikap positif, sikap optimis menambah umur,

⁵⁰ al-Kaḥīl, akses 30 Oktober 2014, http://www.kaheel7.com/book/quran_healing_book.doc.

tekanan psikologi dan kesabaran, mengawal marah, kesan ucapan yang baik, kesan solat dari aspek perubatan dan psikologi, kajian mengenai kepentingan sikap optimis, puasa merawat tekanan, bolehkah anda membaca fikiran orang, kajian tentang pentingnya kestabilan psikologi, kesan psikologi dari perbuatan dusta, kesan psikologi dari senyuman, kesan psikologi dari rasa redha, kesan psikologi dari amalan sedekah, kesan psikologi dari doa, kesan psikologi dari khusyuk, program positif dalam tarbiyah Rasul, perbezaan antara jiwa dan roh, adakah NLP sesuai dengan agama dan kesan psikologi dari warna.⁵¹

viii. *Al-Mawsū‘ah al-Muṣawwarah li al-I‘jāz al-‘Ilmī* (Ensiklopedia Mukjizat Saintifik Bergambar).

Buku ini diterbitkan pada tahun 2013 M dan terdiri dari 5 jilid. Ia diterbitkan dalam bentuk maya dengan format pdf dan boleh dimuat-turun dari laman web Kaheel7. Buku ini menghimpunkan sejumlah besar penemuan-penemuan saintifik hari ini tetapi hakikatnya telah dibicarakan oleh al-Quran 14 kurun yang lalu. Ia menjadi mukjizat yang menunjukkan benarnya al-Quran itu wahyu dari Allah dan bukan rekaan manusia. Pengarang menggunakan gambar, nas al-Quran atau hadis dengan sedikit kata-kata sahaja, tanpa penjelasan terperinci dari aspek sains. Ia memudahkan pelbagai peringkat umur dan pendidikan untuk memahaminya.⁵² Kandungannya hampir menyamai topik-topik tentang mukjizat saintifik al-Quran yang dipaparkan pada laman web Kaheel7.

ix. *Mawsū‘ah al-Kaḥīl li al-I‘jāz al-‘Ilmī* (Ensiklopedia Kaheel Mengenai Mukjizat Saintifik).

Buku ini diterbitkan pada tahun 2014 M dan terdiri dari dua jilid, buat masa ini. Memandangkan ia baru diterbitkan, ada kemungkinan ia akan ditambah jilid lagi selepas ini. Jilid pertama mengandungi 136 halaman, manakala jilid kedua pula mengandungi 131 halaman. Buku ini adalah *e-book* (diterbitkan dalam bentuk maya)

⁵¹ ‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl, *Rawā‘i‘ al-I‘jāz al-Nafsi*, akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/Rawaee-nafs.pdf>.

⁵² ‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl, *Al-Mawsū‘ah al-Muṣawwarah li al-I‘jāz al-‘Ilmī*, (t.pt: t.pt, 2013), akses 30 Oktober 2014, <https://ia601006.us.archive.org/28/items/QuranMiracleEncyclopedia/Quran-Miracle-Encyclopedia.pdf>.

dengan format pdf dan boleh dimuat-turun dari laman web Kaheel7. Ia mendedahkan tentang kajian mukjizat saintifik dalam al-Quran merangkumi aspek-aspek berkaitan kosmologi dan astronomi. Antara topik dimuatkan dalam jilid 1 adalah berkenaan kehidupan di angkasa, binaan alam semesta, asap kosmik, gambaran siang dan malam dalam al-Quran, rupa bentuk kaitan alam, langit bercakap, lubang hitam dan bukti dari alam semesta tentang hampirnya kiamat.⁵³ Jilid kedua pula mengandungi topik-topik kulit bercakap, kaitan banyak tidur dengan kematian mengejut, mukjizat tidur dan pendengaran, mukjizat kalam, jejak otak, jantung lelaki dan jantung perempuan, rahsia jantung dan roh, dan daya kawalan emosi. Turut disertakan adalah gambar-gambar yang membantu pembaca memahami maklumat yang didedahkan.⁵⁴

Selain dari sembilan buah buku tersebut, terdapat dua lagi buku lain yang menyentuh mukjizat saintifik tetapi naskahnya tidak diperolehi sama ada dalam bentuk bercetak mahupun *e-book*. Buku-buku tersebut adalah:

- x. *Silsilah al-I'jāz al-'Ilmi fī al-Qur'ān wa al-Sunnah* (Siri Mukjizat Saintifik dalam al-Quran dan Hadis)

Buku ini terdiri dari 12 buah buku dan diterbitkan oleh Dār al-Hāfiẓ, Ḥalab dan Kaherah pada tahun 2005 M.

- xi. *Rawā'i' al-I'jāz al-'Ilmi fī al-Qur'ān al-Karīm* (Mukjizat Saintifik Yang Menyerlah Dalam al-Quran)

Ia diterbitkan oleh Dār Muhrat, Ḥims pada tahun 2006 M. Naskah buku ini tidak diperolehi.

⁵³ 'Abd al-Dā'im al-Kahīl, *Mawsū'ah al-Kahīl li al-I'jāz al-'Ilmi*, (t.tpt: t.pt, 2014), 1, akses 23 November 2014, <https://ia902302.us.archive.org/15/items/KaheelEncyclopedia1/Kaheel-Encyclopedia-1.pdf> dan <http://archive.org/details/KaheelEncyclope dia1>.

⁵⁴ 'Abd al-Dā'im al-Kahīl, *Mawsū'ah al-Kahīl li al-I'jāz al-'Ilmi*, (t.tpt: t.pt, 2014), 2, akses 31 Oktober 2014, <https://ia902508.us.archive.org/33/items/Kaheel2/Kaheel-2.pdf>.


4.2.6 Laman Web www.kaheel7.com

Laman Kaheel7 adalah laman yang dibina oleh ‘Abd al-Dā’im sendiri. Ia bermula pada tahun 2006 dan kini diselenggara oleh sekumpulan petugas sukarela. Buat masa ini, ia berpengkalan di Mesir.⁵⁵

Ia dinamakan *Mawqi‘ al-Kahīl li al-I‘jāz al-‘Ilmi* (Laman al-Kahīl untuk Mukjizat Saintifik) dengan catatan ‘realiti baru dalam mukjizat al-Quran yang mulia dan Sunnah yang suci’. ‘Abd al-Dā’im memilih untuk menggunakan nama keluarganya dan ditambah dengan angka tujuh, lantaran kajian bilangan beliau menemui banyak rahsia keharmonian susunan al-Quran berdasarkan angka tersebut.



⁵⁵ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, emel kepada penulis, 21 September 2014.



Gambar 14: Laman sesawang Kaheel dalam versi Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris.

Laman ini menghimpunkan pelbagai artikel panjang dan ringkas mengenai mukjizat saintifik dalam al-Quran dan hadis Rasulullah SAW. Mukjizat bilangan merupakan sebahagian dari kandungannya yang utama. Ia juga memuatkan gambar, video dan buku yang boleh dimuat turun secara percuma dalam format pdf (Acrobat) dan doc (Microsoft Word).

Laman web ini telah mendapat Anugerah Informatik Shaykh Sālim al-Šabāḥ pada tahun 2008 di Kuwait. Sehingga kini, laman web ini menggunakan 11 bahasa iaitu bahasa Arab, Inggeris, Indonesia, Turki, Perancis, Belanda, Kurdish, Parsi, Sepanyol, Hebrew dan Greek.

4.3 Hubungan Antara Bassām Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kaḥīl

Bassām Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im Al-Kaḥīl tidak pernah bertemu, namun mereka saling mengenali. Dalam beberapa penulisan, ‘Abd al-Dā’im dipercayai memberi komentar mengenai Bassām. Dalam *Mawsu‘ah al-I‘jāz al-Raqamī* (Ensiklopedia Mukjizat Bilangan) ‘Abd al-Dā’im mencatatkan buku Bassām iaitu *I‘jāz al-Raqam 19* dan kajian-kajian lain sebagai sebahagian dari senarai rujukannya. ‘Abd al-Dā’im mengkritik penggunaan *hisāb jummal* yang digunakan oleh Bassām dalam kajian bilangan, walaupun beliau tidak menyebut namanya dan tidak pula mencatat nota kaki dalam komentarnya. Namun begitu,

dalam senarai rujukan, beliau hanya mencatatkan karya Bassām dan tidak mencatatkan karya penyelidik lain yang turut menggunakan *hisāb jummal* seperti ‘Abdullāh Jalghūm, ‘Ubayd Sulaymān dan lain-lain.⁵⁶

Selain itu, komentar ‘Abd al-Dā’im tentang penggunaan kajian bilangan untuk membuat ramalan juga dipercayai turut merujuk kepada Bassām Jarrār. Khususnya, penggunaan kajian bilangan untuk mengandaikan bilakah kejatuhan regim Israel akan berlaku.⁵⁷ Bassām diketahui menimbulkan andaian tersebut melalui bukunya *Zawāl Isrā’īl 2022 Milādī Nabū’ah Am Ṣudaf Raqmiyyah*. Walau bagaimanapun, Bassām sendiri tidak menggunakan kata ramalan, tetapi menimbulkan kemungkinan ia boleh berlaku dengan mengemukakan kiraan-kiraan yang beliau buat. Beliau juga tidak membuat ramalan tentang kiamat atau perkara ghaib yang lain.

Manakala Bassām pula tidak ditemukan dalam mana-mana tulisan merujuk kepada karya ‘Abd al-Dā’im. Beliau juga tidak menjawab kritikan dari ‘Abd al-Dā’im atau memberi komentar mengenainya.

4.4 Perbezaan Persekutaran dan Latar Belakang Pendidikan

Bassām dan ‘Abd al-Dā’im berbangsa Arab dan berasal dari bumi Syam. Namun, persekitaran tempat lahir, pendidikan dan tempat tinggal mereka berbeza.

4.4.1 Persekutaran

Bassām tinggal di kawasan yang terhad dan berada dalam lingkungan penjajahan Israel. Beliau tidak dapat keluar dari Palestin untuk turut serta secara langsung dalam perbincangan mukjizat bilangan di peringkat antarabangsa. Walaupun persidangan antarabangsa mukjizat bilangan sudah tiga kali diadakan, beliau tidak dapat menyertainya kerana pergerakannya terbatas seperti warga Palestin yang lain. Beliau hanya keluar dari Palestin semasa pengajian di peringkat ijazah mudanya di Universiti Damsyik. Manakala

⁵⁶ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 52, 53 dan 573.

⁵⁷ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 59.

pada Simposium Mukjizat al-Quran Kedua anjuran Anugerah Dubai, *Markaz Nūn* hanya menghantar wakilnya, Bahā’ al-Bakrī.

Usaha beliau menubuhkan pusat penyelidikan dan menggerakkan kajian berkenaan al-Quran juga menghadapi cabaran dari regim Israel. Namun dengan kemudahan internet dan lain-lain, hasil kajiannya tetap dapat ditatap dan dimanfaatkan oleh umat Islam seantero dunia selagi capaian internet dapat diperolehi. Tindakan menutup *Markaz Nūn* dan merampas buku serta hasil kajian tidak berjaya menghalang usahanya untuk meneruskan kajian dan menyebarkan hasilnya kepada umum.

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula menghadapi persekitaran yang berbeza. Beliau dapat bergerak dan menyertai acara berkaitan mukjizat bilangan di luar dari negara asalnya, Syria. Beliau didapati telah menyertai beberapa program berkenaan seperti Persidangan Antarabangsa Mukjizat Saintifik - Kelapan (Kuwait – 2006), Simposium Mukjizat al-Quran Kedua anjuran Anugerah Antarabangsa Dubai Bagi al-Quran al-Karim, (Dubai – 2007) dan Persidangan Antarabangsa Badan Mukjizat (Turki – 2010).⁵⁸

4.4.2 Pendidikan

Bassām Jarrār yang berusia 66 tahun merupakan graduan dari bidang syariah dari Universiti Damsyik (1973). Manakala ‘Abd al-Dā’im yang berusia 48 tahun pula adalah graduan bidang kejuruteraan dari universiti yang sama (1995), selain bidang kejuruteran cecair dan pendidikan di peringkat diploma.

Dari aspek pengajian al-Quran, Bassām telah memulakannya pada peringkat remaja, manakala ‘Abd al-Dā’im pula menghafaz al-Quran setelah dewasa. Bassām mmpelajari ilmu-ilmu Islam secara formal dan berguru. Beliau turut menyenaraikan beberapa orang gurunya (seperti dalam bab yang lalu). Beberapa tulisan Bassām seperti *Al-Hadāthah wa al-Tafsīr* (Pemodenan dan Tafsir al-Quran) menunjukkan kemahirannya tentang ‘ulūm al-Quran. Bahkan, keanggotaannya dalam Ikatan Ulama Palestin menjelaskan tahap kesarjanaan Bassām secara umum. Justeru, analisis lanjut berdasarkan karya-karyanya

⁵⁸ al-Kahīl, , akses 2 Disember 2014, http://www.kaheel7.com/ar/index.php?option=com_content&view=article&id=86:2010-02-26-21-45-26&catid=48:2010-02-03-00-24-46&Itemid=1

mendapati bahawa sebagai seorang graduan bidang syariah, beliau memang seorang yang arif tentang al-Quran dan ilmu-ilmunya.

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula banyak mendapat pendedahan tentang al-Quran melalui pembacaan sendiri. Oleh kerana bahasa Arab adalah bahasa ibundanya, ia tentu memudahkannya memahami ilmu-ilmu itu. Bahkan beliau juga menghafaz al-Quran sendiri setelah usianya dewasa. Berdasarkan latar belakang ini, penguraian berkaitan tafsiran ayat al-Quran oleh Bassām dilihat lebih mendalam berbanding ‘Abd al-Dā’im.

4.5 Sumber-sumber Kajian

Latar belakang pendidikan yang berbeza turut memberi kesan kepada perbezaan sumber kajian pada kedua-dua penyelidik mukjizat bilangan ini.

4.5.1 Sumber Kajian Bassām Jarrār

Sebagai graduan pengajian Islam (syariah), tulisan Bassām menggambarkan tahap pengetahuan agamanya. Dalam karya yang bukan bertemakan mukjizat bilangan, beliau menyenaraikan banyak rujukan. Umpamanya dalam buku *Siyāḥah al-Fikr* dan *Maqālāt fī al-Tafsīr*, beliau menyenaraikan 26 kitab tafsir sebagai rujukan, lima kamus, tiga kitab ‘ulūm al-Qur’ān dan lain-lain.

Namun dalam kebanyakan karya mukjizat bilangan, beliau tidak mengemukakan senarai rujukan. Mungkin kerana kajian bilangan banyak menjadikan ayat, kalimah dan huruf al-Quran sendiri sebagai bahan kajian, maka ia tidak memerlukan banyak sandaran sumber selain mashaf al-Quran sendiri. Hanya dalam buku *I‘jāz al-Raqam 19 fī al-Qur’ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir Natā’ij* yang terbit pada tahun 1990, Bassām memuatkan senarai rujukan dan nota kaki pada halaman yang dirujuk.

i. Sumber ‘Ulūm al-Qur’ān dan Tafsir

Berdasarkan kitab *I’jāz al-Raqam 19 fī al-Qur’ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir Natā’ij*, beberapa kitab didapati dijadikan rujukan dalam penulisan Bassām. Rujukan tersebut merangkumi kitab-kitab ‘ulūm al-Quran iaitu *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (oleh al-Zarkashī), *al-Itqān fī ‘Ulūm al-Qur’ān* (oleh al-Suyūṭī) dan *Manāhil al-‘Irfān* (oleh al-Zarqānī). Manakala dalam bidang tafsir pula, beliau merujuk kepada *Tafsīr al-Rāzī* (oleh Fakhr al-Dīn al-Rāzī), *Fī Ḥilāl al-Qur’ān* (oleh Sayyid Quṭb), *al-Asās fī al-Tafsīr* (oleh Sa‘īd Hawwā), *Tafsīr al-Marāghī* (oleh Ahmad Muṣṭafā al-Marāghī) dan *Tafsīr al-Jalālayn* (oleh al-Suyūṭī dan al-Mahallī).

Dalam aspek *i’jāz*, beliau merujuk kepada kitab *Fikrah I’jāz al-Qur’ān* (oleh Nu‘aym al-Himṣī). Dalam *i’jāz ‘adadi* pula, beliau merujuk kepada ‘Abd al-Razzāq bin Nawfal dan Ṣidqī al-Bayk iaitu pada karyanya yang berjudul *Mu’jizah al-Qur’ān al-‘Adadiyyah*.

ii. Sumber Rujukan Lain

Bassām juga merujuk kepada sumber rujukan lain seperti dalam bidang sains dan perbandingan agama. Dalam bidang sains, beliau merujuk karya seperti *al-Fiziyyā’ al-Klāsikiyyah wa al-Ḥadīthah* (oleh Kenetih dan Ford), *Dirāsāt fī ‘Ilm al-Falak al-Mu’āśir* (oleh Bashīr Khanfar dan ‘Ali Khalīl Ḥamd), *Fiziyyā’ al-Jaww wa al-Faḍā’* (oleh Ḥumayd al-Nua‘imi) dan *al-Falak al-Ām* (oleh Herbet Spencer).⁵⁹

Bassām juga merujuk kepada sumber agama lain, iaitu Bible⁶⁰ terutama dalam karyanya mengenai kejatuhan kerajaan Israel iaitu *Zawāl Isrā’īl* (1995). Pada cetakan awal (1995), Bassām menyebut bahawa tulisannya itu tidak dapat disandarkan pada rujukan kerana ia ditulis ketika beliau berada dalam tempoh

⁵⁹ Bassām Nihād Jarrār, *I’jāz al-Raqam 19 fī al-Qur’ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir Natā’ij*, (al-Mu’assasah al-Islāmiyyah, 2003), 17-175.

⁶⁰ Beliau merujuk kepada Bible edisi bahasa Arab yang dinamakan *al-Kitāb al-Muqaddas - Kitāb al-Ḥayāh*, Terjemahan Tafsir, Miṣr al-Jadīdah: J.C. Centre dan *al-Kitāb al-Muqaddas*, Jam‘iyyat al-Kitāb al-Muqaddas al-Muttaḥidah (Beirut: al-Maṭba‘ah al-Amīrāniyyah, 1946).

buang daerah bersama 415 aktivis Palestin yang lain (1992-1993). Namun semakan pada cetakan ketiga (2002) mendapati ia dilengkapi dengan nota kaki rujukan.

Antara yang dirujuk oleh Bassām adalah fakta-fakta berkaitan sejarah Bani Israel dan Kerajaan Nabi Sulaymān AS. Beliau turut memberikan sedikit komentar pada bab pertama mengenai aspek sejarah sebagai rujukan. Menurutnya:

“Kami tidak bermaksud untuk memberi kepercayaan sepenuhnya kepada sejarah kerana sudah maklum bahawa kaedah dalam ilmu sejarah adalah *zann* (sangkaan). Namun pada masa yang sama, kita tidak punya pilihan lain yang membolehkan tafsiran kita menghampiri apa yang benar. Kami berusaha sedaya mampu untuk mendekati kebenaran.”⁶¹

Dalam bab tentang kewafatan Nabi Sulaymān AS (*Falammā Qadaynā 'Alayh al-Mawt*), beliau juga merujuk kepada Bible tentang tempoh 40 tahun pemerintahan baginda sambil mencatatkan:

“Kami cenderung tetapi tidak dapat menegaskan kerana kita maklum bahawa kitab Perjanjian Lama bukan hujah dalam kajian sejarah.”

Bahagian yang dirujuk dalam Bible adalah kitab Imamat (Leviticus), Raja-raja 1, Raja-raja 2, Tawarikh 2 dan Yeremia.

Rujukan lain yang beliau gunakan dalam *Zawāl Isrā'īl* adalah:

- i. *Akhṭā' Yajib An Tuṣahḥah fī al-Tārīkh* (1976) oleh Jamāl Mas'ūd, al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'ūdiyyah: Dār Ṭayyibah (dipetik pula dari *Siyāsah al-Isti'mār wa al-Šuhūniyyah Tijāh Falasṭīn*, Hasan Şabri al-Khawlī).
- ii. *Tārīkh Sūriyyah wa Lubnān wa Falasṭīn* (Philip Hitti, terj. George Haddād), Beirut: Dār al-Thaqāfah.

⁶¹ Bassām, *Zawāl Isrā'īl*, 19.

- iii. *Man Huwa al-Yahūdiy fī Dawlah al-Yahūd*, oleh ‘Akīfā Ūr, Beirut: Dār al-Hamrā’.
- iv. *al-Uṣūliyyah al-Yahūdiyyah fī Isrā’īl*, oleh Ian Lustick⁶², terj. oleh Husnī Zīnah), Beirut: Mu’assasah al-Dirāsāt al-Falasṭīniyyah.
- v. *al-Munjid fī al-Lughah wa al-A‘lām*, Beirut: al-Maṭba‘ah al-Kathūlīkiyyah.
- vi. *Allāh wa al-Anbiyā’ fī al-Tawrah wa al-‘Ahd al-Qadīm* (1990), oleh Muḥammad ‘Ali al-Bārr, Beirut: Dār al-Shāmiyyah & Dimashq: Dār al-Qalam.
- vii. *Physics – Principles and Problems*, oleh James T. Murphy, Charles E. Merril Publishing Co.

Namun, dalam buku-buku lain selain dua buku tersebut, beliau tidak pula mencatat sebarang rujukan. Sebagai contoh, buku *Irhaṣāt al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm* (1998) dan *Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadī* (2007) tidak mencatatkan senarai rujukan dan nota kaki, selain nota untuk penjelasan.

Hanya dalam beberapa bab dalam *Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadī*, beliau menyatakan rujukan dengan jelas kepada beberapa sumber. Ia dicatat dalam perenggan tulisan tanpa membuat nota kaki. Contohnya dalam bab *al-‘Adad fī Sūrah al-Jinn* (Bilangan dalam surah al-Jinn), beliau memetik hasil kajian Şidqi al-Bayk berdasarkan kitabnya *Mu‘jizah al-Qur’ān al-‘Adadiyyah*.⁶³ Manakala dalam bab *Mu‘jizah Tartīb Suwar al-Qur’ān al-Karīm* (Mukjizat Susunan Surah-surah dalam al-Quran) pula, beliau merujuk dan menyandarkannya kepada kajian penyelidik ‘Abdullāh Jalghūm dalam kitabnya *Asrār Tartīb al-Qur’ān Qirā’ah Mu‘āṣirah*.⁶⁴

⁶² Judul asalnya dalam bahasa Inggeris: Ian Lustick, *For The Land And The Lord: Jewish Fundamentalism In Israel*. (New York: Council on Foreign Relations, 1988).

⁶³ Bassām Nihād Jarrār, *Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadī*, (al-Bīrah, Palestin: Markaz Nūn li al-Abḥāth wa al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah, 2007), 35.

⁶⁴ Bassām, *Al-Muqtaṭaf*, 43.

4.5.2 Sumber Kajian ‘Abd al-Dā’im

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula, sebagai jurutera, kurang menguasai bidang al-Quran dibandingkan dengan Bassām. Namun, ‘Abd al-Dā’im dapat merujuk kepada kitab-kitab asas dalam pengajian Islam, tetapi bukan secara khusus kepada pengajian al-Quran.

i. Sumber Ulum al-Qur'an dan Tafsir

Tidak banyak kitab yang dijadikan rujukan oleh beliau. Antara kitab yang tercatat dirujuk adalah *Şahih al-Bukhārī*, *Şahih Muslim* dan *Sunan al-Tirmidhī*. Beliau menyebutnya secara umum sahaja. Ia menjadi rujukan bagi hadis yang dijadikan dalil-dalil asas berkenaan topik yang dibicarakan. Dalam banyak penulisan, beliau hanya mencatat rujukannya sebagai mashaf al-Quran dan perisian kiraan huruf-huruf al-Quran. Walaupun terdapat fakta yang boleh dicatatkan rujukan, beliau tidak membuat catatan. Contohnya dalam tulisan pendek berjudul *Alghāz al-Qur'ān (1) Kalimah Allāh* (yang bermaksud Teka-teki al-Quran (1) Kalimah Allah), beliau memetik kisah Imam al-Kisā'ī ditanya mengenai berapakah ayat al-Quran yang dimulakan dengan huruf *shīn*. Lalu al-Kisā'ī menjawab empat ayat. Namun, ‘Abd al-Dā’im tidak membuat catatan sumber.⁶⁵

Manakala kitab tafsir yang menjadi rujukannya adalah *Tafsīr Al-Qur'ān al-'Ażīm* karya Ibn Kathīr.⁶⁶ Kitab lain yang dirujuk adalah *al-Mu'jam al-Mufahras li-Alfāz al-Qur'ān al-Karīm* oleh Muḥammad Fu'ād 'Abd Al-Bāqī, iaitu sebuah ensiklopedia yang memudahkan carian ayat berdasarkan kalimah yang disusun mengikut urutan huruf seperti kamus. Ia sangat membantu dalam membuat kiraan walaupun terdapat beberapa dakwaan tentang kesilapan padanya. Selain itu, ‘Abd al-Dā’im juga merujuk kepada terjemahan al-Quran oleh ‘Abdullāh Yūsuf Ali.⁶⁷

⁶⁵ al-Kahīl, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/1/1607--1>. Kisah tersebut sebenarnya disebut oleh al-Zarkashī dalam *al-Burhān*, 1, 253.

⁶⁶ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Mawsū‘ah al-I‘jāz al-Raqamī*, cetakan dari laman web www.kaheel7.com, 2013: 573.

⁶⁷ *The Holy Qur'an*, (Hertfordshire: Wordsworth Editions Limited, 2000).

Dalam konteks ilmu mukjizat, ‘Abd al-Dā’im turut merujuk kitab lain yang menyentuh mukjizat bilangan juga. Antaranya adalah *al-Ijāz al-‘Adadi* oleh ‘Abd al-Razzāq Nawfal dan *Ijāz al-Raqam 19* oleh Bassām Jarrār. Buku-buku tulisan Rashād Khalīfah juga dirujuk, iaitu *Qur'an: Visual Presentation of the Miracle*, USA: Islamic Productions (1982) dan *Qur'an: The Final Testament*. USA: Islamic Productions (1989).

ii. Sumber Rujukan Lain

Mengenai sumber rujukan lain pula, ‘Abd al-Dā’im juga tidak banyak membuat catatan rujukan. Hanya dalam beberapa karya lain (selain *i'jāz 'adadi*), beliau catatkan sumber rujukan. Contohnya dalam *Rawā'i' al-Ijāz fī al-Kawn*. Beliau menyenaraikan sumber rujukan dari beberapa artikel di laman web majalah astronomi (www.astronomy.com) dan laman web agensi angkasa Amerika Syarikat iaitu The National Aeronautics and Space Administration (NASA) (www.nasa.gov).⁶⁸ Namun, ia adalah karya beliau dalam skop mukjizat saintifik, bukan mukjizat bilangan.

Selain dari itu, beliau juga merujuk kepada sumber dalam talian (*online*) seperti laman web tulisan Henry Kroll (2002), *Million Digit Calculator*, yang boleh dicapai pada URL <http://comptune.com/calc.php> dan laman web *Wolfram webMathematica: Long Division of Polynomials* (2010) yang boleh dicapai pada URL <http://calc101.com/webMathematica/long-divide.jsp#topdoit>.

Beliau juga merujuk hadis dari sumber dalam talian seperti *A Collection of Hadiths in Sahih Bukhari and Muslim* (2009), yang boleh dicapai pada URL <http://www.usc.edu/schools/college/crcc/engagement/resources/texts/muslim/hadith/>.

Namun secara umumnya, tidak banyak catatan rujukan dibuat oleh ‘Abd al-Dā’im. Dalam kebanyakan penulisannya, beliau hanya mencatat rujukan mashaf al-

⁶⁸ Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Rawā'i' al-Ijāz fī al-Kawn*, akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/wonders-cosmic.pdf>

Quran dan *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfāz al-Qur'ān* oleh Muḥammad Fu'ād bin 'Abd al-Bāqī.

4.6 Kesimpulan

Kedua-dua penyelidik ini berbangsa Arab dan berasal dari bumi Syam. Mereka mempunyai minat yang sama walaupun berbeza latar belakang pendidikan. Namun, pengamatan pada karya-karya mereka menunjukkan kedua-duanya mempunyai pengetahuan berkaitan dengan al-Quran yang membolehkan mereka mengkaji dan menulis tentang mukjizat al-Quran dengan baik. Kelebihan pada Bassām lebih ketara dalam bidang al-Quran berdasarkan keupayaannya menulis dan membuat ulasan tentang tafsiran ayat-ayat al-Quran. Sedangkan 'Abd al-Dā'im banyak menumpukan pada isu bilangan dan keseimbangan kiraan sahaja, sesuai dengan latar belakangnya sebagai seorang jurutera.

Perbezaan lain adalah dari segi capaian kepada dunia luar. 'Abd al-Dā'im sering menghadiri program berkenaan al-Quran di beberapa negara, mempersembahkan penemuan-penemuannya dan memperoleh pengiktirafan dalam bentuk anugerah antarabangsa. Sebaliknya, pergerakan Bassām terbatas dalam Palestin sahaja kerana faktor penjajahan Israel di negaranya, apatah lagi beliau pernah beberapa kali dipenjarakan oleh regim itu. Namun, capaiannya kepada dunia luar dapat dilaksanakan juga melalui media internet. Kesungguhannya amat ketara berdasarkan usahanya membangunkan markaz Nūn dan membangunkannya semula selepas dimusnahkan oleh regim. Dengan keterbatasan itu, keupayaan Bassām menghasilkan pelbagai karya dan menyebarkannya amat luar biasa.

BAB 5: ANALISIS PERBANDINGAN METODOLOGI BASSĀM DAN ‘ABD AL-DĀ’IM DALAM MUKJIZAT BILANGAN

Pendahuluan

Bab ini membentangkan analisis perbandingan antara Bassām dan ‘Abd al-Dā’im. Perbandingan ini melibatkan aspek pandangan alam (*world view*), kaedah pengiraan dalam mashaf, penggunaan *hisāb jummal*, penggunaan matrik, kaedah penyampaian penemuan, topik-topik yang dibincangkan dalam karya-karya, persamaan dan perbezaan antara mereka. Umumnya, mereka mempunyai persamaan pada kecenderungan dan perkara asas tetapi terdapat perbezaan yang ketara antara mereka dalam pendekatan dan kaedah.

Kedua-dua penyelidik mempunyai pandangan alam yang sama mengenai al-Quran sebagai kitab wahyu dan mukjizat yang terpelihara dari kesilapan atau perubahan. Kemukjizatan al-Quran diperkuuhkan pada zaman digital ini dengan konsep mukjizat bilangan. Mereka juga menekankan bahawa mukjizat ini membuktikan al-Quran bukan kalam manusia. Ia adalah kalam Tuhan yang dicatat dengan amanah dan tidak mengalami sebarang perubahan. Apa yang sedikit berbeza adalah pendekatan ‘Abd al-Dā’im yang lebih menekankan aspek keseimbangan, sedangkan Bassām turut menyentuh aspek rahsia yang tersembunyi di sebalik bilangan dalam al-Quran. Kerana itu, tulisan beliau banyak dikaitkan dengan asepk sejarah dan perbandingan dengan maklumat dari agama samawi yang lain.

5.1 Metodologi Bassām Jarrār

Pengiraan di dalam al-Quran melibatkan ayat, kalimah dan huruf. Ia bukan kerja yang mudah kerana melibatkan lebih 6,000 ayat, lebih 70,000 kalimah dan lebih 300,000 huruf. Justeru, kaedah pengiraan yang tepat dan konsisten diperlukan bagi memastikan hasil yang benar. Bahkan, ia perlu disemak beberapa kali bagi mengelakkan kesilapan.

Bassām menjelaskan kaedah beliau mengira dengan menyentuh tentang ‘*adad, rasm*, mashaf, riwayat dan kekeliruan bagaimana mengira kalimah dan huruf. Penggunaan mashaf ‘Uthmānī yang berasaskan kiraan Kūfī dan qiraat riwayat Ḥafṣ dipilih kerana ia

lebih banyak diamalkan oleh umat Islam secara keseluruhan. Sedangkan wajah qiraat lain belum lagi dibuat kajian.³⁷²

Walaupun teknik beliau mengira tidak dijelaskan secara langsung, namun analisis dapat dibuat terhadap beberapa tulisan beliau. Bassām membuat kiraan secara manual pada peringkat awal. Beberapa data bilangan yang digunakannya dalam mengkritik Rashād Khalīfah³⁷³ dibuat ketika beliau berada dalam penjara. Kiraan itu dibuat dengan bantuan beberapa belas orang pemuda. Ia dilaksanakan dalam tempoh hampir dua bulan. Selepas keluar dari penjara, beliau menyemaknya pula menggunakan komputer. Antara perisian yang digunakan pada masa itu adalah perisian Salsabil.³⁷⁴ Hasil kiraannya secara manual menepati kiraan komputer, tidak lebih dan tidak kurang.³⁷⁵

Beliau juga merujuk kiraan kepada ensiklopedia yang terkenal bagi para pengkaji al-Quran iaitu *al-Mu'jam al-Mufahras lī Alfāz al-Qur'ān* oleh Muḥammad Fu'ād 'Abd al-Bāqī. Ensiklopedia ini tersenarai dalam senarai rujukan buku ini.³⁷⁶

Berikut adalah asas kepada kaedah yang digunakan oleh Bassām di *Markaz Nūn*:

- i. Berpegang kepada mashaf 'Uthmānī dan bilangan Kūfi iaitu 6236 ayat. Kiraan lain tetap bersifat *tawqīfī* tetapi belum dibuat kajian oleh mereka.
- ii. Kiraan dibuat berdasarkan *rasm* 'Uthmānī, dengan qiraat Ḥafṣ. Qiraat lain adalah *mutawātir* juga tetapi belum dibuat kajian oleh mereka.
- iii. Tambahan yang dibuat ke atas *rasm* mashaf 'Uthmānī tidak dikira. Alif kecil yang ditulis di atas sesetengah huruf tidak dikira kerana ia adalah tambahan.

³⁷² Bassām Nihād Jarrār, *Qawā'id al-Iḥṣā' fī Markaz Nūn*, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/kawaed.htm>, akses 8 Mei 2014.

³⁷³ Dalam buku beliau *I'jāz al-Raqam 19 fī al-Qur'ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir Natā'iż*.

³⁷⁴ Salsabil merupakan perisian Al-Quran yang pertama direka. Ia muncul pada awal tahun 1980-an. Lihat Muḥammad Zakiyy Khidir, *al-Ta'āmul Ma'a al-Qur'ān al-Karīm fī 'Aṣr al-Ma'lūmātiyyah*, Kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan Fakulti Sastera Kelima, Universiti Swasta al-Zarqā' (2004), dalam laman *al-Ustādh al-Duktūr Muḥammad Zakiyy Khidir*, <http://www.al-mishkat.com/khedher/?p=58>, akses 9 Januari 2015.

³⁷⁵ Bassām, *I'jāz 19*, 20.

³⁷⁶ Bassām, *I'jāz 19*, 175.

Contohnya kalimah Ismā‘il (إِسْمَاعِيل) yang dieja dalam mashaf dengan (إِسْمَاعِيل). Maka ia dikira enam huruf, bukan tujuh.

- iv. Huruf *jarr fī* (جَرْفِي) dikira satu kalimah kerana ia dieja secara terpisah dari kalimah-kalimah lain. Sedangkan huruf *jarr bā'* (بَرْجَار), ia ditulis bersambung dengan kalimah selepasnya seperti *billāh* (بِاللَّهِ). Maka ia dikira satu kalimah (bersama kalimah selepasnya - penulis).
- v. Pergantungan kepada *rasm* ‘Uthmānī juga bererti kiraan terhadap ungkapan *yā ayyuhā* (يَا أَيُّهَا) dan *yā rabb* (يَا رَبْ) dikira satu kalimah kerana masing-masing dieja dengan *rasm* satu kalimah iaitu *yā* (يَا) dan *rabb* (رَبْ). Begitu juga kalimah lain yang seumpamanya.
- vi. Pegangan kepada *rasm* mashaf ‘Uthmānī menjadikan huruf *bertashdīd* dikira satu. Contohnya kalimah *madd* (مَدَد) dikira dua huruf walaupun pada lafaz (bacaan) ia adalah tiga huruf.
- vii. Kalimah-kalimah *awalam* (أَوْلَامَ), *awakullamā* (أَوْكُلَمَاءَ), *awalaysa* (أَوْلَيْسَ) dan lain-lain dikira satu kalimah sahaja. Ini kerana *aw* (أَوْ) adalah berbeza dengan *awa* (أَوْ). *Awa* (أَوْ) ditulis bersambung dengan kalimah selepasnya. Ia terdiri dari hamzah *istifhām* (pertanyaan) dan *wāw al-‘atf*.
- viii. Ungkapan *min ba‘d mā* (مِن بَعْدِ مَا) adalah tiga kalimah. Lalu timbul kekeliruan pada kalimah *ba‘damā* (بَعْدَمَا)³⁷⁷, maka diputuskan bhw ia adalah dua kalimah.
- ix. Kekeliruan timbul pada beberapa lafaz seperti *mālaka* (مَلَكَ) dan *mālakum* (مَلَكُمْ). Jika *mā* (مَا) tersebut adalah huruf nafi, maka tidak timbul kekeliruan kerana *mā* (مَا) dikira satu kalimah dan *lakum* satu kalimah lain. Namun, bila *mā* (مَا) tersebut adalah huruf soal (*istifhām*), maka timbul kekeliruan lalu dirujuk kepada *rasm* mashaf. Lalu didapati ungkapan seumpama *mā lihādhā al-rasūl* (مَا لِهِذَا الرَّسُولُ) (*māli* هَذَا الرَّسُولُ) tertulis dalam mashaf begini:

³⁷⁷ Dalam mashaf ‘Uthmānī sekarang, ia dieja rapat sebagai satu kalimah.

hādhā al-rasūl). Maka ia menunjukkan gaya al-Quran iaitu huruf *lām* (ل) ditulis bersambung dengan huruf soal *mā* (ما). Lalu diputuskan *mālaka* (مالك) dan *mālakum* (مالكم) adalah satu kalimah.

- x. Kalimah *amina* (أَمْنٌ) adalah tiga huruf, *mu'min* (مؤمن) empat huruf dan *ya'isa* (يَسُّ) tiga huruf. Manakala kalimah *āmana* (إِيمَانٌ) adalah empat huruf. Ini kerana huruf hamzah (ء) yang ditulis di atas *alif*, *wāw* atau *yā'* dikira satu huruf. Jika hamzah ditulis berasingan, maka ia dikira satu huruf berasingan. Contohnya ada kalimah *shay'* (شَيْءٌ) dikira tiga huruf dan *dif'* (دَفْعَةٌ) dikira tiga huruf.
- xi. Kalimah seperti *al-ayyām* (الْأَيَّامُ) dikira enam huruf. Namun, kalimah seperti *al-ākhirah* (الْآخِرَةُ) dikira tujuh huruf kerana hamzah (ء) ditulis antara huruf *alif* dan *lām*.³⁷⁸ Berbeza dengan hamzah pada kalimah *al-ayyām* (الْأَيَّامُ) yang ditulis benar-benar di atas *alif*. Untuk memahaminya, jika kita pisahkan *alif lām* (ل) takrif pada kedua-dua kalimah tersebut, ia nyata berbeza. Kalimah *ayyām* (أَيَّامٌ) adalah empat huruf dan kalimah *ākhirah* (آخِرَةً) adalah lima huruf.
- xii. Kalimah seperti *aḥṣāhum* (أَحْصَاهُمْ) adalah enam huruf. Bila ia ditulis (أَحْصَهُمْ), ia menjadi lima huruf. Namun, dalam mashaf 'Uthmānī, ia ditulis (أَحْصَهُمْ) tanpa titik.³⁷⁹ Maka ia dikira enam huruf kerana mereka mengira rumah kosong itu sebagai huruf *yā'*. Ini diperaktikkan kepada kalimah *aḥṣāhā* (أَحْصَاهَا)³⁸⁰ dan yang seumpamanya³⁸¹ yang juga ditulis begini (أَحْصَاهَا) tanpa titik.
- xiii. Penggunaan *hisāb jummal*, iaitu menentukan nilai angka pada setiap huruf.³⁸² Ia akan dihuraikan dalam subtajuk selepas ini.

³⁷⁸ Pada ayat 94, surah al-Baqarah.

³⁷⁹ Terdapat pada ayat 94, surah Maryam ditulis dengan rumah huruf *yā'* tanpa dua titik *yā'*. Buat masa ini, perisian papan kekunci (*keyboard*) Arab tidak menyediakan huruf-huruf istimewa seperti *yā'* tanpa dua titik atau hamzah di bawah rumah *yā'* seperti (أَلْمَلَكَةَ).

³⁸⁰ Surah al-Kahf, ayat 49.

³⁸¹ *Aḥṣāh* (أَحْصَاهَ) dalam surah al-Mujādalah, ayat 6.

³⁸² Nūn, akses 11 Mac 2015, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/kawaed.htm#>.

Bassām merasakan kajiannya menunjukkan cara pengiraan begitu adalah benar. Namun beliau tidak menolak kemungkinan kiraan dengan cara lain akan menghasilkan penemuan lain pula kerana al-Quran adalah kalam Allah yang tidak akan terhenti keajaibannya. Ia adalah mukjizat abadi yang menjadi hujah setiap masa.³⁸³

5.1.1 *Hisāb Jummal*

Hisāb jummal atau angka abjad adalah pengiraan berdasarkan huruf-huruf atau penggunaan huruf abjad berdasarkan nilai nombor.³⁹² Dalam bahasa Inggeris, ia dikenali sebagai *gematria*. Namun tidak banyak kamus atau ensiklopedia yang memuatkan istilah ini. Ensiklopedia Britannica mendefinisikan *gematria* sebagai penggantian nombor bagi huruf abjad Hebrew (*the substitution of numbers for letters of the Hebrew alphabet*).³⁹³

Hisāb jummal merupakan kaedah yang memberikan nilai angka bagi setiap huruf abjad Arab yang berjumlah 28 huruf. Menurut Ibn Khaldun, ia juga dikenali sebagai *Abū Jad*, Ilmu Rahsia Huruf dan *Sīmiyā*.³⁹⁴ Manakala Ṭāriq bin Sa‘īd al-Qaḥṭānī pula menyenaraikan beberapa nama lagi, iaitu: Ilmu *Khawāṣ al-Ḥurūf*, Ilmu *Khawāṣ al-Rūḥāniyyah*, Ilmu *Taṣrīf bi al-Ḥurūf wa al-Asmā'*, Ilmu *al-Ḥurūf al-Nūrāniyyah wa al-Zulmāniyyah*, Ilmu *Taṣrīf bi al-Ism al-A‘ẓam*, Ilmu *al-Kasr wa al-Bast*.³⁹⁵

Hisāb jummal dikaitkan dengan tamadun Syriani, Greek dan Hebrew. Dalam sistem ini, huruf-huruf Arab disusun mengikut susunan berbeza dari biasa (*alif*, *bā'*, *tā'*, *thā'*). Ia disusun mengikut abjad (*alif*, *bā'*, *jīm*, *dāl* dan seterusnya), kemudian diberikan nilai secara meningkat. Susunan sepenuhnya adalah seperti berikut:

³⁸³ Nūn, akses 11 Mac 2015, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/kawaed.htm#>.

³⁹² Munir al-Baalbaki & Rohi Baalbaki, *Al-Mawrid Dictionary*, (Beirut: Dar El-Ilm Lilmalayin, 2001), Cet. ke 5, 431. Mohd Khairi Zainuddin et.al, *Al-Miftah Kamus Moden Arab – Melayu – Inggeris*, (Negeri Sembilan: Al-Azhar Media, 2010), Cet. ke 4: 688. Elias A. Elias & Ed. E. Elias, *Qāmūs Ilyās al-‘Aṣrī*, (Beirut: Dār al-Jīl, 1979), 148.

³⁹³ Jacob E. Safra et.al, *The New Encyclopaedia Britannica*, (Chicago: Encyclopaedia Britannica Inc., 2002), 5: 168.

³⁹⁴ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, Laman *al-Warrāq*, <http://www.alwarraq.com>, 307.

³⁹⁵ Ṭāriq bin Sa‘īd al-Qaḥṭānī, *Asrār al-Ḥurūf Wa Hisāb al-Jummal*, Disertasi Sarjana, (Makkah: Universiti Umm al-Qurā, 2009), 21.

أبجد، هوز، حطي، كلمن، سعفص، قرشت، ثخذ، ضظغ

Huruf pertama abjad Arab *alif* (ا), menghasilkan bilangan 1; huruf kedua, *bā* (ب) menghasilkan bilangan 2, dan seterusnya hingga bilangan kesepuluh. Kemudian huruf yang berikut menghasilkan gandaan 10 dan 100. Huruf *yā* (ي) menghasilkan 10, *kāf* (ك) bernilai 20, *qāf* (ق) bernilai 100, dan seterusnya. Berikut adalah jadual nilai angka abjad:

Jadual 9: Nilai angka abjad

Huruf	ط	ح	ز	و	ه	د	ج	ب	ا
	Tā'	Hā'	Zay	Wāw	Hā'	Dāl	Jim	Bā'	Alif
Nilai	9	8	7	6	5	4	3	2	1

Huruf	ص	ف	ع	س	ن	م	ل	ك	ي
	Ṣād	Fā'	'Ayn	Sīn	Nūn	Mīm	Lām	Kāf	Yā'
Nilai	90	80	70	60	50	40	30	20	10

Huruf	ظ	ض	ذ	خ	ث	ت	ش	ر	ق
	Zā'	Dād	Dhāl	Khā'	Thā'	Tā'	Shin	Rā'	Qāf
Nilai	900	800	700	600	500	400	300	200	100

Huruf	غ
	Ghayn
Nilai	1000

5.1.1.1 Asal-Usul *Hisāb Jummal*

Sebahagian kajian ulama seperti Ibn Ḥajar mengaitkan asal-usul *hisāb jummal* dengan sumber Yahudi dan Greek serta penggunaannya dalam sihir dan ilmu bintang (ramalan).³⁹⁶ Susunan abjad ini sendiri menunjukkan bahawa sumbernya adalah dari luar. Sebutan abjad yang hampir sama ini terdapat dalam budaya Hebrew (Yahudi), Greek dan Syriani dengan nilai yang sama seperti dalam jadual berikut:

³⁹⁶ Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī*, 11, 351.

Jadual 10: Susunan perbandingan abjad dan nilai dari pelbagai tamadun³⁹⁷

Hebrew:	aleph = 1	beth = 2	gimel = 3	daleth = 4
Greek:	alpha = 1	beta = 2	gamma = 3	delta = 4
Arab:	alif = 1	bā' = 2	jīm = 3	dāl = 4
Syriani:	alap = 1	bet = 2	gamal = 3	dalat = 4

Dalam budaya Syriani, sistem hurufnya bermula lebih awal iaitu pada abad kedua sebelum Masihi. Mereka tidak memiliki simbol yang digunakan untuk menunjukkan angka. Sebaliknya, huruf-huruf mengandungi nilai nombor. Sistem huruf Syriani yang terdiri dari tiga sistem iaitu Estrangelā, Serṭa dan Madnḥāyā juga mengandungi nilai nombor. Susunannya tampak lebih menyamai *hisāb jummal* Arab. Namun bilangan hurufnya hanya 22 dan nilai abjadnya hanya sampai pada nilai 400.³⁹⁹ Tulisan ini ditulis dari kanan ke kiri.

Jadual 11: Nilai angka Syriani (Estrangelā)

፩	፪	፫	፬	፭	፮	፯	፻	፼	፽	፾	፷	፸
kap	yodh	ṭéith	héith	zâyn	waw	hé	dalâth	gamâl	béith	alâp		
k, k/kh	y	t	ḥ	z	w	h	d, d/dh	g, ġ/gh	b, b/bh			
[k, x]	[j]	[t]	[ḥ]	[z]	[w]	[h]	[d, ð]	[g, ɣ]	[b, v]	[?]		
20	10	9	8	7	6	5	4	3	2	1		
፩	፪	፫	፬	፭	፮	፯	፻	፼	፽	፾	፷	፸
፻	፲	፳	፴	፵	፶	፷	፸	፹	፻	፻	፻	፻
taw	sheen	résh	qop	ṣadhé	pé	‘ain	simkâth	nun	meem	lamâdh		
t, t/th	sh	r	q	ṣ	p, ṗ/ph	‘	s	n	m	l		
[t]	[ʃ]	[r]	[q]	[ṣ]	[p, f]	[‘]	[s]	[n]	[m]	[l]		
400	300	200	100	90	80	70	60	50	40	30		

³⁹⁷ Frank Lewis, Bahā’i Library Online, akses 12 Februari 2015, http://bahai-library.com/lewis_abjad_numerological_system. Juga dari Wikipedia The Free Encyclopedia, akses 12 Februari 2015, http://en.wikipedia.org/wiki/Syriac_alphabet.

³⁹⁹ Omniglot The Online Encyclopedia of Writing Systems and Languages, akses 12 Februari 2015, <http://www.omniglot.com/writing/syriac.htm>.

Jadual 12: Nilai angka Syriani (Serta)

Jadual 13: Nilai angka Syriani (Madnhaya)

۶۸	د	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ
خـ	يـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ
kap	yodh	téith	héith	zâyn	waw	hé	dalâth	gamâl	béith	alâp		
k	y	t	h	z	w	h	d	g	b	'		
[ch, c]	[j]	t	[χ]	[z]	[w]	[h]	[d, ð]	[t, ?, χ, j]	[b, w]	[?]		
20	10	9	8	7	6	5	4	3	2	1		
۷۹	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ
هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ
هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ	هـ
taw	sheen	r��	q��	شـ	ضـ	پـ	ain	سـمـکـاـتـ	nun	مـیـمـ	لـامـاـدـ	
t	sh	r	q	شـ	ضـ	پـ	'	سـمـکـاـتـ	n	m	l	
[t, t, θ]	[ʃ]	[r]	[q]	[s]	[p, p]	[?, ?, ?]	[s]	[n]	[m]	[l]		
400	300	200	100	90	80	70	60	50	40	30		

Hebrew (atau ‘Ibrani) merupakan bahasa awal yang digunakan oleh kaum Yahudi sebelum bertukar kepada bahasa Aramaic sekitar kurun keenam sebelum Masihi. Mulai kurun kedua Masihi, ia digunakan dalam penulisan, acara keagamaan dan *lingua franca* dalam kalangan Yahudi dari pelbagai negara. Pada abad ke 20 Masihi, kaum Yahudi menggunakan semula bahasa Hebrew sehingga hari ini. Sistem huruf Hebrew mempunyai

22 huruf yang diletakkan nilai angka sehingga nilai 400. Tulisan ini ditulis dari kanan ke kiri.

Jadual 14: Sebahagian huruf Hebrew yang diberi nilai angka400

א	ב/ב	ג	ד	ה	ו	ז	ח	ט
אלף	בית/בית	גימל	ךְלֶת (ךְלָה)	הַא (הִי)	וּ	זָיִן	חֵת	תֵּית
alef	bet	gimel	daled	he	vav	zayin	het	tet
'	b/v	[g]	d	h	v	[z]	z	t
[?/Ø]	[b/v]	[g]	[d]	[h]	[v]	[z]	[h/x]	[t]
1	2	3	4	5	6	7	8	9
ס	נ	ס	מ	מ	ל	ך	כ/כ	י
יוד (יוד)	קוף/קוף	סופית	סופית	סופית	לamed	ךְרָה	כְּרָה/כְּרָה	י
yod	kaf/kaf	nun	nun	nun	mem	khaf	kaf	samekh
y/i	k/kh	sofit	sofit	sofit	l	sofit	sofit	s
[i]	[k/x]	[n]	[n]	[n]	[m]	[l]	[l]	[s]
10	20	30	40	40	final kaf	final nun	final mem	final nun
ת	ש/ש	ר	ק	צ	צ	ג	פ/פ	ע
עין	פְּאָה	פָּא	סּוֹפִית	אֶצְדִּיקָה	אֶצְדִּיקָה	פָּא	פְּאָה	קוֹף (קוֹף) רֵיש (רֵיש)
'ayin	pe	pe	zadi	zadi	zadi	pe	pe	taw
'	p/f	p/f	z	z	z	sofit	sofit	t
[?/Ø]	[p/f]	[p/f]	[ts]	[ts]	[ts]	final pe	final pe	[t]
70	80	90	100	100	200	300	400	400

Dari segi sejarahnya, tulisan Arab dikesan bermula pada kurun keempat Masihi.⁴⁰² Huruf-hurufnya pula menggunakan kedua-dua susunan abjad dan alphabet.⁴⁰³ Berbanding dengan Hebrew, angka abjad Arab ditambah lagi enam huruf iaitu *Thā'*, *Khā'*, *Dhāl*, *Dād*, *Zā'* dan *Ghayn* (ظ , خ , ذ , ض , ئ) dan nilai 500, 600, 700, 800, 900 dan 1000.

Dalam sejarah Greek pula, walaupun sistem tulisan mereka (Acrophonic) muncul lebih awal sekitar kurun ke 15 hingga kurun ke 12 sebelum Masihi, namun sistem nombor lama mereka diguna sehingga kurun pertama sebelum Masihi. Selepas itu, ia diubah kepada sistem Alphabet yang diberikan nilai angka.⁴⁰⁴ Sebahagiannya menyamai sistem *hisāb*

⁴⁰⁰ Lima huruf dalam senarai adalah huruf yang sama tetapi bentuknya berbeza apabila terletak di hujung perkataan.

⁴⁰² Omnidot, akses 12 Februari 2015, <http://www.omniglot.com/writing/arabic.htm>.

⁴⁰³ Omniglot, akses 12 Februari 2015, <http://www.omniglot.com/writing/alphabetic.htm>.

⁴⁰⁴ Omniglot, akses 12 Februari 2015, <http://www.omniglot.com/writing/greek.htm>.

jummal, walaupun hanya 27 huruf. Berikut adalah jadual sistem huruf dengan nilai angka Greek:

Jadual 15: Sistem huruf Greek dengan nilai angkanya.⁴⁰⁵

α'	β'	γ'	δ'	ε'	\digamma	ζ'	η'	θ'
1	2	3	4	5	6	7	8	9
ι'	χ'	λ'	μ'	ν'	ξ'	\omicron'	π'	ϕ'
10	20	30	40	50	60	70	80	90
Ω'	σ'	τ'	υ'	φ'	χ'	ψ'	ω'	ϖ'
100	200	300	400	500	600	700	800	900

Ia hanya kurang satu huruf dan nilai berbanding angka abjad Arab iaitu 1000 untuk huruf ghayn (خ).

5.1.1.2 Beberapa Versi *Hisāb Jummal*

Terdapat beberapa versi *hisāb jummal* iaitu:

i. *Hisāb al-Jummal al-Şaghīr* (Angka Abjad Kecil)

Mengira bilangan-bilangan yang ditentukan pada huruf secara tunggal. Sebagai contoh pada kalimah محمد (Muhammad), huruf *mīm* dikira nilai 40 seperti dalam jadual 1 dan huruf *Hā'* (ح) dikira nilai 8.⁴⁰⁷ Namun, menurut Ensiklopedia Zuhlool, *hisāb jummal şaghīr* adalah kiraan dengan membuang digit puluh pada nilai abjad. Oleh itu, huruf *Yā'* (ي) yang bernilai 10 dinilai 1, *Kāf* (ك) yang bernilai 100 dinilai 1 juga. Begitu juga *Qāf* yang bernilai 20 dinilai 2 dan *Rā'* yang bernilai 200 dinilai 2 sahaja. Begitulah seterusnya.⁴⁰⁸

ii. *Hisāb al-Jummal al-Kabīr* (Angka Abjad Besar)

⁴⁰⁵ Omniglot, akses 12 Februari 2015, <http://www.omniglot.com/writing/greek.htm>.

⁴⁰⁷ al-Qaḥṭānī, *Asrār al-Hurūf*, 24-25.

⁴⁰⁸ Laman Zuhlool, akses 21 Oktober 2015, http://www.zuhlool.org/wiki/علم_الأفان.

Mengira nilai semua lafaz yang ditutur yang terdiri dari huruf-huruf. Sebagai contoh, kalimah Muḥammad (محمد) dihitung berdasarkan nama huruf yang menghasilkan bunyi Muḥammad. Maka, huruf *Mīm* dalam kalimah Muḥammad dihitung dengan nilai nama huruf; iaitu dengan mengejanya, iaitu (ميم) *Mīm* - *Yā'* - *Mīm* untuk huruf *Mīm*. Manakala huruf *Hā'* dikira nilai حاء. Maka yang dikira adalah nilai *Mīm*, nilai *Yā'* dan *Mīm* kedua, bukan sekadar satu *Mīm* shj. Begitulah seterusnya. Berikut adalah contoh pengiraan *jummal kabir*:

Jadual 16: Nilai kalimah Muḥammad (محمد) mengikut *hisāb jummal kabir* (besar).

Kalimah asal	محمد												Jumlah
Huruf asal	د	م	ح	اء									
Nilai jummal kecil	4	40	8										= 92
Ejaan huruf	دال	ميم	حاء										
Pecahan huruf	ل	ا	د	م	ي	م	ء	ا	ح	م	ي	م	
Nilai jummal besar	30	1	4	40	10	40	1	1	8	40	10	40	= 225

Namun, jika berdasarkan pandangan kedua, tentang *hisāb jummal saghir*, maka jummal kabir adalah *hisāb jummal* yang sedia ada tanpa membuang angka sifar di belakang angka lain pada bilangan puluh, ribu dan ratus.

iii. *Hisāb Jummal* berdasarkan susunan berbeza.

Hisāb jummal dalam kalangan orang Maghribi dibuat dengan susunan abjad yang berbeza selepas huruf (كلمن).⁴⁰⁹ Ia disusun seperti berikut:

أبجد، هوز، حطي، كلمن، صعفصن، قرفست، ثخذ، ظفش

⁴⁰⁹ al-Qaḥṭānī, *Asrār al-Hurūf*, 24-25.

Selain itu, terdapat juga susunan *hisāb jummal* yang tidak mengikut abjad, sebaliknya berdasarkan susunan lazim dalam bahasa Arab moden (*alif, bā' thā', jīm* dan seterusnya). Namun, *hisāb jummal* yang lebih dikenali adalah *hisāb jummal ṣaghīr* dan dengan susunan abjad yang lazim seperti dalam jadual 4.

5.1.1.3 Penggunaan *Hisāb Jummal*

Dalam sejarah, *hisāb jummal* digunakan dalam pelbagai perkara. Antaranya adalah:

- i. Sebagai kaedah membuat ramalan oleh ahli bintang.⁴¹⁰ Dalam bahasa Inggeris, ia disebut *numerology*. Pengamalnya percaya bahawa masa depan seseorang boleh diramal dengan mengira nombor yang berkaitan dengannya. Nombor itu diperolehi dari nama seseorang (atau nama tempat) berdasarkan nilai angka huruf-huruf pada ejaan namanya, selain dari nombor biasa berdasarkan alamat kediaman dan tarikh lahir.⁴¹¹
- ii. Sebagai kaedah mengisi ruangan wafak dan kiraan dalam rawatan klasik. Wafak merupakan rajah yang dilukis berpetak-petak dengan bentuk segiempat, segitiga dan lain-lain, kemudian diisi dengan nombor-nombor, huruf dan simbol tertentu. Sebahagian dari nombor-nombor dan huruf tersebut dihasilkan dari *hisāb jummal* bagi mewakili nama atau ungkapan tertentu.⁴¹² Wafak berasal dari kata tunggal *wifq* atau *wafq* (وقف) yang bererti tepat atau sesuai⁴¹³ dan jamaknya *awfāq*. Ia dinamakan begitu kerana ketepatan antara nombor dan kiraan dalam petak-petak.⁴¹⁴ Menurut Amran Kasimin, wafak adalah azimat berajah atau tulisan berbentuk lakaran, angka-angka, huruf-huruf potong atau nama-nama Allah, sifat-sifat-Nya, nama malaikat, sahabat dan seumpamanya. Ia ditulis pada kertas, kain, logam seperti tembaga tipis, timah atau pada permukaan cincin.⁴¹⁵

⁴¹⁰ Yāsīn Ṣalawātī, *al-Mawsū ‘ah al-‘Arabiyyah al-Muyassarah wa al-Muwassa ‘ah*, (Beirut: Mu’assasah al-Tārīkh al-‘Arabī, 2001), 4, 1525.

⁴¹¹ *New Standard Encyclopedia*, 12, N-455.

⁴¹² Paranormal Arabia, akses 17 April 2015, http://www.paranormalarabia.com/2009/04/blog-post_25.html.

⁴¹³ Hussain Unang, *Kamus At-Tullab*, (KL: Dār al-Fikr, 1994), 1122.

⁴¹⁴ Laman al-Syifa’ al-Islāmiyyah, akses 17 April 2015, <http://www.ashfa.com/vb/t1381.html>.

⁴¹⁵ Amran Kasimin, *Sihir: Suatu Amalan Kebatinan*, (Bangi: UKM, 2009), 174 & 184.

Wafak digunakan bagi tujuan rawatan penyakit, pelaris, menjadi kebal dan lain-lain. Kaedah ini digunakan oleh pengamal perubatan klasik berdasarkan beberapa kitab seperti *Tāj al-Mulūk* oleh Haji Ismail Aceh dan *Shams al-Ma‘ārif al-Kubrā* oleh al-Būnī. Selain itu, *hisāb jummal* juga digunakan dalam perubatan klasik untuk mengira keserasian, mengatasi masalah perkelahian dan lain-lain.⁴¹⁶ Kaedah-kaedah ini terbina di atas asas kepercayaan bahawa setiap huruf abjad mengandungi roh dan kekuatan yang diwakili oleh nilai-nilai abjad.⁴¹⁷

Kaedah-kaedah mistik ini menyebabkan *hisāb jummal* sering dikaitkan dengan sihir. Bagi ulama yang menganggap kaedah-kaedah perawatan mistik ini sebagai sihir, maka *hisāb jummal* dianggap sebahagian dari elemen melaksanakan sihir.⁴¹⁸

- iii. Sebagai kaedah pentafsiran ayat suci dalam agama seperti yang digunakan oleh sebahagian kaum Yahudi. Ia digunakan, khususnya apabila mereka menghadapi teks yang sukar dan analisis yang tidak memuaskan. Sebagai contoh, mereka mentafsirkan kalimah *sullam* (yang bererti tangga) dalam Perjanjian Lama (Genesis 28: 12) menggunakan *hisāb jummal*.⁴²⁰ *Sullam* dalam mimpi Nabi Ya‘qūb itu ditafsirkan sebagai Gunung Sinai kerana nilai angka bagi *sullam* adalah 130 menyamai nilai angka bagi Gunung Sinai.⁴²¹

Jadual 17: Nilai *sullam* (tangga) sama dengan nilai *sinay* (Gunung Sinai) dalam bahasa Hebrew.

Kalimah asal	سُلَّمٌ			Jumlah	سِينَيْ				Jumlah
Ejaan	س	ل	م		ي	ن	ي	س	
Nilai	40	30	60	= 130	10	50	10	60	= 130

⁴¹⁶ Haji Ismail Aceh, *Tāj al-Mulūk al-Muraṣṣa‘*, cet ke 3, (Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 21.

⁴¹⁷ Paranormal Arabia, akses 17 April 2015, http://www.paranormalarabia.com/2009/04/blog-post_21.html.

⁴¹⁸ Bassām, *Irhāṣāt*, 42 & 44.

⁴²⁰ Teksnya berbunyi:

“Kemudian dia (Ya‘qūb) bermimpi bahawa dia nampak sebuah tangga di bumi yang hujungnya sampai ke langit, dan malaikat-malaikat turun naik tangga itu.” *Al-Kitab*, The Bible Society of Malaysia, PJ, Selangor: 30.

⁴²¹ Laman My Jewish Learning, akses 1 September 2016, <http://www.myjewishlearning.com/article/gematria/>.

Maklumat ini menunjukkan salah satu bentuk penggunaan *hisāb jummal* dalam hal-hal keagamaan. Ia juga menunjukkan bahawa ia tidak terbatas pada perkara mistik dan yang sukar difahami sahaja, walaupun ia mungkin bercanggah atau tidak diterima pakai oleh majoriti penganut agama tersebut.

- iv. Sandaran pegangan dalam ajaran agama. Kaedah *hisāb jummal* turut digunakan dalam agama tertentu untuk menunjukkan kebenaran pegangan mereka. Dalam agama Baha'i, mereka memuliakan bilangan 19 kerana Basmalah terdiri dari 19 huruf. Mereka membuat pelbagai kiraan berdasarkan nombor 19 termasuk kiraan kalendar. Setahun kalendar mereka terdiri dari 19 bulan dan sebulan adalah 19 hari.⁴²² Oleh itu, banyak perkara dalam agama mereka dikaitkan dengan angka 1 dan 9. Antara kaedah membina kaitan itu adalah dengan menggunakan *hisāb jummal*. Contohnya, gelaran pengasas agama ini iaitu Baha' (بهاء) dinilaikan sebagai 9 berdasarkan jumlah nilai *bā'* = 2, *hā'* = 5, *alif* = 1 dan *hamzah* = 1 (sama nilai dengan *alif*).⁴²³ Mereka juga menganggap angka satu (*wāhid* – واحد dalam bahasa Arab) menyamai 19 kerana nilai abjad bagi *wāhid* adalah 19. Ia merupakan jumlah nilai bagi huruf-huruf *wāw* = 6, *alif* = 1, *hā'* = 8, dan *dāl* = 4.⁴²⁴
- v. Sebagai kod untuk bilangan tertentu seperti tarikh atau tahun. Penggunaan seperti ini tidak melibatkan kepercayaan mistik atau rahsia ajaib. Ia hanyalah pemindahan dari bilangan kepada huruf. Contohnya seperti penggunaan dalam catatan tarikh kewafatan pemerintah kerajaan Mamālik, Sultan Barqūq pada tahun 801 Hijrah. Ia dinyatakan sebagai (مات: في المشمش) yang bermaksud: “Dia mati: dalam *mishmish* (buah aprikot). Ungkapan *fi al-mishmish* dipilih kerana nilai abjad bagi huruf-huruf (في المشمش) berjumlah 801 bersamaan tahun kematian tersebut.”⁴²⁵

⁴²² Tal'at Zahrān al-Sakandarī, *al-Bahā'iyyah*, 15, akses 7 Mei 2015 <http://elibrary.mediu.edu.my/books/SDL0525.pdf>.

⁴²³ Laman Baha'i Library Online, akses 7 Mei 2015, http://bahai-library.com/lewis_abjad_numerological_system.

⁴²⁴ Tal'at, *al-Bahā'iyyah*, 15.

⁴²⁵ Muḥammad bin Aḥmad al-Muqaddim, *Fiqh Ashrāt al-Sā'ah*, (Dār al-‘Ālamiyah li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2008 M / 1429 H), Cet. Ke 7, 217.

Jadual 18: Nilai angka *fī al-mishmish*

	المشمش						في		
Huruf	ش	م	ش	م	ل	ا	ي	ف	Jumlah
Nilai	300	40	300	40	30	1	10	80	801

Kebetulan pula, kalimah *barqūq* (nama sultan tadi) juga digunakan sebagai panggilan untuk buah aprikot di Maghribi dan Andalus pada zaman Ibn al-Bayṭār.⁴²⁶

Begini juga digunakan oleh Muḥammad Nawawī Banten ketika menamakan kitab tafsirnya Murāḥ Labīd sempena tahun ia mula ditulis atau dinamakan. Menurut beliau di dalam pendahuluan kitabnya:

“Aku namakannya bersamaan dengan tarikhnya, *Murāḥ Labīd li Kashf Ma ‘nā Al-Qur’ān al-Majīd*”⁴²⁷

Apabila huruf-huruf Arab pada nama penuh kitab tersebut مراح لبید لکشف (Layid L-Kashf) dikira berdasarkan *hisāb jummal* ia menghasilkan jumlah 1294 iaitu tahun 1294 Hijrah, tarikh kitab tersebut ditulis atau dinamakan. Penggunaan seperti ini nampaknya hanya berdasarkan kaedah huruf mewakili nombor sahaja seperti dalam sejarah awal kemunculan sistem ini.

Orang Yahudi hari ini juga menggunakan huruf-huruf berdasarkan *hisāb jummal* bagi mewakili tarikh seperti terdapat pada akhbar harian Yediot Aharonot. Sebagai contoh, akhbar tersebut yang bertarikh 23/9/2003 meletakkan huruf (ت ش س ج) yang bernilai 763 berdasarkan kiraan *hisāb jummal*. Ia adalah

⁴²⁶ Reinhart Pieter Anne Dozy, *Takmilah al-Ma‘ājim al-‘Arabiyyah*, (Kementerian Kebudayaan dan Penyiaran Iraq, 1980), 1, 303.

⁴²⁷ Muḥammad bin ‘Umar al-Jawī al-Bantinī, *Murāḥ Labīd li Kashf Ma ‘nā al-Qur’ān al-Majīd*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1417 H), 1, 5.

isyarat bagi tahun Hebrew 5763 (dengan dibuang digit ribunya). Orang Yahudi juga mengajarkan sistem ini di sekolah dan dalam penerbitan lain.⁴²⁸

- vi. Kiraan dalam mentafsirkan ayat al-Quran. Contoh yang mudah ditemui adalah penggunaan *hisāb jummal* dalam mentafsirkan huruf-huruf *fawātiḥ*. Namun, terdapat juga kiraan *jummal* pada huruf-huruf dalam kalimah, rangkai kata dan ayat al-Quran yang lain. Dalam kitab *al-Futuḥāt al-Makkiyyah*, Ibn ‘Arabi membuat kiraan yang agak kompleks melibatkan *jummal* besar dan kecil pada ayat 1-5 surah al-Rum dan mengaitkannya dengan pembukaan Baitulmaqdis pada tahun 583 Hijrah.⁴²⁹

Beliau membuat pentafsiran dan kiraan ini berdasarkan qiraat yang membaca (غَلِبَتُ الرُّومُ) pada ayat kedua dengan *ghayn* dan *lam* berbaris atas (*fathah*) iaitu *ghalabat al-rūm* (*binā’ ma’lūm*). Manakala (سيغلبون) pada ayat keempat pula dengan *yā’* berbaris depan (*raf’*) dan *lām* berbaris atas (*fathah*). Maka maksud ayat-ayat tersebut adalah:

“Rom telah mengalahkan (menang) di bumi yang paling hampir. Dan mereka selepas kemenangan itu, akan di kalahkan. Dalam beberapa tahun.”

al-Rūm 30: 2-5

Menurut Ibn ‘Arabi⁷, kiraan pada huruf *fawātiḥ* (الم) dalam ayat pertama berdasarkan nilai *hisāb jummal saghir* (*jummal* kecil) adalah 8 (*Alif* = 1, *Lām* = 3 dan *Mīm* = 4). Kalimah *bid'* (بعض) pada ayat kelima dari segi bahasa bermaksud bilangan antara 3 dan 9. Ia ditafsirkan sebagai bilangan 8 berdasarkan nilai *jummal* huruf *fawātiḥ* pada ayat pertama (الم) tadi. Kemudian beliau menggabungkan nilai *fawātiḥ* (الم) dengan nilai *bid'* (بعض) yang telah ditafsirkan (8 + 8). Menurutnya lagi, ia berjumlah 15 dengan menolak nilai *Alif* pada *fawātiḥ* (الم) kerana *Alif* dianggap sebagai asas sahaja. Nilai 15 ini ditahan dahulu.

⁴²⁸ Faḍl ‘Abbās, *Al-Hurūf al-Muqaṭṭa‘ah*, 35-36.

⁴²⁹ Yang dimaksudkan adalah pembebasan oleh Salahuddin al-Ayyubi, iaitu pada 2 Oktober 1187 Masihi, bersamaan 27 Rejab 583 Hijrah.

Selepas itu, beliau membuat kiraan *jummal* besar pula pada (الم) dan menghasilkan jumlah 71 (*Alif* = 1, *Lām* = 30 dan *Mīm* = 40). Kemudian, nilai *jummal fawātiḥ* ini didarabkan dengan nilai *jummal bid'* (بضع) tadi iaitu 8, iaitu 71×8 . Ia menghasilkan nilai 568. Kemudian ditambah pula dengan nilai 15 telah ditahan tadi lalu menghasilkan jumlah 583. Nilai inilah yang bersamaan tahun Baitulmaqdis dibebaskan dan kekuasaan Rom (tentera Salib) dikalahkan. Ia diserasikan dengan tafsiran berdasarkan qiraat tadi, iaitu pada kalimah *sayughlabūn* (سغلون) yang bermaksudkan mereka akan dikalahkan.⁴³⁰

- vii. Kiraan dalam mukjizat bilangan. Ia digunakan untuk menghasilkan bilangan dari huruf-huruf al-Quran pada kalimah, rangkai kata atau ayat tertentu. Secara lebih khusus, ia banyak digunakan pada huruf-huruf *fawātiḥ* surah seperti dibincangkan dalam fakta yang lepas. Bahkan kiraan *hisāb jummal* dalam tafsiran al-Quran seperti contoh di atas akan dikira termasuk dalam ruang lingkup mukjizat bilangan jika ia menepati realiti dan mengandungi unsur *i'jāz*. Namun, tidak semua penyelidik mukjizat bilangan menerima dan menggunakan *hisāb jummal*.

5.1.1.4 Penggunaan Bassām

Bassām Jarrār adalah termasuk dalam kalangan penyelidik yang menggunakan *hisāb jummal* dalam karya-karyanya. Antaranya, beliau membandingkan dua ungkapan dalam al-Quran yang menerangkan tentang sifat Masjid al-Haram dan Masjid al-Aqsa. Ia terdapat pada ayat 96, surah ‘Āli ‘Imrān dan ayat 1, surah al-Isrā’. Nilai abjad bagi kedua-dua ungkapan tersebut adalah sama, iaitu 1063.⁴³¹ Berikut adalah perincian kiraannya:

Jadual 19: Nilai angka dua masjid.

Ungkapan	Sifat	Nilai <i>jummal</i> huruf-hurufnya	Jumlah
{الَّذِي بَرَكَنَا حَوْلَهُ،}	Masjid al-Aqsa	$1+60+700+10+2+200+20+50+1+8+6+60+5$	1063
{لَلَّذِي بَيَّكَهُ مُبَارَّكًا}	Masjid al-Haram	$60+60+700+10+2+2+20+5+40+2+1+200+20+1$	1063

⁴³⁰ Muhyi al-Dīn bin ‘Arabi, *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*, (Dār Ihyā al-Turāth al-‘Arabi), 1, 103.

⁴³¹ Bassām Jarrār, *Ihsāb Jummāl wa al-I‘jāz al-‘Adadī*, akses 19 Mei 2015, http://www.islamnoon.com/Derasat/Erhasat/e_hesab.htm.

Contoh kedua, beliau membuat kiraan *jummal* (nilai abjad) pada dua surah *fawātiḥ*⁴³², surah Maryam dan surah Ṣād serta mengaitkannya dengan bilangan 19. Kedua-dua surah dipilih kerana dari segi susunan, ia terletak pada bilangan 19 dan 38 yang merupakan angka gandaan 19. Tiada surah *fawātiḥ* lain yang terletak pada bilangan gandaan 19 selain dua surah ini. Nilai abjad bagi nama surah Maryam adalah 290 (*Mīm* = 40, *Rā'* = 200, *Yā'* = 10 dan *Mīm* = 40), manakala nilai abjad nama surah Ṣād pula adalah 90 (*Ṣād* = 90). Bila nilai dua nama surah ini dicampurkan, ia berjumlah 380 (290 + 90). Bilangan 380 adalah dalam gandaan 19 (19 x 20).

Kemudian, beliau juga mengira nilai *jummal fawātiḥ* dua surah berkenaan. *Fawātiḥ* surah Maryam berjumlah 195 (*Kāf* = 20, *Hā'* = 5, *Yā'* = 10, *'Ayn* = 70 dan *Ṣād* = 90). Manakala *fawātiḥ* surah Ṣād pula adalah 90 (huruf *ṣād* sendiri). Bila kedua-dua nilai ini dicampurkan, ia berjumlah 285. Ia juga merupakan gandaan bilangan 19 (19 x 15). Bila ketiga-tiga nilai yang dihasilkan dari *hisāb jummal* tadi dicampurkan, ia berjumlah 722. Nilai ini pula adalah hasil darab bilangan surah Maryam pada bilangan surah Ṣād; iaitu 19 x 38.⁴³³

Menurut beliau, *hisāb jummal* adalah sistem angka yang dicipta oleh bangsa Arab sejak berkurun sebelum Masihi. Beliau mengandaikan bahawa pelbagai bangsa telah mengambil sistem abjad dan *hisāb jummal* dari Arab Babylon atau bangsa Phoenicia. Antara yang menggunakan *hisāb jummal* adalah bahasa Semitik dan bukan Semitik termasuk Greek dan Hebrew. Oleh kerana sistem abjad tersebut lebih pendek dalam bahasa selain Arab, ia menunjukkan bahawa asal-usulnya adalah dari bahasa Arab. Justeru itu, *hisāb jummal* adalah bahagian yang tidak dapat dipisahkan dari bahasa Arab sendiri. al-Quran pula diturunkan dalam bahasa Arab.⁴³⁴ Menurutnya lagi, penggunaan *hisāb jummal* dalam sihir, jampi, perbomohan dan ramalan telah mencemarkan sistem yang neutral ini.⁴³⁵

Ini berbeza dengan sikap 'Abd al-Dā'im. Beliau sebaliknya menolak penggunaan *hisāb jummal* dalam kajian tentang al-Quran. Beliau mempersoalkan apakah asas yang menjadikan huruf *alif* bernilai 1, huruf *bā'* bernilai 2? Mengapa *bā'* tidak dinilai tiga atau

⁴³² Iaitu surah yang dimulakan dengan huruf-huruf *fawātiḥ* dan semuanya berjumlah 29 surah.

⁴³³ Bassām, *Al-Muqtaṭaf*, 70.

⁴³⁴ Bassām, *Al-Muqtaṭaf*, 65-66.

⁴³⁵ Bassām, *Hisāb Jummal*.

empat, contohnya? Menurutnya lagi, sistem kiraan ini tidak menunjukkan sebarang dapatan mukjizat. Para pengkaji seharusnya menjauhi penggunaan kiraan klasik ini.⁴³⁶

5.1.1.5 Pandangan Ulama Tentang *Hisāb Jummal*

Terdapat perbezaan pendapat dalam kalangan ulama tentang penggunaan *hisāb jummal*. Ada dalam kalangan mereka yang menolak atau mengharamkan penggunaannya. Ada yang menerimanya dan ada pula yang bukan sekadar menerimanya, bahkan menggunakannya dalam penulisan dan pengiraan mereka.

Antara ulama yang menolak penggunaan *hisāb jummal* adalah Ibn Kathīr. Beliau menolak penggunaan huruf *fawātiḥ* sebagai kaedah untuk mengetahui tempoh atau tarikh kejadian dan peristiwa. Menurutnya:

“Adapun orang yang menyangka bahawa ia (huruf *fawātiḥ*) menunjukkan pengetahuan tentang tempoh, dikeluarkan darinya tarikh kejadian dan bencana, dia telah mendakwa perkara yang tidak berhak padanya. Dia seperti burung yang terbang di tempat yang bukan tempatnya.”⁴³⁷

Ibn Ḥajar pula mencatatkan larangan menggunakan *hisāb jummal* dari Ibn ‘Abbās.

Katanya:

“Telah sabit dari Ibn ‘Abbas, larangan menggunakan kiraan Abī Jād dan adanya isyarat bahawa ia termasuk dalam kategori sihir. Dan hal itu tidaklah menghairankan kerana ia tidak punya asas dalam syariat.”⁴³⁸

Berbanding dengan Ibn Kathīr, catatan Ibn Ḥajar ini lebih jelas ditujukan kepada *hisāb jummal*. Sedangkan kenyataan Ibn Kathīr lebih umum tentang manipulasi huruf *fawātiḥ*.

Manakala yang tidak melarang, bahkan menggunakan *hisāb jummal* adalah dalam kalangan para sufi seperti Ibn ‘Arabī. Beliau menulis tentang keistimewaan huruf-huruf ini dalam kitabnya al-Futūḥāt al-Makkiyyah. Ahmad bin ‘Aliyy al-Būnī pula menggunakan *hisāb jummal* dalam karyanya Shams al-Ma‘ārif al-Kubrā, sebuah kitab perubatan yang

⁴³⁶ al-Kaḥīl, *Mawsū’ah*, 52, 53.

⁴³⁷ Ibn Kathīr, *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Azīm*, (Dār al-Tayyibah, 1999), 1, 161.

⁴³⁸ Ibn Ḥajar, *Fath al-Bārī*, 11, 351.

diangap setengah pihak sebagai kitab sihir. Manakala Muḥammad Nawawī Banten pula didapati menggunakan *hisāb jummal* dalam penulisan tarikh (seperti contoh pada subtajuk 5.1.1.3-v). Ini menunjukkan bahawa beliau juga mengharuskan penggunaan kiraan ini. Khaldūn Naghwī menghukumkan harus mempelajari *hisāb jummal* ketika beliau menghuraikan komentar Ibn ‘Abbās tentang *hisāb Abī Jād*. Beliau membezakan antara mempelajari kiraan *jummal* dengan mempelajari hubungannya dengan peredaran bintang dan mengaitkannya dengan kejadian-kejadian di bumi.⁴³⁹

5.1.1.6 Penilaian Berdasarkan Nas

Tiada nas dari al-Quran dan hadis sahih tentang *hisāb jummal* selain sebuah hadis yang meriwayatkan dialog salah seorang ketua Yahudi Madinah bernama Ḥuyay bin Akhṭab dengan Rasulullah SAW tentang huruf *fawātiḥ*. Apabila dibacakan *alif lām mīm*, Ḥuyay membuatkan kiraan dan meramalkan bahawa usia agama Muḥammad hanyalah 71 tahun. Kemudian apabila beliau bertanya tentang huruf-huruf *fawātiḥ* yang lain, Rasulullah SAW menyebut *alif lām mīm ṣād*, *alif lām rā'* dan *alif lām mīm rā'* sehingga jumlahnya menjadi 734 tahun (71+161+231+271). Akhirnya Ḥuyay berkata: Persoalanmu membingungkan kami wahai Muḥammad sehingga kami tidak tahu apakah engkau diberi sedikit atau banyak.⁴⁴⁰ Perinciannya adalah berikut:

Jadual 20: Kiraan *hisāb jummal* oleh pemimpin Yahudi terhadap *fawātiḥ* al-Quran.

<i>Fawātiḥ</i>	الْمُ			الْصَّ				الْرُّ			الْمُ			
Pecahan	<i>Alif</i>	<i>Lām</i>	<i>Mīm</i>	<i>Alif</i>	<i>Lām</i>	<i>Mīm</i>	<i>Ṣād</i>	<i>Alif</i>	<i>Lām</i>	<i>Rā'</i>	<i>Alif</i>	<i>Lām</i>	<i>Mīm</i>	<i>Rā'</i>
Nilai	1	30	40	1	30	40	90	1	30	200	1	30	40	200
Jumlah	71			161				231			271			
Total	$= 734$													

Berikut pula adalah teks penuh hadis berkenaan:

⁴³⁹ Khaldūn Naghwī, Abū ‘Abdullāh al-Ḥaqwī, *al-Tawḍīḥ al-Rashīd fī Sharḥ al-Tawḥīd al-Mudhīl bi al-Tafnīd li Shubuhāt al-‘Anīd*, 230, akses 21 Oktober 2015, <http://www.shameela.com>.

⁴⁴⁰ Ibn Kathīr *Tafsīr*, 1, 161.

عن جابر بن عبد الله بن رئاب قال مرّ أبو ياسر بن أخطب في رجالٍ من اليهود
برسول الله صلى الله عليه وسلم وهو يتلو فاتحة سورة البقرة الم * ذلك الكتابُ
لَا رَيْبَ فَأَتَى أَخاهُ حُبِيَّ بْنَ أَخْطَبَ في رجَالٍ مِّنَ الْيَهُودِ فَقَالُوا تَعْلَمُونَ وَاللهُ لَقَدْ
سِمِعْتُ مُحَمَّداً يَتْلُو فِيمَا أَنْزَلَ اللَّهُ عَلَيْهِ الْمِنْ * ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فَقَالَ أَنْتَ
سِمِعْتَهُ قَالَ نَعَمْ قَالَ فَمَشَى حُبِيَّ بْنَ أَخْطَبَ فِي أُولَئِكَ النَّفَرِ مِنَ الْيَهُودِ إِلَى
رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالُوا يَا مُحَمَّدَ أَلَمْ يَذْكُرْ أَنَّكَ تَتْلُو فِيمَا أَنْزَلَ اللَّهُ
عَلَيْكَ الْمِنْ * ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَلَى
فَقَالُوا جَاءَكَ بِهَذَا جَبْرِيلٌ مِّنْ عَنْدِ اللَّهِ فَقَالَ نَعَمْ قَالُوا لَقَدْ بَعَثَ اللَّهُ قَبْلَكَ أَنبِيَاءً
مَا نَعْلَمُهُ بَيْنَ لَنْبِيٍّ مِّنْهُمْ مَا مَدَّةُ مُلْكِهِ وَمَا أَجْلُ أَمْتِهِ غَيْرِكَ فَقَامَ حُبِيَّ بْنُ
أَخْطَبَ وَأَقْبَلَ عَلَى مَنْ كَانَ مَعَهُ فَقَالَ لَهُمُ الْأَلِفُ وَاحِدَةٌ وَاللَّامُ ثَلَاثُونَ وَالْمِيمُ
أَرْبَاعُونَ فَهَذِهِ إِحْدَى وَسَبْعُونَ سَنَةً أَفْنِدُهُمْ لِلَّهِ فِي دِينِ نَبِيٍّ إِنَّمَا مَدَّةُ مُلْكِهِ وَأَجْلُ
أَمْتِهِ إِحْدَى وَسَبْعُونَ سَنَةً ثُمَّ أَقْبَلَ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ يَا
مُحَمَّدُ هَلْ مَعَ هَذَا غَيْرُهُ فَقَالَ نَعَمْ قَالَ مَا ذَاكَ قَالَ الْمَصْ قَالَ هَذِهِ أَثْقَلُ وَأَطْوُلُ
الْأَلِفُ وَاحِدَةٌ وَاللَّامُ ثَلَاثُونَ وَالْمِيمُ أَرْبَاعُونَ وَالصَّادُ سَبْعُونَ فَهَذِهِ إِحْدَى وَثَلَاثُونَ
وَمَائَةُ سَنَةٍ هَلْ مَعَ هَذَا يَا مُحَمَّدُ غَيْرُهُ قَالَ نَعَمْ قَالَ مَا ذَاكَ قَالَ الرَّ قَالَ هَذِهِ
أَثْقَلُ وَأَطْوُلُ الْأَلِفُ وَاحِدَةٌ وَاللَّامُ ثَلَاثُونَ وَالرَّاءُ مَائَتَانَ فَهَذِهِ إِحْدَى وَثَلَاثُونَ
وَمَائَتَانِ سَنَةٍ فَهَلْ مَعَ هَذَا يَا مُحَمَّدُ غَيْرُهُ قَالَ نَعَمْ قَالَ مَاذَا قَالَ الْمَرْ قَالَ فَهَذِهِ
أَثْقَلُ وَأَطْوُلُ الْأَلِفُ وَاحِدَةٌ وَاللَّامُ ثَلَاثُونَ وَالْمِيمُ أَرْبَاعُونَ وَالرَّاءُ مَائَتَانَ فَهَذِهِ إِحْدَى
وَسَبْعُونَ وَمَائَتَانِ ثُمَّ قَالَ لَقَدْ لَبِسْ عَلَيْنَا أَمْرُكَ يَا مُحَمَّدُ حَتَّىٰ مَا نَدْرِي أَقْلِيلًا
أُعْطِيَتْ أَمْ كَثِيرًا ثُمَّ قَالَ قُوْمُوا عَنْهِ ثُمَّ قَالَ أَبُو يَاسِرٍ لِأَخِيهِ حُبِيَّ بْنِ أَخْطَبَ وَلِمَنْ
مَعَهُ مِنَ الْأَحْبَارِ مَا يُدْرِيكُمْ لَعَلَّهُ قَدْ جَمِعَ هَذَا لَهُمْ كُلُّهُ إِحْدَى وَسَبْعُونَ وَمَائَتَانَ
وَإِحْدَى وَثَلَاثُونَ وَمَائَةٌ وَإِحْدَى وَثَلَاثُونَ وَمَائَتَانَ وَإِحْدَى وَسَبْعُونَ وَمَائَتَانَ
فَذَلِكَ سَبْعُمَائَةٌ وَأَرْبَعُ سَنِينَ فَقَالُوا لَقَدْ تَشَابَهَ عَلَيْنَا أَمْرُهُ فَيَزْعُمُونَ أَنَّ هُؤُلَاءِ
الآيَاتِ نَزَلتْ فِيهِمْ هُوَ الَّذِي أَنْزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ
الْكِتَابِ وَأَخْرُ مُتَشَابِهَاتٌ

Maksudnya: “Dari Jābir bin ‘Abdullāh bin Ri’āb, katanya: Abū Yāsir bin Akhtab bersama beberapa orang Yahudi lalu di hadapan Rasulullah SAW ketika baginda membaca permulaan surah al-Baqarah iaitu { إِنَّمَا ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رِبُّ لَهُ }. Lalu dia menemui saudaranya, Ḥuyay bin Akhtab yang sedang bersama beberapa orang Yahudi. Katanya: “Kamu tahu, demi Allah, aku telah mendengar Muhammad membaca antara apa yang diturunkan Allah: { إِنَّمَا ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رِبُّ لَهُ }. Lalu kata Ḥuyay: “Engkau mendengarnya?” Kata Abu Yasir: “Ya.” Kata Jābir: Lalu Ḥuyay bersama kumpulan Yahudi itu datang menemui Rasulullah SAW dan berkata: “Wahai Muḥammad. Ada orang berkata bahawa engkau membaca antara apa yang diturunkan Allah kepadamu { إِنَّمَا ذَلِكَ الْكِتَابُ لَا رِبُّ لَهُ }.” Jawab baginda: “Benar.” Lalu mereka berkata: “Jibrīlakah yang membawa ini dari Allah?” Jawab baginda: “Ya.” Kata mereka lagi: “Allah telah mengutus sebelummu para nabi yang kami tahu, diterangkan kepada seseorang nabi itu tempoh kerajaannya dan tempoh umatnya selain engkau.” Lalu Ḥuyay bangun dan menghadap orang-orang yang bersamanya dan berkata: “*Alif* adalah 1, *Lām* 30 dan *Mīm* 40. Semuanya adalah 71 tahun. Adakah kamu mahu menganut agama seorang nabi yang tempoh kerajaan dan umatnya 71 tahun?” Kemudian Ḥuyay menghadap Rasulullah SAW pula dan bertanya: “Wahai Muḥammad. Adakah yang lain bersama ini?” Jawab baginda: “Ya.” Kata Ḥuyay: “Apa dia?” Jawab baginda: “الصّ.” Kata Ḥuyay: “Ini lebih berat dan panjang. *Alif* 1, *Lām* 30, *Mīm* 40 dan *Sād* 70. Semuanya 131 (sepatusnya 141 – penulis)⁴⁴¹. Ada lagi wahai Muḥammad?” Jawab baginda: “Ya.” Kata Ḥuyay: “Apa dia?” Jawab baginda: “الرّ.” Kata Ḥuyay: “Ini lebih berat dan panjang. *Alif* 1, *Lām* 30 dan *Rā* 200. Semuanya 231. Ada lagi wahai Muḥammad?” Jawab baginda: “Ya.” Kata Ḥuyay: “Apa dia?” Jawab baginda: “المرّ.” Kata Ḥuyay: “Ini lebih berat dan panjang. *Alif* 1, *Lām* 30, *Mīm* 40 dan *Rā* 200. Semuanya 271.” Kemudian Ḥuyay berkata: “Urusanmu mengelirukan kami wahai Muḥammad, sehingga kami tidak tahu adakah engkau diberi sedikit atau banyak.” Kemudian kata Ḥuyay lagi: “Bangunlah semua, tinggalkan dia.” Abū Yāsir pun berkata kepada saudaranya (Ḥuyay) dan rahib-rahib yang bersamanya: “Kamu tidak tahu. Boleh jadi semua itu dihimpunkan untuk Muḥammad, 71, 131, 231 dan 271. Semuanya jadi 704 tahun.” Lalu kata mereka: “Urusannya saling keliru pada kita.” Mereka menyangka bahawa ayat-ayat tersebut turun tentang mereka, iaitu { هُوَ الَّذِي أَنزَلَ عَلَيْكَ الْكِتَابَ مِنْهُ آيَاتٌ مُّحْكَمَاتٌ هُنَّ أُمُّ الْكِتَابِ وَآخِرُ مُشَاهِدَاتٍ } (Dialah yang menurunkan kepadamu (Wahai

⁴⁴¹ Ada dua kesilapan kiraan dalam riwayat ini oleh Ibn Kathīr, iaitu:

1. Sepatusnya jumlah $1 + 30 + 40 + 70$ adalah = 141, bukan 131.
2. Sepatusnya *Sād* bernilai 90 dan jumlah *Alif Lām Mīm Sād* adalah 161.
3. Jumlah keseluruhannya adalah 734, bukan 704.

Semakan pada tafsir lain (al-Suyūṭī, al-Syawkānī dan al-Qinnawjī) mendapati riwayatnya disebut dengan jumlah yang betul iaitu 734 tahun.

- al-Qinnawjī, Abū al-Ṭayyib Muḥammad Ṣiddiq Khān, *Fath al-Bayān fī Maqāṣid al-Qur’ān*, (Beirut: al-Maktabah al-Asriyyah, 1992), 1: 70.
- al-Syawkānī, *Fath al-Qadīr*, <http://www.altafsir.com>, Maktabah al-Syāmilah, 1, 19.
- al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn, *al-Durr al-Manthūr fī al-Ta’wīl bi al-Ma’thūr*, <http://www.altafsir.com>, Maktabah al-Syāmilah, 1, 17.

Muhammad) kitab suci al-Quran. Sebahagian besar dari al-Quran itu ialah ayat-ayat “Muḥkamāt” (yang tetap, tegas dan nyata maknanya serta jelas maksudnya); ayat-ayat Muḥkamāt itu ialah ibu (atau pokok) isi al-Quran; dan yang lain lagi ialah ayat-ayat “Mutashābihāt” (yang samar-samar, tidak terang maksudnya).⁴⁴²

Hadis ini menunjukkan cubaan pemimpin Yahudi yang bernama Ḥuyay ini cuba membuatkan kiraan berdasarkan hisab jummal pada huruf-huruf *fawātiḥ* al-Quran. Kemudian dia meramalkan bahawa usia agama Muhammad hanyalah 71 tahun. Namun, apabila beliau bertanya tentang huruf-huruf *fawātiḥ* yang lain dan Rasulullah SAW menyebutnya, jumlahnya menjadi semakin banyak mencecah 704 tahun. Akhirnya mereka menyimpulkan bahawa ajaran baginda membingungkan mereka. Sedangkan sebenarnya, jangkaan mereka mahu merendah-rendahkan baginda SAW meleset kerana huruf-huruf yang dibacakan baginda semakin banyak.

Hadis ini diriwayatkan dari Jābir bin ‘Abdullāh dalam *Tafsīr Ibn Kathīr*, dalam *Fath al-Qadīr* oleh al-Shawkānī⁴⁴³ dan dalam *al-Durr al-Manthūr* oleh al-Suyūṭī.⁴⁴⁴ Ketiga-tiga riwayat ini dihukum *da’if*. Selain dari itu, ia juga diriwayatkan oleh al-Ṭabarī dalam tafsirnya⁴⁴⁵, al-Māwardī dalam *al-Nukat wa al-‘Uyūn*⁴⁴⁶ dan al-‘Izz bin ‘Abd al-Salām dalam *Tafsīr Ibn ‘Abd al-Salām*.⁴⁴⁷

Namun riwayat ini adalah *da’if*. Jika diterima sekalipun, ia tidak menunjukkan kebenarannya kerana ramalan kaum Yahudi tersebut tidak tepat sama sekali. Justeru kerana umur umat Muhammad SAW pada hari ini telah melebihi ramalan mereka sekali ganda. Jika dinisbahkan kepada umur umat Muhammad SAW memerintah dunia sebagai kuasa pemerintahan juga tidak tepat. Justeru jika pemerintahan Islam dikira dari zaman Rasulullah SAW memerintah Madinah sehingga kejatuhan khilafah Islam Turki pada tahun

⁴⁴² Ibn Kathīr *Tafsīr*, 1, 161.

⁴⁴³ al-Syawkānī, *Fath al-Qadīr*, 1: 19.

⁴⁴⁴ al-Suyūṭī, *al-Durr al-Manthūr*, 1: 17.

⁴⁴⁵ Al-Ṭabarī, *Jāmi‘ al-Bayān*, 1, 217.

⁴⁴⁶ al-Māwardī, *al-Nukat wa al-‘Uyūn*, (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah), 1, 65.

⁴⁴⁷ al-‘Izz bin ‘Abd al-Salām, *Tafsīr Ibn ‘Abd al-Salām*, <http://www.altafsir.com>, Maktabah al-Syāmilah, 1, 7.

1924, jumlah umurnya telah mencecah 1341 tahun,⁴⁴⁹ berbanding 704 atau 734 tahun yang diramalkan oleh mereka.

Ia juga tidak menunjukkan pengiktirafan dari Rasulullah SAW terhadap kiraan tersebut. Baginda SAW juga tidak melarang penggunaan *hisāb jummal* itu dan tidak pula menyuruh berpegang dengannya. Dengan kata lain, riwayat tersebut tidak menunjukkan sebarang *iqrār* dari baginda SAW kerana baginda SAW diriwayatkan hanya diam dan tidak memberikan sebarang respon.

5.1.1.7 Hubungan *Hisāb Jummal* Dengan Bahasa Al-Qur'an

Selain dari hubungannya dengan Yahudi, terdapat pandangan bahawa *hiṣāb jummal* adalah sebahagian dari bahasa Arab (bahasa al-Quran). Jika ia benar, maka kehujahannya dalam tafsiran al-Quran dan mukjizat bilangan akan menjadi kuat. Selain dari persoalan, apakah al-Quran memang bermaksud dengan nilai angka ketika ia membicarakan sesuatu terutama pada huruf *fawātiḥ*.

Namun, catatan menunjukkan bahawa umat Islam mula menggunakannya selepas gerakan penterjemahan kitab-kitab falsafah.⁴⁵⁰ Kelompok yang mula menggunakannya adalah pelampau sufi demi mendapat kasyaf dan menzahirkan perkara luar biasa.⁴⁵¹ Komentar Ibn Abbās dan seumpamanya pula menunjukkan bahawa sistem ini banyak digunakan dalam kalangan Yahudi dan bukan bangsa Arab. Huruf-huruf tunggal telah digunakan oleh Yahudi sebagai nombor. Kristian pula menggunakan sebagai simbol tertentu menggantikan kalimah.⁴⁵² Namun, ayat-ayat al-Quran diturunkan juga untuk berbicara kepada ahli kitab yang telah menggunakan *hisāb jummal*.

Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa fakta yang boleh dijadikan kajian lanjut. Bangsa Arab sebelum Islam pula didapati menggunakan huruf tunggal dalam syair

⁴⁴⁹ Berdasarkan perisytiharan tamatnya kerajaan ‘Uthmānī’Uthmaniyyah Turki pada 1 November 1922 oleh kerajaan Republik Turki. Laman Wikipedia, akses 2 September 2016, https://en.wikipedia.org/wiki/Defeat_and_dissolution_of_the_Ottoman_Empire#End_of_the_Ottoman_Empire.

⁴⁵⁰ al-Qaḥṭānī, *Asrār al-Hurūf*, 49.

⁴⁵¹ Ibn Khaldūn, *Muqaddimah*, 542.

⁴⁵² Faḍl ‘Abbās, *Al-Hurūf al-Muqatṭa‘ah*. 34.

bagi meringkaskan dan menggantikan kalimah tertentu.⁴⁵³ Penggunaannya oleh bangsa Arab sebelum zaman Islam dan turunnya wahyu memungkinkan ia diterima sebagai sebahagian dari bahasa Arab, bahasa al-Quran.

Bangsa Arab pada zaman penurunan al-Quran juga tidak mempunyai simbol mewakili nombor. Mereka menggunakan *hisāb jummal* sejak zaman jahiliyyah hingga zaman awal pemerintahan Bani Abbās. Ini adalah berdasarkan penemuan bukti penggunaan *hisāb jummal* pada batu bersurat Abrahah bin al-Ashram yang diukir pada empangan Ma'rib.⁴⁵⁴ Selepas itu, angka yang digunakan dalam menomborkan ayat-ayat al-Quran sendiri adalah angka Hindi (۱, ۲, ۳ dan seterusnya) yang banyak digunakan di bahagian Timur Islam. Manakala angka Arab - Hindi atau *Arabic – Hindi numerals* (1, 2, 3 dan seterusnya) pula digunakan di bahagian Barat Islam (negara-negara di utara Afrika dan Andalus).⁴⁵⁵

5.1.2 Kaedah Penyampaian Bassām

Kedua-dua tokoh ini menggunakan kaedah penyampaian yang hampir sama. Hasil kajian dan idea mereka kongsi melalui buku, laman web, saluran *Youtube*, seminar dan bengkel. Apa yang berbeza adalah ‘Abd al-Dā’im berpeluang menghadiri seminar di peringkat antarabangsa. Sedangkan Bassām pula tidak berpeluang menghadiri sebarang program di luar Palestin. Pergerakan beliau terbatas akibat sekatan dari regim Israel.

Namun buah fikiran dan idea Bassām tetap disebarluaskan melalui beberapa cara. Ini termasuklah menulis buku dan memanfaatkan teknologi maklumat untuk menyebarkan hasil penyelidikannya. Tulisan beliau boleh dibaca secara dalam talian (*online*) di laman sesawang Markaz Nūn (www.islamnoon.com). Ia juga boleh dimuat turun dari laman yang sama secara percuma. Bahan-bahan tersebut termasuk artikel, buku, jadual kiraan, rakaman suara dan lain-lain. Laman sosial Facebook juga digunakan untuk tujuan perkongsian hasil

⁴⁵³ Faḍl ‘Abbās, *Al-Ḥurūf al-Muqatṭa‘ah*. 34.

⁴⁵⁴ Naznīn ‘Umar ‘Abd al-Rahmān, *al-‘Adad fī Al-Qur‘ān al-Karīm Dirāsah Tarākubiyah*, (‘Ammān: Dār Dajlah, 2008), 20.

⁴⁵⁵ Laman *al-Ma‘rifah*, akses 6 Jun 2017, http://www.marefa.org/#_أرقام_عربية

kajian dan pandangan beliau. Alamat *Facebook* beliau adalah <https://www.facebook.com/pages/209764045712475>.
الشيخ بسام جرار

Bermula pada tahun 2011M, beliau mula mengadakan pengajian mingguan tentang tafsir al-Quran yang direkodkan dan dimuat naik ke laman *Youtube*, dipautkan ke saluran Islamnoon dan disiarkan ke udara oleh saluran televisyen al-Quds (*al-Quds al-Fadā’iyah*).

5.2 Metodologi ‘Abd al-Dā’im

‘Abd al-Dā’im pula menggunakan teks al-Quran dalam format perisian *Word* (fail jenis *doc*) untuk membuat pengiraan. Kaedah yang beliau gunakan ini turut diajar secara terperinci dalam laman webnya. Pengguna perlu membuka fail ini dan membuat carian melalui perisian *Microsoft Word* dengan menggunakan menu *Find* yang dapat diakses dengan papan kunci *Ctrl + F*. Ia adalah kaedah carian teks yang asas dalam perisian tersebut. Fail teks al-Quran tersebut dikongsi dan boleh dimuat turun dari laman web beliau. Bahkan beliau memberikan penjelasan terperinci tentang cara membuat carian dalam fail tersebut. Hasil carian itu akan memaparkan jumlah dan senarai kalimah atau huruf yang dicari.⁴⁵⁸

Walau bagaimanapun, teks al-Quran ini disediakan dalam *rasm imlā’i*, bukan ‘Uthmānī. Justeru, pengguna perlu menyemak semula kepada mashaf ‘Uthmānī untuk memastikan ketepatan jumlah kiraan. Ini kerana *rasm* ‘Uthmānī pada mashaf melibatkan pembuangan huruf tertentu walaupun dibaca dan penambahan huruf tertentu walaupun tidak dibaca.

Kaedah asas pengiraan ‘Abd al-Dā’im pula adalah berikut:

- i. Huruf *hamzah* (هـ) tidak dikira kerana ia tidak ditulis pada *rasm* awal al-Quran (*rasm* ‘Uthmānī) berdasarkan semakan pada manuskrip awal al-Quran.

⁴⁵⁸ al-Kahīl, akses 12 Mac 2015, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/2010-02-02-22-46-15/267-2010-09-18-11-58-19>.

- ii. Huruf *alif* (ا - أَلْفٌ) dikira sebagai *alif* tanpa mengambil kira tanda mad atau huruf *hamzah* di atas atau di bawahnya.
- iii. Huruf *wāw* (و - وَّ) yang menjadi rumah bagi huruf *hamzah* akan dikira sebagai *wāw*, bukan *hamzah*.
- iv. Kaedah yang sama berlaku ke atas huruf *yā'* yang menjadi rumah bagi huruf *hamzah*. Ia akan dikira sebagai *yā'*, bukan *hamzah*.
- v. Huruf *tā' marbūtah* (ة - تاء مربوطة) dihitung sebagai *hā'* kerana ia ditulis pada *rasm* awal tanpa titik.
- vi. Terdapat banyak kalimah yang dieja dengan cara yang berbeza dengan ejaan moden. Contohnya seperti *bi ayd* (بأيده) dieja (dalam *rasm* awal/ *rasm* ‘Uthmānī) dengan dan *al-‘ulamā'* (العلماء) dieja dengan (العلموا). Maka ejaan *rasm* awal yang dipegang.
- vii. Kalimah *innamā* dikira sebagai satu kalimah kecuali apabila ejaan *rasm* awal mengejanya secara terpisah, iaitu *inna mā* (إِنْ مَا). Maka ia dikira dua kalimah.
- viii. Begitu juga ungkapan *mā lihādhā al-kitāb* (ما لهذا الكتاب) dan *mā li hādhā al-rasūl* (ما لهذا الرسول). Oleh kerana *rasm* awal mengejanya dengan memisahkan huruf jarr ‘lām’ kalimah (مال هذا الكتاب) dan (مال هذا الرسول), maka huruf *lām* tersebut dikira bersama *mā* menjadi *māli* (مال) sebagai satu kalimah (tiga huruf).⁴⁵⁹

Apa yang jelas berbeza antara kedua penyelidik ini adalah isu penentuan huruf dan kalimah, serta penggunaan *hisāb jummal* oleh Bassām dan matrik oleh ‘Abd al-Dā’im dalam menghasilkan kiraan.

Umumnya, dasar pengiraan antara kedua-dua penyelidik adalah sama. Kedua-dua mereka menggunakan *rasm* ‘Uthmānī dan qiraat Ḥafṣ dari ‘Āsim. Ia telah dijelaskan dalam

⁴⁵⁹ al-Kahīl, akses 10 Mac 2015, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/1/1690-2014-07-03-19-11-02>.

subtajuk sebelum ini iaitu subtajuk 5.1.1 dan pada 5.1.2. Dari aspek penentuan huruf dan kalimah, terdapat perbezaan antara Bassām dan ‘Abd al-Dā’im. Metodologi Bassām lebih teliti sedikit berbanding dengan ‘Abd al-Dā’im kerana ia dibuat lebih awal iaitu pada tahun 1980-an berbanding ‘Abd al-Dā’im pada tahun 1990-an. Ketika itu (tahun 1980-an), mashaf Madinah yang lebih memudahkan kiraan dan digunakan oleh ‘Abd al-Dā’im belum digunakan dengan meluas. Mujamma‘ Al-Malik Fahd bin ‘Abd al-‘Azīz, kilang percetakan mashaf yang menerbitkan mashaf Madinah hanya siap dibina pada tahun 1985.

Secara khusus, perbezaan antara tersebut berkaitan huruf *wāw al-‘atf* (وَالْعَطْف) dan huruf *hamzah* (هَمْزَة - ء). *Wāw al-‘atf* adalah huruf *wāw* yang berfungsi sebagai kata hubung dan bermakna ‘dan’, bukan *wāw* permulaan bicara (*wāw isti’nāf*) atau *wāw* sumpah (*wāw qasam*). Bassām menggunakan kaedah biasa mengikut penulisan bahasa Arab moden dan tidak menimbulkan kekeliruan.

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula mengira huruf *wāw al-‘atf* (وَالْعَطْف) sebagai satu kalimah berasingan dari kalimah selepasnya. Alasannya adalah kerana ia ditulis secara terpisah (tidak bersambung) dari kalimah sebelum dan selepasnya.⁴⁶⁰ Ini menjadikan kaedah beliau asing dari segi tatabahasa Arab. Beliau juga mengemukakan beberapa sebab lain iaitu:

- i. Keajaiban angka al-Quran berdasarkan bilangan tujuh hanya terbukti dengan asas ini.
- ii. Manuskrip mashaf ‘Uthmānī juga menunjukkan huruf *wāw al-‘atf* ditulis berasingan dari kalimah sebelum dan selepasnya.
- iii. Hasil kiraan huruf pada ayat-ayat berkenaan dengan kisah Aṣḥāb al-Kahf menunjukkan bahawa kiraan *wāw al-‘atf* sebagai kalimah menghasilkan nilai 309 yang menepati tempoh mereka tinggal di dalam gua.⁴⁶¹


⁴⁶⁰ al-Kahīl, *Mawsū‘ah*, 37.

⁴⁶¹ al-Kahīl, *Mawsū‘ah*, 67.

- iv. Dari segi makna, huruf *wāw* memang terpisah kerana ia berfungsi sama ada sebagai kata hubung (*al- ‘atf*) atau dengan makna sumpah. Oleh itu ia dianggap kalimah berbeza.⁴⁶²

Sebab pertama kelihatan tidak objektif kerana beliau meletakkan hasil sebagai sandaran kepada kaedah yang dibinanya. Ia juga menjadikan hasil sebagai penentu kaedah seperti kaedah ‘matlamat menentukan cara’.

Manakala sebab kedua pula kurang tepat. Ini kerana teks al-Quran pada manuskrip mashaf ‘Uthmān menunjukkan huruf-huruf yang membentuk kalimah juga ditulis secara terpisah, bahkan terpisah baris pula. Ini dapat diperhatikan dari contoh manuskrip tersebut.



Gambar 15: Manuskrip al-Quran Kurun Kedua Hijrah yang ditempatkan di Tashkent, Uzbekistan. Ia juga dikenali sebagai manuskrip Samarqand dan al-Quran Tashkent.⁴⁶³

Halaman manuskrip berkenaan merupakan sebahagian dari surah al-Mā’idah, iaitu:

⁴⁶² ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *The Marvels Of The Number Seven In The Noble Qur'an*, Mohammed R. Al Salah (terj.), 28.

⁴⁶³ Laman Islamic Awareness, akses 9 Mac 2015, <http://www.islamic-awareness.org/Quran/Text/Mss/samarqand.html>.

لَذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ ﴿٨٩﴾ لَا يُؤَاخِذُكُمُ اللَّهُ بِاللَّغْوِ فِي أَيْمَانِكُمْ وَلِكُنْ
 يُؤَاخِذُكُم بِمَا عَقَدْتُمُ الْأَيْمَانَ فَكَفَرَتُهُ إِطْعَامُ عَشَرَةِ مَسِكِينٍ مِّنْ أَوْسَطِ مَا
 تُطْعِمُونَ أَهْلِكُمْ أَوْ كِسْوَتُهُمْ أَوْ تَحْرِيرُ رَقَبَةٍ فَمَنْ لَمْ تَجِدْ فَصِيَامُ ثَلَاثَةِ أَيَّامٍ

al-Mā' idah 5: ayat 88 - 89⁴⁶⁴

Pemerhatian pada teks berkenaan menunjukkan bahawa banyak kalimah yang dieja secara terputus dan terasing, bukan sahaja huruf *wāw*. Berikut adalah tiga contoh yang dapat diamati:

Jadual 21: Analisis teks manuskrip al-Quran Tashkent.

Bil	Teks dalam manuskrip	Teks terkini
i.		لَذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ
	Analisis: a. Kalimah <i>al-ladhi</i> telah ditulis berasingan dari huruf pertamanya (alif) pada halaman sebelumnya. b. Kalimah <i>antum</i> ditulis secara berasingan antara alif (ا) dengan nun, ta dan mim (تم). c. Kalimah <i>mu'minun</i> ditulis secara berasingan antara mu' (مُؤْ) pada baris pertama dan <i>minun</i> (منون) pada baris kedua.	
ii.		ولِكُنْ
	Analisis: Huruf <i>wāw al-'atf</i> (و) ditulis secara berasingan dari <i>lakinn</i> (لَكِنْ).	
iii.		أَوْ كِسْوَتُهُمْ
	Analisis: Huruf <i>wāw al-'atf</i> bagi kalimah <i>aw</i> (أو) juga dieja terpisah antara keduanya. Namun, kalimah <i>aw</i> (أو) ini tetap dikira sebagai satu kalimah. Begitu juga <i>kiswatu tuhum</i> ditulis berasingan antara <i>kiswa</i> dan <i>tuhum</i> .	

Justeru hujah pada huruf *wāw al-'atf* yang ditulis secara berasingan pada mashaf asal tidak menjadi asas *wāw al-'atf* dikira satu kalimah kerana masih banyak huruf untuk kalimah lain ditulis berasingan juga. Oleh itu, ia bukanlah keistimewaan bagi huruf *wāw al-*

⁴⁶⁴ Huruf *alif* pada kalimah pertama *al-ladhi* tidak ditaip semula kerana ia ditulis berasingan dalam manuskripnya dan berada pada halaman sebelum halaman yang dipaparkan ini.

‘atf sendiri. Sebaliknya apabila diperhatikan pada bacaan pula, ia menunjukkan *wāw al-‘atf* adalah sebahagian dari kalimah selepasnya (*ma’tūf ‘alayh*) kerana tidak ada kaedah wakaf bacaan pada huruf *wāw al-‘atf* sahaja.

Begitu juga sebab ketiga. Ia agak menghairankan kerana beliau menjadikan hasil penemuannya untuk menyokong kaedah pengiraan. Sedangkan sepatutnya kaedah telah terlebih dahulu betul, barulah hasil dari penggunaan kaedah itu diterima. Metode seperti ini tidak wajar digunakan kerana ia menjadi songsang. Walau bagaimanapun, beliau juga mengakui bahawa para ulama bahasa tidak mengira huruf *wāw al-‘atf* sebagai kalimah berasingan. Bahkan kajian mukjizat bilangan lain yang tidak mengira *wāw al-‘atf* sebagai kalimah adalah benar dan menghasilkan penemuan mukjizat juga.⁴⁶⁵

Kritik terhadap isu huruf *wāw al-‘atf* dan *hamzah* ini akan memberi kesan besar terhadap sebahagian kajian bilangan ‘Abd al-Dā’im. Ini kerana huruf *wāw al-‘atf* terdapat begitu banyak dalam al-Quran dan melibatkan sebahagian aktiviti pengiraan beliau.

5.2.1 Matrik Dalam Al-Qur'an

‘Abd al-Dā’im tidak bersetuju dengan penggunaan kiraan *hisāb jummal*. Namun beliau pula menggunakan kaedah matrik yang tidak digunakan Bassām. Tidak semua pengkaji mukjizat bilangan menggunakannya. Selain dari beliau, antara pengkaji yang menggunakan matrik adalah Muḥammad Jamīl al-Ḥabbāl dan ‘Adnān al-Sharīf. Muḥammad Jamīl al-Ḥabbāl didapati menggunakan matrik ketika menjelaskan tentang fenomena pasangan dalam surah al-Rahmān.⁴⁶⁶ Manakala ‘Adnān al-Sharīf pula menggunakannya secara meluas dalam penemuan mukjizat bilangan dalam surah al-Fātiḥah. Apa yang berbeza dengan ‘Abd al-Dā’im, ‘Adnān menggabungkan penggunaan matrik dan *hisāb jummal* dalam karyanya.⁴⁶⁷

⁴⁶⁵ al-Kaḥīl, *Mawsū’ah*, 70-71.

⁴⁶⁶ Muḥammad Jamīl al-Ḥabbāl, “Min al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm: al-Zāhirah al-Zawjiyyah fī Sūrah al-Rahmān,” akses 21 Ogos 2016, <http://www.alhabbal.info/dr.mjamil/ejaz/ej32.htm>.

⁴⁶⁷ ‘Adnān al-Syarīf, *Min al-Mu‘jizah al-Raqamiyyah fī Fātiḥah al-Qur’ān al-Karīm wa Āyat al-Ahruf al-Muqatta‘ah*, (Arab Scientific Publishers Inc., 2011).

‘Abd al-Dā’im pula menggunakan matrik pada hampir semua kajian yang berkaitan dengan mukjizat bilangan. Selain itu, beliau juga menggunakan kaedah perduaan (*binary*) dalam beberapa situasi.

Matrik adalah susunan nombor, simbol dan lain-lain dalam satu baris mendatar atau menegak yang dianggap sebagai satu nilai atau bilangan.⁴⁶⁸ Ia juga didefinisikan sebagai pelbagai segi empat yang mengandungi elemen matematik yang dianggap sebagai satu kesatuan dan terikat dengan hukum algebra yang khusus.⁴⁶⁹

Berbanding dengan *hisāb jummal*, matrik juga merupakan sistem yang datang dari luar al-Quran. Bahkan, ia belum ada pada zaman al-Quran diturunkan. *Hisāb jummal* sekurang-kurangnya sudah ada dan telah melalui tempoh penggunaan yang lebih lama, iaitu ribuan tahun.

5.1.5.1 Matrik Dibahagi Tujuh

Dalam kajian-kajiannya, ‘Abd al-Dā’im menggunakan beberapa kaedah untuk membina matrik. Beliau mengira jumlah huruf pada satu kalimah, atau huruf tertentu pada satu kalimah, kemudian mengira pada kalimah berikutnya. Hasil kiraan itu disusun sebaris lalu dianggap sebagai satu bilangan yang panjang. Kemudian bilangan panjang ini dibahagi dengan tujuh. Contohnya pada Basmalah seperti berikut:

Jadual 22: Matrik Basmalah

Kalimah Basmalah	الرحيم	الرحمن	الله	بسم
Bilangan huruf	6	6	4	3

Matrik yang terhasil dari bilangan huruf kalimah-kalimah Basmalah adalah 6643. Apabila dibahagi tujuh, ia menghasilkan bilangan tanpa baki. $6643 \div 7 = 949$. Dengan kata lain, 6643 adalah gandaan 7.⁴⁷⁰

⁴⁶⁸ Joanna Turnbull et.al, *Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English*, (Oxford University Press, 2010), 949.

⁴⁶⁹ Robert Allen et.al, *The Penguin English Dictionary*, (London: Penguin Books Ltd, 2003), 858.

⁴⁷⁰ al-Kahīl, *Mawsū'ah*, 78.

Ada kalanya beliau mengira huruf-huruf pada kalimah pertama dan terakhir dalam satu ayat. Hasilnya akan membentuk matrik dua atau tiga digit, lalu dibahagi tujuh. Sebagai contoh, beliau mengira huruf-huruf dalam kalimah *innā* (إِنَّا) dan *laḥāfiẓūn* (لَحْفِظُونَ) dalam ayat 9, surah al-Hijr:

إِنَّا هُنُّ تَرَلَنَا الَّذِكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَفِظُونَ

Hasilnya adalah dua angka 6 dan 3, lalu digabungkan menjadi bilangan 63 seperti di jadual berikut:

Jadual 23: Matrik *innā* dan *laḥāfiẓūn*

Kalimah	لَحَفِظُونَ	إِنَّا
Bilangan huruf	6	3

Bilangan 63 dapat dibahagikan dengan bilangan 7 tanpa meninggalkan baki atau angka perpuluhan, iaitu: $63 \div 7 = 9$.⁴⁷¹

Bagi ayat yang sama, beliau juga membina matrik dari bilangan huruf pada setiap kalimah. Lalu menghasilkan matrik yang lebih panjang. Praktiknya adalah berikut:

Jadual 24: Matrik ayat 9, surah al-Hijr.

Kalimah	لَحَفِظُونَ	لَهُ	إِنَّا	وَ	الَّذِكْرَ	تَرَلَنَا	نَحْنُ	إِنَّا
Bilangan huruf	6	2	3	1	5	5	3	3

Susunan matrik ini menghasilkan nilai 62315532. Bila dibahagikan kepada 7, ia menghasilkan angka tanpa baki dan digit perpuluhan, iaitu $62315532 \div 7 = 8902219$.⁴⁷² Aspek kemukjizatan di sini adalah dalam lingkungan bilangan 7 yang menjadi fokus kebanyakan kajian bilangan beliau. Ia menjadi hujah bahawa al-Quran memang tersusun dalam gandaan tujuh.

⁴⁷¹ al-Kahīl, *Mawsū'ah*, 37.

⁴⁷² al-Kahīl, *Mawsū'ah*, 39.

5.1.5.2 Matrik Dengan *Binary*

Selain dari penggunaan matrik, ‘Abd al-Dā’im juga menggunakan *binary* secara ringkas dalam kajian bilangan. Sistem *binary* adalah sistem dua angka iaitu 1 dan 0 bagi menunjukkan sesuatu itu ada atau tidak. Jika ada, angka 1 dicatat dan jika tiada, angka 0 dicatatkan. Tiada nombor lain digunakan dalam sistem ini.

‘Abd al-Dā’im menggunakan kaedah ini untuk mengeluarkan data bilangan. Adakalanya, bagi kaedah pengiraan huruf tertentu, beliau memilih dahulu huruf yang hendak dikira. Huruf tersebut dipilih kerana sebab tertentu seperti huruf terawal atau terakhir pada sesuatu ayat. Ada kalanya, ia diambil dari huruf *fawātih* pada awal surah berkenaan. Dengan menggunakan kaedah perduaan (*binary*), beliau menentukan sama ada huruf alif itu ada atau tiada sahaja dalam setiap kalimah, bukan dengan mengira jumlahnya.

Sebagai contoh dalam ayat yang sama seperti di atas (ayat 9, surah al-Hijr), beliau memilih huruf pertama dalam ayat tersebut, iaitu *alif*. Kalimah yang mengandungi huruf berkenaan dikira 1 dan yang tiada huruf tersebut dikira 0. Contoh praktiknya adalah berikut:

Jadual 25: Matrik dan *binary* huruf *alif* dalam ayat 9, surah al-Hijr.

Kalimah	لَهُفَّظُونَ	لَهُ	إِنَّا	وَ	الْذِكْرُ	نَزَّلْنَا	نَحْنُ	إِنَّا
Bilangan huruf alif	0	0	2	0	1	1	0	2
<i>Binary</i> huruf alif	0	0	1	0	1	1	0	1

Penggunaan sistem *binary* huruf *alif* ke atas ayat tersebut menghasilkan nilai 101001. Kemudian beliau membahaginya dengan 7, lalu menghasilkan nilai tanpa baki dan perpuluhan, iaitu $101001 \div 7 = 14443$.⁴⁷³ Jika menggunakan kaedah asal, hasil susunan matrik adalah 201102. Ia tidak dapat dibahagi dengan bilangan 7 tanpa baki, iaitu $201102 \div 7 = 28728.857142$ (atau 28728 dan baki 6).

Beliau juga membuat kiraan yang sama ke atas huruf *nūn*, sebagai huruf terakhir dalam ayat yang sama.

⁴⁷³ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 38.

Jadual 26: Matrik dan *binary* huruf *nūn* dalam ayat 9, surah al-Hijr.

Kalimah	لَهُفِظُونَ	لَهُ	إِنَّا	وَ	الذِّكْرُ	تَرَكْتُمَا	خَنْ	إِنَّا
Bilangan huruf <i>nūn</i>	1	0	1	0	0	2	2	1
<i>Binary</i> huruf <i>nūn</i>	1	0	1	0	0	1	1	1

Nilai *binary* bagi huruf *nūn* dalam ayat ini adalah 10100111. Ia juga boleh dibahagikan kepada bilangan 7 tanpa baki. $10100111 \div 7 = 1442873$.⁴⁷⁴

Namun, timbul kemusykilan bagaimana nilai *binary* yang hanya berdasarkan dua angka (0 dan 1) dibahagikan pula dengan bilangan 7 sedangkan ia adalah bilangan dalam sistem desimal (sistem berdasarkan sepuluh). Operasi bahagi itu juga berjalan berdasarkan sistem desimal juga. Ini menunjukkan penggunaan sistem yang tidak konsisten.

5.1.5.3 Gabungan Sistem Kanan dan Kiri

Penggunaan matrik dalam kajian ‘Abd al-Dā’im melibatkan gabungan sistem tulisan kanan dan kiri. Teks al-Quran yang menggunakan bahasa Arab ditulis dari kanan ke kiri. Manakala penulisan nombor pula ditulis dari kiri ke kanan, tidak kira sama ada nombor Arab-Hindi atau nombor Hindi. ‘Abd al-Dā’im tidak mengalihkan susunan matrik nombor berdasarkan permulaan kanan mengikut teks Arab, tetapi dia mengekalkannya matrik nombor yang terhasil mengikut justifikasi kiri ke kanan. Apa yang menarik, hasil kira-kira tersebut menunjukkan keunikian dan ketepatan yang dikehendakinya.

5.1.5.4 Sebab Memilih Kaedah Matrik

Penggunaan matrik bagi mendapatkan data bilangan dalam al-Quran bukan sahaja baru, bahkan buat masa ini, ia hanya digunakan oleh ‘Abd al-Dā’im. Beliau mempunyai alasan memilih kaedah tersebut. Menurutnya, kaedah matrik menjamin keaslian susunan kalimah-kalimah al-Quran kerana semua kalimah itu adalah tersusun. Berbanding kaedah menjumlahkan nilai angka, ia akan mengabaikan susunan kalimah sedangkan susunan merupakan salah satu aspek penting dalam mukjizat bilangan.

⁴⁷⁴ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 39.

Selain itu, kaedah matrik juga menghasilkan bilangan yang sangat besar sehingga manusia merasa lemah untuk menirunya. Manusia mungkin boleh meniru sistem susunan yang indah ini pada beberapa ayat atau beberapa teks yang tidak memberi makna. Namun, ia tidak mungkin dilakukan oleh mereka dalam sebuah buku kerana usaha itu pasti akan gagal. Menurutnya, kaedah ini membuktikan bahawa mukjizat al-Quran adalah berpanjangan dan bersesuaian dengan setiap zaman.⁴⁷⁵

5.2.2 Kaedah Penyampaian ‘Abd al-Dā’im

‘Abd al-Da’im juga menggunakan pelbagai saluran dalam menyampaikan dan menyebarluaskan idea serta hasil kajiannya. Kaedah paling utama adalah melalui laman web www.kaheel7.com yang dipantau oleh beliau sendiri. Buku dan artikel beliau boleh dimuat turun secara percuma dari laman web ini. Beliau juga memanfaatkan media sosial sebagai medium penyampaian fikrahnya. Alamat *Facebook* beliau adalah <https://www.facebook.com/kaheel7>.

Selain dari itu, artikel beliau juga diterbitkan melalui majalah. Ratusan kajian ilmiah beliau diterbitkan dalam majalah berbahasa Arab dan bahasa lain. Beliau juga menyertai banyak persidangan dan seminar akademik.

Beliau juga sering dijemput dalam rancangan dan temuramah televisyen di beberapa negara Arab. Antaranya:

- i. Rancangan *Sanuriḥim Āyātina* (Kami Akan Perlihatkan Tanda-tanda Kami).
- ii. Rancangan *Āfāq al- ‘Ilm wa al-Imān* (Ufuk Ilmu dan Iman).
- iii. Rancangan ‘Rawā’i ‘al-I‘jāz al-Tashrī’i (Kehebatan Mukjizat Syariat Islam).
- iv. Rancangan *al-I‘jāz al- ‘Ilmi* (Mukjizat Saintifik) dan lain-lain.

Klip video ceramah beliau dapat ditonton melalui laman web *Youtube* di alamat www.youtube.com/user/alkaheeltube atau www.youtube.com/user/kaheel7com. Ia juga boleh ditemui dengan carian kata kunci “kaheel” atau “quranic miracle” di laman *Youtube*.

⁴⁷⁵ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Allāh Yatajallā fi Āyātih*, (Halab: Dār al-Riḍwān, 2004), akses 20 Oktober 2014, 53-54. <http://www.kaheel7.com/book/ALLAHYATAJALLA.doc>.

5.3 Topik-topik Yang Dibincangkan

Analisis penulis secara menyeluruh terhadap karya-karya Bassām dan ‘Abd al-Da’im mendapati bahawa beberapa topik yang dibincangkan oleh mereka dapat dibandingkan secara terperinci. Topik-topik tersebut dibincangkan dalam huraian-huraian berikut.

5.3.1 Konsep *I’jāz ‘Adadi*

Kedua-dua penyelidik ini didapati mengulas panjang tentang konsep mukjizat bilangan. Mereka bukan sekadar membuat kiraan dan penemuan angka, tetapi memulakan banyak karya dengan penekanan konsep ini. Apatah lagi, konsep kajian bilangan sebagai mukjizat masih belum mendapat sokongan dan dukungan yang wajar dari umat Islam secara umum, mahupun sarjana bidang agama dan al-Quran secara khusus. Justeru, penekanan kepada konsep dan hujah mendukung sangat diperlukan.

Bassām menghurai tentang konsep mukjizat bilangan dalam karya-karyanya sejak awal hingga yang terkini. Antaranya adalah *Irḥāṣāt al-I’jāz al-‘Adadi fī al-Qur’ān al-Karīm* (Petanda Mukjizat Bilangan dalam al-Quran) pada tahun 1998 dan *Al-Muqtataf Min Bayyināt al-I’jāz al-‘Adadi* (Penjelasan Terpilih Mengenai Mujizat Bilangan) pada tahun 2007. Begitu juga melalui artikelnya, *al-I’jāz al-‘Adadi Bayn al-Mādī wa al-Hādir* (Mukjizat Bilangan Antara Dahulu dan Masakini).

Bukan sahaja menulis, beliau juga memberi respon serta menolak keraguan dan tulisan yang mempertikaikan mukjizat bilangan. Antaranya melalui artikelnya *al-I’jāz al-‘Adadi Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm* (Mukjizat Bilangan Antara Realiti dan Keraguan). Artikel ini adalah reaksi menjawab buku yang ditulis oleh Fātiḥ Ḥusnī Maḥmūd dengan judul yang sama.⁴⁷⁶ Buku tersebut pada asalnya adalah merupakan disertasi sarjana tahun 2003 di Universiti Jordan.

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula, beliau mengemukakan konsep mukjizat bilangan dalam karya awal iaitu *Mu’jizah al-Qur’ān fī ‘Aṣr al-Ma’lūmātiyyah* (Mukjizat al-Quran

⁴⁷⁶ Bassām Jarrār, “al-I’jāz al-‘Adadi Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm.” Markaz Nūn, akses 12 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/e3jaz1.htm>.

Pada Era Informasi) yang terbit pada tahun 2002. Ia diikuti dalam karya *Allāh Yatajallā fī Āyātih* (Allah Hadir Pada Ayat-Ayat-Nya) yang terbit pada tahun 2005. Menurutnya, mukjizat bilangan adalah mukjizat terkini setelah pelbagai mukjizat lain dibahaskan sebelumnya. Kemunculan mukjizat bilangan adalah bersesuaian dengan perkembangan zaman, iaitu zaman digital. Manusia pelbagai bangsa dan bahasa lebih mudah saling memahami dengan bahasa angka.

5.3.2 Kepentingan Mukjizat Bilangan

Sebagai penyelidik mukjizat bilangan, kedua-dua Bassām dan ‘Abd al-Dā’im menekankan kepentingan mukjizat ini. Bassām menyenaraikan faedah mukjizat bilangan sebagai berikut:

- i. Mukjizat bilangan mensabitkan bahawa al-Quran bukan kata-kata manusia.
- ii. Mukjizat bilangan membantu menjelaskan kemukjizatan al-Quran kepada manusia tanpa mengira bahasa mereka dan tanpa memerlukan keupayaan mereka memahami bahasa Arab secara mendalam. Ini kerana angka adalah bahasa ilmu yang universal.
- iii. Mukjizat bilangan mensabitkan kesucian al-Quran dari segala perubahan. Ini kerana kesatuan matematika dalam al-Quran tidak memungkinkan berlaku penambahan atau pengurangan huruf di dalamnya.
- iv. Mukjizat bilangan menjelaskan bahawa kemukjizatan al-Quran kekal sepanjang zaman. Ia telah muncul pada zaman yang menggunakan bahasa angka.
- v. Mukjizat bilangan dapat menolak keraguan para orientalis seperti yang berkaitan dengan sejarah pembukuan mashaf. Ia menzahirkan maksud firman Allah “Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan al-Quran dan Kami-lah yang memeliharanya.” (al-Hijr 15: 9).
- vi. Mukjizat ini membantu pentafsiran al-Quran dan menzahirkan sebahagian dari rahsianya.
- vii. Ia juga membantu menyelesaikan beberapa isu yang diperselisihkan tentang ‘ulūm al-Quran seperti mengesahkan kedudukan *rasm* Uthmani sebagai perkara

tawqīfi, susunan surah dalam mashaf, nama-nama surah, bilangan ayat dan lain-lain.⁴⁷⁷

‘Abd al-Dā’im juga menyebut tentang kepentingan mukjizat bilangan. Menurut beliau, mukjizat bilangan penting kerana:

- i. al-Quran adalah kitab yang sesuai untuk setiap zaman. Justeru, pada kurun ke 21 ini mukjizat bilangan diperlukan untuk mencabar para ilmuan dalam kalangan manusia.
 - ii. Mukjizat bilangan perlu untuk meningkatkan iman mukmin kerana ia adalah pendekatan baru dalam kitab Allah yang sesuai dengan zaman sekarang.
 - iii. Mukjizat bilangan adalah medium untuk mengukuh dan menambah keyakinan terhadap al-Quran supaya ia tidak ragu terhadap risalah Allah ini.⁴⁷⁸
 - iv. Bukti-bukti angka ini sesuai dijadikan senjata dalam dialog dengan golongan atheis. Ia adalah bukti fizikal yang mengesahkan kebenaran al-Quran dan kebenaran Rasulullah SAW. Sebagaimana Allah SWT telah memberikan para nabi mukjizat bagi berhadapan dengan golongan ini pada masa lalu, begitu juga di dalam kitab al-Quran ini, Allah SWT telah menyediakan mukjizat yang boleh digunakan oleh kaum Muslimin untuk berhadapan orang bukan Islam.⁴⁷⁹
- Menurut beliau, boleh jadi ada ketikanya, bahasa angka lebih berkesan dari bahasa ucapan. Mukjizat bilangan dianggap cara baru untuk dakwah kepada Allah kerana bahasa angka difahami oleh pelbagai manusia walaupun mereka berbeza bahasa percakapan.⁴⁸⁰ Sebagai contoh, walaupun seorang manusia tidak dapat membaca atau memahami bahasa negara lain, tetapi mereka tetap boleh mengenali nilai matawang negara itu dengan betul.

⁴⁷⁷ Bassām, *Al-Muqtaṭaf*, 19-20.

⁴⁷⁸ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 54.

⁴⁷⁹ ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl, *Mu’jizah al-Qur’ān fī ‘Aṣr al-Ma’lūmātiyyah*, (Dimasyq: Dār al-Fikr, 2002), 4.

⁴⁸⁰ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 6.

- v. Mukjizat bilangan juga mengesahkan keaslian al-Quran dari penambahan huruf atau pengurangannya serta keterikatannya dengan *rasm Uthmāni*.⁴⁸¹

Kedua-dua penyelidik ini sepakat bahawa mukjizat bilangan lebih mudah difahami oleh manusia pelbagai bahasa. Ia dikaitkan dengan zaman teknologi digital sekarang. Begitu juga peranan mukjizat bilangan dalam menegaskan keaslian al-Quran dan terpeliharanya ia dari sebarang penambahan atau pengurangan walaupun satu huruf. Demikian juga, mereka bersepakat bahawa mukjizat mendukung *rasm Uthmāni* sebagai bersifat *tawqīfi*. Apa yang berbeza adalah Bassām mengaitkan mukjizat bilangan dengan pentafsiran al-Quran dan penyelesaian isu perselisihan pendapat tentang al-Quran, manakala ‘Abd al-Dā’im tidak. Sebaliknya pula, ‘Abd al-Dā’im mengaitkannya dengan dakwah kepada golongan atheis, manakala Bassām pula tidak.

5.3.3 Piawai Mukjizat Bilangan

Kajian-kajian bilangan memerlukan piawai bagi menentukan kesesuaian dapatannya sebagai dapatan kajian mukjizat. Bassām dan Markaz Nūn tidak menentukan piawai sendiri. Mereka hanya berpada dengan piawai yang digunakan oleh Lembaga Mukjizat Saintifik Maghribi. Secara khusus, ia adalah pembentangan dalam Seminar Antarabangsa Mukjizat Bilangan Kedua pada tahun 2010 dan disediakan oleh Dr Fahd bin ‘Abd al-Rahmān al-Rūmī dari Universiti King Saud. Piawai tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kiraan dibuat berdasarkan *rasm* mashaf Uthmāni.
- ii. Mematuhi susunan ayat, surah dan bilangan ayat berdasarkan mashaf Uthmāni.
- iii. Mematuhi qiraat yang mutawatir.
- iv. Mematuhi satu qiraat sahaja dalam sesuatu isu, tidak menukar-nukar qiraat kecuali untuk menjelaskan mukjizat yang lain.
- v. Tidak keluar dari perkara-perkara yang telah sabit dalam akidah, syariat dan ilmu bahasa.
- vi. Membebaskan diri dari kecenderungan nafsu dan berpegang dengan dalil yang sahih.

⁴⁸¹ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 158.

- vii. Berpegang kepada fakta sejarah yang ilmiah.
- viii. Perlu merangkumi semua data dan tidak mengabaikan beberapa bilangan atau membilang perkara yang tidak boleh dikira untuk mendapatkan bilangan yang selaras.⁴⁸²

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula menentukan piawainya sendiri. Beliau membahagikan piawainya kepada 3 kategori, iaitu piawai pada data kajian, piawai pada metodologi dan piawai pada hasil kajian.

A. Piawai pada data kajian:

- i. Data-data bilangan mestilah dari al-Quran sendiri. Data tidak boleh diambil dari luar kitab Allah seperti *hisāb jummāl*.⁴⁸³
- ii. Menggunakan kaedah yang tertentu dalam kiraan, sama ada mengira huruf berdasarkan tulisan atau mengira berdasarkan bacaan dan sebutan, kecuali jika bertujuan membuat perbandingan antara *rasm* dan lafaz.
- iii. Berpegang pada qiraat tertentu dan tidak mencampur-aduk antara riwayat-riwayatnya.
- iv. Mengikut rantaian (susunan) ayat dan surah al-Quran.⁴⁸⁴

B. Piawai pada metode kajian:

- i. Kaedah menggunakan data-data al-Quran mestilah bersifat saintifik, syar‘i dan tetap. Beliau menolak setengah pengkaji yang menggunakan metode yang tidak ilmiah. Ada kalanya dia menjumlahkan huruf, kemudian menolak bilangan ayat, kemudian mendarabnya. Ada ketikanya membahagi, menolak dan menambah hingga menepati bilangan yang telah difikirkan lebih awal. Beliau sendiri

⁴⁸² Fahd bin ‘Abd al-Rahmān al-Rūmī, “Dawābiṭ al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm.” al-Mu’tamar al-Dawlī al-Thānī li al-I‘jāz al-‘Adadī, 16-17 Oktober 2010, (al-Hay’ah al-Maghribiyah li al-I‘jāz fi Al-Qur’ān wa al-Sunnah), Morocco, akses 19 November 2010, http://www.comijaz.org/Admin/Livres_doc/dawabit.doc

⁴⁸³ al-Kahīl, *Mawsū‘ah*, 60-61.

⁴⁸⁴ al-Kahīl, *Āfāq al-I‘jāz*, 35-36.

menggunakan matrik dengan mengira huruf pada setiap kalimah ayat seadanya tanpa menjumlah, menolak atau membahagi.⁴⁸⁵

- ii. Konsisten dengan kaedah yang tetap dan tidak menukar kaedah lain dalam kajian yang sama.
- iii. Tidak menggunakan beberapa kaedah yang bertentangan dalam kajian.⁴⁸⁶

C. Piawai pada hasil kajian:

- i. Benar-benar mengelakkan situasi kebetulan dalam hasil kajian.
- ii. Tidak membuat pembuktian yang tidak ilmiah pada hasil kajian seperti melibatkan perkara ghaib kecuali dengan ada bukti yang *qat'i*.
- iii. Bilangan hasil kajian mestilah banyak supaya memuaskan golongan bukan Muslim terhadap keagungan kitab Allah.⁴⁸⁷

Dari kedua-dua piawai ini, penulis menyimpulkan beberapa piawai yang sepakat antara mereka, iaitu:

- i. Kiraan hendaklah berdasarkan susunan mashaf Uthmani pada surah, ayat dan kalimahnya.
- ii. Kiraan huruf dan kalimah hendaklah berdasarkan *rasm* Uthmani yang telah disepakati umat Islam.
- iii. Hendaklah mematuhi salah satu qiraat yang mutawatir tanpa mencampur-adukkannya.
- iv. Tidak bercanggah dengan perkara yang telah sabit dalam akidah dan syariat.
- v. Tidak menggunakan kaedah yang bertentangan dengan kaedah bahasa Arab sebagai bahasa al-Quran.

5.3.4 Bilangan Tujuh

Terdapat 32 angka yang disebut dalam al-Quran, iaitu 1, 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 19, 20, 30, 40, 50, 60, 70, 80, 99, 100, 200, 300, 309, 950, 1,000, 2,000, 3,000, 5,000, 50,000

⁴⁸⁵ ‘Abd al-Dā’im Al-Kahīl, *Mawsū’ah al-I’jāz al-Raqamī*: 63.

⁴⁸⁶ al-Kahīl, *Āfāq al-I’jāz*, 37.

⁴⁸⁷ al-Kahīl, *Āfāq al-I’jāz*, 38.

dan 100,000. Bilangan 7 (tujuh) merupakan angka yang kedua paling banyak diulang selepas angka 1 (satu). Bilangan 1 diulang 145 kali, manakala bilangan 7 diulang 24 kali.⁴⁸⁸

Ini menjadikan angka ini diberi perhatian oleh kalangan pengkaji mukjizat bilangan termasuk ‘Abd al-Dā’im. Bahkan beliau menjadikannya sebagai asas utama bagi teori mukjizat bilangannya dalam karya utamanya, Ensiklopedia Mukjizat Bilangan.

5.3.4.1 Bassām dan Bilangan Tujuh

Bassām tidak memberi banyak perhatian kepada bilangan 7, berbeza dengan ‘Abd al-Dā’im. Beliau hanya menyentuh tentang bilangan 7 pada ayat tentang ibadah haji dan nama nabi Isa dan Adam AS.⁴⁸⁹ Menurut beliau kalimah haji (*al-hajj*) diulang dalam al-Quran sebanyak 9 kali. Kalimah haji yang terakhir adalah dalam surah al-Hajj pada ayat 27. Beliau menganalisis ayat tersebut dan mengeluarkan data bilangan, iaitu:

- Nilai *jummal* kalimah haji (*al-hajj*):

Jadual 27: Nilai *jummal* kalimah haji.

Huruf <i>al-hajj</i>	ح	ح	ل	ا	Jumlah
Nilai <i>jummal</i>	3	8	30	1	42

- Data bilangan dari ayat:

Jadual 28: Kalimah dan huruf dalam ayat haji.

Bilangan	14	13	12	11	10	9	8	7	6	5	4	3	2	1
Kalimah (14)	عَمِيقٌ	فَجْعٌ	كُلٌّ	مِنْ	يَأْتِيَنَّ	صَامِرٌ	كُلٌّ	وَعَلَىٰ	رِجَالًاٰ	يَأْتُواكُمْ	بِالْحَجَّ	أَنَّاسٍ	فِي	وَدْنٌ
Huruf (51)	4	2	2	2	5	4	2	4	5	5	5	5	2	4

⁴⁸⁸ Bassām, *Irhāṣāt*, 66. Juga di Markaz Nūn, akses 4 Nov 2015, http://www.islamnoon.com/Derasat/Erhasat/e_adad.htm

⁴⁸⁹ Bassām Jarrār, akses 8 Mei 2016, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/examples.htm>.

Kemudian beliau mendarab bilangan ayat dengan bilangan kalimah dan huruf (27 x 14 x 51), hasilnya adalah 19278. Kemudian beliau membahaginya dengan nilai jumlah bagi kalimah haji iaitu 42 dan hasilnya adalah bilangan tujuh.

$$19278 \div 42 = 7$$

Lalu beliau mengaitkannya dengan kebanyakan syiar haji yang melibatkan bilangan tujuh (seperti tawaf, sai, lontaran jamrah, bilangan batu lontaran dan lain-lain).

Manakala tentang nama nabi Isa dan Adam AS, dalam al-Quran beliau membuat pengamatan ke atas firman Allah SWT:

إِنَّ مَثَلَ عِيسَىٰ عِنْدَ اللَّهِ كَمَثَلِ إِادَمَ حَلْقَهُرُ مِنْ تُرَابٍ ثُمَّ قَالَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ
Ali ‘Imrān 3: 59

Maksudnya: “Sesungguhnya perbandingan (kejadian) Isa di sisi Allah adalah sama seperti (kejadian) Adam. Allah telah menciptakan Adam dari tanah lalu berfirman kepadanya: "Jadilah engkau!" maka menjadilah ia.”

Ayat ini menyentuh tentang persamaan antara nabi Isa dengan nabi Adam AS dari segi penciptaan tanpa bapa. Namun kajian bilangan melihat juga kepada aspek lain iaitu persamaan ulangan nama Isa dan Adam dalam al-Quran iaitu 25 kali. Dalam hubungan dengan bilangan 7, Bassām membilang nama nabi Isa dan Adam AS dari awal al-Quran dan mendapati bahawa nabi Isa AS dalam ayat di atas adalah ulangan ketujuh, begitu juga nama nabi Adam AS dalam ayat tersebut adalah ulangan ketujuh.⁴⁹⁰

5.3.4.2 ‘Abd al-Dā’im dan Bilangan Tujuh

‘Abd al-Dā’im mendedahkan pelbagai kiraan (yang dianggapnya terlalu banyak) dalam al-Quran yang berkait dengan gandaan tujuh. Beliau menggunakan penemuannya ini sebagai asas teori mukjizat dan menegaskan kebenaran al-Quran dengan kesimpulan bahawa:

⁴⁹⁰ Bassām, Nūn, akses 10 Jun 2017, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/examples.htm>.

“Tuhan yang membina tujuh langit dengan teratur kemas, Dia jugalah yang membina al-Quran dengan susunan yang teratur kemas, asasnya adalah bilangan tujuh.”⁴⁹¹

Kesimpulan ini diulang-ulang sekitar 14 kali dalam karya ini. Baginya, ia merupakan sandaran yang jelas bahawa al-Quran dan ilmu (sains) tidak bercanggah.⁴⁹² Namun, sudut pendalilan ini sebenarnya masih berada dalam lingkungan agama kerana bilangan tujuh langit belum menjadi fakta saintifik dalam kalangan saintis.

Langit (*sky*) adalah angkasa luas yang mengelilingi bumi.⁴⁹³ Ia juga adalah segala yang berada di atas bumi termasuk atmosfera dan angkasa lepas.⁴⁹⁴ Manakala tujuh langit pula dianggap sebagai konsep yang berasal dari agama-agama Mesopotamia, Hindu juga agama *Abrahamic* iaitu Yahudi, Kristian dan Islam.⁴⁹⁵ Sedangkan kajian sains sendiri menggunakan istilah angkasa, bukan langit. Dalam beberapa situasi, penulisan dalam bahasa Inggeris mencampur-adukkan pengertian langit dan syurga pada kalimah *heaven*. Sebagai contoh, menurut ensiklopedia kosmologi:

Dalam kosmologi agama atau kosmologi mitos, tujuh langit merujuk kepada tujuh bahagian syurga (tempat tinggal bagi makhluk abadi, (seperti dewa – penulis)); atau langit yang dapat dilihat, yang mengandungi matahari, bulan dan bintang-bintang.

*[In religious or mythological cosmology, the seven heavens refer to the seven divisions of the Heaven, the abode of immortal beings, or the visible sky, the expanse containing the Sun, Moon and the stars].*⁴⁹⁶

Selain dari itu, asas pemilihan bilangan tujuh turut dikaitkan oleh ‘Abd al-Dā’im dengan ibadah-ibadah yang berkait dengan bilangan tujuh seperti tujuh pusingan tawaf dan lain-lain. Ia juga disandarkan kepada hadis-hadis Rasulullah SAW yang menyentuh tentang angka tujuh, terutama hadis tentang penurunan al-Quran, iaitu:

إِنَّ الْقُرْآنَ أُنزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَخْرَفٍ (متفق عليه)

⁴⁹¹ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 30.

⁴⁹² al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 471.

⁴⁹³ *Encyclopedia Americana*, (Danbury, Grolier Incorporated, 1998), 12.

⁴⁹⁴ Wikipedia The Free Encyclopedia, akses 10 Jun 2017, <https://en.wikipedia.org/wiki/Sky>

⁴⁹⁵ Origen, *De Principiis III*, 2, 1, laman New Advent, akses 2 September 2016, <http://www.newadvent.org/fathers/04123.htm>.

⁴⁹⁶ Hetherington, Norriss S. *Encyclopedia of Cosmology: Historical, Philosophical, and Scientific Foundations of Modern Cosmology*. (Routledge, 2014), 267, 401.

Maksudnya: “Sesungguhnya al-Quran diturunkan atas tujuh huruf.”⁴⁹⁷

Berbeza dengan huraian ulama tentang tujuh huruf sebagai tujuh bahasa atau cara membaca (qiraat), ‘Abd al-Dā’im percaya bahawa ia bermaksud huruf-huruf al-Quran adalah mengikut sistem tujuh yang tersusun.⁴⁹⁸

5.3.5 Bilangan 19

Kedua-dua penyelidik ini mempercayai keistimewaan bilangan 19 dalam al-Quran. Bassām menulis buku khusus mengenainya iaitu *Ajībah Tis‘ah ‘Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimīn wa Dalālāt al-Mudda‘īn* (Keajaiban Sembilan Belas Antara Keciciran Kaum Muslimin dan Kesesatan Para Pendakwa). Bahkan ia merupakan buku pertamanya tentang mukjizat bilangan. Edisi kedua buku ini ditukar judul kepada *I‘jāz al-Raqam 19 Muqaddimāt Tantazir al-Natā‘ij* (Mukjizat Bilangan 19, Premis Yang Menanti Hasil).

‘Abd al-Dā’im pula menulis dua artikel mengenai bilangan 19 iaitu *Latā‘if al-‘Adad 7 wa 19* (Keindahan Bilangan 7 dan 19) dengan subtajuk *Haqā‘iq Mudhhilah Hawl al-Raqam 19* (Realiti Yang Mengagumkan Sekitar Angka 19) dan *Rawā‘i‘ al-Raqam 19 fi al-Qur‘ān al-Karīm* (Kehebatan Angka 19 Dalam al-Quran).⁴⁹⁹ Sebahagian dari perbahasan tentang bilangan 19 turut dimuatkan dalam ensiklopedia beliau, tetapi di bawah subtajuk lain seperti bicaranya tentang Basmalah.⁵⁰⁰ Tiada tajuk khusus tentang bilangan 19 dalam ensiklopedia tersebut.

Perbincangan tentang bilangan 19 oleh kedua-dua penyelidik ini diasaskan kepada ayat 30, surah al-Muddaththir yang menyebut bilangan 19. Bahkan banyak lagi perkara yang berkaitan 19 didapati sama antara dua penyelidik ini, iaitu:

⁴⁹⁷ al-Bukhāri, *Sahīh*, Kitāb Faḍā‘il al-Qur‘ān, Bāb ‘Unzila al-Qur‘ān ‘Alā Sab‘ah Ahruf, hadis no. 4608, 15, 392.

⁴⁹⁸ al-Kahīl, *Mawsū‘ah*, 16.

⁴⁹⁹ al-Kahīl, 10 Jun 2017, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/1/190--19-> dan <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/1/621---7---19>

⁵⁰⁰ al-Kahīl, *Mawsū‘ah*, 73-77.

- i. Kaitan dengan bilangan huruf Basmalah, ayat pertama dalam al-Quran yang berjumlah 19.
- ii. Bilangan surah al-Quran (114 surah) yang boleh dibahagi dengan 19.
- iii. Jumlah ayat dalam surah al-'Alaq (19 ayat) sebagai surah yang pertama diturunkan. Bahkan jumlah kalimah dalam lima ayat yang mula-mula diturunkan adalah 19. Begitu juga bilangan huruf pada ayat-ayat yang mula-mula diturunkan adalah 76 huruf. Ia adalah bilangan dalam gandaan 19 (19×4). Jumlah keseluruhan huruf dalam surah al-'Alaq adalah 285, juga dalam gandaan 19 (19×15).

Cuma 'Abd al-Dā'im mendakwa kebanyakan penyelidik yang berpegang kepada bilangan 19 telah melakukan kesilapan tanpa sengaja, sama ada pada kiraan atau pada metode hitungan.⁵⁰¹

5.3.6 Komentar Terhadap Rashād Khalīfah

Perbincangan tentang bilangan 19 dalam mukjizat bilangan al-Quran tidak akan lepas dari menyebut tentang Rashād Khalīfah. Begitu juga kedua-dua penyelidik ini turut memberikan komentar tentang Rashād Khalīfah dan penemuan angkanya. Bassām memang mengkaji dan menulis secara khusus tentang Rashād. Buku pertamanya tentang mukjizat bilangan iaitu *Ajībah Tis'ah 'Ashar*⁵⁰² memang ditulis mengenai Rashād Khalīfah. Judulnya sahaja sudah menggambarkan betapa optimis penulisnya terhadap mukjizat bilangan 19, kritikan dan tanggapannya bahawa Rashād sudah tersesat. Dalam edisi keduanya yang ditukar kepada judul *I'jāz al-Raqam 19 Muqaddimāt Tantażir al-Natā'ij*, Bassām mengulas tentang kajian Rashād, menganalisis dan mengkritik kesilapan kiraannya, sebelum menghurai lanjut

⁵⁰¹ al-Kaḥīl, *Mawsū'ah*, 50. Namun beliau tidak menunjukkan bukti dalam perbincangannya, selain dalam komentarnya terhadap Rashād Khalīfah.

⁵⁰² Judul penuhnya adalah 'Ajībah Tis'ah 'Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimīn wa Dalālāt al-Muddā'īn (Keajaiban Bilangan 19 Antara Keciciran Kaum Muslimin dan Kesesatan Para Pendakwa)

tentang mukjizat bilangan. Di penghujung buku ini, beliau memuatkan transkrip temuramah akhbar dengan Rashād yang memaparkan dengan jelas pengakuannya sebagai rasul.⁵⁰³

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula mengulas secara ringkas tentang kajian Rashād dalam ensiklopedianya. Beliau mendedahkan beberapa kesilapan Rashād yang menyimpulkan bahawa seluruh al-Quran tersusun pada bilangan 19. Pada masa yang sama, ‘Abd al-Dā’im juga mengakui kiraan yang betul. Sebagai contoh, beliau mendedahkan kiraan Rashād terhadap kalimah-kalimah dalam Basmalah (*ism*, Allah, *al-Rahman* dan *al-Rahīm*) yang didakwa berulang dalam gandaan 19. Dakwaannya bahawa *ism* berulang sebanyak 19 kali, sedangkan ‘Abd al-Dā’im mengiranya 22 kali. Kalimah Allah didakwa berulang 2698 kali (iaitu 19 x 142). Sedangkan ‘Abd al-Dā’im mendapatinya berulang 2699 kali (bukan dalam gandaan 19). Kalimah *al-Rahman* didakwa berulang sebanyak 57 kali (19 x 3) dan ia diakui benar oleh ‘Abd al-Dā’im. Manakala kalimah *al-Rahīm* didakwa berulang sebanyak 114 kali (19 x 6) sedangkan pada kiraan ‘Abd al-Dā’im, ia berulang sebanyak 115 kali.⁵⁰⁴

Selain itu, ‘Abd al-Dā’im juga mengkritik ringkas tentang dakwaan Rashād bahawa kiamat akan berlaku pada tahun 1710 berdasarkan kiraan pada huruf-huruf *fawātiḥ* dengan kaedah *hisāb jummal*. Kritikan itu tidak diperincikan bagi mengenalpasti sebarang kesilapan kerana beliau memang tidak bersetuju dengan kiraan *hisāb jummal*. Beliau menganggap ia tidak berpijak pada sebarang asas ilmu.⁵⁰⁵

5.3.7 Huruf-huruf Awal Surah

Kedua-dua penyelidik ini menganalisis huruf *fawātiḥ* sebagai data kajian bilangan. Bassām meletakkan satu topik khusus tentang surah-surah yang dimulakan dengan *fawātiḥ* atau huruf cahaya (*hurūf nurāniyyah*) dalam karyanya *Irḥāṣāt al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm*. Di bawah topik ini, beliau membuat analisis terperinci tentang huruf *fawātiḥ*, iaitu:

⁵⁰³ Bassām, *I‘jāz*, 169-172.

⁵⁰⁴ al-Kahīl, *Mawsū‘ah*, 48-49.

⁵⁰⁵ al-Kahīl, *Mawsū‘ah*, 50.

- i. Jumlah surah yang *fawātiḥ* adalah 29 dari 114 surah al-Quran. Kandungan kalimahnya mewakili nisbah 48% dari kalimah-kalimah dalam al-Quran.
- ii. Jumlah *fawātiḥ* tanpa ulangan adalah 14 dan terdiri dari 14 huruf.
- iii. Surah *fawātiḥ* pertama turun adalah surah al-Qalam yang dimulai dengan huruf Nūn. Huruf ini hanya sekali menjadi pembukaan dan tidak diulang sebagai *fawātiḥ* dalam surah-surah lain. Surah *fawātiḥ* kedua turun adalah surah Qāf dan huruf ini menjadi pembuka sebanyak dua kali, iaitu dalam surah Qāf dan surah al-Shūrā dengan *fawātiḥ* *hiw īm ‘ayn sīn qāf* { حم عسق}. Surah *fawātiḥ* ketiga turun adalah surah rah Qāf dan surah al-Jadi petiga kali sebagai *fawātiḥ* iaitu dalam surah rah Qāf *dankāf hā yā ‘ayn rah* { كهيعص} dan al-A‘rāf *alif lām mīm if* { المص}.⁵⁰⁶ Keseragaman berlaku pada 3 turutan dengan 3 bentuk ulangan.
- iv. Terdapat *fawātiḥ* dengan satu huruf iaitu *nūn*, *qāf* dan *an*, { ن, ق, و }. Ada pula *fawātiḥ* dengan dua huruf iaitu , *engan* *dua hīn*, *nganīn*, dan *anngīm* { طس, بس, طه } dan حم { الر }, tiga huruf iaitu *alif lām mīm*, *alif lām rā* dan *tānīn mīm* { طسم الر, الم, الم }, empat huruf iaitu *alif lām mīm if* { المر } dan *alif lām mīm rā* { الم } dan lima huruf iaitu *kāf hā yā ‘ayn fiadan han īm ‘ayn sīn qāf* { كهيعص } dan حم عسق { المص }.
- v. *Fawātiḥ* terbahagi dua. Pertama *fawātiḥ* yang tidak berulang iaitu *alif lām mīm šād*, *alif lām mīm rā*, *kāf hā yā ‘ayn šād*, *tā hā*, *tā sīn*, *yā sīn*, *šād*, *hā mīm ‘ayn sīn qāf*, *qāf* dan *nūn* { ن, ق, حم عسق, ص, بس, طه, كهيعص, المر, المص }. Kedua *fawātiḥ* yang berulang iaitu *alif lām mīm*, *alif lām rā*, *tā sīn mīm* dan *hā mīm* { طسم الر, الم, الم }.⁵⁰⁷

Bassām menganalisis surah-surah yang dimulakan dengan *fawātiḥ* untuk melihat keseimbangan susunan al-Quran dan kedudukan surah-surah tersebut. Contohnya akan dipaparkan dalam subtajuk berikut tentang keseimbangan surah dan ayat (5.2.7).

⁵⁰⁶ Bassām, *Irhāṣāt*, 32.

⁵⁰⁷ Bassām, *Irhāṣāt*, 34.

Bassām juga menganalisis huruf-huruf *fāwātīh* dan mendapati bahawa jumlah huruf yang membina *fawātīh* tanpa ulang adalah 38 juga. 38 adalah hasil darab 19×2 .⁵⁰⁸ Ini bererti, huruf-huruf tersebut juga telah dipilih dan disusun berdasarkan nilai 19.

Jadual 29: Jumlah huruf *fawātīh*.

<i>Fawātīh</i>	أ	الْمَصْ	الر	الْمِرْ	كَهْيَعْصُ	طَهْ	طَسْم	Jumlah
Bil huruf	3	4	3	4	5	2	3	24
<i>Fawātīh</i>	طَسْ	يَسْ	ص	حَمْ	حَمْ عَسْق	قَ	نَ	
Bil huruf	2	2	1	2	5	1	1	14
Total								38

Beliau juga menggunakan *hisāb jummal* untuk mendapatkan data bilangan dari *fawātīh* kemudian melihat keseimbangan tertentu berkaitan dengannya. Contohnya beliau menganalisis keseimbangan surah Maryam dan surah Ṣād. Menurut beliau terdapat 29 surah yang dimulai dengan huruf *fawātīh*. Kemudian beliau memilih 2 surah darinya yang terletak pada susunan gandaan 19; iaitu surah Maryam (surah ke 19 dari 29 surah tersebut) dan surah Ṣād (surah ke 38). Kemudian beliau membandingkannya dengan nilai abjad bagi nama dan *fawātīh* kedua-dua surah berkenaan. Ia menghasilkan data bilangan yang berada dalam gandaan 19.⁵⁰⁹ Berikut adalah jadual yang menjelaskan data-data berkenaan dan penggunaan *hisāb jummal*:

Jadual 30: Keseimbangan surah Maryam dan Ṣād berdasarkan *hisāb jummal*.

Susunan dalam 29 surah <i>fawātīh</i>	Surah dan angka abjadnya	<i>Fawātīh</i> dan angka abjadnya
19	Maryam 290 (م = 40, ر = 200, ي = 10, م = 40)	كَهْيَعْصُ = 195
38	Ṣād 90 (ص = 90)	ص = 90
Jumlahnya = 57 = (3 x 19)	Jumlah angka abjadnya = 380 = (20 x 19)	Jumlah angka abjadnya = 285 = (15 x 19)

Namun, beliau tidak didapati menggunakan *hisāb jummal* pada huruf *fawātīh* untuk mendapatkan pentafsiran secara angka seperti dilakukan oleh Ibn ‘Arabi.

⁵⁰⁸ Bassām, *Al-Muqtaṭaf*, 57.

⁵⁰⁹ Bassām Nihād Jarrār, “Amthilah Mukhtārah min al-I‘jāz al-Adadī.” Nūn, akses 12 Mei 2016, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/examples.htm>.

Manakala ‘Abd al-Dā’im pula, seperti dinyatakan sebelum ini, tidak menerima konsep dan kaedah *hisāb jummal*. Beliau sebaliknya membuat kiraan huruf-huruf *fawātiḥ* sebanyak mana ia digunakan atau diulang dalam ayat atau surah berkaitan. Sebagai contoh, huruf-huruf *fawātiḥ alif*, *lām* dan *mīm* (م) yang terdapat dalam surah al-Baqarah dan beberapa surah lain. Beliau mengira kekerapan huruf *alif* diulang dalam sesuatu surah yang berkenaan, atau dalam sesuatu ayat mahupun dalam sesuatu ungkapan al-Quran (potongan ayat) yang signifikan. Ada kalanya, beliau menghitung kedudukan huruf berkenaan dalam sesuatu kalimah, atau berapa kali ia diulang dalam sesuatu kalimah. Bilangan-bilangan yang diperolehi tadi disusun pula mengikut turutan dan membentuk matrik untuk diulas atau dilihat perkaitannya dengan sesuatu. Ada ketikanya pula, beliau menggunakan kaedah *binary* mudah dengan menentukan adakah sesuatu huruf digunakan dalam kalimah atau tidak. Angka 1 dan 0 yang dihasilkan disusun membentuk satu bilangan yang lebih besar. Setelah itu beliau menggunakan data bilangan tersebut untuk membuat ulasan atau melihat susunan al-Quran yang unik. Hal ini sudah disentuh dan diuraikan berserta contoh dalam subtajuk tentang matrik (5.2.5.2).

5.3.8 Susunan Surah dan Ayat

Susunan surah dan ayat al-Quran adalah bersifat *tawqīfī* dan telah dibincangkan dalam subtopik 2.6.2. Kedua-dua penyelidik ini menyentuh tentang susunan al-Quran dalam karya-karya mereka.

5.3.8.1 Analisis Bassām

Bassām menyentuhnya dalam buku-buku *I‘jāz al-Raqam 19*, *Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadī*, *Irhāṣāt al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm* dan *Al-Radd ‘alā Shubhah Idāfah al-Āyatayn 128 wa 129 min Sūrah al-Tawbah*. Beliau mencatatkan bahawa pemerhatiannya dibuat berdasarkan kajian ‘Abdullāh Jalghūm dalam karyanya *Asrār Tartīb al-Qur’ān Qirā’ah Mu‘āṣirah*” (Rahsia Susunan al-Quran, Bacaan Kontemporari).

Beliau membahagikan 114 surah al-Quran kepada dua bahagian berdasarkan jumlah ayatnya sama ada bilangan genap atau ganjil. Terdapat 60 surah yang jumlah ayatnya genap dan 54 surah yang jumlah ayatnya ganjil. Kemudian ia dikaitkan dengan bilangan 19.

Apabila nombor 19 didarab 6, ia menghasilkan jumlah 114, iaitu jumlah surah-surah dalam al-Quran.

Dari sini, beliau menggunakan bilangan enam sebagai asas darab. Beliau membahagikan bilangan 19 kepada dua peringkat iaitu 9 sebagai bilangan ganjil dan 10 sebagai bilangan genap. Menurutnya, bila bilangan 10 didarab dengan 6, ia menghasilkan 60, iaitu bilangan surah yang jumlah ayatnya genap. Manakala bila angka 9 pula didarab 6, ia menghasilkan 54, iaitu bilangan surah yang jumlah ayatnya ganjil pula. Ini menggambarkan keseimbangan pada bilangan 114 surah dengan pecahan surah yang jumlah ayatnya ganjil dan surah yang jumlah ayatnya genap.⁵¹⁰ Ringkasannya adalah seperti dalam jadual berikut:

Jadual 31: Keseimbangan 114 surah.

Jumlah surah = 114	Surah jumlah ayat genap = 60	Surah jumlah ayat ganjil = 54
Bilangan istimewa 19	19 dibahagi dua bahagian iaitu = 10 (genap) + 9 (ganjil)	
$114 \div 19 = 6$	$10 \times 6 = 60$	$9 \times 6 = 54$

Kiraan-kiraan ini menunjukkan ada keserasian dan keseimbangan antara bilangan surah dengan bilangan-bilangan ayat bagi setiap surah dalam al-Quran. Asasnya adalah bilangan 19. Ia menunjukkan binaan susunan surah al-Quran adalah berdasarkan nilai 19.

Selain itu, beberapa analisis lain turut diketengahkan oleh Bassām tentang keseimbangan surah. Secara khusus, beliau membuat analisis tentang surah-surah yang dimulakan dengan huruf *nūrānī* atau *fawātih*. Surah pertama dimulai dengan *fawātih* (mengikut susunan mashaf) adalah surah al-Baqarah. Ia merupakan surah kedua. Surah terakhir pula adalah surah al-Qalam dan ia merupakan surah ke 68. Ini menjadikan bilangan surah yang tiada *fawātih* antara dua surah itu (al-Baqarah dan al-Qalam) adalah 38. Bilangan 38 pula adalah dalam gandaan 19, iaitu $19 \times 2 = 38$.⁵¹¹ Ia dapat disemak dalam jadual berikut:

⁵¹⁰ Bassām, *I'jāz*, 66.

⁵¹¹ Bassām, *Al-Muqtaṭaf*, 56.

Jadual 32: Kedudukan surah tanpa *fawātiḥ* dalam susunan.

Bil	Nama Surah	<i>Fawātiḥ</i>	Bil	Bil
			tanpa	
1	al-Fātiḥah	-		
2	al-Baqarah	الْمُ	<i>fawātiḥ</i>	
3	Āli-‘Imrān	الْمُ		
4	al-Nisā'	-	1	
5	al-Mā'īdah	-	2	
6	al-An‘ām	-	3	
7	al-A'rāf	الْمُصْ	-	
8	al-Anfāl	-	4	
9	al-Tawbah	-	5	
10	Yūnus	الْرَّ	-	
11	Hūd	الْرَّ	-	
12	Yūsuf	الْرَّ	-	
13	al-Ra‘d	الْمُرَ	-	
14	Ibrāhīm	الْرَّ	-	
15	al-Hijr	الْرَّ	-	
16	al-Nahl	-	6	
17	al-Isrā'	-	7	
18	al-Kahf	-	8	
19	Maryam	كَهْيَعْص	-	
20	Tāhā	طَ	-	
21	al-Anbiyā'	-	9	
22	al-Hajj	-	10	
23	al-Mu'minūn	-	11	
24	al-Nūr	-	12	
25	al-Furqān	-	13	
26	al-Shu‘arā'	طَسْم	-	
27	al-Naml	طَسْ	-	
28	al-Qaṣāṣ	طَسْم	-	
29	al-‘Ankabūt	الْمُ	-	
30	al-Rūm	الْمُ	-	
35	Fāṭir	-		16
36	Yāsīn	يَسْ	-	
37	al-Şāffāt	-		17
38	Sād	صَ	-	
39	al-Zumar	-		18
40	Ghāfir/Mu'min	حَافِرْ	-	
41	Fuṣṣilat	حَفْسِلَاتْ	-	
42	al-Shūrā	حَمْ عَسْق	-	
43	al-Zukhruf	حَمْ	-	
44	al-Dukhān	حَمْ	-	
45	al-Jāthiyah	حَمْ	-	
46	al-Ahqāf	حَمْ	-	
47	Muhammad	-		19
48	al-Fath	-		20
49	al-Hujurāt	-		21
50	Qāf	قَ	-	
51	al-Dhāriyāt	-		22
52	al-Tūr	-		23
53	al-Najm	-		24
54	al-Qamar	-		25
55	al-Rahmān	-		26
56	al-Wāqi‘ah	-		27
57	al-Hadīd	-		28
58	al-Mujādalah	-		29
59	al-Hashr	-		30
60	al-Mumtaḥanah	-		31
61	al-Şaff	-		32
62	al-Jumu‘ah	-		33
63	al-Munāfiqūn	-		34
64	at-Taghābun	-		35

Bil	Nama Surah	<i>Fawātiḥ</i>	Bil	Bil	Nama Surah	<i>Fawātiḥ</i>	Bil
31	Luqmān	ل	-	65	al-Talāq,	-	36
32	al-Sajdah	ل	-	66	al-Taḥrīm	-	37
33	al-Ahzāb	-	14	67	al-Mulk	-	38
34	Saba'	-	15	68	al-Qalam	ن	-

5.3.8.2 Analisis ‘Abd al-Dā’im

‘Abd al-Dā’im pula meletakkan satu subtopik khusus tentang susunan ayat-ayat al-Quran dalam ensiklopedianya dan satu lagi subtopik tentang susunan surah-surah al-Quran.⁵¹²

Mengenai susunan ayat, ‘Abd al-Dā’im menganalisis ayat-ayat dan ungkapan yang sama lafaznya dan berulang dalam al-Quran. Contohnya ayat:

إِنَّ هَذِهِ تَذْكِرَةٌ فَمَن شَاءَ أَتَّخَذَ إِلَيْ رَبِّهِ سَبِيلًا

Ayat ini disebut dalam surah al-Muzzammil, ayat ke 19 dan dalam surah al-Insān, ayat ke 29. Dari sini, beliau menggunakan kaedah asasnya dalam kajian bilangannya iaitu matrik. Beliau menyusun nombor dua ayat tersebut menjadi matrik 2919. Bilangan 2919 ini terhasil berdasarkan teks bahasa Arab yang ditulis dari kanan tetapi angka tetap ditulis dari kiri. Dalam teks ensiklopedianya, ia kelihatan seperti berikut:

وقد اختار الله تعالى لهذه الآية رقمين ١٩ و ٢٩ وذلك لحكمة أيضاً ...
فعندما نصف أرقام الآيتين ١٩ - ٢٩ ينتج عدد جديد هو ٢٩١٩

Gambar 16: Teks Arab dan nombornya.

Setelah itu, beliau mendedahkan bahawa angka 2919 adalah dalam gandaan 7, yakni ia dapat dibahagi 7 tanpa baki ($2919 \div 7 = 417$).⁵¹³ Jika ia ditulis dalam perenggan tulisan rumi, matrik yang terhasil adalah 1929 dan ia tidak dapat dibahagi dengan 7 tanpa baki ($1929 \div 7 = 275$ baki 54 atau 275.57143).

⁵¹² al-Kahīl, *Mawsū'ah*, 10.

⁵¹³ al-Kahīl, *Mawsū'ah*, 391.

Menurut beliau, sistem ini berulang dalam al-Quran beribu-ribu kali. Contoh kedua adalah ungkapan {أَحْصَيْنَاهُ}. Ia diulang 2 kali dalam al-Quran, iaitu surah Yāsīn, ayat 12 dan surah al-Naba', ayat 29. Firman Allah SWT:

Jadual 33: Ayat hampir serupa.

Nombor surah & nombor ayat	Teks ayat
Surah Yāsīn: 12	وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ 
Surah al-Naba': 29	وَكُلَّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ كِتَابًا 

Dalam teks Arab, ia kelihatan seperti ini:

Jadual 34: Matrik ayat hampir serupa.

سورة النبأ	سورة يس
29	12

Lalu beliau membina matrik 2912. Bilangan 2912 juga adalah dalam gandaan 7 kerana ia boleh dibahagi tujuh tanpa baki ($2912 \div 7 = 416$).⁵¹⁴

Mengenai susunan surah pula, 'Abd al-Dā'im tidak menganalisis susunan surah secara makro (menyeluruh) seperti dilakukan oleh Bassām. Sebaliknya beliau menggunakan kaedah yang sama seperti tadi iaitu memilih kalimah atau ungkapan berulang dengan huraiyan tema yang sama. Kemudian beliau mengambil nombor-nombor surah berkenaan dan menyusun matrik. Hasil angka dari matrik tersebut didapati boleh dibahagi dengan tujuh tanpa baki juga. Ini bererti, beliau menggunakan data nombor surah secara terpilih untuk membuktikan susunan surah tidak boleh diubah. Bukan mengambil semua nombor surah secara menyeluruh (makro).

Contohnya, dengan mengemukakan tema ‘segala benda memuji Allah’, beliau membuat sedikit huraiyan. Kemudian memilih kalimah pujian yang berulang dalam al-Quran, iaitu {بِحَمْدِهِ}. Kalimah tersebut berulang 4 kali dalam surah-surah berikut:

⁵¹⁴ al-Kahīl, *Mawsū'ah*, 392.

Jadual 35: Kalimah *bi hamdih* dalam al-Quran.

Nombor surah & nombor ayat	Teks ayat
Al-Ra‘d 13: 13	وَيُسَبِّحُ الرَّعْدُ بِحَمْدِهِ وَالْمَلَائِكَةُ مِنْ خِيفَتِهِ وَيُرْسِلُ الْصَّوَاعِقَ فَيُصِيبُ هَا مَنْ يَشَاءُ وَهُمْ بِجَنَاحِلِهِ فِي أَلَّهِ وَهُوَ شَدِيدُ الْحِالِ ﴿١٣﴾
Al-Isrā’ 17: 44	تُسَبِّحُ لَهُ السَّمَاوَاتُ السَّبْعُ وَالْأَرْضُ وَمَنْ فِيهِنَّ وَإِنْ مِنْ شَيْءٍ إِلَّا يُسَبِّحُ بِحَمْدِهِ وَلَكِنْ لَا تَفْقَهُونَ تَسْبِيحَهُمْ إِنَّهُ كَانَ حَلِيمًا غَفُورًا ﴿٤٤﴾
Al-Isrā’ 17: 52	يَوْمَ يَدْعُوكُمْ فَتَسْتَحِيُّوْنَ بِحَمْدِهِ وَتُظْنِنُونَ إِنْ لَيْثُمْ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٥٢﴾
Al-Furqān 25: 58	وَتَوَكَّلْ عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ وَسَبِّحْ بِحَمْدِهِ وَكَفَى بِهِ بِذُنُوبِ عِبَادِهِ حَبِيرًا ﴿٥٨﴾

Berbeza dengan sebelum ini beliau mengambil nombor ayat, kali ini beliau memetik nombor surah pula tanpa mengulangnya. Empat ayat di atas diambil dari tiga surah iaitu surah al-Ra‘d, al-Isrā’ dan al-Furqān. Nombor-nombor surah tersebut adalah 13, 17 dan 25. Dalam teks Arab, ia gilirannya tersusun dari kanan walaupun nombor tetap ditulis dari kiri seperti berikut:

٢٥ سُورَةُ الرَّعْدِ ١٣ السَّرَّاءُ ١٧ الْفُرْقَانُ

Gambar 17: Teks Arab dan nombornya.

Oleh itu, matrik yang terhasil adalah terbalik dari susunan teks rumi iaitu: 251713. Bilangan ini dapat dibahagi tujuh, dua kali tanpa baki, iaitu $251713 \div 7 = 35959$ dan $35959 \div 7 = 5137$.⁵¹⁵ Signifikan kiraan ini dengan susunan surah al-Quran adalah sebarang pengubahan susunan surah atau ayat akan menghilangkan nilai keseragaman berdasarkan bilangan tujuh tadi.

⁵¹⁵ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 496 - 497.

Kesimpulannya, terdapat dua perbezaan antara mereka. Pertama pada asas kiraan keseimbangan. Bassām menggunakan darab pada bilangan 19, manakala ‘Abd al-Dā’im menggunakan bilangan tujuh. Kedua, Bassām menghitung keseluruhan surah secara menyeluruh, tetapi memberi tumpuan kepada surah-surah *fawātiḥ* sahaja. Manakala ‘Abd al-Dā’im memilih sampel dari ayat atau ungkapan secara terpilih untuk menunjukkan bahawa susunan itu tidak boleh dirombak, bukan secara keseluruhan 114 surah al-Quran.

5.3.9 Ramalan Berdasarkan Bilangan

Seperti disebutkan sebelum ini, Bassām Jarrār turut menggunakan dapatan angkanya dalam membuat ramalan. Manakala ‘Abd al-Dā’im pula tidak membuat ramalan, bahkan mengkritik penggunaan angka al-Quran sebagai asas ramalan. Beliau mengkritik secara umum tentang ramalan dalam bukunya *Mawsū‘ah al-I‘jāz al-Raqamī* dan dalam rancangan televisyen *Sanurihim Ayātinā*. Menurut beliau, antara perkara yang melampau tentang mukjizat bilangan al-Quran adalah mengaitkan bilangan-bilangan al-Quran dengan peristiwa politik atau sejarah seperti kejatuhan Israel, peristiwa 11 September dan meramalkan kiamat.⁵¹⁶ Kenyataannya tentang ramalan kejatuhan Israel dipercayai ditujukan kepada Bassām, kalau pun bukan Shaykh Ahmad al-Shaymī⁵¹⁷ atau Bashīr al-Burghūthī.⁵¹⁸

Ramalan Bassām tentang kejatuhan kerajaan regim Israel pada tahun 2022 adalah sama dengan dua penulis tadi. Asas ramalan Bassām ini adalah cerita yang didengar dari kalangan penganut Yahudi sendiri. Menurut beliau dalam bukunya *Zawāl Isrā’īl Ām 2022 Masihi Nubū‘ah Am Sudaf Raqmiyyah*, ketika tertubuhnya negara Israel pada tahun 1948, seorang wanita tua Yahudi menangis dan menceritakan kepada jirannya yang muslim bahawa ia adalah petanda bahawa Bani Isra’īl akan disembelih. Negara baru itu pula hanya akan berdiri selama 76 tahun. Walau bagaimanapun, Bassām tidak menyatakan bahawa ia adalah ramalan atau ia pasti berlaku. Sebaliknya, beliau menganggapnya sebagai hasil penelitian yang perlu didedahkan kepada para pembaca.⁵¹⁹

⁵¹⁶ al-Kaḥīl, *Mawsū‘ah*, 59.

⁵¹⁷ Syaykh Ahmad al-Syaymī, akses 25 Oktober 2013, <http://forum.sh3bwah.maktoob.com/t39882.html>.

⁵¹⁸ Basyīr al-Burghūthī, *Zawāl Isrā’īl Ḥatmiyyah al-Tārīkh Dirāsah Muqāranah*, (‘Ammān: Dār Zahrān, 2000).

⁵¹⁹ Bassām, *Zawāl Isrā’īl*, 47-48.

Bassām menggunakan data-data dari kitab yang dianggap Taurat oleh Yahudi dan dari sejarah mereka. Walaupun berpegang bahawa kaedah dalam pensejarahan hanya berdasarkan sangkaan yang kuat (*zann*), beliau menyatakan bahawa kita tidak punya pilihan lain yang lebih menghampiri kebenaran.⁵²⁰ Pada penutup di hujung buku tersebut, beliau menyatakan bahawa beliau tidaklah begitu berminat membicarakan isu ini, namun merasai dorongan untuk mengkajinya berdasarkan penelitian akademik dan mendedahkannya kepada pembaca.⁵²¹

Jelaslah di sini bahawa, Bassām sendiri menyedari bahawa ramalan tentang masa depan adalah dilarang dan ia termasuk dalam perkara ghaib yang hanya diketahui Allah seperti firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ رِحْلَةٌ أَكْبَرٌ وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ
مَّا ذَادَتْ كَسِيبٍ غَدَاءً وَمَا تَدْرِي نَفْسٌ بِأَيِّ أَرْضٍ تَمُوتُ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ

al-An‘ām 6: 59

Maksudnya: “Sesungguhnya di sisi Allah pengetahuan yang tepat tentang hari kiamat, dan Dia-lah jua yang menurunkan hujan dan yang mengetahui dengan sebenar-benarnya tentang apa yang ada dalam rahim (ibu mengandung). Dan tiada seseorang pun yang betul mengetahui apa yang akan diusahakannya esok (sama ada baik atau jahat); dan tiada seorangpun yang dapat mengetahui di bumi negeri manakah ia akan mati. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi amat meliputi pengetahuan-Nya.”

Namun, terdapat dua implikasi dari percubaan beliau mendedahkan penelitiannya itu. Pertama, secara umum ia tetap kelihatan sebagai ramalan kerana ia meletakkan suatu jangkaan terhadap peristiwa masa depan dengan penentuan tarikhnya sekali. Para pengamat sejarah dapat melihat beberapa ramalan pernah dibuat tentang peristiwa masa depan seperti pembebasan Baitulmaqdis oleh Ṣalāḥ al-Dīn dari jajahan tentera Salib. Apa yang nyata adalah ramalan itu tidak tepat dan kiraan baru dibuat pula penyelidik selepas mereka dengan kaedah kiraan berbeza.

⁵²⁰ Bassām, *Zawāl Isrā’ il*, 19.

⁵²¹ Bassām, *Zawāl Isrā’ il*, 105.

Kedua, ia menjadikan kaum muslimin memperakui ajaran atau cerita yang terdapat dalam agama Yahudi. Dengan kata lain, menggunakan data dari al-Quran untuk membenarkan atau mengiyakan apa yang didakwa oleh mereka. Sedangkan Allah SWT berfirman:

وَلَا تَسْتَفِتْ فِيهِمْ مِنْهُمْ أَحَدًا

al-Kahf 18: 59

Maksudnya: "...dan janganlah engkau meminta penjelasan mengenai hal mereka (Ashāb al-Kahf) kepada seorangpun dari mereka (ahli kitab).

Sabda Rasulullah SAW pula:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ...، قَالَ اللَّهُ أَكْبَرَ: لَا تُصَدِّقُوا أَهْلَ الْكِتَابِ وَلَا كَذِبُوهُمْ
وَقُولُوا آمَنَّا بِاللَّهِ وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْنَا وَمَا أُنْزِلَ إِلَيْكُمْ

Maksudnya: "Jangan kamu membenarkan (keterangan) Ahli Kitab dan jangan pula mendustakannya, tetapi katakanlah: 'Kami beriman kepada Allah dan kepada apa yang diturunkan kepada kami dan apa yang diturunkan kepada kamu.'"⁵²²

Ketika mengulas hadis ini, Ibn Ḥajar dan al-‘Aynī menyatakan bahawa ia adalah bagi mengelakkan kita melakukan kesilapan yang besar, sama ada kita terlibat membenarkan sesuatu yang palsu (jika keterangan Ahli Kitab itu palsu) atau kita mendustakan sesuatu yang benar (jika keterangan mereka itu benar). Sikap yang diwajibkan ke atas kita adalah berkecuali (*tawaqquf*) terhadap sesuatu yang diragui.⁵²³

⁵²² al-Bukhārī, *Ṣaḥīḥ*, Kitāb al-I‘tiṣām bi al-Kitāb wa al-Sunnah, Bāb Qawl al-Nabiyy SAW Lā Tas’alū Ahl al-Kitāb, hadis no 6814.

⁵²³ Ibn Ḥajar, *Fatḥ al-Bārī*, 8: 170 dan Badr al-Dīn al-‘Aynī, ‘Umdah al-Qārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, al-Maktabah al-Syāmilah, 26, 412.

5.3.10 Jadual Perbandingan Topik-topik

Berikut adalah jadual ringkasan bagi analisis perbandingan antara kedua-dua penyelidik:

Jadual 36: Ringkasan analisis perbandingan antara kedua penyelidik.

Bil	Topik	Bassām	‘Abd al-Dā’im
1	Latar Belakang	Palestin	Syria
2	Pendidikan	Syariah dan Pengajian Islam	Kejuruteraan, menghafaz sendiri al-Quran.
3	Hubungan Antara Mereka	Tidak menunjukkan sebarang hubungan.	Merujuk karya Bassām dan mengkritik penggunaan <i>hisāb jummāl</i> dan ramalan kejatuhan Israel.
4	Hubungan Luar	Tidak dapat keluar bebas kerana sekatan regim Israel	Terlibat dalam persidangan luar dan mendapat anugerah
5	Sumber-sumber Kajian	Kitab-kitab pengajian Islam seperti pelbagai tafsir, ‘ulūm al-Quran, karya-karya mukjizat bilangan, buku-buku sains dan Bible.	Beberapa kitab hadis, Tafsir Ibn Kathīr, Yusuf ‘Ali, Mu‘jam M. Fu‘ad al-Bāqī, karya Bassām dan ‘Abd al-Razzāq Nawfal serta beberapa artikel dalam talian tentang sains. Banyak merujuk kepada mashaf al-Quran sahaja.
6	Kaedah Pengiraan	Pengiraan manual oleh beberapa orang, menggunakan perisian Salsabīl dan Mu‘jam M. Fu‘ad al-Bāqī.	Menggunakan fail al-Quran digital (<i>MS Word doc</i>), Mu‘jam M. Fu‘ad al-Bāqī dan mashaf Madinah.
7	Mashaf dan <i>rasm</i>	Menggunakan mashaf dan <i>rasm</i> ‘Uthmānī, riwayat Hafṣ dan ‘adad Kūfi.	Menggunakan mashaf dan <i>rasm</i> ‘Uthmānī, riwayat Hafṣ dan ‘adad Kūfi.
8	Penentuan Huruf dan Kalimah	Mengikut tulisan <i>rasm</i> ‘Uthmānī dan tidak mengira bunyi.	Mengikut tulisan <i>rasm</i> ‘Uthmānī, tidak mengira bunyi, tidak mengira hamzah (hanya <i>alif</i> , <i>wāw</i> dan <i>yā</i>) dan mengira <i>wāw ‘atf</i> dan <i>wāw qasam</i> sebagai kalimah tersendiri.
9	<i>Hisāb Jummāl</i>	Menggunakan <i>hisāb jummāl</i> dalam mendapatkan data bilangan	Tidak mengguna bahkan menolak penggunaannya.
10	Matrik	Tidak menggunakan matrik.	Menggunakan matrik.

Bil	Topik	Bassām	‘Abd al-Dā’im
11	Kaedah Penyampaian	Buku bercetak, buku dan artikel dalam talian, laman web, video <i>Youtube</i> dan siaran televisyen.	Buku bercetak, buku dan artikel dalam talian, laman web, video <i>Youtube</i> dan siaran televisyen.
12	Konsep <i>I’jāz ‘Adadi</i>	Mendukung mukjizat bilangan sebagai mukjizat zaman digital, menjawab kritikan.	Mendukung mukjizat bilangan sebagai mukjizat zaman digital.
13	Kepentingan Mukjizat Bilangan	Menegaskan kemukjizatan al-Quran, kesucian dari perubahan, membantu pentafsiran, mengesahkan <i>rasm ‘Uthmānī</i> .	Menambah keyakinan dan iman, asas dakwah dan dialog, suci dari perubahan dengan <i>rasm ‘Uthmānī</i>
14	Bilangan tujuh	Tidak banyak menyentuh bilangan tujuh selain tentang haji, nama Nabi Adam dan Isa AS.	Banyak menyentuh bilangan tujuh sehingga menjadi asas teori mukjizatnya.
15	Piawai Mukjizat Bilangan	Menggunakan piawai seminar 2010, lebih ringkas, tidak kira lafadz, satu qiraat, terikat dengan akidah dan fakta sejarah.	Menggunakan piawai sendiri, terperinci, data dari al-Quran sahaja, boleh kira tulisan atau lafadz secara berasingan, satu qiraat, menolak campur aduk kiraan (campur, tolak, darab, bahagi), elak kebetulan, tidak libat hal ghaib yang tidak <i>qat’i</i> , tidak bertentangan dengan kaedah bahasa Arab, mengelak ramalan.
16	Bilangan 19	Banyak kiraan berdasarkan 19, karya pertama juga tentang 19.	Sedikit tentang 19 terutama berkait dengan Basmalah, menganggap banyak kiraan tentang 19 silap.
17	Rashād Khalīfah	Menolak kajian Rashād dan mengkritik kiraannya.	Menolak kajian Rashād dan mengkritik kiraannya.
18	Huruf-huruf Awal Surah	Mengulas terperinci tentang <i>fawātiḥ</i> dari segi ulangan, bilangan huruf, susunan surahnya dan nilai abjad.	Mengira kekerapan huruf <i>fawātiḥ</i> dalam surah, ayat atau ungkapan.

Bil	Topik	Bassām	‘Abd al-Dā’im
19	Susunan Surah dan Ayat	Menganalisis secara menyeluruh senarai susunan surah <i>fawātiḥ</i> dan surah tanpa <i>fawātiḥ</i> lalu dikaitkan dengan bilangan 19.	Menganalisis secara terpilih data bilangan dari ungkapan, ayat dan surah lalu dikaitkan dengan bilangan tujuh, akhirnya menyimpulkan kedudukan ayat, surah tidak boleh diubah.
20	Ramalan Berdasarkan Bilangan	Meramal kejatuhan regim Israel berdasarkan surah al- <i>Isrā’</i> dan kepercayaan Yahudi.	Menolak dan mengkritik ramalan.

5.4 Perkara Yang Disepakati

Kedua-dua penyelidik bersepakat dalam asas-asas utama kajian mukjizat bilangan termasuk kerangka konsep, kepentingan mukjizat bilangan, *rasm*, pemilihan qiraat, kaedah penyampaian dan isu penyelewengan.

Mereka sepakat bahawa mukjizat angka adalah mukjizat yang relevan dengan zaman sekarang sebagai zaman teknologi. Sudah sampai masanya ia dizahirkan dan dijadikan hujah mendukung kebenaran al-Quran. Mereka sepakat tentang kepentingan mukjizat bilangan sebagai hujah terkini menunjukkan bahawa al-Quran itu benar dari Allah dan terpelihara dari perubahan. Ini termasuk terpelihara dari perubahan pada aspek susunan surah, ayat, kalimah dan huruf-hurufnya. Mereka sepakat bahawa mukjizat bilangan menunjukkan bahawa *rasm* al-Quran adalah penting dan ditentukan oleh Allah SWT sehingga ia tidak boleh diubah sewenang-wenangnya.

Dari aspek qiraat, kedua-dua mereka sepakat bahawa kajian bilangan perlu konsisten dengan satu qiraat dalam sesuatu kajian. Tidak boleh mencampur-adukkan qiraat.

Dari aspek kaedah kiraan pula, umumnya kelihatan tidak jauh berbeza antara kedua penyelidik ini. Mereka sama merujuk kepada *mu’jam* lafaz al-Quran oleh Muḥammad Fu’ād al-Bāqī. Kedua-dua mereka juga merujuk kepada mashaf dengan *rasm* ‘Uthmānī dan riwayat Ḥafṣ dalam membuat hitungan. Ini dinyatakan dengan jelas oleh Bassām dalam

artikel *Qawā‘id al-Iḥṣā’ fī Markaz Nūn*.⁵²⁴ ‘Abd al-Dā’im pula menyatakan dalam pengenalan kepada Ensiklopedia Kaheel Tentang Mukjizat Nombor.⁵²⁵ Cuma Bassām turut menyatakan bahawa kaedah kiraannya adalah berdasarkan kiraan ayat al-Quran oleh ulama Kūfah (*al-‘dd al-Kūfi*) iaitu 6236 ayat, sedangkan ‘Abd al-Dā’im tidak menyebutnya. Namun, mashaf Madinah yang dijadikan asas pengiraan ‘Abd al-Dā’im dengan riwayat Hafṣ memang menggunakan kiraan yang sama. Beliau juga menyebut bahawa bilangan ayat al-Quran adalah 6236, iaitu bilangan yang terpakai dalam riwayat Hafṣ.⁵²⁶

Dalam aspek penyampaian, mereka didapati sama menggunakan media elektronik (siaran televisyen) dan media sosial secara dalam talian termasuk penggunaan laman web, *Facebook* dan *Youtube*. Kebanyakan penulisan mereka diterbitkan secara maya menggunakan format *pdf* dan boleh dimuat-turun secara percuma. Hanya dua tiga buku sahaja yang dicetak secara fizikal.

5.5 Perkara Yang Berbeza

Manakala perbezaan mereka adalah pada aspek piawai mukjizat. Piawai mukjizat mereka hampir sama tetapi berbeza pada beberapa perincian, iaitu tentang kedudukan huruf hamzah, *wāw al-‘atf*, *wāw qasam*, *hisāb jummal*, matrik dan isu ramalan.

Bassām mengira hamzah tetapi ‘Abd al-Dā’im tidak mengiranya. Huruf *wāw al-‘atf* dan *wāw qasam* tidak dikira sebagai kalimah oleh Bassām tetapi dikira sebagai kalimah berasingan oleh ‘Abd al-Dā’im. Bassām menggunakan *hisāb jummal* sebagai sumber data bilangan tetapi ‘Abd al-Dā’im pula menolak dan mengkritik penggunaannya. Bassām tidak menggunakan matrik tetapi ‘Abd al-Dā’im pula menggunakanannya. Bassām membuat ramalan, khususnya tentang kejatuhan Israel, walaupun tidak berterus-terang. Manakala ‘Abd al-Dā’im mengkritik ramalan seperti itu.

⁵²⁴ Nūn, akses 9 Mac 2015, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/kawaed.htm>.

⁵²⁵ al-Kahīl, akses 9 Mac 2015, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/2010-02-02-22-46-15/91-2010-02-27-02-03-52>.

⁵²⁶ al-Kahīl, *Mawsū’ah*, 32 dan 76.

Dari aspek bilangan pilihan, Bassām lebih banyak mengketengahkan bilangan 19 sebagai asas keseimbangan dalam teori mukjizat. Sedangkan ‘Abd al-Dā’im pula banyak mengketengahkan bilangan tujuh⁵²⁷ sebagai asas teori mukjizatnya.

5.6 Kesimpulan

Analisis perbandingan ini telah menunjukkan persamaan dan perbezaan antara Bassām dan ‘Abd al-Dā’im dalam kaedah pengiraan. Kaedah penyampain mereka adalah sama. Topik-topik yang dibincangkan juga sama, cuma berbeza antara huraian pendek dan panjang lebar. Apa yang nyata berbeza adalah dalam penggunaan *hisāb jummal*, ramalan oleh Bassām dan penggunaan matrik oleh ‘Abd al-Dā’im.

Mengenai *hisāb jummal*, didapati bahawa ia adalah sistem bilangan yang neutral. Kajian terhadap sejarah asal-usulnya menunjukkan bahawa hubungan huruf dan angka abjad ini tidak melibatkan unsur mistik dan agama. Huruf-huruf tersebut hanya simbol yang mewakili bilangan ketika simbol khusus atau angka belum dicipta. Tamadun-tamadun yang terlibat ketika itu tidak mempunyai simbol berasingan untuk nombor. Keselarasan pada huruf dan bilangan yang diwakilinya juga dapat dilihat pada tamadun-tamadun tersebut seperti dinyatakan pada subtajuk 5.1.1.1 dan jadual 10. Justeru tindakan menerima sistem *hisāb jummal* ini tidak lebih dari tindakan menerima sistem huruf ejaan juga.

Asas sistem angka abjad tidak mempunyai apa-apa nilai mistik atau tayyul. Inilah yang disebut oleh Wortabet: ‘use of the letters as numerical signs’.⁵³¹ Sebaliknya, nilai tersebut datang kemudian berdasarkan kepercayaan agama dan ajaran tertentu. Kepercayaan terhadap wujudnya kelebihan huruf dan bilangan tertentu yang memberi kesan kepada kehidupan terdapat dalam penggunaan wafak, sihir atau *numerology* (ramalan berdasarkan nombor). Nampaknya, penggunaan *hisāb jummal* dalam sihir dan ramalan itulah yang menyebabkan ramai ulama menolak langsung konsep asasnya. Persis hubungan antara

⁵²⁷ Beliau menyebutnya angka 7 (*raqam 7*). Dalam penulisannya, beliau didapati tidak membezakan antara terma bilangan dan angka (antara ‘*adad* dan *raqam*).

⁵³¹ William Thomson Wortabet et.al, *Wortabet’s Arabic – English Dictionary*, (Beirut: Librairie du Libon, 1968), Cet. ke 4, 100.

ilmu kaji bintang (astronomi) yang bersifat neutral dengan ramalan bintang (astrologi) yang bersifat mistik.

Justeru kritikan terhadap *hisāb jummal* wajar diasingkan dari kritikan terhadap ilmu rahsia huruf (*asrār al-hurūf*) walaupun ia dijadikan nama lain bagi *hisāb jummal*. Hukum yang dibina terhadap konsep-konsep mistik tersebut juga tidak sepatutnya turut dikenakan ke atas sistem asas iaitu huruf mewakili bilangan dalam *hisāb jummal*. Oleh itu, kewajaran larangan menggunakan *hisāb jummal* sebenarnya termasuk dalam bab *sadd al-dhari‘ah*, iaitu bagi mengelakkan beramal dengan sihir atau membuat ramalan. Namun, apabila kemungkinan larangan tidak lagi berlaku, tentu hukumnya juga berubah. Dengan kata lain, apabila *hisāb jummal* digunakan oleh kalangan yang tahu dan tidak melibatkan perkara yang dilarang, maka hukum penggunaannya juga kembali kepada kaedah asal iaitu tidak dilarang.

Terdapat juga anggapan bahawa angka abjad adalah sistem kod rahsia yang digunakan untuk mengelirukan. Namun penggunaannya dalam pelbagai tamadun tidak menjadikan ia sebagai rahsia lagi, kecuali pada zaman sekarang apabila ia sudah jarang digunakan lagi.

Mengenai matrik, penggunaannya secara asas dalam mukjizat bilangan tidak menjadi isu. Apa yang menjadi isu adalah ‘Abd al-Dā’im tidak konsisten dalam menggunakan sistem *binary* bila beliau membahagi bilangan dalam *binary* dengan bilangan dalam sistem desimal. Selain itu, turut menjadi isu adalah penentuan huruf *wāw al-‘af* sebagai satu kalimah berasingan berbeza dengan kaedah bahasa Arab yang menjadi salah satu piawai mukjizat bilangan.

BAB 6: PENUTUP

Mukjizat bilangan telah muncul sebagai salah satu cabang kajian mukjizat al-Quran. Kajian-kajian mengenainya telah bermula sekitar tahun 1956. Ini bererti, perkembangannya baru melalui tempoh 60 tahun. Namun, dalam tempoh itu lebih 69 karya telah ditemui hasil tulisan 40 orang penulis dan menyumbang kepada pengayaan perbincangannya.

Melihat kepada kronologi mukjizat dan kronologi kajian bilangan, memang akan dirasakan bahawa sudah sampai masanya mukjizat bilangan lahir sebagai lanjutan kepada keajaiban al-Quran yang tidak terhenti. Namun, proses kematangannya masih perlu mengambil masa dan tempoh ‘buang buruk’nya belum selesai. Ini termasuk soal wujudnya dapatan yang sangat menakjubkan berbanding dapatan yang seolah-olah diada-adakan. Ia menjadikan kajian bilangan memerlukan piawai yang lebih kukuh dari kalangan pakar yang tergabung padanya kepakaran dalam bidang al-Quran dan bidang kejuruteraan, secara khusus.

6.1 Kesimpulan

Kesimpulan ini dirumuskan merangkumi hal-hal berkaitan konsep mukjizat, teori mukjizat bilangan dan peranan Bassām dan ‘Abd al-Dā’im sebagai penyelidik dalam bidang ini.

6.1.1 Konsep Mukjizat dan Teori Mukjizat Bilangan

- i. Konsep mukjizat bilangan lahir sebagai rentetan atau hasil dari penelitian umat Islam terhadap al-Quran sendiri. Galakan supaya men “*tadabbur*” al-Quran tidak terbatas kepada makna dan cara bacaan sahaja. Bahkan ia telah melibatkan aspek penelitian tulisan, susunan, pengulangan, bilangan dan lain-lain. Dari pengiraan surah, ayat, kalimah dan huruf, ia telah berkembang kepada melihat hikmah, keajaiban dan kehebatan pada kiraan. Ia turut dirangsang oleh jaminan Allah SWT bahawa al-Quran tidak dapat didatangi oleh kepalsuan dari mana-mana sudut.

Justeru anggapan bahawa mukjizat bilangan lahir dari pengaruh luar adalah dinafikan. Dengan itu, asal-usul mukjizat bilangan telah didapati berasas sama ada dari aspek sejarah mahupun asas syariat.

- ii. Mukjizat bilangan atau *i'jāz 'adadi* tidak mendapat perhatian ulama silam kerana beberapa faktor iaitu pernomboran dalam mashaf al-Quran belum wujud, alat bantuan mengira seperti komputer belum dicipta dan digunakan. Ini menjadikan aktiviti mengira sukar dilakukan berbanding zaman selepasnya.
- iii. Sejarah perkembangan kajian bilangan bermula dengan kiraan, kemudian pentafsiran berasaskan angka sehingga akhirnya muncul gagasan teori mukjizat bilangan. Walau bagaimanapun, perkembangan tersebut telah terganggu dengan kemunculan doktrin agama baru Bahai yang menggunakan kod angka dan teori mukjizat Rashād Khalīfah yang mendakwa menjadi rasul.
- iv. Kronologi sejarah menunjukkan perkembangan mashaf dan percetakan al-Quran telah menjadi faktor rancaknya pengiraan dan kajian bilangan dalam al-Quran. Ia adalah suatu perkembangan yang normal hasil dari perkembangan teknologi manusia terutama berkaitan teknologi percetakan dan pengiraan. Sejarah menunjukkan, generasi terdahulu juga telah mengkaji pelbagai aspek berkaitan al-Quran termasuk pengulangan kalimah dan rangkai kata serupa dalam al-Quran. Ia telah berlaku dalam situasi mashaf al-Quran tidak mencatatkan tanda *fawāṣil* dan nombor ayat. Justeru itu, perkembangan *i'jāz* dari *balaghī* kepada *'adadi* hanyalah lanjutan yang tidak terpisah dari ruang lingkup ilmu-ilmu al-Quran.
- v. Mukjizat bilangan telah dan sedang melalui proses pematangan. Ia telah melalui proses yang dilalui gagasan mukjizat atau *i'jāz* al-Quran sendiri walaupun berlainan sedikit. Begitu juga pengalaman yang dilalui oleh gagasan tafsiran saintifik dan mukjizat saintifik. Gagasan mukjizat atau *i'jāz* al-Quran lahir sebagai menjelaskan cabaran al-Quran dan reaksi kepada konsep *ṣarfah*. Tafsiran saintifik dan mukjizat saintifik pula lahir sebagai menyahut konsep penyatuan agama dan sains atau keselarasan agama dan akal. Sedangkan mukjizat bilangan pula lahir

dalam situasi dunia digital, ketika teknologi manusia banyak menggunakan angka dan kiraan.

Secara keseluruhan, penemuan berkaitan dengan konsep mukjizat bilangan dan penolakannya dapat diringkaskan seperti dalam jadual berikut:

Jadual 37: Hujah penolakan dan penemuan.

Bil	Hujah penolakan	Penemuan
i.	Mukjizat bilangan dikaitkan dengan ajaran sesat.	Cetusan kajian bilangan adalah dari generasi awal Islam sendiri, tanpa pengaruh dari luar.
ii.	Penggunaan sistem Yahudi (<i>hisāb jummal</i>) dalam kajian mukjizat bilangan.	Tidak semua kajian bilangan terlibat menggunakan <i>hisāb jummal</i> , bahkan sebahagian mereka menolaknya. Pun begitu, <i>hisāb jummal</i> merupakan sistem angka yang neutral dan digunakan oleh beberapa tamadun sebelum Islam termasuk Greek, Syriani, Yahudi dan Arab. Kaitannya dengan sihir, tangkal dan tafsiran mistik adalah bersifat luaran dan mendatang.
iii.	Kesalahan dalam mengira	Banyak kajian-kajian baru mukjizat bilangan telah mematuhi kaedah pengiraan yang betul.
iv.	Tidak mematuhi <i>rasm</i> atau disiplin ‘ulūm al-Quran yang lain	Piawai kajian mukjizat bilangan yang disepakati para penyelidik telah merangkumi asas-asas ‘ulūm al-Qur’ān terutama <i>rasm</i> ‘Uthmānī.
v.	Membuat ramalan	Tidak semua penyelidik kajian bilangan membuat ramalan. Bahkan larangan membuat ramalan telah dirangkumkan dalam piawai yang disepakati.
vi.	Lari dari tujuan asal dan asasi penurunan al-Quran.	Mukjizat bilangan digunakan untuk menegaskan kebenaran dan keaslian al-Quran. Kebanyakan penyelidik tidak mengenepikan aspek hidayah al-Quran. Bahkan mereka menjadikannya sebagai penegasan terhadap kedudukan al-Quran sebagai wahyu dan panduan hidup manusia.

Secara umum, penulis mendapati adanya pro dan kontra terhadap gagasan mukjizat bilangan. Namun, aspek positifnya dilihat lebih banyak dari aspek negatifnya. Sekurang-kurangnya ia menambah pengayaan khazanah ‘ulūm al-Quran, secara khusus dalam disiplin *i’jāz*. Apatah lagi, aspek kontra dan kritikan terhadapnya telah mula ditangani dengan piawai yang disepakati melalui beberapa seminar.

6.1.2 Peranan Dua Penyelidik Bassām Nihād Jarrār dan ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl

- i. Bassām dan ‘Abd al-Dā’im ternyata memiliki latar belakang yang berbeza dari aspek pendidikan dan lokaliti. Namun kedua-duanya berbangsa Arab dari bumi Syam. ‘Abd al-Dā’im lebih banyak terlibat dengan masyarakat luar melalui persidangan sedangkan pergerakan Bassām sangat terbatas kerana faktor penjajahan Israel. Namun sumbangan kedua-dua mereka sama dapat dimanfaatkan oleh orang lain melalui media internet, sama ada bahan bacaan mahupun rakaman video.
- ii. Kedua-dua penyelidik ini juga telah memberi sumbangan yang besar dalam pengayaan khazanah ‘ulūm al-Quran, khususnya kajian mukjizat bilangan. Mereka telah menjalankan kajian secara teratur dan terperinci sehingga menghasilkan pelbagai penulisan yang mencapai berbelas karya. Hasil kajian mereka wajar dihargai dan dimanfaatkan oleh umat Islam.
- iii. Tulisan Bassām dan ‘Abd al-Dā’im dapat dikategorikan sebagai tulisan yang sederhana untuk difahami. Antara kedua mereka pula, dalam beberapa bab tertentu tulisan Bassām lebih sukar difahami kerana melibatkan pengiraan yang rencam dan terperinci.
- iv. Kajian mukjizat bilangan masih memerlukan proses pematangan dan saringan. Pengalaman dari kronologi perkembangan konsep *i’jāz* al-Quran serta pengalaman dari sejarah perkembangan tafsir saintifik dan mukjizat saintifik telah menunjukkan bahawa idea baru memerlukan tempoh pematangan dan penerimaan. Hanya penulisan yang sederhana, matang dan objektif dapat diterima oleh umat Islam dan dikembangkan lagi. Manakala penulisan yang berlebihan akan tersisih.

Tafsir ‘ilmī atau saintifik sendiri mengambil masa yang lama sehingga ia diterima sebagai salah satu metode tafsir, walaupun ia telah digagaskan seawal kurun keenam Hijrah oleh al-Rāzī melalui karyanya, tafsir *Mafātiḥ al-Ghayb*.

- v. Apa yang didakwa sebagai mudah difahami dalam kajian mukjizat bilangan sebenarnya tidak mudah difahami. Apatah lagi jika ia melibatkan pengiraan yang rencam. Semakan terhadap kiraan oleh pembaca memerlukan pengetahuan yang cukup dalam aspek ‘ulūm al-Quran, khususnya tentang *rasm*.
- vi. Piaawai kajian mukjizat bilangan telah diseragamkan melalui beberapa persidangan. Pun begitu, ia belum menjamin semua kajian mematuhi piaawai tersebut secara keseluruhan. Kebanyakan kajian Bassām dan ‘Abd al-Dā’im mematuhi piaawai yang seragam ini, kecuali dalam isu ramalan (bagi Bassām) dan isu huruf hamzah dan *wāw al-‘atf* dan penggunaan *binary* yang bercampur dengan perpuluhan (bagi ‘Abd al-Dā’im). Penulis telah kemukakan piaawai yang lebih ringkas, namun merangkumi asas-asas utama yang berkaitan dengan disiplin ‘ulūm al-*Qur’ān*.
- vii. Aspek konsistensi sangat penting diberi penekanan oleh para penyelidik mukjizat bilangan. Tambahan lagi, kiraan dalam al-Quran melibatkan beberapa perbezaan dalam qiraat dan penentuan *fawāṣil*. ‘Abd al-Dā’im sendiri meletakkan kaedah yang tetap dalam senarai piaawaiya serta menolak pengkaji yang menggunakan metode berubah seperti menjumlah kemudian menolak, membahagi dan mendarab.¹ Namun, beliau didapati tidak konsisten ketika menggunakan kiraan perduaan (*binary*) tetapi dibahagi dengan bilangan tujuh yang berdasarkan sistem perpuluhan (subtajuk 5.1.5.2).

¹ Subtajuk 5.3.2, pecahan B, ii.

6.1.3 Kategori Kajian Mukjizat Bilangan

Kajian-kajian mukjizat bilangan terdiri dari pelbagai aspek pengiraan dari yang mudah kepada yang rumit dan sukar difahami. Bagi kajian yang lebih spesifik, ilmu tentang *fawāṣil* dan qiraat juga diperlukan. Kepakaran yang diperlukan pula akan melibatkan silang disiplin antara bidang al-Quran dan bidang kejuruteraan dan matematik.

Tulisan yang ringkas dan mudah difahami adalah seperti tulisan ‘Ubayd Sulaymān al-Ja‘īdī dan Caner Taslaman. Karya ‘Ubayd adalah *33 Iktishāfan fī Ijāz al-‘Adad al-Qur’āni* diterbitkan pada tahun 2011. Manakala karya Caner pula adalah *The Quran Unchallengeable Miracle*. Beliau memuatkan subtajuk *Mathematical Miracles, Mathematical Miracles In Lexical Concordance (MMLC)* dan beberapa subtajuk lain yang merupakan penemuan tentang mukjizat bilangan.²

² Caner Taslaman, *The Quran Unchallengeable Miracle*, Ender Gürol (terj.), (USA: Nettleberry / Turkey: Citelembik Publications, 2006), 261-414.

Penulisnya adalah Caner Taslaman, seorang profesor dalam bidang sains dan falsafah di Yıldız Technical University, Turki. Walau bagaimanapun, penulis tidak dapat menyarankan bacaan pada karya ini kerana beliau tergolong dalam kalangan kelompok Quranis, Quraniyun, Ahl al-Quran atau anti hadis.² Walaupun namanya tidak tersenarai dalam laman 19.org, sebuah laman web yang menghimpunkan penulis-penulis sealiran itu dari seluruh dunia, tetapi laman webnya www.canertaslaman.com tercatat dalam *link Sister Sites* di laman berkenaan.

- Laman 19.org, akses 6 September 2016, <http://19.org/blog/category/authors>.

Beliau menyatakan bahawa metode dalam penulisannya ini tidak menyentuh buah fikiran tokoh-tokoh sealiran yang dipetiknya. Fokusnya adalah pada kemukjizatan al-Quran. Menurutnya:

Ketika menulis bahagian matematik dalam buku kita untuk mukjizat MMLC, saya telah merujuk kepada beberapa hasil penulisan seperti kajian oleh ‘Abd al-Razzāq Nawfal, dan untuk bahagian-bahagian berkaitan nombor 19, saya menggunakan kajian yang berbeza, seperti kajian oleh Cesar Majul, Rashad Khalifa, Edip Yuksel, Richard Voss dan Milan Sulc. Saya tidak libatkan mana-mana idea-idea mereka ini tentang agama di dalam buku kita ini, kerana saya tidak mahu terlibat dalam apa-apa perdebatan dalam kalangan orang yang beriman, walaupun perbincangan seperti itu boleh membuktikan hasilnya. Namun ini adalah di luar tumpuan utama kami di sini.

- Caner Taslaman, *Unchallengeable Miracle*, 268.

Pendirianya yang anti hadis dapat difahami dari artikelnya yang lain. Antaranya dalam artikel tentang adalah tentang jihad:

Even though personal benefit, misunderstanding, influence of existing traditions and political need have caused the Quran to be misunderstood and misinterpreted, or to be suppressed by the other sources (hadiths, or fatwas), the Quran exists as the source protecting the original meanings. Although there are big differences among them, it is very common among modern Islamic scholars to criticize hadiths because they surpassed the authority of the Quran.

- Laman *Caner Taslaman*, akses 16 September 2016, <http://www.canertaslaman.com/2011/11/the-rhetoric-of-“terror”-and-the-rhetoric-of-“jihad”-a-philosophical-and-theological-evaluation/#more-471>.

Artikel ini turut meletakkan karya Kassim Ahmad, *Hadith: A Re-evaluation*. Fremont, (CA: Universal Unity, 1997) dalam bibliografinya.

Tulisan yang sukar difahami pula adalah seperti karya oleh penulis awal ‘Abd al-Razzāq Nawfal (*Mu’jizah al-Arqām wa al-Tarqīm* - 1982) dan pengkaji mutakhir Māhir ‘Umar Amīn (*Ithbāt al-Mu’jizah al-‘Adadiyyah fī Tartīb Suwar al-Qur’ān al-Karīm Bi Wāsiṭah al-Hāsūb* - 2010). Kedua-dua karya ini melibatkan pengiraan yang kompleks dengan penyusunan data-data bilangan secara bersilang dan berkait. Ia menjadikan pembaca perlu mengamati kiraannya secara teliti.

Tulisan yang dikira sederhana untuk difahami adalah sebahagian karya Bassām dan ‘Abd al-Dā’im. Oleh kerana mereka lebih banyak menulis berbanding pengkaji lain, tulisan mereka didapati ada yang mudah difahami dan ada yang tidak. Dalam beberapa topik, tulisan mereka sukar difahami apabila melibatkan pengiraan yang rencam dan terperinci, khususnya tentang keseimbangan susunan surah-surah al-Quran.

Hakikat ini menepati kata-kata Abū al-Hasan al-Ash‘arī yang dicatat oleh al-Suyūtī bahawa orang ‘ajam (bukan Arab) tidak akan mengetahui kemukjizatannya (al-Quran) melainkan dengan pendalilan. Begitu juga orang yang tidak *balīgh* (mahir *balāghah* Arab).³ Bahkan seawal al-Quran diturunkan, kemukjizatan aspek bahasanya juga dirujuk oleh kaum Quraisy kepada pakarnya seperti al-Walīd bin al-Mughīrah untuk diberi penilaian, seperti yang telah dibincangkan pada awal kajian ini.⁴

6.2 Saranan

- i. Kajian mukjizat bilangan perlu diperluaskan dan dikembangkan lagi bagi menemukan banyak lagi aspek keajaiban dalam al-Quran. Ia bersesuaian dengan jaminan pemeliharaan al-Quran dan kelangsungan mukjizatnya.
- ii. Para penyelidik mukjizat bilangan wajar memudahkan persempahan penemuan mereka dengan pelbagai kaedah paparan. Pendedahan kepada penemuan mukjizat bilangan yang mudah difahami seperti tulisan ‘Ubayd Sulaymān dan Caner Taslaman akan memudahkan pemahaman tentang kiraan dan bilangan. Mukjizat

³ Al-Suyūtī, *Al-Itqān*, 2, 332. Juga al-Suyūtī, *Mu’tarak al-Aqrān*, 1, 6.

⁴ Subtajuk 2.5.2

bilangan sendiri adalah manifestasi penomboran al-Quran yang bertujuan memudahkan pembacaan dan rujukan.

- iii. Khusus tentang dua penyelidik, Bassām dan ‘Abd al-Dā’im, isu-isu yang menjelaskan kredibiliti penemuan mereka patut diselesaikan. Ini termasuk ramalan masa depan, tidak mengira huruf *hamzah*, mengira huruf *wāw al-‘atf* dan penggunaan sistem *binary* yang bercampur dengan sistem perpuluhan.
- iv. Usaha perlu digiatkan agar gagasan mukjizat bilangan dapat diketengahkan melalui badan kajian *i’jāz* al-Quran terutama di peringkat antarabangsa seperti al-Hay’ah al-Ālamiyah li I’jāz al-‘Ilmi fī al-Qur’ān wa al-Sunnah yang berpusat Mekah, Arab Saudi. Buat masa ini, gagasan ini telah didukung oleh al-Hay’ah al-Maghribiyah li I’jāz al-‘Ilmi fī al-Qur’ān wa al-Sunnah yang berpusat di Rabat, Morocco.

6.2.1 Piawai Mukjizat Bilangan Yang Disarankan

Terdapat beberapa set piawai dalam lingkungan kajian-kajian mukjizat bilangan termasuk yang digunakan oleh Bassām dan ‘Abd al-Dā’im. Justeru itu, penulis menganalisisnya dan menyimpulkan piawai yang sepakat, selaras, ringkas dan mudah difahami. Asas utama kepada piawai ini adalah konsistensi. Ia merupakan asas yang kurang diberi penekanan oleh kebanyakan kajian. Piawai tersebut adalah seperti berikut:

- i. Kaedah kiraan hendaklah konsisten. Ini adalah aspek terpenting dalam menentukan sebarang bilangan dan mengira sebarang susunan yang menentukan keseimbangan.
- ii. Kiraan hendaklah berdasarkan susunan mashaf ‘Uthmānī pada surah, ayat dan kalimahnya.
- iii. Kiraan huruf dan kalimah hendaklah berdasarkan *rasm* ‘Uthmānī yang telah disepakati umat Islam.

- iv. Hendaklah konsisten dengan salah satu qiraat yang tanpa mencampur-adukkannya.
- v. Tidak bercanggah dengan perkara yang telah sabit dalam akidah dan syariat. Ia adalah kerana kajian bilangan adalah bersifat *ijtihādī*, maka ia perlu berpandu pada asas yang bersifat *qat‘ī*.
- vi. Tidak menggunakan kaedah yang bertentangan dengan kaedah bahasa Arab. Ini kerana ia adalah bahasa al-Quran yang sabit secara nas.
- vii. Mengelakkan sebarang dakwaan mengetahui perkara ghaib, meramal peristiwa masa depan atau menentukan bilakah kiamat akan berlaku.

Dalam konteks dua penyelidik Bassām dan ‘Abd al-Dā’im, terdapat beberapa masalah berkaitan piawai yang sepatutnya dipatuhi. Bassām mengakui tidak boleh membuat ramalan. Namun beliau sendiri telah membuat ramalan tentang kejatuhan rejim Israel pada tahun 2022, walaupun persembahannya cuba diolah agar tidak kelihatan sebagai ramalan secara terang-terangan.

‘Abd al-Dā’im pula menyebut tentang perlunya kepatuhan kepada kaedah bahasa Arab. Namun beliau melanggarnya dalam isu *waw al-‘af* dan huruf *hamzah*. Selain itu, beliau menekankan perlunya hasil penemuan yang banyak bagi memuaskan golongan non-Muslim. Namun bagi penulis, bukanlah tujuan utama mana-mana kajian mukjizat untuk memuaskan hati sasaran dakwah. Ini kerana kemukjizatan sehebat mana pun belum tentu akan menarik manusia tanpa izin dan hidayah dari Allah SWT. Sebaliknya, untuk tujuan dakwah, sesuatu kiraan dalam kajian mukjizat bilangan perlu dipermudahkan persembahannya seboleh mungkin supaya dapat difahami oleh orang awam. Penggunaan carta, jadual dan gambar rajah akan dapat membantu ia difahami dengan lebih mudah. Ini kerana tidak semua orang sempat melakukan semakan dan kiraan secara teratur.

6.2.2 Karya Yang Disarankan Untuk Bacaan

Pengamatan pada karya-karya mukjizat bilangan menyimpulkan adanya kajian yang berlebihan dalam mendukung gagasan ini dan ada yang sederhana. Ada penulisan yang

sukar difahami dan ada yang mudah atau sederhana. Bagi tujuan mengenali dan memahami gagasan ini, penulis menyarankan penulisan yang sesuai iaitu:

- i. *33 Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’āni*, karya ‘Ubayd Sulaymān al-Ja‘īdī (2011).
- ii. *Al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadi* karya Bassām Nihād Jarrār (2007).

6.2.2.1 33 Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’āni

Pengarang buku ini ‘Ubayd Sulaymān al-Ja‘īdī merupakan Setiausaha Agung Juri Antarabangsa untuk Kajian Mukjizat Bilangan. Beliau menyelidik dan membuat beberapa penemuan tentang mukjizat bilangan sejak tahun 2000. Selain memperoleh ijazah pertama dalam bidang sains sosial dari Universiti Emirates, beliau juga memegang empat diploma; iaitu dalam latihan profesional (dari Kanada), latihan pengurusan, trend moden dalam pasukan pengurusan (dari Oxford) dan diploma latihan dalam *graphology* (dari USA).⁵

Beliau telah menjalankan lebih dari 300 latihan dan ceramah dalam pembangunan insan sejak tahun 1999 hingga 2010 melibatkan 12,722 peserta. Selain itu, beliau menjalankan kursus latihan di London, Mesir, Arab Saudi, Kuwait, Bahrain, Qatar, Oman, Morocco dan Jepun. Beliau juga sering muncul radio dan televisyen sebagai pembicara melibatkan lebih 70 siaran di dalam dan luar Emiriah Arab Bersatu.⁶

Buku berjumlah 240 halaman ini dipersembahkan dalam bentuk yang ringkas, disertakan gambar, jadual dan pelbagai warna. Pengarang juga menggunakan pendekatan perbualan dalam tulisannya.

⁵ ‘Ubayd Sulaymān al-Ja‘īdī, *33 Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’āni*. (Dār Ajyāl li al-Nasyr wa al-Tawzī‘, 2011), 239 - 240. *Graphology* adalah kajian tentang tulisan tangan.

⁶ ‘Ubayd, *33 Iktishāfan*, 239 - 240.

اكتشاف في اعجاز العدد القرآني ج 1

ما هي الكلمة الوسط في هذه الآية؟

إليك جدول كلمات الآية:

وكذلك	جعلنكم	أمة	وسطا	لتكونوا	شهداء	على	الناس	ويكون
1	2	3	4	5	6	7	8	9
الرسول	عليكم	شهيدا	وما	جعلنا	القبلة	التي	كنت	عليها
10	11	12	13	14	15	16	17	18
إلا	لتعلم	من	يتبع	الرسول	من	ينقلب	على	عقبيه
19	20	21	22	23	24	25	26	27
وإن	كانت	لكبيرة	إلا	على	الذين	هدى	الله	وما
28	29	30	31	32	33	34	35	36
كان	الله	ليضيع	إيمانكم	إن	الله	بالناس	لروعف	رحيم
37	38	39	40	41	42	43	44	45

إنها كلمة الرسول! الكلمة الوسط في الآية الوسط، وأكثر من تجلت فيهم معاني الوسطية في أمته

وربما نتذكر الحديث عن النفر الذين أرادوا الزهد عن النوم والطعام والنساء فقال لهم المصطفى:

(أَمَا وَاللَّهِ إِنِّي لَأَخْشَاكُمْ لَهُ وَأَتَقَاكُمْ لَهُ، لَكِنِّي أَصُومُ وَأُفْطِرُ وَأَصَّلِي وَأَرْقُدُ وَأَتَرْوَجُ النِّسَاءَ، فَمَنْ رَغَبَ عَنْ سُنْتِي فَلَيْسَ مِنِّي) ¹

صحح البخاري 2487

146


Gambar 18: Contoh 1 kandungan buku 33 *Iktishafan*, perbincangan tentang *wasatiyyah* berdasarkan ayat 143, surah al-Baqarah.

اكتشاف في اعجاز العدد القرآني ج ١

خاصة أنت إذا بدأت من سورة محمد وقلت:

محمد (١) والتي بعدها: الفتح (٢)، ثم الحجرات (٣) وهكذا، ستتجدد أنت ستصل إلى السورة (٦٣) عندما تصل إلى النصر وهذه تمام الـ (٦٣) سنة، هذا وهي لم تكن بالعكس، أي لم تكن النصر تسبق محمد فعندها لن تكون الحسبة منطقية.

ولكن قد يقول قائل: إن هذه المعلومة ربما وربما.. غير كافية لإشعار القارئ بأن المسألة مقصودة^(٢)...



فإليك المعلومة الآتية:

إن السورتين السابقتين تصدران هذه الأرقام في هذا الجدول:

الكلمات	الآيات	الترتيب	السورة
539	38	47	محمد
19	3	110	النصر
756	558	41	المجموع

إذاً فإن مجموع أرقام السورتين من الترتيبين والآيات والكلمات هو: ٧٥٦، فما هو هذا العدد في رأيك؟

(٢) مع أنه لا يوجد شيء في كلام الله غير مقصود، والبحث عن المعنى هي من مهام

Gambar 19: Contoh 2 kandungan buku 33 *Iktishafan*, perbincangan tentang umur Rasulullah SAW berdasarkan kiraan dari surah Muhammad hingga surah al-Nasr.

Pengarangnya turut memuatkan kata pengantar dari Bassām Nihād Jarrār dan Khālid al-‘Ubaydī. Ia dimulakan dengan sedikit latar belakang kemunculan kajian mukjizat bilangan oleh ‘Abd al-Razzāq Nawfal. Buku ini mengandungi 35 topik termasuk 33 penemuan yang dijadikan judul buku, iaitu:

- i. Kisah Nawfal.
- ii. Perkataan-perkataan Yang Serupa.
- iii. Perkataan-perkataan Tentang Aspek Sosial.
- iv. Pelbagai perkataan
- v. Kanan dan Kiri
- vi. Buta dan Celik
- vii. *Fabi’ayyi ălā ’i rabbikumā tukadhdhibān*

- viii. Nama Allah
- ix. Jadual Ibadah
- x. Sujud
- xi. Sepuluh surah
- xii. Hari
- xiii. Bulan
- xiv. *Sanah* dan *Ām*
- xv. Bulan dalam al-Quran
- xvi. *Wa annahū huwa rabb al-shi‘rā*
- xvii. Umur Nabi Nūh AS
- xviii. Ahli Gua
- xix. Sulaymān AS
- xx. Muḥammad SAW - Bahagian 1
- xxi. Muḥammad SAW - Bahagian 2
- xxii. *Waṣaṭiyyah*
- xxiii. Malam al-Qadr
- xxiv. Surah al-Qadr
- xxv. Surah al-Nisā'
- xxvi. *Inn mathal ‘Isā ‘ind Allāh ka mathal Ādam* – Bahagian 1
- xxvii. *Inn mathal ‘Isā ‘ind Allāh ka mathal Ādam* – Bahagian 2
- xxviii. Surah al-Nahl
- xxix. Maryam AS
- xxx. Surah al-Hadīd
- xxxi. Nilai Angka Huruf-huruf Arab
- xxxii. Bilangan 19
- xxxiii. Realiti 11 September Dalam al-Quran
- xxxiv. Penutup

‘Ubayd Sulaymān telah menunjukkan sikap yang objektif dalam penilaian kajian bilangan melalui karya ini. Antaranya, beliau mengulas tentang peristiwa runtuhan menara berkembar New York pada 11 September 2001 yang cuba dikaitkan dengan kiraan dalam al-Quran oleh pihak tertentu. Beliau mendedahkan bahawa kiraan yang didakwa berkait dengan surah al-Tawbah itu tidak benar selain dari nombor surah dan bilangan ayat. Walau

bagaimanapun, beliau merasa yakin bahawa peristiwa besar itu ada di dalam al-Quran, namun belum ada sebarang penemuan benar mengenainya. Menurutnya:

Saya punya keyakinan penuh bahawa ia ada dalam al-Quran yang padanya ada perincian segala benda (تَقْصِيلٌ كُلَّ شَيْءٍ). Padanya juga ada penjelasan segala benda (تَبْيَانًا لِكُلِّ شَيْءٍ). Dalam Musnad al-Imām Ahmad: "... padanya berita orang terdahulu dari kamu, ketentuan antara kamu dan perkhabaran apa yang berlaku sesudah kamu."⁷

Bahkan beliau menyatakan jika ada sesiapa yang menemui keserasian bilangan yang luar biasa tentang peristiwa tersebut, barulah perbincangan dapat dilanjutkan mengenainya.

Buku ini diakhiri dengan catatan kisah pengislaman seorang lelaki Sepanyol selepas berdialog tentang al-Quran dengan Muḥammad Būnkah, salah seorang pengkaji mukjizat bilangan. Dialog dengan dua fakta mukjizat saintifik dan tiga fakta mukjizat bilangan telah mendorong Joao Fernando Raffaello merasa takjub lalu memeluk Islam. Perisytiharan Islamnya dibuat di meja utama Persidangan Kedua Mukjizat Bilangan di Rabat, Morocco pada 17 Oktober 2010.⁸

6.2.2.2 *al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I‘jāz al-‘Adadi*

Buku ini merupakan karya utama yang disarankan oleh penulisnya, Bassām Nihād Jarrār sebagai bacaan tentang mukjizat bilangannya. Kebanyakan idea utama beliau tentang mukjizat bilangan dimuatkan dalam buku ini yang terbit pada tahun 2007. Buku ini telah diulas secara ringkas dalam sub topik 3.1.10 (viii) yang lalu dan ulasan lanjut diteruskan di sini.

Ia dimulakan dengan mukaddimah oleh Dr Aḥmad ‘Abd al-Razzāq Nawfal dan asas mengenai konsep mukjizat bilangan iaitu:

- i. Bilangan al-Quran dalam Sejarah Islam.
- ii. Antara Hasil Mukjizat Bilangan.
- iii. Kenapa Ia Mukjizat?

⁷ ‘Ubayd, 33 *Iktishāf*, 212 – 218.

⁸ ‘Ubayd, 33 *Iktishāf*, 231 – 236.

Kemudian diikuti dengan tujuh fasal tentang mukjizat bilangan berserta contoh-contohnya, iaitu:

- i. Surah al-Muddaththir: Pengenalan Kepada Bilangan.
- ii. Bilangan Dalam Surah al-Jinn.
- iii. Mukjizat Susunan Surah-surah al-Quran.
- iv. Mukjizat Susunan Surah-surah *Fawātiḥ*.
- v. *Hisāb jummal* dan Mukjizat Bilangan.
- vi. Pelbagai Contoh Dalam Mukjizat Bilangan:
Contoh 1: Semut (al-Naml)
Contoh 2: Lebah (al-Nahl)
Contoh 3: Lafaz Allah dan Mukjizat Susunan Surah-surah.
Contoh 4: Nabi Nūḥ AS.
Contoh 5: Haji.
Contoh 6: Nabi Ādām dan Īsā AS.
- vii. Mukjizat Bilangan: Antara Pendukung dan Penentang.
- viii. Penutup.

Kemudian pengarangnya menyertakan dua lampiran berkaitan, iaitu:

- i. Kaedah Pengiraan Bilangan.
- ii. Pengiraan Berkaitan dengan Surah-surah al-Quran.

Buku kecil dengan 118 halaman ini turut disertakan dengan beberapa jadual, carta dan gambarajah yang membantu pembaca memahami topik yang dibincangkan.

المثال الرابع: تكرار هارون وموسى في القرآن الكريم

هناك ٢٩ سورة في القرآن الكريم تفتح بأحرف نورانية تسمى سور الفواتح. وهناك أربع سور من سور الفواتح تستهل بحرف ط وهي: (طه، الشعراء، النمل، القصص). وقد ذكر الدكتور فاضل السامرائي في كتابه التعبير القرآني^١ أن سور الفواتح التي تبدأ بحرف ط تأتي فيها قصة موسى، عليه السلام، مفصلة قبل باقي القصص. وتتفرد سورة القصص من بين هذه السور الأربع بخلوها من أسماء الأنبياء إلا موسى وهرون، عليهما السلام.

تجر الملاحظة أنه من بين كل الأنبياء لا نجد مثل التلازم القائم بين موسى وهارون، عليهما السلام، بل لقد أرسلا معاً.

بناءً على ذلك، إليك هذه الملاحظات المتعلقة بالسور المفتتحة بالحرف ط
وبلغظتي موسى وهرون:

١. جمل موسى وهرون وفق الرسم العثماني للقرآن الكريم هو ٣٧٧

الجمل	ي	س	و	م
١١٦	١٠	٦٠	٦	٤٠
الجمل	ن	ر	و	ه
٢٦١	٥٠	٦	٢٠٠	٥
مجموع جمل موسى وهرون				
٣٧٧				

٢. تتكرر كلمة هرون في السور المفتتحة بـ ط سبع مرات وفق الجدول الآتي:

١. فصل فواصل الآي، التعبير القرآني، د. فاضل صالح السامرائي، ط١، دار عمار، ١٩٩٨، عantan

٧٢

Gambar 20: Petikan dari buku *al-Muqtaṭaf*; perbincangan tentang nama Nabi Musa AS dan Nabi Harun AS dalam al-Quran

Dalam topik “Antara Hasil Mukjizat Bilangan”, Bassām menjelaskan bahawa antara faedah mukjizat bilangan adalah:

- i. Mensabitkan bahawa al-Quran bukan kata-kata manusia.
- ii. Membantu menjelaskan kemukjizatan al-Quran kepada semua manusia walaupun mereka tidak memahami bahasa Arab.

- iii. Mensabitkan kesucian al-Quran dari sebarang perubahan sama ada ditambah atau dikurangkan walaupun satu huruf.
- iv. Mensabitkan bahawa kemukjizatan al-Quran terus berpanjangan.
- v. Membantu menolak kecurigaan yang ditimbulkan oleh orientalis terhadap sejarah penulisan mashaf al-Quran.
- vi. Menyumbang kepada tafsiran beberapa rahsia al-Quran.
- vii. Membantu menyelesaikan perselisihan berkaitan ‘ulūm al-Quran seperti soal *rasm*, susunan surah, nama surah dan bilangan ayat.⁹

Pengarang turut mengukuhkan karya utamanya ini dengan semakan oleh Bahā’ al-Bakrī seorang peguam dan Muḥammad Abū Libdah, seorang jurutera. Edisi terjemahan buku ini belum ditemui berbanding buku beliau Zawāl Isrā’īl Ām 2022 yang sudah diterjemah ke dalam bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris.

Karya-karya ‘Abd al-Dā’im sebenarnya mudah untuk difahami, namun kerana isu *wāw al-‘atf* dikira sebagai kalimah berasingan, huruf *hamzah* diabaikan dan kiraan perduaan (*binary*) digabung dengan bilangan perpuluhan (desimal) dalam matriknya, penulis tidak dapat menyarankan karyanya sebagai bacaan awam. Ini kerana tidak mematuhi dua piawai iaitu “kaedah kiraan hendaklah konsisten” dan “tidak menggunakan kaedah yang bertentangan dengan kaedah bahasa Arab” seperti dinyatakan dalam subtajuk 6.2.1.

⁹ Bassām, *Al-Muqtaṭaf*, 19 – 20.

RUJUKAN

A. MASHAF

al-Qur'ān, Al-Quran Diraja. Terengganu, 1871 M / 1288 H.

al-Qur'ān, Mashaf dari Caucasus Selatan. Daghestan, abad ke 19 M bersamaan abad ke 13 H.

al-Qur'ān, Mashaf dari India Tengah. Abad ke 17 M bersamaan abad ke 10 H.

al-Qur'ān, Mashaf dari Kashmir. abad Abad ke 18 M bersamaan abad ke 12 H.

al-Qur'ān, Mashaf dari Mindanao. Filipina, Abad ke 19 M (tahun 1882 M) bersamaan abad ke 13 H (tahun 1299 H).

al-Qur'ān, Mashaf dari Sepanyol atau Afrika Utara. Abad ke 12 M bersamaan abad ke 6 H.

al-Qur'ān, Mashaf dari Sudan atau Afrika Barat. Abad ke 19 M (6 Jun 1812 M) bersamaan abad ke 13 H (25 Jamadil Awal H).

al-Qur'ān, Mashaf Turkistan. Asia Tengah, Abad ke 18 M (5 September 1779) bersamaan adad ke 12 H (23 Sya'ban 1183 H).

al-Qur'ān, Mashaf Uthmaniyyah Turki. Abad ke 17 M bersamaan abad ke 11 H.

al-Qur'ān, Mashaf Zaman Mamluk Mesir. Abad ke 14 M bersamaan abad ke 8 H.

al-Qur'ān, Muṣḥaf al-Malik Fu'ād. Kerajaan Jordan al-Hāsyshimiyyah: Kementerian Pendidikan dan Pelajaran. 1993 M / 1414 H.

al-Qur'ān, Muṣḥaf al-Mukhallalātī. (1891 M / 1308 H), Kaherah: Maṭba‘ah al-Bahiyyah, 1891 M / 1308 H.

The Holy Qur'an (2000 M). Hertfordshire: Wordsworth Editions Limited,. 2000 M.

B. KAMUS

‘Abdullāh Ibrāhīm Jalghūm. *al-Mu‘jam al-Mufahras al-SyShāmil li Alfāz al-Qur’ān al-Karīm bi al-Rasm al-‘Uthmānī*. Riyāḍ: Markaz Tafsīr li al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah, 2015 M / 1436 H.

Elias A. Elias & Ed. E. Elias. *Qāmūs Ilyās al-‘Aṣrī*. Beirut: Dār al-Jīl, 1979.

Encyclopedia Americana. Danbury: Grolier Incorporated, 1998.

- Gustavus Flügel. *Nujūm al-Furqān fī Aṭrāf Al-Qur’ān*. Bredtil: Lipsiae, 1875 M.
- Hussain Unang. *Kamus At-Tullab*. Kuala Lumpur: Dār al-Fikr, 1994.
- Joanna Turnbull et.al. *Oxford Advanced Learner’s Dictionary of Current English*. Oxford University Press, 2010.
- Mohd Khairi Zainuddin dkk. *Al-Miftah Kamus Moden*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media, cet. ke 2. 2008.
- Mohd Khairi Zainuddin et.al. *Al-Miftah Kamus Moden Arab – Melayu – Inggeris*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media, Cet. ke 4, 2010.
- Muhammad Fu’ad ‘Abd Al-Bāqī. *al-Mu’jam al-Mufahras li-Alfāz al-Qur’ān al-Karīm*. Beirut: Dār al-Fikr, 1987.
- Munir al-Baalbaki & Rohi Baalbaki. *Al-Mawrid Dictionary*. Beirut: Dar El-Ilm Lilmalayin, Cet. ke 5. 2001.
- New Standard Encyclopedia*. Chicago: Standard Educational Corporation. 1992.
- Noresah Baharom dkk. *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2002.
- Rūhī al-Ba‘labakī & Munīr al-Ba‘labakī. *al-Mawrid Muzdawij*. Beirut: Dār al-‘Ilm li al-Malāyīn, Cet. Ke 5, 2001.
- Wafi bin Farh Yāsīn. *Mawsū‘ah Bīlūghrāfiyā ‘Ulūm al-Qur’ān ‘Add al-Āy*. KSA: Ma‘had al-Buhūth wa al-Istishārāt, Jāmi‘ah al-Malik ‘Abd al-‘Azīz, t.t.
- William Thomson Wortabet et.al. *Wortabet’s Arabic – English Dictionary*. Beirut: Librairie du Libon, Cet. ke 4, 1968 M.
- Yāqūt al-Ḥamawī. *Mu’jam al-Buldān*. Beirut: Dār al-Fikr, t.t.
- Yāsīn Ṣalawātī. *al-Mawsū‘ah al-‘Arabiyyah al-Muyassarah wa al-Muwassa‘ah*. Beirut: Mu’assasah al-Tārīkh al-‘Arabī, 2001 M.

C. JURNAL

‘Abd al-Wahhāb Ibrāhim Abū Sulaymān. “al-‘Allāmah Muḥammad Tāhir Kurdi al-Makkī al-Shāfi‘ī al-Khatṭat Nāsikh Muṣḥaf Makkah al-Mukarramah.” *Majallah al-Buhūth wa al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah*, Bil 7, Tahun 4, (2012). Madīnah al-Munawwarah: Mujamma‘ al-Malik Fahd li Tibā‘ah al-Muṣḥaf al-Sharīf, akses 15 Ogos, 2016. <http://jqr.s.qurancomplex.gov.sa/wp-content/uploads/2012/01/021.pdf>

‘Abdullāh bin Muqbil al-Qarnī. “Ārā’ al-‘Ulamā’ fī Taḥdīd Awjuh al-I‘jāz.” Jāmi‘ah Umm al-Qurā. akses 8 Jun 2017, <http://www.rabtasunna.com/upload/library/files>

أراء%٢٠ العلماء%٢٠ في%٢٠ تحديد%١٢٠ وجه%١٢٠ عجاز/.pdf dan <http://uqu.edu.sa/page/ar/61054>.

Abu Zaki Ismail & M.Y. Zulkifli Mohd Yusoff. "Cabaran Dalam Mengketengahkan Kajian Angka sebagai Mukjizat al-Quran." *Quranica - International Journal of Quranic Research.* (2016), akses 9 September, 2016. <http://ejum.fsktm.um.edu.my/ArticleInformation.aspx?ArticleID=1601>

Durayd Mūsā al-A‘rajī. "Tanāsuq al-A‘dād fī al-Qur’ān al-Karīm." *Majallah Markaz Bābil li al-Dirāsāt al-Hadāriyyah wa al-Tārīkhīyyah.* Bil. 2, (2012), Jāmi‘ah Bābil.

Hasan ‘Abd al-Jalīl al-‘Ibādalah. "Ta’sīl Fikrah al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm." *Majallah al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah.* Jil 19, Bil 2, Jun (2011), Ghazzah: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah, akses 29 Jan 2016.<http://www.iugaza.edu.ps/ar/periodical>.

Haziyah Hussin. "Sejarah Pertumbuhan dan Perkembangan Pengajian I‘jāz Al-Qur’ān." *Jurnal Al-Bayān.* Bil 1, Mei, (2003), Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

_____. "Fahaman al-Sarfah Dalam Polemik I‘jāz al-Qur’ān." *Jurnal Pengajian Islam* Bil 1, Januari, (2006) Bangi: KUIS.

Ibn Zanjalah al-Muqrī' Abū Zur‘ah ‘Abd al-Raḥmān bin Muḥammad, "Tanzīl al-Qur’ān wa ‘Adad Āyātihi wa Ikhtilāf al-Nās Fīh." Ghānim Qadūri al-Ḥamd (taḥqīq), *Majallah Ma‘had al-Imām al-Shāṭibi li al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah.* Bil 2, Dhu al-Hijjah, 1427H): 231-296.

‘Izz al-Dīn Lazriq. "Bunyah Mi‘yāriyyah Iliktrūniyyah li al-Quran al-Karīm wa Ḵaliyah al-Tawthīq wa al-Muṣādaqah al-Raqmiyyīn." *Majallah Mujamma‘ al-Malik Fahd li Tibā‘ah al-Muṣṭafā al-Sharīf.* (2009).

Marwah Adīb Muḥammad al-Jawharī. "al-Hasūb wa al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm." *Majallah Kulliyyah al-‘Ulūm al-Islāmiyyah.* jil 8, Bil 1/15. (2014 M / 1435 H)

Mohd Sukki Othman & M.Y. Zulkifli Mohd Yusoff. "Perumpamaan Serangga Dalam Al-Quran Analisis I‘jāz." *International Journal on Quranic Research* (ISSN 2180-4893) Volume 2, No 1 - 2012, Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya, (2012 M / 1433 H): 105 – 129.

Mujāhid Muṣṭafā Bahjat & Firās Ghanīm Aḥmad. "Naẓariyyah al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Qudamā wa al-Muḥaddithīn (Dirāsah wa Taḥlīl)." *Majallah Jāmi‘ah al-Shāriqah li al-‘Ulūm al-Sharīyyah wa al-Qānūniyyah.* Jilid 9, Bil 1 (2012 M / 1433 H).

Musā‘id bin Ṣāliḥ al-Tayyār. "Kashāfāt Āyāt al-Quran al-Karīm. Dirāsah li al-Ittijāhāt al-Naḥwīyyah wa al-‘Adadiyyah wa Tarā‘iq al-Tartīb." *Majallah Maktabah al-Malik Fahd al-Wataniyyah.* Riyāḍ, Bilangan 1 (2002).

Naveeda Khan. "Nineteen: A Story." *Jurnal Sage, Anthropological Theory.* March 2010; vol. 10, 1-2: (2010): 112-122, akses <http://ant.sagepub.com/content/10/1-2/112>

Pahlevan Mansur dan Shafiei Said. "Evaluation And Theoretical Criticism of Numerical Miracle of The Holy Quran." *Pajuhesh-Ha-Ye Quran Va Hadis (Iranian Journal For The Quranic Sciences & Tradition)*. Fall 2009-Winter, Volume 42, Number 1 (2010), akses 2 Jun 2017, <http://en.journals.sid.ir/ViewPaper.aspx?ID=206116>

D. BUKU dan ARTIKEL SEMINAR

al-Kitāb al-Muqaddas - Kitab al-Hayāh. Miṣr al-Jadīdah: J.C. Centre. t.t.

al-Kitāb al-Muqaddas. Jam‘iyāt al-Kitāb al-Muqaddas al-Muttaḥidah, Beirut: al-Maṭba‘ah al-Amīrikāniyyah. 1946.

‘Abd al-Dā’im al-Kahīl. *Mu‘jizah al-Qur’ān fī ‘Aṣr al-Ma‘lūmātiyyah*. Dimashq: Dār al-Fikr, 2002. akses 21 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/koranmiraclenew.doc>.

_____. *Al-I‘jāz al-Qaṣaṣī fī al-Qur’ān al-Karīm*. Ḥalab: Dār al-Riḍwān, 2004.

_____. *Allāh Yatajallā fī Āyātih*. Ḥalab: Dār al-Riḍwān, 2004.

_____. *Asrār I‘jāz al-Qur’ān*. Ḥalab: Dār al-Riḍwān, 2004.

_____. *Asrār (Alif, Lām, Mīm) fī al-Qur’ān al-Karīm*. Ḥalab: Dār al-Riḍwān, 2005.

_____. *Mu‘jizah al-Sab‘ al-Mathānī*. Ḥalab: Dār al-Riḍwān, 2005.

_____. *Mu‘jizah Bism Allāh al-Raḥmān al-Raḥīm*. Dimashq: Dār Manār, 2005.

_____. *Mu‘jizah Qul Huwa Allāh Aḥad*. Dimashq: Dār Manār, 2005.

_____. *Āfāq al-I‘jāz al-Raqamī fī al-Qur’ān*. Dimashq: Dār Wahy al-Qalam, 2006.

_____. *Asrār al-Kawn Bayn al-‘Ilm wa al-Qur’ān*. Dimashq: Mawqi‘ Mawsū‘ah al-I‘jāz al-‘Ilmi fī al-Quran wa al-Sunnah, 2006.

_____. *Ishrāqāt al-Raqam Sab‘ah fī al-Qur’ān al-Karīm*. Jā’izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur’ān al-Karīm, 2006.

_____. *Rawā‘i‘ al-I‘jāz al-Tibbi fī al-Qur’ān wa al-Sunnah*. 2006, akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/medicine-miracles.rar>.

_____. *Tariqah Ibdā‘iyyah fī Ḥifẓ al-Qur’ān*. 2008, akses 21 Oktober 2014, http://www.quransite.com/new_quran_method.doc.

_____. *Zawāhir Kawniyyah Bayn al-‘Ilm wa al-Īmān*. UAE: Ja’izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur’ān al-Karīm, 2008, akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/book/cosmic-phenomena.pdf>.

_____. *al-Mawsū‘ah al-Muṣawwarah li al-I‘jāz al-‘Ilmī*. 2013, akses 30 Oktober 2014, https://ia601006.us.archive.org/28/items/QuranMiracle_Eencyclopedia/Quran-Miracle-Encycopedia.pdf.

_____. *Mawsū‘ah al-Kahīl li al-I‘jāz al-‘Ilmī*. 2014, akses 31 Oktober 2014, <https://ia902508.us.archive.org/33/items/Kaheel2/Kaheel-2.pdf>.

_____. *Asrār Mu‘jizah ‘Alif Lām Mīm*. 2014, akses 11 Jun 2014, <http://www.kaheel7.com>.

_____. *‘Ālij Nafsak bi al-Qur‘ān*. 2014, akses 30 Oktober 2014, http://www.kaheel7.com/book/quran_healing_book.doc.

_____. *Mawsū‘ah al-I‘jāz al-Raqamī*. 2012, akses 17 Mac 2012, <http://www.kaheel7.com/ar/index.php/2010-02-02-22-46-15/91-2010-02-27-02-03-52>.

_____. *Rawā‘i‘ al-I‘jāz al-Nafsi*. 2014, akses 30 Oktober 2014, <http://www.kaheel7.com/Rawaee-nafs.pdf>.

_____. *The Marvels Of The Number Seven In The Noble Qur‘an*, Mohammed R. Al Salah (terj.).

‘Abd al-Ghaniyy Muḥammad Barakah. *Taṭawwur Dirāsaḥ al-I‘jāz al-Qur‘āni‘ alā Marr al-‘Uṣūr*. 2013, akses 2 Februari 2013, http://www.quran-m.com/firas/arabicold/print_details.php?page=show_det&id=732.

‘Abd al-Hamid Maḥmūd Ṭahmāz. *al-Mu‘jizah wa al-I‘jāz fī Sūrah al-Naml*. Dimashq: Dār al-Qalam, 2001 M / 1422 H.

‘Abd al-Karīm Ibrāhīm ‘Awḍ Ṣāliḥ. *al-Muṭhaṭṭ fī Rasm al-Muṣhaf*. Ṭanṭā: Dār al-Ṣahābah li al-Turāth, 2006.

‘Abd al-Qādir Ḥusayn. *al-Qur‘ān I‘jāzuh wa Balāghatuh*. t.tp: Maṭba‘ah al-Amānah, 1975.

‘Abd al-Qāhir bin Ṭāhir bin Muḥammad al-Baghdādī. *al-Farq Bayn al-Firaq*. Beirut: Dār al-Āfāq al-Jadīdah, cet. Ke 2, 1977.

‘Abd al-Razzāq ‘Abd al-Razzāq Nawfal. *Allāh wa al-‘Ilm al-Hadīth*. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, cet. Ke 3, 1973 M / 1393 H.

_____. *al-Islām wa al-‘Ilm al-Hadīth*. Mesir: Dār al-Ma‘ārif, 1958 M / 1377 H.

_____. *‘Ālam al-Jinn wa al-Malā‘ikah*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi. 1973 M.

_____. *al-I‘jāz al-‘Adadi li al-Qur‘ān al-Karīm*, Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabi, Cet. Ke 5, 1987 M / 1407 H.

‘Abdullāh bin ‘Abd al-Muhsin al-Turkī, *al-Tafsīr al-Muyassar*, Mujamma‘ al-Malik Fahd, t.t.

‘Adnān al-Sharīf. *Min al-Mu’jizah al-Raqamiyyah fī Fātiḥah al-Qur’ān al-Karīm wa Āyat al-Aḥruf al-Muqatṭa‘ah*. ttp: Arab Scientific Publishers Inc, 2011.

‘Ali Muḥyī al-Dīn al-Qarah Dāghī. *al-I‘jāz al-Tashrī‘ī fī al-Kitāb wa al-Sunnah*. Doha: Maktabah al-Aqsā al-Islāmiyyah, 1988.

‘Āyid Ṭāhā Nāsif. *al-I‘jāz al-Wajdānī fī al-Qur’ān*. Alexandaria: Mu’assasah Hawras al-Dawliyyah, 2008.

‘Ubayd Sulaymān al-Jā‘īdī. *33 Iktishāfan fī I‘jāz al-‘Adad al-Qur’ānī*. Dār Ajyāl li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2011.

_____. *Iktashif al-I‘jāz al-‘Adadī*, New York: International Arab Academy for Training and Development (IAATD), 2012.

‘Umar Sulaymān al-Ashqar. *al-Rusul wa al-Risālāt*. Kuwait: Dār al-Nafā‘is, 1989.

Ab Rahman bin Ab Ghani. *Sejarah Rasm al-Quran: Tumpuan Kepada Rasm Uthmani*. Disertasi Sarjana Universiti Malaya, 2003.

Abah Salma Alif Sampayya. *Keseimbangan Matematika Dalam Al-Qur'an*. Jakarta: Republika, 2007.

Abu Ameenah Bilal Philips. *The Quran’s Numerical Miracle: Hoax and Heresh*. Riyadh: Al Furqan Publications, 1987.

Abū Ḥayyān, Muḥammad bin Yūsuf al-Andalūsi. *Tafsīr al-Bahr al-Muhiṭ*. Beirut: Dār al-Fikr, 1420 H.

Abu Zaki bin Haji Ismail. “Klasifikasi Data Dan Penemuan Kajian Angka Dalam Al-Qur'an.” (Kertas persidangan 3rd International Conference on Numerical Miracles in the Quran, 22-23 September 2012), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

_____. “Polemik I‘jāz al-Qur’ān dari I‘jāz Balāghī hingga I‘jāz ‘Ādādī”, Kertas persidangan The 3rd Annual International Quranic Conference 2013 (MUQADDAS III), 13-14 March 2013), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

_____. “Hisāb Jummal Dalam Kajian I‘Jāz Al-Quran.” (Prosiding - International Seminar on Aqidah and Islamic Thought – IConAIT, Makassar, 28 Mei 2016), Bandar Seri Putra: Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

_____. “Hadis-Hadis Dalam Kajian Mukjizat Bilangan Al-Quran.” (Prosiding 1st INHAD International Muzakarah & Mu’tamar on Hadith - IMAM 25 April 2016), Hadith Research Institute KUIS, <http://conference.kuis.edu.my/imam2016/eproceeding/1008-imam-2016.pdf>

Abu Zaki Bin Ismail & Mohd Yakub @ Zulkifli Bin Mohd Yusoff. “Kajian Angka Dalam Al-Quran: Dari ‘Adad Kepada Mukjizat.” (e-Prosiding of International Conference

On Aqidah, Dakwah And Syariah – Irsyad, 10 Mei 2016), <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/eproceeding/2016/1026-irsyad-2016.pdf>

Aḥmad bin’Aliyy al-Ḥirriṣī. “Juhūd al-‘Ulamā’ fī ‘Ilm ‘Add al-Āyi.” (3rd Annual International Quranic Conference - MUQADDAS III, 13-14 March 2013), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

Aḥmad ‘Umar Abū Ḥajar. *al-Tafsīr al-‘Ilmi li al-Qur’ān fī al-Miṣān*. Beirut/Damascus: Dār Qutaybah. 1990.

Aḥmad Muḥammad Abū Zaythār. *Laṭā’if al-Bayān fī Rasm al-Qur’ān Sharḥ Mawrid al-Zam’ān*. Egypt: Qiṭā’ al-Ma‘āhid al-Azharīyah, 1995.

Aḥmad Qāsim Kassār. “Resolusi” (The 3rd International Conference On Numerical Miracles In The Quran, 22-23 September 2012), Kuala Lumpur, Malaysia.

Aḥmad Sayyid Muḥammad ‘Ammār. *Naẓariyyah al-Ijāz al-Qur’āni wa Atharuhā fī al-Naqd al-‘Arabiyy al-Qadīm*, Dimashq: Dar al-Fikr, 2000.

al-‘Asqalānī, Ibn Ḥajar. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1379 H.

al-‘Izz bin ‘Abd al-Salām. *Tafsīr Ibn ‘Abd al-Salām*. <http://www.altafsir.com>, Maktabah al-Shāmilah. t.t.

al-A‘ẓamī, Muḥammad Muṣṭafā. *Sejarah Teks Al-Qur’ān dari Wahyu Sampai Kompilasi*. Sohirin Solihin dkk. (terj.) Jakarta: Gema Insani Press, 2005.

al-Alūsī, Shihāb al-Dīn al-Sayyid Maḥmūd. *Rūh al-Ma‘āni fī Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm wa al-Sab‘ al-Mathānī*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 1353 Hijrah / 1934 Masihi.

al-Bābiyyah wa al-Bahā’iyah, akses 9 Jun 2017, www.ahlalhdeeth.com/vb/attachment.php?attachmentid=6067.

al-Bāqillānī, al-Qāḍī Abū Bakr. *Ijāz al-Qur’ān*. t.tp: Dār al-Fikr, t.t.

al-Bayhaqī, Abū Bakr Aḥmad bin al-Ḥusayn. *Dalā’il al-Nubuwah*. Mawqi‘ Jāmi‘ al-Ḥadīth, <http://al-sunnah.com>. t.t

al-Bukhārī, Muḥammad bin Ismā‘īl, *al-Jāmi‘ al-Ṣaḥīḥ*. Dār Ṭūq al-Najāh, 1422 H.

_____. *al-Tārīkh al-Ṣaghīr*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1986 M.

_____. *Saḥīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār Ibn Kathīr, 1987 M.

al-Farāhī, ‘Abd al-Ḥamīd. *Mufradāt al-Qur’ān Naẓarāt Jadīdah fī Tafsīr Alfāz Qur’āniyyah*. Dār al-Gharb al-Islāmī, 2002.

al-Fayrūz Abādī, Majd al-Din Muhammad bin Ya‘qub. *Baṣā’ir Dhawī al-Tamyīz fī Laṭā’if al-Kitāb al-‘Aẓīz*. Muḥammad ‘Ali al-Najjār (Tahqīq), Egypt: Lajnah Ihyā’al-Turāth al-Islāmī, 1986.

_____. *Tanwîr al-Miqbâs min Tafsîr Ibn ‘Abbâs*, al-Maktabah al-Wafîyyah
<http://www.waqfeya.com> dan <http://ia800808.us.archive.org/21/items/waq115971/115971.pdf>. t.t.

al-Kurdi, Muhammed Tâhir bin ‘Abd al-Qâdir. *Târikh al-Qur’ân al-Karîm* atau *Târikh al-Qur’ân wa Gharâb Rasmih wa Hukmuh*, Jeddah: Maṭba‘ah al-Fath, 1365 H / 1946 M.

al-Mâwardî, Abû al-Hasan ‘Aliyy bin Muhammed. *al-Nukat wa al-‘Uyûn*. Beirut: Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah. (t.t.).

al-Mukhallalâtî, Rîdwân. *al-Qawl al-Wajîz fî Fawâsil al-Kitâb al-‘Azîz*. al-Madînah al-Munawwarah: Maṭâbi‘ al-Rashîd, 1992.

al-Nawawî, Abû Zakariyâ Yahyâ bin Sharaf. *al-Minhâj Sharâh Šâhih Muslim bin al-Hajjâj*. Beirut: Dâr Ihyâ’ al-Turâth al-‘Arabi, 1392 H.

al-Qâdî, ‘Abd al-Fattâh. *Nafâ’is al-Bayân Sharâh al-Farâ’id al-Hisâن fî ‘Add Ây al-Qur’ân*. Madinah: Maktabah al-Dâr, 1975.

_____. *Târikh al-Mushâf al-Shârif*, Jumhûriyyah Miṣr al-‘Arabiyyah: al-Idârah al-Markaziyyah li al-Ma‘âhid al-Azhariyyah, 1994 M / 1413 H.

al-Qurṭubî, *al-Jâmi‘ li Aḥkâm al-Qur’ân*. Kaherah: Dâr al-Kutub al-Maṣriyyah, 1964.

al-Râghib al-Isfihâni. *al-Mufradât fî Ghârib al-Qur’ân*. Maktabah Nazâr Muṣṭafâ al-Bâz, t.t.

al-Râzî, Fâkhr al-Dîn. *Mafâtiḥ al-Ghayb*. Beirut: Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2000 M / 1421 H.

al-Safârîni, Shams al-Dîn. *Lawâmi‘ al-Anwâr al-Bahiyyah*. Dimashq: Mu’assasah al-Khâfiqîn wa Maktabâtu hâ, 1982.

al-Sam’âni, Abû Sa‘îd ‘Abd al-Karîm bin Muhammed. *Adab al-Imlâ’ wa al-Istimlâ’*. Beirut: Dâr wa Maktabah Hilâl, 1989.

al-Suyûti, Jalâl al-Dîn ‘Abd al-Râhmân bin Abî Bakr. *al-Dîbâj ‘alâ Šâhih Muslim bin al-Hajjâj*. Saudi Arabia: Dâr Ibn ‘Affân, 1996.

_____. *al-Durr al-Manthûr fî al-Ta’wil bi al-Ma’thûr*. Beirut: Dâr al-Fikr, 1993.

_____. *al-Itqân fî ‘Ulûm al-Qur’ân*. t.t.p: Dar al-Fikr, 1974.

_____. *Mu’tarak al-Aqrâن fî Ijâz al-Qur’ân*. Beirut: Dâr al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1988.

al-Shawkâni, Muhammed bin ‘Aliyy. *Fâth al-Qadîr*. <http://www.altafsir.com>, Maktabah al-Shâmilah, t.t.

al-Tabarānī, Sulaymān bin Aḥmad bin Ayyūb (>). *al-Mu'jam al-Kabīr*. Taḥqīq: Ḥamdī 'Abd al-Majīd al-Salafī, Al-Mūṣil: Maktabah al-'Ulūm wa al-Ḥikam, 1983.

al-Ṭabarānī, Muḥammad bin Jarīr. *Jāmi‘ al-Bayān fī Ta’wīl Āy al-Qur’ān*. (Taḥqīq Aḥmad Muḥammad Shākir), t.tp: Mu’assasah al-Risālah, 1420 H / 2000 M.

al-Taḥāwī, Abū Ja‘far Aḥmad bin Muḥammad. *Sharḥ Mushkil al-Āthār*. Mu’assasah al-Risālah, 1415 H.

al-Tha‘labī, Abū Ishaq Aḥmad bin Muḥammad, *al-Kashf wa al-Bayān*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, 2002.

al-Tirmidhī, Muḥammad Isā bin Sawrah. *Sunan al-Tirmidhī*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi, t.t.

al-Zarkashī, Badr al-Dīn Muḥammad bin ‘Abdullāh. *al-Burhān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Dār Ihyā’ al-Kutub al-‘Arabiyyah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī wa Shurakāh, 1957.

al-Zarqāni, Muḥammad ‘Abd al-‘Aẓīm. *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Lebanon: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, 2010.

_____. *Manāhil al-‘Irfān fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Matba‘ah ‘Isā al-Bābī al-Ḥalabī, cet 3, t.t.

al-Zarqāni, Muḥammad bin ‘Abd al-Bāqī bin Yūsuf (>). *Sharḥ al-Zarqāni ‘ala Muwaṭṭa’ al-Imām Mālik*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1411 H.

Amran Kasimin. *Sihir: Suatu Amalan Kebatinan*. Bangi: UKM, 2009.

Aslam Farah Binti Selamat dkk. “Epistemologi Rasm Dan Dabt Al-Quran: Suatu Pengenalan.” (e-Prosiding International Conference On Aqidah, Dakwah And Shariah - Irsyad 2015, 12-13 Oktober 2015), <http://conference.kuis.edu.my/irshad/eproceeding/2015/1044-irshad-2015.pdf>

Badi‘ al-Zamān Sa‘īd Nursī. *Majmū‘ah al-Maktūbāt min Kulliyāt Rasā’il al-Nūr*. Mullā Muḥammad Zāhid Mullā Zakardī (terj.) Dār al-Afāq al-Jadīdah, 1986.

Badr al-Dīn al-‘Aynī. *Umdah al-Qāri Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. al-Maktabah al-Shāmilah, t.th.

Bassām Nihād Jarrār. *‘Ajībah Tis‘ah ‘Ashar Bayn Takhalluf al-Muslimīn wa Dalālāt al-Mudda‘īn*. Beirut: Dār al-Nafā’is, 1990.

_____. *Zawāl Isrā’īl ‘Ām 2022 Masiḥī Nubū’ah Am Ṣudaf Raqmīyyah*. Lubnān: Dār al-Biqā‘ al-Hadithah, 1993.

_____. *Al-Mizān 456 Buḥūth fī al-‘Adad al-Qur’āni*. al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Qurāniyyah, 2002.

_____. *I‘jāz al-Raqam 19 fī al-Qur’ān al-Karīm Muqaddimāt Tantażir Natā’ij*. Beirut: Dār al-Nafā’is / al-Mu’assasah al-Islamiyyah, 2003.

_____. *Min Asrār al-Asmā' fī al-Qur'ān al-Karīm*. al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Quraniyyah, 2003.

_____. *I'jāz al-Raqam 19 fī al-Qur'ān al-Karīm, Muqaddimāt Tantażir al-Natā' ij*. al-Mu'assash al-Islamiyyah, Cet. 3, 2004.

_____. *Irḥāṣāt al-I'jāz al-'Adadī fī al-Qur'ān al-Karīm*. al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Quraniyyah, (2004), akses 15 Jan 2014, http://www.islamnoon.com/Derasat/Erhasat/e_adad.htm.

_____. *Nażarāt fī Kitāb Allāh al-Hakīm*. al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Quraniyyah, 2004.

_____. *Siyāḥah al-Fikr, Maqālāt fī al-Tafsīr*. al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Quraniyyah, 2004.

_____. *Dirāsāt fī al-Fikr al-Islāmi*. al-Bīrah: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Quraniyyah, Cetakan kedua, 2006.

_____. *al-Muqtaṭaf Min Bayyināt al-I'jāz al-'Adadī*. al-Bīrah, Palestin: Markaz Nūn li al-Abhāth wa al-Dirāsāt al-Quraniyyah, 2007.

_____. *al-I'jāz al-'Adadī Bayn al-Madī wa al-Hādir*. (2014), akses 14 Oktober 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/e3jaz.htm>.

_____. *Qawā'id al-Iḥṣā' fī Markaz Nūn*. (2014), akses 8 Mei 2014, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/kawaed.htm>.

_____. *al-I'jāz al-'Adadī Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm*. (2015), akses 13 April 2015, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/e3jaz1.htm>.

_____. *Hisāb Jummal wa al-I'jāz al-'Adadī*. (2015), akses 19 Mei 2015, http://www.islamnoon.com/Derasat/Erhasat/e_hesab.htm Tarikh:.

Bassām Nihād Jarrār. *Amthalah Mukhtārah min al-I'jāz al-Adadī*. (2016), akses 12 Mei 2016, <http://www.islamnoon.com/Nashrat/examples.htm>.

Bashīr al-Burghūthī. *Zawāl Isrā' il Ḥatmiyyah al-Tārīkh Dirāsah Muqāranah*. 'Ammān: Dār Zahrān, 2000.

Buku Panduan Rasm 'Uthmānī. Urusetia Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran, Kementerian Keselamatan Dalam Negeri, 2004.

Caner Taslamān. *The Quran Unchallengeable Miracle*. Translated By Ender Gürol, USA: Nettleberry / Turkey: Citelembik Publications, 2006.

Daud Ismail, *Analisis Kemahiran Kaedah Rasm dan Ḏabt Muṣḥaf 'Uthmānī Guru j-Qaf Negeri Terengganu*, tesis doktor falsafah Universiti Malaysia Terengganu, 2010.

Dhū al-Kifl Muḥammad Yūsuf & Aḥmad Qāsim Kassār. *Manhajiyah al-Buhūth al-'Ilmiyyah fī al-I'jāz al-'Adadī li al-Qur'ān al-Karīm. Dirāsah Waṣfiyyah*. Markaz Buhūth al-Quran, Jāmi‘ah Malāyah, 2010.

Faḍl ‘Abbās Ṣāliḥ (). *Al-Ḥurūf al-Muqaṭṭa ‘ah fī Awā’ il al-Suwar*. Disertasi Sarjana, Universiti al-Najāh al-Waṭaniyyah, 2003.

Faḍl Ḥasan ‘Abbās. *Muḥāqarāt fī ‘Ulūm al-Qur’ān*. Jordan: Dār al-Nafā’is, 2007.

Fahd bin ‘Abd al-Rahmān al-Rūmī (). *Dawābit al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Qur’ān al-Karīm*. Seminar Antarabangsa Kedua Mukjizat Bilangan, Badan Mukjizat Saintifik Dalam al-Quran dan al-Sunnah, Morocco, 2010.

Fātiḥ Husnī Maḥmūd. *al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Haqīqah wa al-Wahm*. Dār Juhaynah li al-Nashr wa al-Tawzī’, 2015.

Haji Ismail Aceh. *Tāj al-Mulūk al-Muraṣṣa*. cet ke 3, Mesir: Maṭba‘ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī, 1938.

Ḥasan Ḏiyā’ al-Dīn ‘Itr. *al-Mu‘jizah al-Khālidah*. Beirut: Mu’assasah Fu’ād Bā‘aynu li al-Tajlīd, t.t.

Hetherington. Norriss S. *Encyclopedia of Cosmology*. Routledge Revivals, 2014.

Hisām Husayn Mazbān. “al-‘Adad fī al-Qur’ān al-Karīm wa Āthāruhu fī Binā’ al-Aḥkām ‘Inda al-Uṣūliyyin.” (The 3rd Annual International Quranic Conference MUQADDAS III, 13-14 March 2013), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

Husayn Nājī Muḥammad Muḥyī al-Dīn. *Tis‘ah ‘Ashar Malakan ‘Arḍ li al-Tawā’if al-Khārijah ‘Ala al-Islām Qadīman wa ḥadīthan wa li al-Bahā’iyyah al-Latī Tuqaddis al-Raqam 19*. Qahirah: al-Zahrā’ li al-Ilām al-‘Arabi, 1984.

Ibn al-Jawzī. *Zād al-Masīr fī ‘Ilm al-Tafsīr*. Beirut: al-Maktab al-Islāmī, 1404 H.

Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī. *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah, 1379 H.

Ibn Kathīr. *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1987.

Ibn Kathīr. *Tafsīr al-Qur’ān al-‘Aẓīm*. t.tp: Dār al-Ṭayyibah, 1999.

Ibn Khaldūn. *Muqaddimah*. al-Warrāq, <http://www.alwarraq.com>, t.t.

Ibn Manzūr, Muḥammad bin Mukarram. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār Ṣādir, t.t.

Ibn Manzūr al-Daylami, al-Farrā’ Abū Zakariyā Yaḥyā bin Ziyād bin ‘Abdullāh. ‘Adad Āy al-Qur’ān. Qahirah: Ma‘had al-Makhtūṭat al-‘Arabiyyah, no. 46 ‘an Fātiḥ 91, t.t.

Ibn Taymiyyah. *al-Jawāb al-Sahīḥ li Man Baddal Dīn al-Masīh*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 2005.

Īmān Muḥammad Kāzim Ḥabib. *al-I‘jāz al-‘Adadī fī al-Dirāsāt al-Qur’āniyyah al-Mu‘āṣirah Tahlīl wa Naqd*. Dubai: Jā’izah Dubay al-Dawliyyah li al-Qur’ān al-Karīm, 2013.

Jacob E. Safra et.al. *The New Encyclopaedia Britannica*. Chicago: Encyclopaedia Britannica Inc, 2002.

Khaldūn Naghwī, Abū ‘Abdullāh al-Ḥaqwī. *al-Tawdīḥ al-Rashīd fī Sharḥ al-Tawhīd al-Mudhīl bi al-Tafnīd li Shubuhāt al-‘Anīd*. www.shameela.com, t.t.

Khālid Fā'i'q al-'Ubaydī. *Al-Minzār al-Handasi li al-Qur'ān al-Karīm*. Jordan: Dār al-Masīrah, 2000 M / 1421 H.

Khālid Muḥammad al-Quḍāh. *al-Ijāz al-Ta'thīri li al-Qur'ān al-Karīm*. Mu'tamar Kulliyah al-Shar'i'ah al-Sābi', Jāmi'ah al-Zarqā' al-Ahliyyah, 2005.

Khalifa, Mohamad. *Al-Quran dan Orientalisme*. Zakaria Stapa & Mohamad Ason Dollah (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1993.

Lindā Turki Jibrīl. *Nazariyyah al-Ijāz al-'Adadi Dirāsāh Naqdiyyah*. 'Ammān: Dār al-Ma'mūn li al-Nashr wa al-Tawzī', 2011.

Mahmūd Muḥammad Shākir. *Madākhil Ijāz al-Qur'ān*. Kaherah: Maṭba'ah al-Madāni / Jeddah: Dār al-Madāni, 2002 M / 1423 H.

Mahmūd Thābit al-Shādhilī. *al-Bahā'iyyah Ṣalībiyyah al-Ghary Isrā'iiliyyah al-Tawzīh*. Kaherah: Maktabah Wahbah, 1990.

Mannā' al-Qaṭṭān. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Riyād: Maktabah al-Ma'ārif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1421 H / 2000M.

Mikdar Rusdi. *Konotasi Angka-angka Dalam Al-Quran, Suatu Kajian Tafsir Maudu'i*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia, 2003.

Mohd Arip Kasmo. *Kehebatan Susunan Al-Quran*. Itqan Ent, 2010.

Muḥammad 'Ali al-Šābūnī. *al-Tibyān fī 'Ulūm al-Qur'ān*. Dimashq: Dār al-Qalam, 1408 H.

Muḥammad bin 'Umar al-Jawī al-Bantinī. *Murāh Labīd li Kashf Ma'nā al-Qur'ān al-Majīd*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1417 H.

Muḥammad bin Aḥmad al-Muqaddim. *Fiqh Ashrāt al-Sā'ah*. t.tp: Dār al-'Ālamiyah li al-Nashr wa al-Tawzī', Cet. Ke 7, 2008 M / 1429 H.

Muḥammad Ḥasan Ḥasan Jabal. *Wathāqah Naql al-Nas al-Qur'āni Min Rasūl Allāh SAW Ilā Ummatiḥ*. Tanṭa: Dār al-Šaḥābah li al-Turāth, 2001.

Muhammad Khalaf Allāh Aḥmad & Muḥammad Zaghlūl Salām (M). *Thalāth Rasā'il fī Ijāz al-Qur'ān li al-Rummānī wa al-Khaṭṭābī wa 'Abd al-Qādir al-Jurjānī*. Cet ke 3, Kaherah, Mesir: Dār al-Ma'ārif, 1976.

Muḥammad Nawawī (Banten). *Murāh Labīd li Kashf Ma'nā Qur'ān Majīd*. t.tp al-Maṭba'ah al-'Uthmāniyyah, 1305 H.

Muhammad Riḍā & Zahrah Qāsim. "Ārā" 'Abd al-Razzāq Nawfal fī Bayān Zāhirah al-Ijāz al-'Adadi." (Kertas kerja dalam The 3rd Annual International Quranic Conference - MUQADDAS III, 13-14 March 2013), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

Muhammad Sālim Muḥaysin. *Rawā'i' al-Bayān fī Ijāz al-Qur'ān*. Madīnah Naṣr, Qāhirah: Dār Muḥaysin, 2002 M / 1323 H.

Muhammad Shamlūl. *Ijāz Rasm al-Qur'ān wa ijāz al-Tilāwah*. Cairo: Dar al-Salam, 2006.

Muhammad Zakiyy Muhammad Khiqir. "General Rules of The Numerical Miraculousness in The Qur'an." International Bediuzzaman Symposium Papers No 4, A Contemporary Approach of Understanding The Quran The Example of The Risale-i Nur, 1998.

_____. "al-Ta‘āmul Ma‘a al-Qur‘ān al-Karīm fī ‘Aṣr al-Ma‘lūmātiyyah." (Kertas kerja dalam Persidangan Fakulti Sastera Kelima, Universiti Swasta al-Zarqā'), 2004.

Muhyī al-Dīn ibn ‘Arabī. *al-Futūḥāt al-Makkiyyah*. Dār Ihyā al-Turāth al-‘Arabī, t.t.

Muslim bin al-Ḥajjāj. *Sahīh Muslim*. Beirut: Dār al-Jīl & Dār al-Āfāq al-Jadīdah, t.t.

Muṣṭafā ‘Umar ‘Aliyy al-Kindī. *Dirāsāt fī al-I‘jāz al-‘Adadī Bayn al-Mađī wa al-Hādir fī Daw’ al-Kitāb wa al-Sunnah*. Makkah al-Mukarramah: Universiti Umm al-Qura, 1989.

Muṣṭafā Muslim (). *Mabāhith fī I‘jāz al-Qur‘ān*. Dimashq: Dār al-Qalam, cet. ke 4, 2008.

_____. "I‘jāz al-Qur‘ān al-Karīm fī ‘Asr al-Hasūb al-I‘jāz al-‘Āḍāḍī." Mu’tamar Kulliyah al-Shari‘ah al-Sābi‘, I‘jāz al-Qur‘ān al-Karīm, Kulliyah al-Shari‘ah Jāmi‘ah al-Zarqā’ al-Ahliyyah, 2005 M / 1426 H.

Muṣṭafā Rajab (). *al-I‘jāz al-Nafīsī fī al-Qur‘ān al-Karīm*. Dasūq: Dār al-‘Ilm wa a-Imān li al-Nashr wa al-Tawzī‘, 2009.

Muṣṭafā Ṣādiq al-Rāfi‘ī (). *I‘jāz al-Qur‘ān wa al-Balāghah al-Nabawiyyah*. Beirut: Dar al-Kitab al-‘Arabī, 1990.

Nāṣir al-Dīn Abū Muḥammad al-Fās (). *al-Ishrāq fī al-Ḥisāb wa al-Awfāq*. Saudi Arabia: King Saud University, <http://makhtota.ksu.edu.sa>. t.t.

Naṣr al-Dīn Ibrāhīm Aḥmad Ḥusayn. *Wujūh al-I‘jāz fī Khiṭāb al-Uslūbī wa al-Ma‘rifī li al-Qur‘ān al-Karīm*. Kuala Lumpur: al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah al-‘Ālamiyah bi Mālīziyyā, 2002.

Naznīn ‘Umar ‘Abd al-Rahmān. *al-‘Adad fī Al-Qur‘ān al-Karīm Dirāsah Tarākubiyyah*. ‘Ammān: Dār Dajlah, 2008.

Norman Daniel. *Islam And The West*. Edinburgh: the University Press, 1980.

Origen. "De Principiis III". New Advent. Akses 2 September 2016, <http://www.newadvent.org/fathers/04123.htm>.

Rashād Khalīfah (M). *Miracle of the Quran: Significance of the Mysterious Alphabets*. Islamic Productions, St. Louis, Missouri, 1973.

_____. (M). *The Computer Speaks: God's Message to the World*. Renaissance Productions, Tucson, Arizona, 1981.

Reinhart Pieter Anne Dozy. *Takmilah al-Ma‘ājim al-‘Arabiyyah*. Kementerian Kebudayaan dan Penyiaran Iraq, 1980.

Robert Allen et.al. *The Penguin English Dictionary*. London: Penguin Books Ltd, 2003.

Sa‘īd Hawwā. *al-Rasūl*. Kaherah: Maktabah Wahbah, t.t.

Şâbir Ḥasan Muḥammad Abū Sulaymān. *Rawnaq al-Bayān fī I‘jāz al-Qur’ān*. Riyāḍ: Dār al-Sharīf, 1997.

Ṣaqr al-Murri. *Allāh wa al-‘Ilm al-Hadīth*. t.tp: Bahagian Hal Ehwal Ma‘nawī dan Kebudayaan, Kementerian Pertahanan, t.t.

Shaharuddin Pangilun. “Khilaf Ulama’ Dalam Beramal Al-Quran Rasm Uthmani: Suatu Sorotan.” (e-Prosiding International Conference On Aqidah, Dakwah And Syariah – Irsyad 2015, 12-13 Oktober 2015), <http://conference.kuis.edu.my/irsyad/eproceeding/2015/1025-irsyad-2015.pdf>

Tāj al-Sirr Bashir Muḥammad. *Buhūth al-I‘jāz al-‘Adadī: al-Ḍawābiṭ al-‘Ilmiyyah wa al-Riyāḍiyyah*. The 3rd Annual International Quranic Conference 2013 (MUQADDAS III), (13-14 March 2013), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya.

Tāriq bin Sa‘īd al-Qaḥṭānī. *Asrār al-Hurūf Wa Hisāb al-Jummal*. Disertasi Sarjana, Makkah: Universiti Umm al-Qurā, 2009.

Wahbah al-Zuhaylī. *al-Tafsīr al-Munīr*. Dimashq: Dār al-Fikr, 2007.

Yāsir al-Sayyid al-Sayyid Nuwayr (). *al-I‘jāz al-Qur’ānī fī al-Rasm al-‘Uthmānī*. The 3rd Annual International Quranic Conference 2013 (MUQADDAS III), (13-14 March 2013), Kuala Lumpur: Centre of Quranic Research, University of Malaya, 2013.

Zahidan Haji Abd Wahab (). *Angka Tujuh Dalam Al-Quran*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Universiti Malaya, 2004 M.

E. LAMAN WEB

Aḥmad Khālid Shukrī. “Maqūlah al-I‘jāz al-‘Adadī Dirāsah Naqdiyyah.” Multaqā Rābiṭah al-Wāḥah al-Thaqāfiyyah. Akses 30 Disember 2105, <http://www.rabitat-alwaha.net/moltaqa/showthread.php?t=20915>

Ahl al-Qur’ān, akses 14 Mei 2014, http://www.ahl-alquran.com/arabic/show_article.php?main_id=8948.

al-Munajjid, Muḥammad Ṣāliḥ. al-Islām Su’āl wa Jawāb. Akses 1 Jun 2017, <https://islamqa.info/ar/102056>.

al-Arqām Abhāth wa Dirāsāt ‘an al-Arqām, 10 Oktober 2013, <http://www.alargam.com>.

al-Hay’ah al-Maghribiyyah li al-I‘jāz fī Al-Qur’ān wa al-Sunnah (2104), <http://www.comijaz.org>.

al-Jāmi‘ah al-Islāmiyyah Ghazzah (2014), akses 29 Jan 2016, <http://www.iugaza.edu.ps>.

al-Kaḥīl li al-I‘jāz al-‘Ilmī, akses 13 Mac 2014 - 12 Mac 2015, <http://www.kaheel7.com/ar/>

al-Shifā' al-Islāmiyyah, akses 17 April 2015, <http://www.ashfa.com>.

al-Ustādh al-Duktūr Muḥammad Zakiyy Khiḍr, akses 9 Januari 2015, <http://www.al-mishkat.com/khedher>, Tarikh:.

Arab Times, 25 Oktober 2013, <http://www.arabtimes.com>.

Baha'i Library Online, akses 7 Mei 2015, http://bahai-library.com/lewis_abjad_numero_logical_system.

Bahai Facts, akses 9 Jun 2017, <https://bahaifact.wordpress.com/2008/07/07/27/>

Falaṣṭīn fī al-Dhākirah, akses 2 Oktober 2014, <http://www.palestineremembered.com>.

Frank Lewis. Bahā'i Library Online. akses 12 Februari 2015, http://bahai-library.com/lewis_abjad_numero_logical_system.

Hamzah Rastanawi, "Banurama al-I'jaz al-'Adadi: Min al-Nursi ila Rashad Khalifah wa I'jaz Mawqi' al-Arqam." al-Ḥiwar al-Mutamaddin Mubayl, akses 21 Mac 2012, <http://m.ahewar.org/s.asp?aid=246681&r=50&cid=0&u=&i=722 &q=>

IBM (International Business Machines Corporation), akses 24 Mei 2016, <http://www-03.ibm.com>.

Internet Archive, akses 23 November 2014, <https://ia902302.us.archive.org> dan <http://archive.org>.

Islamic Awareness, akses 9 Mac 2015, <http://www.islamic-awareness.org>.

Majallah al-Wa'y al-Islāmi, Kementerian Wakaf & Hal Ehwal Islam Kuwait, <http://www.alwaei.com/site/index.php?cID=97>, akses 7 Oktober 2013.

Maktabah al-Waqfiyyah (2016), <http://waqfeya.com>.

Markaz Nūn li al-Abḥāth wa al-Dirāsāt al-Quraniyyah (2015), <http://www.islamnoon.com>.

Muhammad Jamil al-Habbal. 21 Ogos 2016, <http://www.alhabbal.info/dr.mjamil/ejaz/ej32.htm>.

Multaqā Ahl al-Tafsīr, akses 25 Oktober 2013, <http://vb.tafsir.net>.

Multaqā Rābiṭah al-Wāḥah al-Thaqāfiyyah, akses 21 Mei 2012, <http://www.rabitat-alwaha.net/moltaqa/showthread.php?t=34525>.

Muntadayāt Wazān li al-'Umlāt wa al-Ṭawābi' wa al-Mazādāt, akses 24 Mei 2016 <http://wazaan.com/vb/showthread.php?p=132963&langid=5>.

Nasaruddin Umar. "Telaah Atas Pemikiran Rashād Khalīfah Tentang Kemukjizatan Al-Quran." Pusat Studi Quran, 2012, <http://www.psq.or.id/index.php/en/component/artikel/102-artikel/255-telaah-at>.

Omniglot The Online Encyclopedia of Writing Systems and Languages, akses 12 Februari 2015, <http://www.omniglot.com>.

Paranormal Arabia, akses 17 April 2015, http://www.paranormalarabia.com/2009/04/blog-post_25.html.

Riyād al’Ilm, akses 2012, <http://www.riyadhalelm.com/researche>.

Salam Online, akses 2013, <http://salam-online.com>.

Shabir Ally. “The Quran as a Mathematical Miracle.” Islam Info (2014), akses 7 Mei 2015, <http://www.islaminfo.com/3/74/the-quran-as-a-mathematical-miracle>.

Shaykh Ahmad al-Shaymi. Akses 25 Oktober 2013. <http://forum.sh3bwah.maktoob.com/t39882.html>.

Tal‘at Zahrān al-Sakandarī, “al-Bahā’iyyah.” Akses 7 Mei 2015. <http://elibrary.mediu.edu.my/books/SDL0525.pdf>: 15.

The Miracles of The Quran, akses 24 Jun 2014, <http://www.miraclesofthequran.com>.

Wakālah Anbā’ al-Imārāt, akses 29 Januari 2015 <http://www.wam.ae>.

Widād Wat’ī, “al-I‘jāz al-‘Ilmi wa al-‘Adadī Aw al-Raqamī fī al-Qur’ān al-Karīm Bayn Mu’ayyidihi wa Mu‘āridihi.” Ahl al-Qur’ān. Akses 14 Mei 2014. http://www.ahl-alquran.com/arabic/show_article.php?main_id=8948.

Wikipedia Arab, akses 20 Ogos 2013, <http://ar.wikipedia.org>.

Wikipedia The Free Encyclopedia, akses 12 Februari 2015, <http://en.wikipedia.org>.

Wikipedia The Free Encyclopedia, <https://en.wikipedia.org>

Wikipedia, Ensiklopedia Bebas, akses 26 Mac 2012, http://ms.wikipedia.org/wiki/Angka_Abjad.

Yaḥyā al-Saqqāf. Al-Arqām Abhāth wa Dirāsāt ‘an al-Arqām. Akses: 10 Oktober 2013, www.alargam.com/sorts/jalghoom/16.htm.

Zuhlūl al-Mawsū‘ah al-‘Alāmiyyah al-Majjāniyyah, akses 21 Oktober 2015, <http://www.zuhlool.org>.

F. LAIN-LAIN

Emel Bassām Jarrār kepada penulis, 11 Mac 2014, 11 Oktober 2014, 20 September 2014, 2 Januari 2016.

Emel ‘Abd al-Dā’im al-Kahīl kepada penulis, 13 Mac 2014, 21 September 2014 dan 21 November 2104.

University of Malaya